

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

RESOLUSI SYARIAH DALAM KEWANGAN ISLAM

EDISI KEDUA

RESOLUSI SYARIAH DALAM KEWANGAN ISLAM

EDISI KEDUA

Edisi Pertama
Cetakan 2007

Edisi Kedua
Cetakan 2010

www.bnm.gov.my

Oktober 2010

© Bank Negara Malaysia, 2010. Hakcipta terpelihara.

KANDUNGAN

Perutusan Gabenor Bank Negara Malaysia xi

Prakata Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia xiii

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia xv

Ahli-Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (1997 – 2010) xvi

Pengenalan xviii

BAHAGIAN I: KONTRAK SYARIAH

IJARAH 3

1. Penggunaan *al-Ijarah thumma al-Bai`* dalam Pembiayaan Kenderaan
2. Pemindahan Tanggungan dalam *al-Ijarah thumma al-Bai`*
3. Status Pemilikan Aset *Ijarah*
4. Pembatalan Kontrak *Ijarah*
5. Terbitan Nota Boleh Niaga Bank Negara Berasaskan Konsep *Ijarah*
6. Kontrak *Ijarah* dengan Kadar Sewa Boleh Ubah
7. Penanggungan Kos Berkaitan Hak Milik Aset dalam *Ijarah*
8. Liabiliti Penyewa ke atas Aset Pihak Ketiga
9. Keutamaan Penyewa untuk Membeli Aset dalam Kes Kemungkiran Pembayaran Sewa
10. Perkongsian Lebihan atas Penjualan Aset *Ijarah* antara Pemberi Sewa dengan Penyewa
11. Penggunaan Aset Pihak Ketiga yang Diperoleh Melalui Kontrak *Mudarabah* sebagai Aset Sandaran (*Underlying Asset*) dalam Terbitan *Sukuk Ijarah*
12. Penggunaan Konsep *Ijarah Mawsufah fi al-Zimmah* bagi Pembiayaan Perumahan dalam Pembinaan Berasaskan *Musyarakah Mutanaqisah*
13. Pembayaran Deposit dalam Sewa Beli secara Islam
14. Penggunaan Aset Pihak Ketiga yang Diperoleh Melalui Konsep Jual dan Beli dalam Terbitan *Sukuk Ijarah*

ISTISNA` **21**

15. Pembiayaan Projek Berasaskan *Istisna`* dengan Cagaran Bon Konvensional

MUDARABAH **24**

16. Instrumen Deposit Boleh Niaga secara Islam Berasaskan *Mudarabah* dengan Berkadar Terapung
17. Penggunaan Kontrak *Mudarabah* dalam Produk Akaun Semasa
18. Sijil Pelaburan *Mudarabah* sebagai Subjek Gadaian
19. Rizab Penyamaan Keuntungan (*Profit Equalisation Reserve*)
20. Kos Penyelenggaraan dalam Akaun Deposit *Mudarabah*
21. Urus Niaga Harian (*Intra-Day Transaction*) sebagai Satu Instrumen Pasaran Wang secara Islam
22. Perbelanjaan Tak Langsung (*Indirect Expenses*)
23. Penggunaan Wajaran (*Weightage*)
24. Amalan Institusi Kewangan Islam Mengalihkan Keuntungan Pelaburan *Mudarabah* kepada Pelanggan untuk Mengelakkan Risiko Komersil Teralih (*Displaced Commercial Risk*)
25. Jaminan Pihak Ketiga ke atas Liabiliti Pihak yang Berurusan dengan *Mudarib* bagi Urus Niaga *Mudarabah*
26. Jaminan *Mudarib* ke atas Liabiliti Pihak yang Berurusan dengannya dalam Usaha Niaga *Mudarabah*
27. Sumbangan Modal *Mudarib* dalam Usaha Niaga *Mudarabah*
28. Jaminan Pihak Ketiga ke atas Modal dan/atau Keuntungan dalam Urus Niaga *Mudarabah*

MUSYARAKAH **40**

29. Produk Pembiayaan Berasaskan *Musyarakah*
30. Pembiayaan Berasaskan Kontrak *Musyarakah Mutanaqisah*
31. Penggunaan Konsep *Wa`d* sebagai Mekanisme Menangani Kemungkiran Pelanggan dalam Pembiayaan Berasaskan *Musyarakah Mutanaqisah*

QARD **47**

32. Prinsip Qard dalam Kewangan Islam
33. Instrumen Pengurusan Mudah Tunai Berasaskan *Qard*
34. Penggabungan Pembayaran Awal secara *Qard* dengan Kontrak *Murabahah*

RAHN 53

35. Dua Kemudahan Pembiayaan yang Bersandarkan Aset Cagaran yang Sama
36. Berurusan dengan Aset yang Masih dalam Cagaran
37. Sijil Deposit Tetap Konvensional sebagai Cagaran bagi Pembiayaan secara Islam
38. Penggunaan Sekuriti Hutang secara Islam sebagai Aset Cagaran
39. Penjualan Aset Cagaran Sekiranya Penerima Biaya Gagal Membayar Semula Amaun Pembiayaan kepada Pembiaya
40. Keuntungan yang Terhasil daripada Aset Cagaran Sepanjang Tempoh Cagaran

TAKAFUL 62

41. Model Takaful Berasaskan *Tabarru`* dan *Wakalah*
42. Pelaksanaan Konsep *Musahamah* dalam Pelan Takaful Am Komersial
43. Model Perniagaan Takaful Semula Berasaskan *Wakalah* - Wakaf
44. Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan secara Islam
45. Perlindungan Takaful bagi Pinjaman secara Konvensional
46. Perlindungan Takaful ke atas Produk Kad Kredit Konvensional
47. Takaful Semula dengan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Konvensional
48. Yuran Perkhidmatan Takaful Semula sebagai Pendapatan Dana Pemegang Saham
49. Perjanjian Takaful secara Bersama (*Co-Takaful*)
50. Pengasingan Dana Takaful
51. Pengenaan Fi Pengurusan ke atas Caruman Peserta Takaful
52. Pengagihan Lebihan Dana Risiko Peserta
53. Pengagihan Keuntungan Pelaburan daripada Dana Pelaburan Peserta dan Dana Risiko Peserta
54. Peruntukan Rizab dalam Perniagaan Takaful
55. Mekanisme Menangani Defisit dalam Dana Risiko Peserta
56. Hibah dalam Takaful
57. Penamaan di bawah Skim Takaful yang Berasaskan Konsep Hibah
58. Penggunaan Prinsip Penuh Percaya (*Principle of Utmost Good Faith*) dalam Takaful
59. Kepentingan Boleh Lindung (*Insurable Interest*) dalam Takaful

TAWARRUQ **94**

60. Produk Deposit Berasaskan *Tawarruq*
61. Produk Pembiayaan Berasaskan *Tawarruq*
62. *Sukuk Ijarah* dan Saham Berlandaskan Syariah sebagai Aset Sandaran dalam Urus Niaga *Tawarruq*
63. Penggunaan *Tawarruq* dalam *Sukuk Murabahah* Komoditi
64. Cadangan Model Operasi *Commodity Murabahah House* (Kini dikenali sebagai *Suq Al-Sila`*)

WADI`AH **101**

65. *Takyif Wadi`ah Yad Dhamanah* sebagai *Qard*

WAKALAH **103**

66. Penggunaan *Wakalah bi al-Istithmar* dalam Produk Deposit

BAI` DAYN **106**

67. Pembelian Semula Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam
68. Jual Beli Hutang yang Bakal Terhasil daripada Perkhidmatan

BAI` `INAH **109**

69. Penggunaan Konsep *Bai` `Inah* dalam Terbitan Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam
70. Penggunaan Konsep *Bai` `Inah* dalam Pasaran Wang antara Bank secara Islam
71. Penggunaan Kontrak "Jual dan Beli Balik"
72. Syarat-syarat Sah Akad *Bai` `Inah*
73. Pemasukan Syarat Pembelian Semula Aset ke dalam Akad *Bai` `Inah*

BAHAGIAN II: KONSEP SYARIAH SOKONGAN

HIBAH 117

74. Hibah dalam Kontrak Pelaburan *Mudarabah* antara Bank
75. Penggunaan Konsep Hibah dalam Kontrak *al-Ijarah thumma al-Bai`*
76. Hibah dalam Kontrak *Wadi`ah*
77. Hibah dalam Kontrak *Qard*

IBRA' 123

78. *Ibra'* dalam Pembiayaan secara Islam
79. Dua Bentuk *Ibra'* dalam Satu Perjanjian Pembiayaan
80. *Ibra'* ke atas Produk Pembiayaan Perumahan yang Dihubungkan dengan Akaun Deposit *Wadi`ah* atau Akaun Deposit *Mudarabah*

TA`WIDH DAN GHARAMAH 129

81. Pengenaan *Ta`widh* dan *Gharamah* dalam Pembiayaan Kewangan Islam
82. Pengenaan Ganti Rugi ke atas Pelanggan yang Membuat Penyelesaian Awal
83. Kaedah Caj Lewat Bayar ke atas Hutang Penghakiman

BAHAGIAN III: PRODUK KEWANGAN ISLAM

INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF 137

84. Urus Niaga Pertukaran Mata Wang Asing secara Lani (*Spot*) dan secara Hadapan (*Forward*)
85. Swap Kadar Keuntungan (*Profit Rate Swap*) secara Islam Berasaskan *Bai` `Inah*
86. Urus Niaga Hadapan (*Forward*) Mata Wang secara *Bai` Mu'ajjal*
87. Opsyen Mata Wang Asing Berasaskan Konsep *Hamish Jiddiyyah*, *Wa`d* dan *Tawarruq*
88. Opsyen Mata Wang Asing Berasaskan Konsep *Wa`d* dan Dua Urus Niaga *Tawarruq* yang Dibuat secara Berasingan

KAD KREDIT SECARA ISLAM **148**

89. Kad Kredit secara Islam Berasaskan Konsep *Bai` `Inah* dan *Wadi`ah*
90. Kad Kredit secara Islam Berasaskan Konsep *Ujrah*
91. Manfaat Perlindungan Takaful bagi Pemegang Kad Kredit secara Islam
92. Rebat dalam Bentuk Pemberian Tunai (*Cashback*) ke atas Fi Tahunan Kad Kredit
93. Kad Kredit secara Islam Berasaskan Konsep *Wakalah* dan *Kafalah*

PRODUK HIBRID **155**

94. Produk Akaun Semasa Berasaskan Himpunan Kontrak *Wadi`ah Yad Dhamanah* dan *Mudarabah*
95. Produk Deposit Berasaskan Himpunan Kontrak *Mudarabah* dan *Qard*
96. Produk Deposit Berasaskan Himpunan Kontrak *Wadi`ah* dan *Mudarabah*
97. Pembiayaan Perumahan dalam Pembinaan Berasaskan Himpunan Kontrak *Istisna` Muwazi*, *Ijarah Mawsufah fi al-Zimmah* dan *Ijarah Muntahia bi al-Tamlik*

SUKUK BERASASKAN BAI` BITHAMAN AJIL (BBA) **160**

98. Pelaburan *Mudarabah* antara Bank sebagai Aset Sandaran dalam Jual Beli secara Tangguh
99. Kewujudan Aset Sandaran Sepanjang Tempoh Matang *Sukuk*
100. Kaedah Pembidaan bagi *Sukuk* BBA

BAHAGIAN IV: ISU-ISU SYARIAH BERKAITAN OPERASI INSTITUSI-INSTITUSI SOKONGAN DALAM KEWANGAN ISLAM

CREDIT GUARANTEE CORPORATION (M) BERHAD **165**

101. Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan secara Islam oleh Credit Guarantee Coorporation
102. Jaminan Terhadap Harga Jualan

DANAJAMIN NASIONAL BERHAD **168**

103. Konsep Syariah untuk Operasi Kemudahan Jaminan Danajamin Nasional Berhad
104. Pengasingan Modal dalam Operasi Danajamin
105. Skop Jaminan Danajamin ke atas *Sukuk*
106. Jaminan ke atas Obligasi yang Terhasil daripada Aku Janji Pembelian
107. Caj Lewat Bayar dan Caj Tambahan Rekursa
108. Pemilikan Aset Sandaran dalam *Sukuk* yang Berasaskan Kontrak Ijarah

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA **175**

109. Konsep Syariah bagi Operasi Insurans Deposit Islam
110. Percampuran Dana yang Disumbangkan oleh Institusi Kewangan Islam dan Konvensional dalam Insurans Deposit
111. Had Jaminan Deposit Perbankan Islam oleh PIDM
112. Definisi Terma "Deposit" dalam Insurans Deposit Islam
113. Kedudukan Tuntutan PIDM Berbanding dengan Tuntutan Pendeposit dalam Kes Pembubaran Sesebuah Institusi Perbankan Islam
114. Penggunaan *Muqasah* (Tolak Selesai) dalam Insurans Deposit Islam

PERBADANAN GADAI JANJI NASIONAL **182**

115. Kemudahan Jaminan Gadai Janji (*Mortgage Guarantee Facility*)

BAHAGIAN V: ISU-ISU SYARIAH BERKAITAN KEWANGAN ISLAM

PEMBUBARAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM **187**

116. Keutamaan Pendeposit Mendapatkan Semula Deposit dalam Kes Pembubaran Sesebuah Institusi Perbankan Islam
117. Perkongsian Lebihan Selepas Proses Pencairan dan Pembayaran Tuntutan antara Dana Perbankan Islam dengan Konvensional
118. Status Dana Konvensional yang Diletakkan dalam Akaun Pelaburan Khas *Mudarabah* dalam Kes Pembubaran Institusi Perbankan Islam

PIAWAIAN PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM **190**

119. Kaedah Pembahagian Untung
120. Kaedah Pengiktirafan Pendapatan
121. Penggunaan Prinsip *"Substance Over Form"* dalam Kewangan Islam
122. Penggunaan Prinsip Kebarangkalian (*Probability*) dalam Kewangan Islam
123. Penggunaan Prinsip Nilai Masa dalam Kewangan (*Time Value of Money*)

LAIN-LAIN **197**

124. Deposit atau Dana Pelaburan Pelanggan daripada Sumber yang Diragui
125. Pembiayaan kepada Pihak yang secara Jelas Menjalankan Aktiviti Bertentangan dengan Syariah
126. Penggunaan Overdraf secara Konvensional untuk Menampung Kekurangan Akaun Semasa *Wadi`ah*
127. Yuran Komitmen ke atas Baki Kemudahan Overdraf atau Kredit Pusingan secara Islam yang Tidak Digunakan
128. Instrumen Kewangan Islam sebagai Aset Sandaran dalam Urus Niaga secara Konvensional
129. Instrumen Pasaran Kewangan sebagai Aset Sandaran dalam Urus Niaga Bertangguh
130. Mekanisme Penentuan Jumlah Harga Penyelesaian dalam Pasaran Kewangan
131. Penstrukturan Semula (*Restructuring*) dan Penjadualan Semula (*Rescheduling*) dalam Perjanjian Pembiayaan secara Islam
132. Konsep Pembidaan oleh Peniaga Utama (*Principal Dealer*) dalam Pasaran Wang Islam
133. Penyelesaian Pembiayaan Menerusi Pembiayaan Baharu
134. Harga Jualan yang Tidak Ditentukan dalam Perjanjian Jual Beli
135. Konsep Sandaran bagi Urus Niaga Pendiskaunan Blok secara Islam (*Islamic Block Discounting*)

GLOSARI **215**

PERUTUSAN GABENOR BANK NEGARA MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,

Edisi Kedua Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Resolusi Syariah) ini mengandungi semua keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia. Penerbitan edisi kedua buku ini bertujuan untuk menjadikannya sebagai panduan dan rujukan penting bagi seluruh komuniti kewangan Islam.

Dekad yang baru berlalu jelas menggambarkan era perkembangan kewangan Islam. Sepanjang tempoh tersebut yang bercirikan pengantarabangsaan yang lebih pesat dan pengembangan global yang berterusan, kewangan Islam telah berkembang pesat dan menjadi komponen yang semakin penting dalam sistem kewangan global. Kewangan Islam telah memudahkan aliran kewangan merentas sempadan dan ini terbukti khususnya menerusi *sukuk* yang lebih dinamik dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa. Pada peringkat antarabangsa, usaha telah dipergiatkan lagi untuk memperkukuh urus tadbir Syariah institusi kewangan Islam di pelbagai negara. Walaupun kewangan Islam telah menunjukkan daya tahan sewaktu berlakunya krisis kewangan global baru-baru ini, usaha terus dilaksanakan bagi memperkukuh lagi infrastruktur kewangan antarabangsa dan pengawasan pengawalseliaan terhadap kewangan Islam. Ini bagi memastikan kewangan Islam terus berkesan dan berdaya saing dalam persekitaran kewangan antarabangsa yang semakin mencabar.

Sejajar dengan jangkauan antarabangsanya yang semakin meluas, inovasi produk kewangan Islam dan penembusan ke dalam pelbagai pasaran semakin giat dilakukan. Rangkaian produk kewangan Islam kini telah berkembang menjadi spektrum produk pembiayaan runcit dan produk kewangan canggih yang lebih luas, merangkumi produk ekuiti swasta, pembiayaan projek, originasi dan terbitan *sukuk*, serta produk pengurusan harta. Kedinamikan Syariah merupakan faktor penggerak utama yang menggalakkan inovasi kewangan Islam yang lebih pesat. Usaha gigih bagi memenuhi permintaan masyarakat global yang semakin meningkat dan berbeza-beza terhadap produk kewangan Islam kini melangkaui kontrak tradisional seperti *murabahah*, *musyarakah* dan *mudarabah*, kepada struktur Syariah lain yang inovatif dan berkonsepkan hibrid seperti *wakalah bi al-istithmar* dan *musyarakah mutanaqisah*. Ini membuktikan keupayaan para ulama dan penasihat Syariah dalam memanfaatkan kepakaran Syariah mereka dalam membantu penstrukturan ciri-ciri produk yang kompetitif dan inovatif. Kesemua inisiatif ini telah menyumbang kepada perkembangan pesat produk dan perkhidmatan kewangan Islam kontemporari.

MPS sebagai badan berkuasa tertinggi dalam menentukan perkara berhubung dengan isu-isu Syariah dalam kewangan Islam mempunyai peranan yang penting dalam memastikan keputusan-keputusan Syariah yang dibuat adalah berwibawa dan berintegriti. Sebagai pusat rujukan bagi komuniti kewangan Islam, MPS mendukung matlamat (*maqasid*) Syariah dan memelihara kemurniannya menerusi keputusan-keputusan yang terhasil daripada perbincangan yang mendalam dan proses perundingan yang teliti lantas memberikan sumbangan yang besar kepada keberkesanan rangka kerja urus tadbir Syariah di Malaysia. *Resolusi Syariah* ini yang mengandungi resolusi Syariah yang diputuskan antara tahun 1997 hingga tahun 2009, merupakan kesinambungan usaha-usaha yang dilaksanakan sebelum ini dalam memperdalam pemahaman berhubung dengan tafsiran Syariah dan pertimbangan perundangan fiqah bagi keputusan-keputusan tersebut. Bersama-sama dengan usaha yang berterusan untuk menghasilkan *Rujukan Parameter Syariah*, *Resolusi Syariah* ini merupakan sebahagian daripada komitmen Bank Negara Malaysia untuk membangunkan industri ini. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan tahap ketelusan berhubung dengan pertimbangan perundangan fiqah dalam kewangan Islam, yang seterusnya akan meningkatkan kesedaran dan penerimaan terhadap keputusan-keputusan Syariah. Ia juga akan menjadikan urus tadbir Syariah lebih cekap di peringkat institusi di samping menjadi pemangkin bagi pengharmonian pentafsiran dan aplikasi Syariah merentas sempadan yang lebih luas.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini, terutamanya ahli-ahli MPS, yang menerusi kepakaran dan pengalaman luas serta dedikasi yang tinggi, telah dapat memberikan sumbangan yang penting lagi bermakna kepada perkembangan dan kemajuan kewangan Islam.



Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
Bank Negara Malaysia

PRAKATA PENGERUSI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Allah SWT dan Rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan pengikut baginda.

Bank Negara Malaysia sentiasa berada di barisan hadapan dalam usaha murni negara untuk memberikan sokongan dinamik dan serba maju kepada industri kewangan Islam. Selaras dengan minat yang semakin mendalam terhadap kewangan Islam di seluruh dunia, baik dalam kalangan mereka yang beragama Islam mahupun yang bukan beragama Islam, Bank Negara Malaysia telah mengambil beberapa langkah utama untuk menggalakkan pengembangan ilmu pengetahuan dan pemahaman mengenai kewangan Islam bagi memenuhi permintaan industri ini yang semakin bertambah. Salah satu usaha tersebut, dengan izin Allah SWT, ialah penerbitan buku *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua)* oleh Bank Negara Malaysia.

Buku ini merupakan kompilasi ilmiah resolusi yang terhasil daripada siri mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia sepanjang tahun 1997-2009. Buku ini dijangka dapat membantu usaha memperkaya korpus ilmu pengetahuan dalam bidang kewangan Islam, dan akan menjadi asas kepada industri kewangan Islam dalam pembangunan dan penambahbaikan produk.

Kompilasi yang berasaskan fatwa ini merupakan manifestasi *Ijtihad* secara bersama oleh barisan cendekiawan yang menjadi penasihat kepada Bank Negara Malaysia berhubung dengan perkara-perkara Syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. *Ijtihad* secara bersama ini merupakan fenomena baharu dalam undang-undang Islam sejak abad ke-20 dan ternyata lebih ketara dalam industri kewangan Islam melalui amalan khidmat nasihat Syariah. Kompilasi fatwa atau resolusi ini menjadi lebih relevan dalam konteks Malaysia memandangkan resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ini adalah mengikat ke atas semua institusi perbankan Islam, syarikat takaful, mahkamah dan penimbang tara. Manfaat daripada kompilasi ini akan menjadi lebih bermakna apabila resolusi ini dianalisis dalam skop perbincangan bidang kuasa perundangan Islam dan *Ijtihad* dalam falsafah Islam, khususnya *Ijtihad* secara bersama.

Saya berharap agar kompilasi yang terkandung dalam buku ini akan dapat memenuhi matlamat penerbitannya.

Wassalam.



Dr. Mohd Daud Bakar
Pengerusi
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
2006 – 2010

MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai badan berkuasa tertinggi dalam menentukan perkara-perkara Syariah berhubung dengan kewangan Islam di Malaysia. MPS telah diberikan mandat untuk menentukan hukum Syarak bagi perniagaan perbankan Islam, takaful, kewangan Islam, pembangunan kewangan Islam atau perniagaan lain yang berlandaskan prinsip Syariah yang di bawah kawal seliaan Bank Negara Malaysia. MPS sebagai badan rujukan dan penasihat Bank Negara Malaysia berhubung dengan perkara Syariah juga bertanggungjawab untuk mengesahkan semua produk perbankan Islam dan takaful bagi memastikan produk-produk tersebut mematuhi prinsip Syariah. Selain itu, MPS juga berperanan sebagai penasihat Bank Negara Malaysia berhubung dengan isu-isu berkaitan dengan urus niaga atau urusan kewangan Islam Bank Negara Malaysia dan badan-badan berkaitan yang lain.

Berdasarkan peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 2009, peranan dan fungsi MPS telah diperkukuh lagi dengan pemberian status badan berautoriti tunggal dalam menentukan perkara-perkara Syariah berhubung dengan perbankan Islam, takaful dan kewangan Islam. Keputusan MPS bukan sahaja terpakai bagi institusi kewangan Islam, malah juga oleh mahkamah dan penimbang tara yang perlu merujuk kepada keputusan MPS untuk setiap prosiding yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam, dan juga memperakui bahawa keputusan MPS adalah mengikat.

MPS dianggotai oleh para ilmuwan Syariah dan pakar kewangan Islam terkemuka, yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan pengetahuan yang mendalam dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang kewangan dan perundangan Islam.

AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA (1997 - 2010)

Dr. Mohd Daud Bakar
Sesi Pelantikan: 1997 - 2010

Dato' Dr. Abdul Halim Ismail
Sesi Pelantikan: 1997 - 2010

Tun Abdul Hamid Mohamad
Sesi Pelantikan: 2004 - 2010

Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman
Sesi Pelantikan: 1999 - 2010

Datuk Haji Md. Hashim Yahaya
Sesi Pelantikan: 1997 - 2010

Sahibus Samahah Dato' Haji Hassan Ahmad
Sesi Pelantikan: 1997 - 2010

Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abd Aziz
Sesi Pelantikan: 2008 - 2010

Prof. Madya Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali
Sesi Pelantikan: 2006 - 2010

Prof. Madya Dr. Mohamad Akram Laldin
Sesi Pelantikan: 2008 - 2010

Dr. Muhammad Syafii Antonio
Sesi Pelantikan: 2006 - 2010

Prof. Madya Dr. Abdul Halim Muhammad
Sesi Pelantikan: 2004 - 2008

Dr. Mohd Parid Sheikh Ahmad
Sesi Pelantikan: 2004 - 2008

Dr. Aznan Hasan
Sesi Pelantikan: 2006 - 2008

Prof. Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob
Sesi Pelantikan: 1999 - 2006

Dr. Mohd Ali Baharum
Sesi Pelantikan: 2001 - 2006

Prof. Dr. Joni Tamkin Borhan
Sesi Pelantikan: 1999 - 2003

Prof. Dato' Dr. Haji Othman Ishak
Sesi Pelantikan: 1997 - 1999

Dato' Dr. Haron Din
Sesi Pelantikan: 1997 - 1999

Dr. Ahmed Ali Abdalla
Sesi Pelantikan: 1997 - 1999

Allahyarham Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim
Sesi Pelantikan: 1997 - 1999

Allahyarham Dato' Sheikh Azmi Ahmad
Sesi Pelantikan: 1997 - 1999

Allahyarham Dr. Abdullah Ibrahim
Sesi Pelantikan: 1997 - 1999

PENGENALAN

Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) mengiktiraf Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia sebagai badan berkuasa tertinggi dalam menentukan perkara berhubung dengan isu-isu Syariah dalam kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, Bank Negara Malaysia telah menerbitkan buku *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua)* untuk dijadikan sebagai rujukan Syariah yang penting bagi pengamal industri kewangan Islam, mahkamah dan penimbang tara. Ini sejajar dengan keperluan Akta yang mengkehendaki semua institusi kewangan Islam, mahkamah dan penimbang tara untuk merujuk kepada MPS bagi perkara atau prosiding yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam.

Buku ini mengandungi keputusan MPS sejak awal penubuhannya pada tahun 1997 hingga tahun 2009. Ia telah disemak dan disahkan oleh MPS sebagai edisi terkini dan terpakai dalam rujukan terhadap keputusan Syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. Edisi ini menggantikan *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Pertama)* yang diterbitkan pada tahun 2007 dan *Ringkasan Keputusan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful (Ringkasan Keputusan MPS)* yang dikeluarkan pada tahun 2002. Sehubungan dengan itu, produk kewangan Islam baharu yang ingin ditawarkan oleh institusi kewangan atau sebarang produk sedia ada yang ingin ditawarkan kepada pelanggan baharu hendaklah mematuhi *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua)*. Walau bagaimanapun, bagi kontrak produk kewangan Islam sedia ada dalam pasaran yang telah dimeterai antara pelanggan dengan institusi kewangan berdasarkan keputusan Syariah yang terkandung dalam *Edisi Pertama* dan *Ringkasan Keputusan MPS*, kontrak berkenaan masih lagi terpakai sehingga tempoh matangnya.

Sebarang pertanyaan berhubung dengan *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua)* ini boleh dikemukakan kepada Sekretariat MPS melalui e-mel: **sac.secretariat@bnm.gov.my**

SINGKATAN

AAOIFI	Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions/Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam
AITAB	*Al-ijarah thumma al-bai`*
b.	Bilangan
BBA	*Bai` bithaman ajil*
Cagamas	Perbadanan Gadai Janji Nasional
CGC	Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad
CMH	Commodity *Murabahah* House
CPO	Crude palm oil/Minyak sawit mentah
Danajamin	Danajamin Nasional Berhad
FAST	Fully Automated System for Issuing/Tendering Sistem Automatik Sepenuhnya untuk Terbitan /Tender
h.	Halaman
IDBN	Instrumen Deposit Boleh Niaga
IT	Information technology/Teknologi maklumat
j.	Jilid
MPS	Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
NBNBN-*Ijarah*	Nota Boleh Niaga Bank Negara berasaskan konsep *ijarah*
no.	Nombor

OIC	Organisation of the Islamic Conference/ Pertubuhan Persidangan Islam
PIDM	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
PMB	Pelaburan *Mudarabah* antara bank
RENTAS	Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities/ Sistem Pemindahan Eletronik Data dan Sekuriti
RPK	Rizab Penyamaan Keuntungan
'r'	Kadar pulangan institusi kewangan
SAW	*Sallallahu `alaihi wasallam*
SHBN	Sijil Hutang Boleh Niaga
SPI	Skim Perbankan Islam
SPV	Special Purpose Vehicle/Syarikat Tujuan Khas
SWT	*Subhanahu wa ta`ala*
t.t.	Tanpa tarikh
T+2	2 hari selepas tarikh urus niaga

BAHAGIAN I:
KONTRAK SYARIAH

Ijarah merujuk kepada akad sewa atau upah yang melibatkan pertukaran antara faedah atau manfaat daripada sesuatu aset atau tenaga kerja dengan bayaran atau upah tertentu dalam tempoh yang dipersetujui. Dalam konteks kewangan Islam, konsep *ijarah* sering digunakan dalam kontrak-kontrak pembiayaan seperti pembiayaan harta tanah, pembiayaan kenderaan, pembiayaan projek dan pembiayaan peribadi. Terdapat juga produk kewangan yang membolehkan pelanggan menyewa aset daripada institusi kewangan Islam berasaskan konsep *ijarah* dengan pilihan (*option*) untuk memiliki aset sewaan tersebut pada akhir tempoh sewaan berasaskan konsep *ijarah muntahia bi al-tamlik* atau *al-ijarah thumma al-bai`*.

1. Penggunaan *al-Ijarah thumma al-Bai`* dalam Pembiayaan Kenderaan

Terdapat cadangan daripada institusi kewangan Islam untuk memperkenalkan konsep *al-ijarah thumma al-bai`* (AITAB) bagi membiayai pembelian kenderaan. Pembiayaan secara AITAB ini melibatkan dua jenis kontrak, iaitu kontrak sewaan (*ijarah*) disusuli kontrak jual beli (*al-bai`*).

Pada peringkat awal, institusi kewangan Islam akan memeterai satu perjanjian *ijarah* dengan pelanggan. Melalui perjanjian *ijarah* ini, institusi kewangan Islam akan melantik pelanggan sebagai ejen untuk membeli kenderaan yang telah dikenal pasti oleh pelanggan. Seterusnya, institusi kewangan Islam akan menyewakan kenderaan tersebut kepada pelanggan bagi satu tempoh masa tertentu.

Pada akhir tempoh sewaan, pelanggan mempunyai pilihan untuk membeli kenderaan berkenaan daripada institusi kewangan Islam. Sekiranya pelanggan memilih untuk membeli kenderaan tersebut, institusi kewangan Islam dan pelanggan akan memeterai satu perjanjian *al-bai`* dan hak milik kenderaan tersebut akan berpindah daripada institusi kewangan Islam kepada pelanggan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penggunaan AITAB dalam pembiayaan kenderaan seperti di atas dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat pertama bertarikh 8 Julai 1997 dan mesyuarat ke-36 bertarikh 26 Jun 2003 telah memutuskan bahawa penggunaan konsep AITAB dalam pembiayaan kenderaan adalah dibenarkan, tertakluk kepada perkara berikut:

i. Modus operandi AITAB hendaklah mengandungi dua akad yang berasingan iaitu akad *ijarah* dan akad *al-bai`*;

ii. Harga jualan selepas tamat tempoh sewaan boleh berbentuk jumlah amaun sewaan terakhir bagi *ijarah*;

iii. Surat wakil bagi melantik pelanggan sebagai ejen atau wakil kepada institusi kewangan Islam hendaklah diperkenalkan dalam modus operandi AITAB;

iv. Suratcara AITAB perlu memasukkan klausa "akan beli kenderaan" tersebut pada akhir sewaan dan klausa penebusan bagi penyewa yang membuat bayaran balik awal;

v. Deposit yang dibayar kepada penjual kenderaan tidak melibatkan jual beli kenderaan kerana ia dianggap sebagai bayaran pendahuluan yang perlu dibayar oleh institusi kewangan Islam;

vi. Selaras dengan prinsip *ijarah*, institusi kewangan Islam sebagai pemilik aset harus menanggung risiko berkaitan yang munasabah; dan

vii. Bagi kes-kes pembiayaan semula dengan pembiaya baharu, penyewa perlu menamatkan kontrak AITAB yang sedang berkuat kuasa sebelum memasuki perjanjian AITAB yang baharu.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas perkara berikut:

i. Pilihan untuk melaksanakan akad jual beli pada akhir tempoh sewaan merupakan salah satu ciri AITAB dan *ijarah muntahia bi al-tamlik* yang telah diluluskan dan dilaksanakan dalam pasaran. Pilihan ini tidak bertentangan dengan Syarak memandangkan kontrak *ijarah* dan kontrak pemilikan berasaskan jual beli dijalankan secara berasingan;[1] dan

ii. Di samping itu, Akademi Fiqah OIC dalam keputusan no. 110 (12/4) turut membenarkan *ijarah muntahia bi al-tamlik* berdasarkan syarat-syarat tertentu.[2]

[1] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 9 (*Al-Ijarah wa al-Ijarah al-Muntahia bi al-Tamlik*), perenggan 2/2.
[2] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 2000, b. 12, j. 1, h. 697 - 698.

2. Pemindahan Tanggungan dalam *al-Ijarah thumma al-Bai`*

Sebahagian besar daripada pembiayaan kenderaan oleh institusi kewangan Islam dilaksanakan melalui konsep *al-ijarah thumma al-bai`* (AITAB). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kes melibatkan penyewa tidak lagi berhasrat untuk meneruskan sewaan dan ingin mendapatkan orang lain sebagai pengganti dirinya bagi meneruskan sewaan, dan seterusnya membeli aset tersebut daripada institusi kewangan Islam. Ini adalah selari dengan peruntukan Akta Sewa Beli 1967 yang membenarkan seseorang penyewa memindahkan hak dan tanggungannya di bawah perjanjian sewa beli kepada orang lain.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada kaedah pemindahan tanggungan seperti yang termaktub dalam Akta Sewa Beli 1967 boleh diterima pakai dalam pembiayaan kenderaan yang berasaskan AITAB.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-7 bertarikh 29 Oktober 1998 telah memutuskan bahawa pembiayaan kenderaan yang berasaskan AITAB dibenarkan untuk menerima pakai kaedah pemindahan tanggungan seperti yang termaktub dalam Akta Sewa Beli 1967.

Asas Pertimbangan

Konsep pemindahan hak atau tanggungan tidak bertentangan dengan Syariah kerana Islam mengiktiraf pemindahan hak dan tanggungan berdasarkan persetujuan antara pihak yang terlibat. Dalam konteks pembiayaan yang berasaskan AITAB, sekiranya penyewa tidak lagi berhasrat untuk meneruskan sewaan, beliau boleh memindahkan hak dan tanggungannya kepada orang lain untuk meneruskan sewaan dan seterusnya membeli aset tersebut daripada institusi kewangan Islam.

3. Status Pemilikan Aset *Ijarah*

Dalam kontrak *ijarah*, pemberi sewa adalah pemilik aset *ijarah* manakala penyewa hanya mempunyai hak ke atas manfaat aset tersebut sahaja. Memandangkan dalam amalan semasa, nama pemberi sewa tidak dinyatakan dalam surat pendaftaran harta, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pemilikan aset oleh pemberi sewa boleh berlaku dalam keadaan sedemikian.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-29 bertarikh 25 September 2002 telah memutuskan bahawa pemberi sewa merupakan pemilik kepada harta yang disewa walaupun namanya tidak dinyatakan dalam surat pendaftaran harta.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa Syariah mengiktiraf kedua-dua pemilikan secara perundangan dan pemilikan bermanfaat (*beneficial ownership*).[3] Dalam konteks *ijarah*, pemberi sewa mempunyai pemilikan bermanfaat walaupun pemilikan tersebut tidak dinyatakan dalam surat pendaftaran harta. Pemilikan bermanfaat ini boleh dibuktikan menerusi dokumentasi perjanjian *ijarah* yang dimeterai antara pemberi sewa dengan penyewa.

4. Pembatalan Kontrak *Ijarah*

Pembatalan kontrak adalah dibenarkan oleh Syariah apabila pihak-pihak yang berkontrak memilih untuk tidak meneruskan kontrak yang dimeterai bersama. Pembatalan kontrak boleh berlaku atas pelbagai sebab, antaranya bagi mengelakkan berlakunya ketidakadilan, menghindarkan kerugian dan sebagainya. Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan asas-asas pembatalan kontrak *ijarah*.

[3] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1990, b. 6, j. 1, h. 771.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-29 bertarikh 25 September 2002 telah memutuskan bahawa kontrak *ijarah* adalah terbatal sekiranya aset sewaan didapati tidak berfungsi dan hilang manfaatnya, pihak yang berkontrak tidak memenuhi terma dan syarat kontrak, atau pembatalan kontrak *ijarah* tersebut dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas perkara berikut:

i. Manfaat merupakan subjek akad dalam *ijarah* dan sekiranya manfaat tersebut tidak lagi wujud, kontrak *ijarah* adalah terbatal.[4]

ii. Kedua-dua pihak yang berkontrak boleh meletakkan terma dan syarat perjanjian berdasarkan persetujuan bersama atas dasar kebebasan berakad. Sehubungan dengan itu, kontrak *ijarah* boleh terbatal sekiranya mana-mana pihak yang berkontrak tidak memenuhi terma dan syarat yang telah dipersetujui bersama. Ini selari dengan hadis Rasulullah SAW yang berikut:

إنما البيع عن تراض

"Sesungguhnya jual beli berdasarkan keredhaan."[5]

المسلمون على شروطهم إلا شرطا أحل حراما أو حرم حلالا

"(Urusan) orang Islam adalah berasaskan kepada syarat-syarat yang (dipersetujui) oleh mereka, kecuali syarat-syarat menghalalkan apa yang haram atau mengharamkan apa yang halal."[6]

iii. Kontrak *ijarah* ialah kontrak lazim yang memerlukan persetujuan pembatalan daripada kedua-dua belah pihak.

[4] Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari`ah*, Dar al-Ma`rifah, 1999, j. 3, h. 165; Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*, Dar `Alam al-Kutub, 1997, j. 8, h. 125.
[5] Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, Dar al-Fikr, (t.t.), j. 2, h. 737, hadis no. 2185.
[6] Abu Daud, *Sunan Abi Daud*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 1999, h. 398, hadis no. 3594.

5. Terbitan Nota Boleh Niaga Bank Negara Berasaskan Konsep *Ijarah*

Terdapat cadangan daripada Bank Negara Malaysia untuk menerbitkan Nota Boleh Niaga Bank Negara berasaskan konsep *ijarah* (NBNBN-*Ijarah*). Struktur NBNBN-*Ijarah* yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

i. Bank Negara Malaysia akan menjual kepentingan bermanfaat bagi harta tanah miliknya (misalnya tanah dan bangunan) kepada sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle* (SPV)). SPV seterusnya akan menyewakan harta tanah tersebut kepada Bank Negara Malaysia bagi suatu tempoh tertentu melalui perjanjian *ijarah muntahia bi al-tamlik*. Sebagai balasan, Bank Negara Malaysia akan membayar sewa (pada kadar yang dipersetujui semasa akad dimeterai) pada setiap 6 bulan sepanjang tempoh tersebut;

ii. Bank Negara Malaysia akan memberi *wa`d* kepada SPV untuk membeli semula harta tanah tersebut berdasarkan harga yang dipersetujui pada tarikh matang;

iii. SPV kemudiannya akan mewujudkan amanah terhadap harta tanah tersebut dan menerbitkan NBNBN-*Ijarah* kepada para peserta pasaran. Pelabur yang membeli NBNBN-*Ijarah* akan membayar kepada SPV dan wang yang diterima ini akan digunakan oleh SPV untuk membuat pembayaran kepada Bank Negara Malaysia bagi harga belian harta tanah tersebut. Lanjutan daripada urus niaga ini, peserta pasaran selaku pelabur kini merupakan pemilik amanah yang diwujudkan oleh SPV dan berhak ke atas sewa yang dibayar oleh Bank Negara Malaysia; dan

iv. Memandangkan NBNBN-*Ijarah* mewakili hak milik bermanfaat secara pro rata terhadap harta tanah tersebut, pemegang NBNBN-*Ijarah* boleh menjualnya dalam pasaran sama ada pada harga par, diskaun atau premium.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada cadangan terbitan Nota Boleh Niaga Bank Negara yang berasaskan konsep *ijarah* seperti di atas dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-33 bertarikh 27 Mac 2003 telah memutuskan bahawa struktur cadangan terbitan Nota Boleh Niaga Bank Negara yang berasaskan konsep *ijarah* seperti di atas dibenarkan dengan syarat terdapat dua akad yang berasingan dari segi masa, iaitu akad jual beli dibuat selepas akad *ijarah*, atau terdapat janji pemilikan (*al-wa`d bi al-tamlik*) melalui jual beli atau hibah pada akhir tempoh sewaan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan asas pertimbangan yang dinyatakan dalam perkara 1.[7]

6. Kontrak *Ijarah* dengan Kadar Sewa Boleh Ubah

Pada peringkat awal perkembangan kewangan Islam, sebahagian besar pembiayaan secara Islam adalah pada kadar tetap dan mempunyai tempoh matang yang panjang. Ini menyebabkan institusi kewangan Islam terikat kepada kadar keuntungan yang rendah dan menyukarkannya untuk memberi pulangan yang memuaskan kepada pelabur. Sehubungan dengan itu, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengkaji model-model pembiayaan berkadar terapung atau boleh ubah yang boleh diterima pakai agar institusi kewangan Islam dapat menguruskan aset dan liabiliti dengan lebih berkesan dan dapat memberikan pulangan yang kompetitif kepada pelanggan. Antara model pembiayaan yang dikenal pasti menerima pakai kaedah kadar boleh ubah ini ialah kontrak pembiayaan yang berasaskan *ijarah*.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pembiayaan secara kadar boleh ubah boleh digunakan dalam kontrak *ijarah*.

[7] Penggunaan *al-Ijarah thumma al-Bai`* dalam Pembiayaan Kenderaan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-33 bertarikh 27 Mac 2003, mesyuarat ke-35 bertarikh 22 Mei 2003 dan mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003 telah memutuskan bahawa kadar sewa dalam kontrak *ijarah* boleh diubah berdasarkan persetujuan awal untuk menyandarkan kadar sewa kepada suatu pemboleh ubah yang dipersetujui bersama dalam tempoh tertentu.

Asas Pertimbangan

Dalam kontrak *ijarah*, kadar sewaan aset boleh dipersetujui antara pemberi sewa dengan penyewa sama ada ia secara kadar tetap sepanjang tempoh sewaan sehingga tarikh matang atau berubah-ubah mengikut kaedah tertentu. Bagi mengelakkan berlakunya *gharar* (ketidakpastian), kaedah yang dipersetujui hendaklah dijelaskan semasa akad dimeterai. Dalam hal ini, kedua-dua pihak terikat dengan kontrak tersebut sehingga sampai tempoh matang kontrak. Sebarang perubahan yang berlaku pada kadar pemboleh ubah yang dipersetujui dikira sebagai risiko yang diambil oleh kedua-dua belah pihak berdasarkan persetujuan awal secara bersama.

Di samping itu, kadar sewaan perlu diketahui oleh kedua-dua belah pihak yang berkontrak.[8] Penetapan kadar tersebut boleh dibuat untuk seluruh tempoh sewaan atau secara beransur-ansur. Ia juga boleh dibuat secara kadar tetap atau kadar boleh ubah mengikut kesesuaian yang dimaklumi oleh kedua-dua pihak penyewa dan pemberi sewa.[9]

7. Penanggungan Kos Berkaitan Hak Milik Aset dalam *Ijarah*

Secara umumnya, institusi kewangan Islam selaku pemberi sewa dan pemilik aset berkewajipan untuk menanggung kos penyelenggaraan aset tersebut terutamanya kos-kos yang berkaitan hak milik aset seperti cukai tanah dan cukai pintu. Selain itu, sekiranya berlaku kerosakan terhadap aset *ijarah*, kerugian yang dialami akibat daripada kerosakan tersebut perlu ditanggung oleh institusi kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, aset *ijarah* lazimnya dilindungi oleh skim perlindungan takaful bagi mengurangkan beban risiko kewangan yang bakal ditanggung sekiranya berlaku sebarang kerosakan terhadap aset *ijarah* tersebut.

[8] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 9 (*Al-Ijarah wa al-Ijarah al-Muntahia bi al-Tamlik*), perenggan 5/2/1.
[9] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 9 (*Al-Ijarah wa al-Ijarah al-Muntahia bi al-Tamlik*), perenggan 5/2/1.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pemilik aset boleh memindahkan kewajipan untuk menanggung kos penyelenggaraan aset *ijarah* dan kos perlindungan takaful kepada penyewa iaitu pelanggan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-29 bertarikh 25 September 2002, mesyuarat ke-36 bertarikh 26 Jun 2003 dan mesyuarat ke-104 bertarikh 26 Ogos 2010 telah memutuskan bahawa pemilik aset tidak boleh memindahkan kewajipan untuk menanggung kos penyelenggaraan aset yang disewa serta kos perlindungan takaful kepada penyewa. Namun, pemilik aset boleh mewakilkan kepada penyewa untuk menanggung kos-kos penyelenggaraan aset dan kos perlindungan takaful yang akan ditolak selesai dalam urus niaga jual beli pada akhir tempoh sewaan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas perkara berikut:

i. Pemberi sewa bertanggungjawab ke atas kos penyelenggaraan dan kos perlindungan takaful aset sewaan sekiranya ada.[10] Cukai tanah misalnya, merupakan kos penyelenggaraan yang berkaitan hak milik aset dan sepatutnya ditanggung oleh pemberi sewa. Namun demikian, penyewa dibenarkan membayar cukai tanah dan perlindungan takaful bagi pihak pemberi sewa, dan jumlah bayaran ini dianggap sebagai sebahagian daripada wang pendahuluan dan akan ditolak selesai (*muqasah*) dalam urus niaga jual beli pada akhir tempoh sewaan; dan

ii. Pengguguran hutang secara sepakat (*al-muqasah al-ittifaqiyyah*) adalah dibenarkan walaupun terdapat perbezaan dari segi jenis, sifat dan tempoh hutang, kerana keredhaan dianggap sebagai persetujuan bersama *(ittifaqiyyah*) kedua-dua pihak penghutang dan pemberi pinjaman terhadap kelebihan hutang masing-masing (jika ada).[11]

[10] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 9 (*Al-Ijarah wa al-Ijarah al-Muntahia bi al-Tamlik*), perenggan 5/1/7.
[11] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah,* Piawaian no. 4 (*Al-Muqasah*), perenggan 2/2/3.

8. Liabiliti Penyewa ke atas Aset Pihak Ketiga

Secara asasnya, semua risiko berhubung dengan hak milik aset seperti kemalangan atau kerosakan ke atas aset pihak ketiga akibat kecuaian pemilik aset adalah ditanggung oleh pemilik aset tersebut. Namun demikian, dalam konteks *ijarah*, timbul persoalan sama ada institusi kewangan Islam sebagai pemilik aset *ijarah* masih perlu bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan ke atas aset pihak ketiga akibat kecuaian penyewa (atau pelanggan). Misalnya, jika berlaku kemalangan jalan raya yang berpunca daripada kecuaian penyewa melibatkan kenderaan pihak ketiga dan kenderaan yang disewa oleh penyewa melalui kontrak *ijarah*, adakah institusi kewangan Islam selaku pemilik aset *ijarah* perlu bertanggungjawab terhadap kerosakan yang dialami kenderaan pihak ketiga?

Sehubungan dengan itu, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam dibenarkan meminta surat ganti rugi (*indemnity*) daripada pelanggan yang menyatakan jaminan bahawa pelanggan akan membayar ganti rugi kepada pihak ketiga, sama ada dalam bentuk tunai, pembaikan atau penggantian, sekiranya berlaku kemalangan atau kerosakan kepada aset pihak ketiga yang disebabkan oleh kecuaian pelanggan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-36 pada 26 Jun 2003 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam dibenarkan meminta surat ganti rugi daripada pelanggan dengan tujuan supaya pelanggan memberi jaminan untuk membayar ganti rugi kepada pihak ketiga, sama ada dalam bentuk tunai, pembaikan atau penggantian sekiranya kemalangan atau kerosakan yang berlaku kepada aset pihak ketiga adalah disebabkan oleh kecuaian pelanggan selaku penyewa.

Asas Pertimbangan

Liabiliti terhadap pihak ketiga yang berkaitan pemilikan aset seperti kemalangan atau kerosakan sepatutnya ditanggung oleh pemilik aset. Namun demikian, pemilik aset boleh memindahkan liabiliti tersebut kepada penyewa sekiranya tuntutan pihak ketiga adalah disebabkan kecuaian penyewa sendiri.

9. Keutamaan Penyewa untuk Membeli Aset dalam Kes Kemungkiran Pembayaran Sewa

Dalam kontrak pembiayaan yang berasaskan *ijarah muntahia bi al-tamlik* atau *al-ijarah thumma al-bai`*, terdapat kemungkinan penyewa mengalami kegagalan untuk melunaskan pembayaran sewa aset *ijarah*. Hal ini akan mendatangkan kerugian kepada institusi kewangan Islam selaku pembiaya dan pemilik aset. Berdasarkan terma kontrak, institusi kewangan Islam selaku pemilik aset akan membuat tawaran untuk menjual aset berkenaan kepada pelanggan setelah mendapati pelanggan gagal melunaskan pembayaran sewa dalam suatu tempoh yang ditentukan. Sekiranya pelanggan enggan atau tidak mampu membeli aset tersebut, institusi kewangan Islam akan menjualnya dalam pasaran bagi mendapatkan kembali modal dan kos yang dikeluarkan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pelanggan yang mungkir dalam melunaskan pembayaran boleh diberi keutamaan untuk membeli aset tersebut sebelum ia ditawarkan kepada pasaran, dan sama ada klausa berhubung dengan keutamaan tersebut boleh dimasukkan dalam perjanjian.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003 telah memutuskan bahawa sekiranya pelanggan selaku penyewa gagal melunaskan pembayaran sewa, pelanggan boleh diberi keutamaan dalam tawaran pembelian aset *ijarah* sebelum aset tersebut dijual dalam pasaran, dan keutamaan tersebut boleh dimasukkan dalam klausa perjanjian.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa tujuan asal pelanggan menandatangani kontrak *ijarah muntahia bi al-tamlik* atau *al-ijarah thumma al-bai`* ialah untuk memiliki aset berkenaan pada akhir tempoh pembiayaan. Oleh itu, pelanggan wajar diberi keutamaan untuk membeli aset tersebut sebelum ia ditawarkan kepada pasaran berpandukan syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam kontrak *ijarah*. Amalan ini tidak bertentangan dengan objektif kontrak (*muqtada al-`aqd*) *ijarah*.

10. Perkongsian Lebihan atas Penjualan Aset *Ijarah* antara Pemberi Sewa dengan Penyewa

Secara lazimnya, sekiranya seseorang pelanggan yang menerima pembiayaan berasaskan *ijarah muntahia bi al-tamlik* atau *al-ijarah thumma al-bai`* gagal untuk melunaskan bayaran sewa dan tidak mampu untuk membeli aset *ijarah* tersebut, institusi kewangan Islam selaku pembiaya akan menjual aset tersebut dalam pasaran bagi mendapatkan kembali modal dan kos yang dikeluarkan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada sebarang lebihan (iaitu harga jualan melebihi nilai tuntutan pihak institusi kewangan Islam) yang diperoleh daripada jualan aset tersebut dimiliki sepenuhnya oleh institusi kewangan Islam atau lebihan tersebut wajib dikongsi antara institusi kewangan Islam dengan pelanggan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam selaku pemberi sewa tidak diwajibkan untuk menyerahkan lebihan harga jualan aset kepada pelanggan kerana aset tersebut dimiliki sepenuhnya oleh pemberi sewa. Walau bagaimanapun, pemberi sewa, atas budi bicaranya, boleh menghibahkan keseluruhan atau sebahagian lebihan tersebut kepada pelanggan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa pemilik aset dalam kontrak *ijarah* mempunyai hak sepenuhnya terhadap aset yang disewakan. Oleh itu, sekiranya aset tersebut dijual kepada pihak yang lain, keseluruhan harga jualan merupakan hak pemilik aset tersebut. Sehubungan dengan itu, adalah tidak wajar untuk mewajibkan pemilik aset memberikan keseluruhan atau sebahagian daripada haknya kepada orang lain tanpa kerelaannya. Tambahan pula, penjualan atau lelongan aset tersebut dalam pasaran dibuat berikutan kemungkiran pelanggan untuk melunaskan bayaran sewa yang sepatutnya dilakukan berdasarkan terma dan syarat kontrak yang dimeterai.

11. Penggunaan Aset Pihak Ketiga yang Diperoleh Melalui Kontrak *Mudarabah* sebagai Aset Sandaran (*Underlying Asset*) dalam Terbitan *Sukuk Ijarah*

Terdapat cadangan terbitan *sukuk ijarah* menggunakan aset pihak ketiga yang diperoleh melalui kontrak *mudarabah*. Di bawah mekanisme ini, entiti A akan bertindak sebagai *mudarib* untuk menerima modal *mudarabah* yang berbentuk aset tetap (*capital in kind*) daripada pihak ketiga. Entiti A seterusnya akan menjual aset tersebut kepada SPV dan kemudian, akan menyewa semula aset tersebut daripada SPV menerusi pembayaran sewa dua kali setahun. SPV akan menerbitkan *sukuk ijarah* dan membayar kupon kepada pelabur dua kali setahun melalui bayaran sewa yang diterima daripada entiti A.

Pada tarikh matang, entiti A mempunyai pilihan untuk membeli aset tersebut daripada SPV dan seterusnya memulangkannya kepada pemilik asal berserta kadar keuntungan yang telah dipersetujui bersama. Keuntungan *mudarabah* ditentukan berdasarkan penjimatan kos yang terhasil daripada terbitan *sukuk ijarah* tersebut.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada cadangan terbitan *sukuk ijarah* menggunakan aset pihak ketiga yang diperoleh melalui kontrak *mudarabah* sebagai aset sandaran dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-67 bertarikh 3 Mei 2007 telah memutuskan bahawa cadangan terbitan *sukuk ijarah* menggunakan aset pihak ketiga yang diperoleh melalui kontrak *mudarabah* seperti yang dibentangkan tidak dibenarkan. Ini kerana kaedah penentuan keuntungan *mudarabah* berdasarkan penjimatan kos hasil daripada terbitan *sukuk ijarah* tidak menyerupai prinsip keuntungan *mudarabah* seperti yang diterima pakai oleh para ulama.

Asas Pertimbangan

Definisi keuntungan dalam *mudarabah* yang diterima pakai oleh ulama silam, antaranya Ibnu Qudamah, merujuk kepada nilai tambah terhadap modal yang dilaburkan,[12] dan jumlah keuntungan *mudarabah* ini boleh ditentukan melalui nisbah pembahagian keuntungan yang dipersetujui pada awal kontrak. Dalam konteks cadangan terbitan *sukuk ijarah* menggunakan aset pihak ketiga di atas, keuntungan *mudarabah* yang ditentukan berdasarkan penjimatan kos yang terhasil daripada terbitan *sukuk ijarah* tersebut dilihat tidak membawa maksud berlakunya penambahan dalam modal yang disumbangkan oleh para pelabur.

12. Penggunaan Konsep *Ijarah Mawsufah fi al-Zimmah* bagi Pembiayaan Perumahan dalam Pembinaan Berasaskan *Musyarakah Mutanaqisah*

Sebuah institusi kewangan Islam telah mencadangkan penggunaan konsep *ijarah mawsufah fi al-zimmah* sebagai kontrak sokongan dalam produk pembiayaan perumahan yang masih dalam pembinaan berasaskan kontrak *musyarakah mutanaqisah*. Dalam produk ini, pelanggan dan institusi kewangan Islam mempunyai hak bersama ke atas aset dalam pembinaan berdasarkan kontrak *musyarakah mutanaqisah*. Seterusnya, institusi kewangan Islam akan menyewakan bahagian pemilikannya kepada pelanggan melalui kontrak *ijarah mawsufah fi al-zimmah* kerana aset sewaan masih dalam pembinaan. Pelanggan akan membayar sewa pendahuluan semasa aset tersebut masih dalam pembinaan. Apabila aset tersebut siap dibina, pelanggan akan menyambung pembayaran sewa sepenuhnya ke atas penggunaan manfaat aset tersebut.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penggunaan konsep *ijarah mawsufah fi al-zimmah* sebagai kontrak sokongan dalam produk pembiayaan perumahan yang berasaskan *musyarakah mutanaqisah* dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-68 bertarikh 24 Mei 2007 telah memutuskan bahawa penggunaan *ijarah mawsufah fi al-zimmah* dalam produk pembiayaan perumahan yang masih dalam pembinaan yang berasaskan kontrak *musyarakah mutanaqisah* adalah dibenarkan.

[12] Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*, Dar `Alam al-Kutub, 1997, j. 7, h. 165.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas pandangan-pandangan berikut:

i. Al-Khatib Al-Sharbiniy dalam kitab *Mughni al-Muhtaj,* Al-Nawawi dalam *Raudah al-Talibin* dan Al-Juzairi dalam *Kitab al-Fiqh `ala al-Mazahib al-Arba`ah* mengklasifikasikan *ijarah* kepada dua bahagian iaitu:

   a. *Ijarah* ke atas manfaat yang boleh didapati secara terus daripada aset sedia ada; atau

   b. *Ijarah* ke atas manfaat yang boleh didapati menerusi tanggungan (*zimmah*) seperti menyewa haiwan yang belum wujud untuk kegunaan yang dijelaskan sifatnya, atau tanggungan untuk membina sesuatu.

ii. Barangan/aset yang boleh disewakan menurut pandangan mazhab Maliki dan Syafii terbahagi kepada dua iaitu sewaan manfaat barangan sedia ada dan sewaan manfaat dalam tanggungan.[13]

iii. *Ijarah mawsufah fi al-zimmah* telah diputuskan keharusannya berasaskan *qiyas* kepada akad *salam*. Walau bagaimanapun, berbeza dengan kontrak *salam*, pembayaran sewa pendahuluan semasa aset tersebut masih dalam pembinaan adalah tidak disyaratkan.[14]

13. Pembayaran Deposit dalam Sewa Beli secara Islam

Di bawah peruntukan Akta Sewa Beli 1967, terdapat peruntukan berhubung dengan deposit yang mensyaratkan pemilik aset mengambil sekurang-kurangnya 10% daripada nilai harga tunai barangan yang disewa sebagai deposit minimum. Dalam amalan semasa, pelanggan lazimnya akan membayar deposit sewaan aset atau kenderaan tersebut kepada pengedar. Namun, terdapat juga amalan yang mensyaratkan deposit tersebut dibayar secara terus kepada institusi kewangan Islam selaku pembiaya.

[13] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 2004, j. 1, h. 259.
[14] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 9 (*Al-Ijarah wa al-Ijarah al-Muntahia bi al-Tamlik*), perenggan 3/5.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung pendekatan terbaik dalam melaksanakan pembayaran deposit sewa beli Islam serta hubungan antara pengedar, pelanggan dan institusi kewangan Islam dalam perjanjian sewa beli tersebut.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-69 bertarikh 27 Julai 2007 telah memutuskan bahawa pendekatan yang terbaik dalam melaksanakan pembayaran deposit sewa beli secara Islam adalah seperti yang berikut:

i. Pelanggan membayar deposit sewaan (misalnya 10%) kepada institusi kewangan Islam. Institusi kewangan Islam seterusnya membeli aset atau kenderaan daripada pengedar dengan membayar keseluruhan harga (10% deposit pelanggan + baki 90%). Institusi kewangan Islam kemudiannya menyewakan aset atau kenderaan tersebut kepada pelanggan.

ii. Namun demikian, sekiranya pelanggan telah membayar sejumlah wang (10%) kepada pengedar, dua pendekatan berikut boleh diterima pakai:

   a. Bayaran tersebut boleh dianggap sebagai deposit sekuriti (*hamish jiddiyyah*). Dalam hal ini, pelanggan boleh mewujudkan persefahaman dengan institusi kewangan Islam untuk menolak selesai deposit sekuriti dengan harga jualan aset atau sewaan; atau

   b. Bayaran deposit tersebut boleh dikira sebagai deposit sewaan (*`urbun* untuk *ijarah*) kepada pengedar. Apabila kenderaan dijual kepada institusi kewangan Islam, pengedar akan menyerah hak milik aset dan perjanjian sewaan kepada institusi kewangan Islam. Dalam hal ini, pengedar boleh mengadakan persefahaman dengan institusi kewangan Islam untuk menolak selesai deposit sewaan dengan harga jualan yang akan dibayar oleh institusi kewangan Islam.

Asas Pertimbangan

Pembayaran deposit sekuriti atau dikenali sebagai *hamish jiddiyah* boleh dilaksanakan dalam konteks deposit bagi sewa beli secara Islam kerana ia telah diterima oleh ulama semasa sebagai salah satu kaedah dalam produk kewangan Islam.[15]

Berhubung dengan bayaran deposit yang boleh dianggap sebagai deposit sewaan (*`urbun* untuk *ijarah*), terdapat beberapa riwayat yang menyebut tentang keharusan *`urbun* seperti berikut:

حديث زيد بن أسلم أنه سئل رسول الله صلّى الله عليه وسلم عن العربان في البيع فأحله

"Hadis daripada Zaid bin Aslam bahawasanya Rasulullah SAW telah ditanya oleh seseorang berkenaan hukum amalan `urbun dalam jual beli maka Rasulullah SAW membenarkannya."[16]

عن نافع بن عبد الحارث: أنه اشترى لعمر دار السجن من صفوان بن أمية بأربعة آلاف درهم، فإن رضي عمر، كان البيع نافذا، وإن لم يرض فلصفوان أربع مئة درهم

"Daripada Nafi` bin Abdul Haris: Bahawasanya beliau telah membelikan sebuah penjara untuk Umar daripada Sofwan bin Umayyah dengan harga empat ribu dirham, jikalau dipersetujui Umar, maka jual beli itu berlaku, jikalau tidak dipersetujuinya maka untuk Sofwan empat ratus dirham."[17]

14. Penggunaan Aset Pihak Ketiga yang Diperoleh Melalui Konsep Jual dan Beli dalam Terbitan *Sukuk Ijarah*

Terdapat cadangan untuk menerbitkan *sukuk ijarah* menggunakan aset pihak ketiga yang diperoleh melalui kontrak jual dan beli. Di bawah mekanisme ini, entiti A akan membeli aset satu pihak lain dan kemudian menjualnya kepada SPV. Urus niaga ini akan melibatkan pemindahan hak milik daripada entiti A kepada SPV. SPV seterusnya akan menerbitkan *sukuk ijarah* kepada institusi kewangan yang mewakili hak milik bersama (*pro rata ownership*) dalam kalangan pemegang *sukuk* ke atas aset tersebut. SPV akan menerima hasil (*proceeds*) daripada terbitan *sukuk* tersebut dan sebahagiannya akan digunakan untuk membayar harga aset kepada entiti A.

[15] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 8 (*Al-Murabahah li al-Amir bi al-Syira'*), perenggan 2/5/3.
[16] Al-Syawkani, *Nail al-Awtar*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1999, j. 5, h. 162.
[17] Ibnu Qudamah, *Al-Mughn*i, Dar `Alam al-Kutub, 1997, j. 6, h. 331.

SPV kemudiannya akan menyewakan aset tersebut kepada entiti A berdasarkan konsep *ijarah muntahia bi al-tamlik*. Sebagai balasan, entiti A akan membayar harga sewaan kepada SPV sebanyak dua kali setahun dan hasil sewaan ini akan diagihkan kepada pemegang *sukuk ijarah*. Pada tarikh matang, entiti A akan membeli semula aset tersebut daripada SPV dengan membayar harga aset yang bersamaan dengan nilai nominal *sukuk ijarah* tersebut kepada SPV pada tarikh matang. Kemudian SPV akan menebus semula *sukuk ijarah* tersebut daripada para pelabur.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada cadangan terbitan *sukuk ijarah* menggunakan aset pihak ketiga yang diperoleh melalui konsep jual dan beli ini selaras dengan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-70 bertarikh 12 September 2007 telah memutuskan bahawa struktur *sukuk ijarah* menggunakan aset pihak ketiga yang diperoleh melalui konsep jual dan beli seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa kontrak jual dan beli yang dilakukan di bawah struktur *sukuk ijarah* ini adalah jelas dan ia adalah sah selagi ia mematuhi syarat-syarat jual beli seperti berlaku pemindahan hak milik dan sebagainya. Di samping itu, penggunaan kontrak *ijarah muntahia bi al-tamlik* atau turut dikenali sebagai *al-ijarah thumma al-bai`* turut diterima oleh majoriti fuqaha (sila rujuk perkara 1[18]).

[18] Penggunaan *al-Ijarah thumma al-Bai`* dalam Pembiayaan Kenderaan.

Istisna`* merupakan satu akad jual beli yang melibatkan pembuatan, penghasilan atau pembinaan aset tertentu dengan spesifikasi dan syarat tertentu yang dipersetujui antara penjual, pengilang/pemaju dan pelanggan. Dalam konteks masa kini, *istisna` lazimnya digunakan dalam sektor pembinaan dan pembuatan misalnya melalui *istisna`* selari (*istisna` muwazi*) bagi membiayai aktiviti pembinaan dan pembuatan.

15. Pembiayaan Projek Berasaskan *Istisna`* dengan Cagaran Bon Konvensional

Sebuah institusi kewangan Islam berhasrat menawarkan pembiayaan projek berasaskan akad *istisna`* untuk membaharui dan menaik taraf bangunan premis perniagaan pelanggan. Cadangan modus operandi pembiayaan secara *istisna`* tersebut adalah seperti yang berikut:

i. Pelanggan memberikan kontrak menaik taraf bangunan premis perniagaannya kepada institusi kewangan Islam pada harga contohnya RM2 juta yang akan dibayar secara ansuran;

ii. Institusi kewangan Islam kemudiannya melantik kontraktor untuk menjalankan kerja menaik taraf bangunan tersebut mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam perjanjian pada harga contohnya RM1 juta yang akan dibayar secara tunai;

iii. Bagi melindungi pembiayaan tersebut, pelanggan akan mencagarkan bon konvensional sebagai sekuriti. Cagaran bon tersebut akan dikuatkuasakan oleh institusi kewangan Islam (hanya terhad kepada nilai pokok bon sahaja tanpa faedah) sekiranya pelanggan gagal melunaskan pembayaran mengikut syarat-syarat perjanjian; dan

iv. Sekiranya kerja penaiktarafan bangunan gagal diselesaikan, pelanggan tidak perlu membayar harga yang dipersetujui dan institusi kewangan Islam akan menguatkuasakan terma-terma dalam perjanjian bagi menuntut ganti rugi daripada kontraktor.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada pembiayaan projek berasaskan akad *istisna`* seperti di atas dibenarkan; dan

ii. Sama ada institusi kewangan Islam boleh menerima cagaran bon konvensional bagi melindungi pembiayaan secara Islam.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas pertama bertarikh 13 April 2007 telah memutuskan perkara berikut:

i. Struktur dan mekanisme pembiayaan projek berasaskan akad *istisna`* seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan. Namun, penggunaan bangunan premis perniagaan yang ingin dinaiktarafkan hendaklah berlandaskan Syarak; dan

ii. Penggunaan bon konvensional sebagai cagaran bagi pembiayaan secara Islam adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS berhubung dengan keharusan *istisna`* adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW berikut:

عن جابر بن عبد الله أن امرأة قالت يا رسول الله ألا أجعل لك شيئا تقعد عليه فإن لي غلاما نجارا قال إن شئت فعملت المنبر

"Daripada Jabir bin Abdillah, seorang wanita telah berkata: Wahai Rasulullah, bolehkah aku buatkan sesuatu untuk Engkau duduk di atasnya, sesungguhnya aku mempunyai seorang hamba yang pandai bertukang. Sabda Nabi SAW: Buatlah sekiranya engkau mahu. Maka wanita itu pun membuat mimbar tersebut."[19]

[19] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari,* Al-Matba`ah al-Salafiyyah, 1982, j. 1, h. 162, hadis no. 449.

Rasulullah SAW juga pernah menggunakan akad *istisna`* untuk menempah pembuatan cincin baginda SAW seperti yang diriwayatkan dalam hadis berikut:

عن نافع أن عبد الله حدثه : أن النبي صلى الله عليه وسلم اصطنع خاتما من ذهب وجعل فصه في بطن كفه إذا لبسه فاصطنع الناس خواتيم من ذهب فرقي المنبر فحمد الله وأثنى عليه فقال (إني كنت اصطنعته وإني لا ألبسه) فنبذه فنبذ الناس

"Daripada Nafi', sesungguhnya Abdullah telah membicarakan kepadanya: bahawa Rasulullah SAW telah menempah/membuat cincin emas untuk dirinya sendiri. Apabila baginda memakainya, baginda akan memusingkan batu permata ke arah tapak tangannya. Maka orang ramai pun mula menempah/membuat cincin emas untuk mereka sendiri. Rasulullah SAW menaiki mimbar dan memuji kebesaran Allah SWT dan bersabda: "Aku telah menempah/membuat cincin ini untukku, tapi aku tidak akan memakainya lagi", maka baginda membuang cincin tersebut dan diikuti oleh orang ramai."[20]

Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah* turut membenarkan *istisna` (artikel 389) dengan syarat barang yang ditempah mestilah dipersetujui dari segi deskripsi dan sifatnya (artikel 390). Artikel 391 pula menetapkan bahawa bayaran *istisna`* tidak semestinya dibuat ketika akad.[21] *Istisna`* dan *istisna` muwazi* turut dibenarkan oleh AAOIFI selagi dilakukan menurut cara yang betul.[22]

Berhubung dengan keharusan penerimaan bon konvensional sebagai cagaran ke atas pembiayaan secara Islam, sebahagian ulama menerima amalan tersebut kerana cagaran dibuat bukan bertujuan pemilikan tetapi hanya untuk sekuriti. Bon konvensional merupakan aset mudah tunai dan memenuhi syarat barangan yang boleh dicagarkan.

[20] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Al-Matba`ah al-Salafiyyah, 1982, j. 4, h. 70, hadis no. 5876.

[21] *Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah*, Matba`ah al-Adabiyyah, 1302H, h. 67:
(المادة 389) : كل شيء تعومل استصناعه يصح فيه الاستصناع على الإطلاق وأما ما لم يتعامل باستصناعه إذا بين فيه المدة صار سلما وتعتبر فيه حينئذ شروط السلم وإذا لم يبين فيه المدة كان من قبيل الاستصناع أيضا.
(المادة 390) يلزم في الاستصناع وصف المصنوع وتعريفه على الوجه الموافق المطلوب.
(المادة 391) : لا يلزم في الاستصناع دفع الثمن حالا أي وقت العقد.

[22] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 11 (*Al-Istisna` wa al-Istisna` al-Muwazi*), perenggan 2 dan 7.

Mudarabah merupakan kontrak antara dua pihak bagi menjalankan sesuatu usaha niaga. Ia melibatkan *rabbul mal* selaku pelabur yang menyediakan modal, dan *mudarib* selaku pengusaha yang menjalankan usaha niaga tersebut. Sebarang keuntungan yang terhasil daripada usaha niaga tersebut akan dikongsi antara pelabur dengan pengusaha berdasarkan syarat dan nisbah yang dipersetujui, manakala sebarang kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur.

Dalam sistem kewangan Islam, kontrak *mudarabah* lazimnya diamalkan dalam penerimaan deposit seperti akaun semasa, akaun simpanan dan akaun pelaburan. Selain itu, kontrak *mudarabah* juga dilaksanakan dalam pelaburan antara bank dan terbitan sekuriti secara Islam. Dalam industri takaful pula, kontrak *mudarabah* digunakan sebagai salah satu model operasi dan asas pelaburan bagi dana takaful.

16. Instrumen Deposit Boleh Niaga secara Islam Berasaskan *Mudarabah* dengan Berkadar Terapung

Terdapat cadangan untuk memperkenalkan Instrumen Deposit Boleh Niaga secara Islam (IDBN) dalam Pasaran Wang antara Bank secara Islam. IDBN merupakan instrumen pasaran wang yang distruktur berasaskan kontrak *mudarabah* dengan kadar keuntungan boleh ubah (terapung), bergantung pada jumlah dividen yang diumumkan oleh institusi kewangan Islam dari semasa ke semasa. Instrumen ini boleh diniagakan dalam pasaran sekunder bagi meningkatkan mudah tunainya.

Di bawah mekanisme IDBN, pelabur akan mendeposit sejumlah wang ke dalam institusi kewangan Islam yang menerbitkan IDBN, dan institusi kewangan Islam selaku pengusaha akan mengeluarkan Sijil IDBN kepada pelabur sebagai bukti penerimaan deposit berkenaan. Pada tarikh matang, pelabur akan menyerahkan semula IDBN kepada institusi kewangan Islam dan menerima nilai prinsipal IDBN berserta dividen yang diumumkan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada produk IDBN berkadar terapung yang berasaskan *mudarabah* ini dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-3 bertarikh 28 Oktober 1997 telah memutuskan bahawa produk IDBN berkadar terapung yang berasaskan *mudarabah* adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Ciri kadar terapung adalah selari dengan ciri pelaburan *mudarabah* kerana keuntungan *mudarabah* dikongsi bersama berasaskan keuntungan yang dipengaruhi oleh prestasi aktiviti pelaburan atau perniagaan yang lazimnya tidak tetap dan berbeza dari semasa ke semasa. Majoriti ulama fiqah sependapat bahawa *mudarabah* adalah diharuskan di sisi Syarak berdasarkan dalil al-Quran, hadis dan ijmak seperti yang berikut:

i. Dalil al-Quran:

وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ

"...dan yang lainnya orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari kurniaan Allah..."[23]

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِي ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

"Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurniaan Allah SWT dan ingatlah Allah SWT sebanyaknya supaya kamu beruntung."[24]

Berdasarkan ayat pertama di atas, perkataan يَضْرِبُونَ membawa maksud keharusan melakukan perjalanan dalam mengusahakan sebahagian harta bagi mencari kurniaan Allah SWT. Manakala ayat kedua di atas secara umumnya merujuk kepada perintah ke atas manusia untuk bertebaran di muka bumi dalam usaha mencari rezeki dan kelebihan yang dikurniakan oleh Allah SWT, termasuklah usaha niaga dan berjual beli. Walaupun ayat-ayat di atas tidak merujuk kepada *mudarabah* secara langsung, kedua-dua ayat tersebut merujuk kepada keharusan perniagaan.

[23] *Surah al-Muzammil*, ayat 20.
[24] *Surah al-Jumu`ah*, ayat 10.

ii. Hadis Rasulullah SAW:

عن صالح بن صهيب عن أبيه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ثلاث فيهن البركة البيع إلى أجل والمقارضة وأخلاط البر بالشعير للبيت لا للبيع

"Daripada Soleh bin Suhaib daripada bapanya, beliau berkata: Bahawa Rasulullah SAW berkata: Tiga perkara yang terdapat berkat padanya: jual beli tangguh, muqaradah dan mencampurkan barli dan gandum untuk (kegunaan makanan di) rumah bukan untuk jual beli."[25]

Hadis di atas menyatakan tiga perkara yang mempunyai keberkatan di dalamnya termasuklah *muqaradah*. Istilah *muqaradah* yang berasal daripada perkataan *qiradh* kebiasaannya digunakan oleh ulama Hijaz manakala ulama Iraq menyebutnya dengan istilah *mudarabah*. Oleh itu, *muqaradah* dan *mudarabah* ialah dua istilah yang merujuk kepada maksud yang sama.

iii. Ijmak

Sebilangan sahabat diriwayatkan telah melaburkan harta anak yatim secara *mudarabah*.[26] Tiada percanggahan pendapat dalam kalangan mereka dan ia dianggap ijmak.

17. Penggunaan Kontrak *Mudarabah* dalam Produk Akaun Semasa

Terdapat cadangan daripada institusi perbankan Islam untuk memperkenalkan produk akaun semasa yang berasaskan kontrak *mudarabah*. Berbeza dengan akaun semasa yang berasaskan kontrak *wadi`ah* yang keuntungan atau dividen dibayar kepada pelanggan atas budi bicara pihak bank sahaja, akaun semasa *mudarabah* ini memberikan hak kepada pelanggan untuk mendapat sebahagian daripada keuntungan yang diperoleh berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui semasa akaun dibuka.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada produk akaun semasa yang berasaskan konsep *mudarabah* ini dibenarkan Syarak.

[25] Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, Dar al-Fikr, (t.t.), j. 2, h. 768, hadis no. 2289.
[26] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 5, h. 3925.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-4 bertarikh 14 Februari 1998 dan mesyuarat ke-59 bertarikh 25 Mei 2006 telah memutuskan bahawa produk akaun semasa berasaskan konsep *mudarabah* adalah selaras dengan Syarak selagi ia memenuhi syarat-syarat *mudarabah*.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS ini selaras dengan keharusan kontrak *mudarabah* dalam instrumen deposit. Selain itu, pengeluaran deposit yang dibuat pada bila-bila masa boleh dilakukan bagi akaun semasa yang berasaskan *mudarabah*. Ini kerana keperluan had baki minimum tertentu dalam akaun semasa ini menjadikan syarat wujudnya modal *mudarabah* dipenuhi. Sehubungan dengan itu, sekiranya pendeposit mengeluarkan keseluruhan amaun deposit, kontrak *mudarabah* dianggap tamat kerana pengeluaran keseluruhan amaun deposit tersebut dilihat sebagai tindakan *rabbul mal* menarik balik mandat pengurusan modal. Ini dilihat selaras dengan kesepakatan dalam keempat-empat mazhab bahawa kontrak *mudarabah* terbatal atau tamat menerusi penyataan pembatalan secara jelas, atau menerusi tindakan *rabbul mal* menarik balik mandat pengurusan modal.[27]

18. Sijil Pelaburan *Mudarabah* sebagai Subjek Gadaian

Keperluan terhadap cagaran dalam sesuatu pembiayaan merupakan suatu kelaziman sama ada bagi pembiayaan secara konvensional atau pembiayaan secara Islam. Pelbagai aset digunakan sebagai cagaran termasuklah aset ketara dan aset kewangan seperti Sijil Pelaburan *Mudarabah.* Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada Sijil Pelaburan *Mudarabah* boleh dijadikan subjek gadaian. Ini kerana terdapat pandangan yang menyatakan bahawa Sijil Pelaburan *Mudarabah* tidak boleh dicagarkan bagi pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan atas alasan bahawa terdapat ciri-ciri yang bertentangan antara kontrak *mudarabah* dan *rahn*. Dalam kontrak *rahn*, sekiranya pemegang gadaian menggunakan aset gadaian (dengan izin penggadai), pemegang gadaian dikatakan mestilah menjamin aset tersebut daripada berkurangan, hilang dan musnah. Jaminan seumpama ini dikatakan bertentangan dengan kontrak *mudarabah* kerana nilai modal tidak boleh dijamin oleh *mudarib*; dan

[27] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 5, h. 3925.

ii. Sama ada Sijil Pelaburan *Mudarabah* boleh dijadikan sebagai cagaran bagi pembiayaan konvensional.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-9 bertarikh 25 Februari 1999 dan mesyuarat ke-49 bertarikh 28 April 2005 telah memutuskan perkara berikut:

i. Sijil Pelaburan *Mudarabah* boleh diniagakan dan boleh digunakan sebagai cagaran atau subjek gadaian; dan

ii. Sijil Pelaburan *Mudarabah* boleh digunakan sebagai cagaran bagi pembiayaan secara Islam tetapi tidak boleh digunakan sebagai cagaran bagi pembiayaan konvensional. Sekiranya sijil ini digunakan oleh pelanggan sebagai cagaran bagi pembiayaan secara konvensional, ia menjadi tanggungjawab pelanggan itu sendiri dan di luar tanggungan institusi kewangan Islam.

Asas Pertimbangan

Keharusan penggunaan Sijil Pelaburan *Mudarabah* sebagai subjek gadaian adalah berdasarkan pertimbangan bahawa kontrak *mudarabah* dan *rahn* merupakan dua kontrak yang berbeza dan berasingan. Penggunaan modal *mudarabah* oleh institusi kewangan Islam bagi tujuan pelaburan adalah berdasarkan kontrak pertama iaitu *mudarabah* dan bukannya berdasarkan kontrak *rahn*. Oleh itu, tidak timbul isu tentang institusi kewangan Islam perlu menjamin nilai aset gadaian tersebut. Situasi ini dilihat seperti menyamai penggunaan sijil saham sebagai aset gadaian iaitu penerima gadai tidak semestinya perlu menjamin nilai pasaran bagi saham yang digadaikan kepadanya.

Di samping itu, Sijil Pelaburan *Mudarabah* merupakan aset yang mempunyai nilai (*value*). Sehubungan dengan itu, ia boleh dijual beli dan dijadikan sebagai subjek gadaian berdasarkan kaedah fiqah yang berikut:

كل عين جاز بيعها جاز رهنها

"Setiap aset yang boleh dijual beli, maka ia boleh dicagarkan."[28]

[28] Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*, Dar `Alam al-Kutub, 1997, j. 6, h. 455.

19. Rizab Penyamaan Keuntungan (*Profit Equalisation Reserve*)

Kadar keuntungan yang diumumkan oleh institusi kewangan Islam sering mengalami turun naik yang tidak menentu akibat daripada perubahan dalam pendapatan, peruntukan dan deposit. Jika kadar keuntungan yang diumumkan seringkali tidak menentu dan tidak stabil, ia berpotensi menjejaskan minat dan keyakinan para pelabur. Oleh itu, terdapat cadangan untuk memperkenalkan Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK) bagi mewujudkan kesan kadar pulangan yang stabil dan ini mampu mendorong institusi kewangan Islam untuk kekal kompetitif.

RPK merupakan sumbangan bersama antara pendeposit/pelabur dan institusi kewangan Islam. Ia melibatkan pengambilan sejumlah kecil daripada pendapatan kasar dan diperuntukkan sebagai RPK ketika institusi kewangan Islam mencatatkan pendapatan agak tinggi berbanding dengan kadar pasaran. RPK seterusnya akan digunakan bagi menampung kadar pulangan ketika institusi kewangan Islam mencatatkan pendapatan lebih rendah berbanding dengan kadar pasaran. Menerusi mekanisme RPK ini, kadar pulangan yang diisytiharkan oleh institusi kewangan Islam akan menjadi lebih stabil dalam jangka panjang.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada mekanisme RPK boleh dilaksanakan dalam kewangan Islam khususnya dalam konteks pelaburan *mudarabah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-14 bertarikh 8 Jun 2000 telah memutuskan bahawa cadangan pelaksanaan RPK seperti yang dibentangkan adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Mengikut kaedah umum pelaksanaan pelaburan dalam Islam, pengagihan keuntungan institusi kewangan Islam kepada pelanggan hendaklah berdasarkan nisbah peratusan yang dipersetujui. Namun demikian, bagi memelihara kelangsungan sistem kewangan Islam agar kestabilan pasaran dapat dipelihara, mekanisme RPK adalah sesuai dilaksanakan dengan syarat aspek ketelusan hendaklah diambil kira.

Walaupun kaedah ini boleh mengurangkan perolehan pelabur atau pendeposit semasa keuntungan yang tinggi dicatatkan, namun secara keseluruhannya ia membantu menstabilkan kadar pulangan dalam jangka panjang dan memberikan pulangan yang wajar kepada pelabur sewaktu institusi kewangan Islam mencatatkan pendapatan keseluruhan yang rendah. Kaedah ini dianggap lebih adil kerana kedua-dua pihak institusi kewangan Islam dan pelabur berkongsi daripada segi sumbangan dan penerimaan RPK.

Keputusan ini juga selaras dengan konsep melepaskan hak (*mubara'ah*) yang diharuskan oleh Syarak iaitu melepaskan sebahagian hak untuk menerima keuntungan bagi mencapai maksud kestabilan pasaran pada masa hadapan.[29]

20. Kos Penyelenggaraan dalam Akaun Deposit *Mudarabah*

MPS dirujuk berhubung dengan cadangan daripada institusi kewangan Islam selaku pengurus dana untuk mengenakan caj kos penyelenggaraan terhadap pendeposit selaku pelabur bagi akaun deposit pelaburan *mudarabah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-16 bertarikh 11 November 2000 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam tidak boleh mengenakan sebarang caj kos penyelenggaraan ke atas pendeposit bagi akaun deposit *mudarabah*. Sekiranya institusi kewangan Islam memerlukan amaun tambahan bagi menampung kos penyelenggaraan, ia sepatutnya diambil kira dalam penentuan nisbah perkongsian keuntungan yang dimeterai antara kedua pihak.

Asas Pertimbangan

Berdasarkan prinsip *mudarabah*, pengurus dana perlu mengurus sendiri semua pekerjaan yang berkaitan dengan pelaburan yang sepatutnya dilakukan olehnya berdasarkan *`urf*. Pengurus dana tidak berhak mengenakan sebarang fi ke atas perkhidmatan atau kos penyelenggaraan tidak langsung kerana ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawabnya sebagai *mudarib*.

[29] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 2000, Persidangan kali ke-13, resolusi no. 123 (13/5).

21. Urus Niaga Harian (*Intra-Day Transaction*) sebagai Satu Instrumen Pasaran Wang secara Islam

Urus niaga harian merujuk kepada pelaburan dana secara *mudarabah* dengan tarikh matang dan penyelesaiannya berlaku pada hari yang sama. Ia telah diperkenalkan dalam Pasaran Wang antara Bank secara Islam bagi membolehkan para peserta pasaran memastikan keperluan kewangan mereka adalah seimbang pada waktu tertentu. Kaedah urus niaga harian adalah sama seperti Pelaburan *Mudarabah* antara Bank. Perbezaannya hanyalah dari segi tempoh matang, iaitu Pelaburan *Mudarabah* antara Bank melibatkan tempoh matang antara semalaman (*overnight*) sehingga setahun, manakala urus niaga harian melibatkan tempoh matang yang singkat iaitu antara pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada hari yang sama.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada urus niaga harian boleh dilaksanakan sebagai salah satu instrumen dalam Pasaran Wang antara Bank secara Islam kerana dikhuatiri faktor tempoh matang pelaburan yang singkat boleh menjejaskan kesahihan sesuatu kontrak *mudarabah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-19 bertarikh 20 Ogos 2001 telah memutuskan bahawa urus niaga harian dibenarkan untuk dilaksanakan dalam Pasaran Wang antara Bank secara Islam.

Asas Pertimbangan

Kontrak *mudarabah* dalam urus niaga harian boleh dilaksanakan walaupun tempoh matangnya adalah singkat. Ini kerana sistem elektronik dan teknologi maklumat pada masa kini adalah efisien. Oleh itu, sesuatu dana yang diterima akan dapat digunakan untuk menjana keuntungan melalui sesuatu urus niaga dengan pantas.

22. Perbelanjaan Tak Langsung (*Indirect Expenses*)

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada perbelanjaan tak langsung boleh dikira sebagai kos yang boleh ditolak daripada dana *mudarabah*. Antara perbelanjaan tak langsung ialah perbelanjaan overhed, gaji pekerja, susut nilai aset tetap, belanja pelunasan, perbelanjaan am pentadbiran, perbelanjaan am pemasaran dan perbelanjaan IT.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-82 bertarikh 17 Februari 2009 telah memutuskan bahawa kos perbelanjaan tak langsung tidak boleh ditolak daripada dana *mudarabah*.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap hujah-hujah berikut:

i. *Jumhur* fuqaha antaranya Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Zaidiyyah berpendapat bahawa *mudarib* berhak mendapat kos perbelanjaan untuk perjalanan jauh (musafir) dan bukan kos ulang alik daripada keuntungan *mudarabah* (sekiranya ada) dan jika tiada, maka dia boleh mengambilnya daripada modal sekadar untuk keperluan makan dan minum serta pakaiannya;

ii. Imam Syafii berpandangan bahawa *mudarib* tidak dibenarkan meminta tanggungan perbelanjaan sama ada secara langsung atau tak langsung kerana *mudarib* telah pun mempunyai peratusan daripada keuntungan *mudarabah* tersebut;[30] dan

iii. Bagi mengelak manipulasi kos dan menjaga kepentingan pendeposit, perbelanjaan tak langsung tidak boleh ditolak daripada dana *mudarabah* memandangkan ia sepatutnya diambil kira dalam penentuan kiraan nisbah pembahagian keuntungan yang dipersetujui.

[30] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 5, h. 3956.

23. Penggunaan Wajaran (*Weightage*)

Dalam amalan semasa, terdapat institusi kewangan Islam yang memberikan wajaran (antara 0.76 hingga 1.24) kepada setiap jenis deposit bagi menentukan jumlah keuntungan untuk diagihkan kepada pendeposit bagi setiap kategori. Wajaran yang lebih tinggi daripada 1.0 menyebabkan pendeposit menerima keuntungan lebih tinggi berbanding dengan nisbah perkongsian keuntungan manakala wajaran yang lebih rendah daripada 1.0 mengakibatkan pendeposit menerima keuntungan yang lebih rendah daripada nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui. Pada kebiasaannya, wajaran yang lebih tinggi diberikan kepada deposit yang mempunyai tempoh matang yang lebih panjang. Amalan mengenakan wajaran berbeza antara jenis deposit mengikut kesesuaian ini dilaksanakan bagi tujuan memudahkan institusi kewangan Islam menguruskan deposit *mudarabah* dengan nisbah perkongsian untung yang seragam.

Sehubungan dengan itu, MPS dirujuk tentang isu sama ada penggunaan wajaran oleh institusi kewangan Islam dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-82 pada 17 Februari 2009 telah memutuskan bahawa penggunaan wajaran oleh institusi kewangan Islam adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS berhubung larangan penggunaan wajaran oleh institusi kewangan Islam adalah berdasarkan pandangan Al-Kasani dalam *Bada`i al-Sana`i fi Tartib al-Syara`i*, yang menyatakan bahawa syarat yang fasid sekiranya membawa kepada kejahilan berhubung dengan keuntungan maka ia akan menjadikan akad tersebut fasid. Dalam kontrak *mudarabah*, subjek yang diakadkan ialah keuntungan dan kejahilan dalam subjek akad menjadikan akad tersebut fasid.[31]

[31] Al-Kasani, *Bada`i al-Sana`i fi Tartib al-Syara`i,* Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1986, j. 13, h. 250:

"والأصل في الشرط الفاسد إذا دخل في هذا العقد أنه ينظر إن كان يؤدي إلى جهالة الربح يوجب فساد العقد لأن الربح هو المعقود عليه وجهالة المعقود عليه توجب فساد العقد.."

"Dan dari segi asasnya tentang syarat yang fasid (batal) bahawasanya jika ia (syarat yang fasid) berada dalam sesuatu akad, maka perlu dilihat, jika ia membawa kepada kejahilan berhubung keuntungan, maka akad tersebut menjadi fasid, kerana keuntungan ialah perkara yang diakadkan, dan kejahilan berhubung perkara yang diakadkan akan menjadikan akad tersebut fasid."

Di samping itu, berdasarkan penilaian yang dibuat, didapati bahawa:

i. Pelaksanaan wajaran memberikan kesan kepada pengiraan keuntungan bersih kedua-dua pihak *mudarib* dan *rabbul mal*;

ii. Ia mengubah nisbah pembahagian keuntungan yang dipersetujui kepada nisbah pembahagian keuntungan efektif yang baharu;

iii. Andaian bahawa pelaburan bertempoh panjang lebih berisiko adalah tidak tepat kerana risiko berkait rapat dengan jenis dan bidang portfolio pelaburan tersebut; dan

iv. Isu ketidaktelusan timbul kerana wajaran sebagai amalan dalaman tidak dimaklumkan kepada pendeposit selaku *rabbul mal*.

24. Amalan Institusi Kewangan Islam Mengalihkan Keuntungan Pelaburan *Mudarabah* kepada Pelanggan untuk Mengelakkan Risiko Komersial Teralih (*Displaced Commercial Risk*)

Dalam amalan dwi-perbankan, apabila berlaku kenaikan dalam kadar pulangan pasaran semasa, pelanggan turut mengharapkan kenaikan dalam kadar pulangan yang bakal diterima daripada institusi kewangan Islam. Dalam konteks akaun pelaburan *mudarabah*, institusi kewangan Islam akan memindahkan sebahagian daripada keuntungan mereka kepada pelanggan untuk mengelakkan risiko komersial teralih supaya pulangan yang diisytiharkan adalah kompetitif dengan kadar pulangan pasaran semasa.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam dibenarkan untuk memindahkan sebahagian daripada keuntungan mereka kepada pelanggan bagi mengelakkan risiko komersial teralih dalam akaun pelaburan *mudarabah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-82 bertarikh 17 Februari 2009 telah memutuskan bahawa amalan institusi kewangan Islam memindahkan sebahagian daripada keuntungan mereka kepada pelanggan untuk mengelakkan risiko komersial teralih dalam konteks akaun pelaburan *mudarabah* adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap hujah-hujah berikut:

i. Keuntungan dalam akad *mudarabah* ialah hak eksklusif pihak-pihak yang berakad. Persetujuan bersama untuk menyemak nisbah perkongsian keuntungan tidak menyebabkan mana-mana pihak sama ada *mudarib* atau *rabbul mal* kehilangan hak ke atas keuntungan. Malah keuntungan adalah kekal menjadi hak kedua-duanya dan dikongsi antara mereka; dan

ii. Amalan institusi kewangan Islam memindahkan sebahagian keuntungan pelaburan *mudarabah* kepada pelanggan bagi mengelakkan risiko komersial teralih diharuskan kerana ia dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam tanpa menjejaskan hak pelanggan. Malah pelanggan akan mendapat keuntungan yang lebih berbanding dengan nisbah pembahagian keuntungan asal yang dipersetujui.

25. Jaminan Pihak Ketiga ke atas Liabiliti Pihak yang Berurusan dengan *Mudarib* bagi Urus Niaga *Mudarabah*

Pada asasnya, pihak *mudarib* tidak boleh menjamin modal *mudarabah*. Namun demikian, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pihak ketiga boleh menjamin liabiliti pihak yang berurusan dengan *mudarib* bagi urus niaga *mudarabah* yang dijalankan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-90 bertarikh 15 Ogos 2009 telah memutuskan bahawa jaminan pihak ketiga ke atas liabiliti pihak yang berurusan dengan *mudarib* bagi urus niaga *mudarabah* yang dijalankan adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Jaminan modal dan prestasi oleh pihak ketiga ke atas liabiliti pihak yang berurusan dengan *mudarib* bagi urus niaga *mudarabah* yang dijalankan dibenarkan berdasarkan pertimbangan bahawa jaminan yang dibuat oleh pihak ketiga adalah selari dengan keharusan kontrak *kafalah*. Dalam kontrak *kafalah*, pihak ketiga yang memberi jaminan merupakan pihak yang tidak mempunyai kepentingan secara langsung dalam perniagaan *mudarabah* tersebut.

Jaminan oleh pihak ketiga boleh dilakukan menerusi dua pendekatan berbeza, iaitu:

i. Jaminan tanpa tuntutan semula/rekursa (*recourse*): Jaminan ini dilakukan secara *tabarru`* oleh pihak ketiga yang tidak terlibat atau mempunyai kaitan dengan *mudarib*. Menerusi pendekatan ini, penjamin tidak menuntut kembali daripada *mudarib* jumlah jaminan yang dibayar kepada *rabbul mal*. Menurut pandangan ulama semasa, tiada halangan dari segi hukum Syarak untuk satu pihak mengeluarkan sejumlah harta bagi tujuan *tabarru`*. Jika *tabarru`* tersebut disandarkan kepada syarat tertentu, maka pemberi *tabarru`* melaksanakan pemberiannya apabila syarat tersebut telah wujud;[32] atau

ii. Jaminan dengan tuntutan semula/rekursa: Menerusi pendekatan ini, pihak ketiga membayar nilai jaminan dan menuntut kembali daripada *mudarib* jumlah jaminan yang dibayar kepada *rabbul mal*. Jumlah bayaran tersebut merupakan hutang *mudarib* kepada penjamin.

26. Jaminan *Mudarib* ke atas Liabiliti Pihak yang Berurusan dengannya dalam Usaha Niaga *Mudarabah*

Pada asasnya, *mudarib* tidak boleh menjamin prestasi *mudarabah* tetapi terdapat kemusykilan sama ada dalam usaha niaga *mudarabah*, pihak *mudarib* boleh menjamin liabiliti pihak lain yang berurusan dengannya bagi memastikan pulangan modal dan/atau keuntungan terjamin. Sehubungan dengan itu, MPS dirujuk tentang isu jaminan *mudarib* ke atas liabiliti pihak yang berurusan dengannya dalam usaha niaga *mudarabah*.

[32] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami,* 1987, b. 4, j. 3, h. 1875 -1876.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-90 bertarikh 15 Ogos 2009 telah memutuskan bahawa dalam usaha niaga *mudarabah*, *mudarib* tidak dibenarkan menjamin liabiliti pihak lain yang berurusan dengannya dengan maksud untuk menjamin modal atau modal dan keuntungan bagi sesuatu kontrak *mudarabah*.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap hujah-hujah berikut:

i. Jaminan *mudarib* terhadap prestasi pihak ketiga dalam urus niaga berkaitan usaha niaga *mudarabah* yang diuruskannya akan menjadikan *mudarib* sebagai penjamin modal *mudarabah* tersebut; dan

ii. Kecuaian *mudarib* dalam berurusan dengan pihak ketiga berkaitan modal *mudarabah* akan menyebabkan *mudarib* tersebut bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang timbul dan bukannya pihak ketiga. Ini kerana *mudarib* bertanggungjawab untuk menggunakan segala kepakarannya dalam mengurus dana *mudarabah*. Jika dapat dibuktikan bahawa kerugian tersebut berpunca daripada kecuaian *mudarib*, maka *mudarib* perlu membayar modal tersebut kepada *rabbul mal*. *Rabbul mal* boleh mendapatkan jaminan yang mencukupi dan munasabah terhadap modal daripada *mudarib*. Ini dibenarkan dengan syarat *rabbul mal* tidak menuntut jaminan tersebut kecuali dalam kes-kes salah laku, kecuaian dan pelanggaran syarat-syarat kontrak oleh *mudarib*.[33]

[33] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 13 (*Al-Mudarabah*), perenggan 4/4.

27. Sumbangan Modal *Mudarib* dalam Usaha Niaga *Mudarabah*

MPS dirujuk berhubung dengan isu sumbangan modal oleh *mudarib* ke dalam dana usaha niaga *mudarabah* yang disumbangkan oleh lebih daripada seorang *rabbul mal*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-90 bertarikh 15 Ogos 2009 telah memutuskan bahawa sumbangan modal oleh *mudarib* dalam dana usaha niaga *mudarabah* adalah dibenarkan. Sumbangan modal tersebut adalah sah dan mengambil hukum *musyarakah*. Oleh itu, perkongsian untung dan rugi hendaklah dibuat mengikut prinsip *musyarakah* terlebih dahulu, dan diikuti pembahagian keuntungan berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui dalam kontrak *mudarabah*.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap hujah-hujah berikut:

i. Tiada halangan sekiranya *rabbul mal* mencampurkan modal sesama mereka dan juga bersama modal *mudarib* sendiri kerana ia adalah berasaskan kepada persetujuan antara mereka; dan

ii. Jika *mudarib* mencampurkan dananya sendiri dengan modal *mudarabah*, ia dikira sebagai rakan kongsi (*musyarik*) dalam konteks dana yang disumbangnya dan pada masa yang sama, dia juga merupakan *mudarib* kepada modal yang disumbangkan oleh *rabbul mal*. Dalam pembahagian keuntungan, *mudarib* akan mengambil bahagian keuntungan daripada sumbangan modalnya. Manakala keuntungan daripada modal *mudarabah* yang disumbangkan oleh para *rabbul mal* akan dibahagikan antara *rabbul mal* dan *mudarib* berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui.[34]

[34] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 13 (*Al-Mudarabah*), perenggan 9/1/6.

28. Jaminan Pihak Ketiga ke atas Modal dan/atau Keuntungan dalam Urus Niaga *Mudarabah*

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pihak ketiga boleh menjamin modal dan/atau keuntungan urus niaga *mudarabah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-91 bertarikh 1 Oktober 2009 telah memutuskan bahawa jaminan pihak ketiga ke atas modal dan/atau keuntungan dijangka dalam urus niaga *mudarabah* adalah dibenarkan dengan syarat pihak ketiga yang beriltizam untuk memberi jaminan mestilah merupakan pihak ketiga yang bebas serta tidak mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan *mudarib*. Dalam hal ini, sekiranya pihak ketiga yang menjamin boleh menuntut semula amaun yang dijamin daripada penerbit *sukuk* jika berlaku kerugian, atau pihak ketiga yang menjamin mengenakan caj fi untuk jaminan yang diberikan, pihak penjamin sedemikian diklasifikasikan sebagai pihak ketiga yang terikat atau tidak bebas, seterusnya tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

Asas Pertimbangan

Jaminan modal dan/atau keuntungan dijangka oleh pihak ketiga dalam urus niaga *mudarabah* adalah atas dasar *maslahah* iaitu bagi memastikan keyakinan para pelabur untuk terus melabur dalam projek-projek berkepentingan negara.

Musyarakah merupakan kontrak perkongsian antara dua pihak atau lebih untuk membiayai sesuatu usaha niaga perniagaan dan semua pihak yang terlibat menyumbangkan modal sama ada dalam bentuk tunai atau lain-lain. Keuntungan daripada perkongsian tersebut akan dikongsi bersama berdasarkan nisbah yang dipersetujui, manakala kerugian akan ditanggung bersama berdasarkan nisbah sumbangan modal masing-masing. Konsep *musyarakah* pada hari ini digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan dan juga pembiayaan. Pembiayaan berasaskan *musyarakah* merangkumi pembiayaan modal kerja (*working capital financing*), pembiayaan perdagangan (*trade financing*) dan pembiayaan aset (*asset financing*).

29. Produk Pembiayaan Berasaskan *Musyarakah*

Sebuah institusi kewangan Islam bercadang untuk menawarkan dua bentuk produk pembiayaan berasaskan konsep *musyarakah*. Antara syarat umum kedua-dua pembiayaan *musyarakah* yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

i. Semua pihak dalam *musyarakah* perlu menyumbang modal;

ii. Institusi kewangan Islam sebagai rakan kongsi/pembiaya boleh meletakkan syarat-syarat tertentu (*taqyid*);

iii. Pembahagian keuntungan adalah berasaskan nisbah yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung berdasarkan nisbah sumbangan modal;

iv. Tiada jaminan pada modal. Jaminan hanya boleh dibuat dalam kes kecuaian dan pelanggaran syarat-syarat perjanjian *musyarakah*;

v. Nisbah pembahagian keuntungan boleh diubah dengan persetujuan bersama semua rakan kongsi;

vi. Syarat pembelian semula bahagian mana-mana rakan kongsi adalah berdasarkan harga pasaran (*qimah suqiyyah*) atau harga yang dipersetujui bersama dan bukannya harga nominal (*qimah ismiyyah*); dan

vii. Mana-mana rakan kongsi dalam *musyarakah* boleh meletakkan syarat bahawa sekiranya keuntungan melebihi had tertentu (siling), salah seorang rakan kongsi boleh melepaskan hak (*tanazul*) keuntungan yang melebihi had tersebut.

Dua bentuk pembiayaan secara *musyarakah* yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

1. *Projek usaha sama atau perkongsian berasaskan akaun bersama tanpa penubuhan sebuah entiti yang berasingan*

   Perjanjian pembiayaan *musyarakah* akan dimeterai antara institusi kewangan Islam dengan pelanggan. Pembiayaan akan disalurkan ke dalam akaun bersama secara sekaligus atau secara berperingkat. Akaun bersama tersebut akan didaftarkan atas nama pelanggan manakala perjalanan urus niaga akaun akan diselenggarakan secara bersama oleh institusi kewangan Islam dan pelanggan.

2. *Penyertaan ekuiti yang melibatkan penubuhan sebuah syarikat usaha sama sendirian berhad di bawah Akta Syarikat 1965*

   Sebuah entiti korporat akan ditubuhkan oleh institusi kewangan Islam dan pelanggan bagi menjalankan projek tertentu. Pengurusan syarikat akan dilantik oleh kedua-dua pihak bagi mewakili kepentingan mereka dan bertanggungjawab terhadap kemajuan projek. Institusi kewangan Islam akan membuat pembayaran pembiayaan *musyarakah* secara sekaligus melalui penambahan modal berbayar syarikat sendirian berhad.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada cadangan kedua-dua bentuk pembiayaan berasaskan *musyarakah* seperti di atas dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-53 bertarikh 29 September 2005 telah memutuskan bahawa produk pembiayaan berasaskan *musyarakah* seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan selagi tiada elemen jaminan modal dan/atau keuntungan oleh rakan kongsi ke atas rakan kongsi yang lain.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap dalil-dalil berkaitan keharusan *musyarakah* seperti yang berikut:

i. Firman Allah SWT:

وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْخُلَطَآءِ لَيَبْغِى بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ

"...dan sesungguhnya kebanyakan dari orang yang bergaul itu, setengahnya berlaku zalim kepada setengahnya yang lain, kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, sedang mereka amatlah sedikit..." [35]

Perkataan ٱلْخُلَطَآءِ dalam ayat di atas membawa maksud perkongsian. Berdasarkan ayat di atas, *musyarakah* merupakan Syariat lama yang tidak dimansuhkan. Amalan ini telah sedia ada sejak zaman Nabi Daud dan tidak ditegah oleh Nabi Muhammad SAW. Namun, *musyarakah* perlu dilaksanakan secara adil dan berlandaskan Syarak.

ii. Apabila Rasulullah SAW dilantik sebagai pesuruh Allah SWT, masyarakat Arab telah menjalankan *mua`malah* secara *musyarakah* dan Rasulullah SAW membenarkannya seperti sabda baginda:

يد الله على الشريكين ما لم يخن أحدهما صاحبه فإذا خان أحدهما صاحبه رفعها عنهما

"Pertolongan Allah SWT ke atas dua orang yang bersyarikat adalah selagi mana salah seorang daripada kedua-duanya tidak mengkhianati rakan kongsinya. Sekiranya salah seorang mengkhianati rakan kongsinya maka Allah SWT akan mengangkat pertolonganNya daripada kedua-duanya." [36]

iii. Terdapat riwayat sahabat Rasulullah SAW yang menyatakan tentang keharusan *musyarakah* seperti yang berikut:

الربح على ما شرطا والوضيعة على قدر مالين

"Keuntungan adalah berdasarkan apa yang telah disyaratkan dan kerugian adalah berdasarkan kadar harta (pihak yang berkongsi)." [37]

الوضيعة على المال والربح على ما اصطلحوا عليه

"Kerugian adalah berdasarkan kadar harta, dan keuntungan adalah berdasarkan apa yang disyaratkan." [38]

iv. Secara umumnya, ulama bersependapat dalam mengharuskan syarikat atau *musyarakah*, walaupun mereka berselisih pendapat mengenai jenis-jenis *musyarakah* yang dibenarkan.

---

[35] *Surah Sad*, ayat 24.
[36] Al-Daraqutni, *Sunan al-Daraqutni*, Mu'assasah al-Risalah, 2004, j. 3, h. 442, hadis no. 2934.
[37] Al-Zaila`i, *Nasb al-Rayah li Ahadis al-Hidayah*, Mu'assasah al-Rayyan, 1997, j. 3, h. 475.
[38] Abdul Razzaq al-San`ani, *Musannaf Abdul Razzaq*, Al-Maktab al-Islami, 1403H, j. 8, h. 248.

30. Pembiayaan Berasaskan Kontrak *Musyarakah Mutanaqisah*

Terdapat cadangan daripada sebuah institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk pembiayaan perumahan secara Islam berasaskan konsep *musyarakah mutanaqisah*. Secara umumnya, modus operandi produk pembiayaan perumahan berasaskan *musyarakah mutanaqisah* ini adalah seperti yang berikut:

i. Pelanggan yang ingin membeli harta tanah memohon pembiayaan daripada institusi kewangan Islam;

ii. Institusi kewangan Islam dan pelanggan akan membeli harta tanah tersebut secara bersama berdasarkan bahagian yang ditentukan (contohnya 90:10) bergantung pada pembiayaan yang dipohon;

iii. Bayaran pendahuluan oleh pelanggan dikira sebagai bahagian permulaan pemilikan;

iv. Bahagian aset yang dimiliki bersama oleh institusi kewangan Islam akan disewakan (secara *ijarah*) kepada pelanggan; dan

v. Bayaran ansuran bulanan akan digunakan oleh pelanggan untuk membeli bahagian pemilikan institusi kewangan Islam secara beransur-ansur sehingga keseluruhan bahagian pemilikan institusi kewangan Islam dibeli sepenuhnya.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu-isu berikut:

i. Sama ada perjanjian *musyarakah* dan *ijarah* boleh dihimpunkan dalam satu dokumen perjanjian *musyarakah mutanaqisah* kerana dibimbangi penggabungan ini menyebabkan berlakunya dua urus niaga dalam satu akad jual beli (*bai`atain fi al-bai`ah*) yang ditegah Syarak; dan

ii. Sama ada cagaran boleh dilakukan oleh salah seorang pemilik aset ke atas sesuatu aset yang dimiliki secara bersama.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-56 bertarikh 6 Februari 2006 telah memutuskan perkara berikut:

i. Amalan menghimpunkan perjanjian *musyarakah* dan *ijarah* dalam satu dokumen perjanjian adalah dibenarkan selagi kedua-dua akad tersebut dimeterai secara berasingan dan jelas serta tidak bercampur aduk antara satu sama lain; dan

ii. Amalan cagaran dalam *musyarakah mutanaqisah* boleh dilaksanakan sekiranya dokumen cagaran hanya melibatkan bahagian milik pelanggan yang digadaikan kepada institusi kewangan Islam. Ini adalah kerana hak milik bermanfaat ialah sesuatu yang diiktiraf oleh Syariah.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan bahawa kontrak *musyarakah mutanaqisah* yang menghimpunkan kedua-dua kontrak *musyarakah* dan *ijarah* merupakan satu bentuk kontrak bersifat akad-akad baharu (*`uqud mustajiddah*) yang telah diiktiraf oleh ulama fiqah semasa bagi memenuhi kehendak *mua`malah* Islam masa kini.[39]

Syarak membenarkan beberapa bentuk pengurusan (*tasarruf*) ke atas aset *musyarakah*. Antaranya, kedua-dua pihak yang berkongsi dalam kontrak *musyarakah* mempunyai hak untuk berjual beli atau menyewakan aset *musyarakah*, kerana pensyarikatan mempunyai maksud *wakalah*. Oleh itu, setiap rakan kongsi boleh menjadi wakil kepada rakan kongsinya untuk berjual beli atau melakukan sewaan termasuklah berjual beli atau menyewakan bahagian masing-masing dalam aset *musyarakah* sesama sendiri.[40] Selain itu, rakan kongsi juga dibenarkan memberi dan menerima cagaran terhadap aset *musyarakah* dengan keizinan rakan kongsi yang lain. Ini adalah selaras dengan kaedah fiqah yang berikut:

كل عين جاز بيعها جاز رهنها

"Semua yang harus dijual beli, harus digadai"[41]

[39] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 12 (*Al-Syirkah*), perenggan 3/1/3/1.

[40] Ibnu `Abidin, *Hasyiyah Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*, Dar `Alam al-Kutub, 2003, j. 6, h. 488.

[41] Ali Ahmad al-Nadwi, *Jamharah al-Qawa`id al-Fiqhiyyah fi al-Mu`amalat al-Maliyyah*, Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah li al-Istithmar, 2000, j. 2, h. 834, kaedah no. 1591.

31. Penggunaan Konsep *Wa`d* sebagai Mekanisme Menangani Kemungkiran Pelanggan dalam Pembiayaan Berasaskan *Musyarakah Mutanaqisah*

Dalam pembiayaan yang berasaskan *musyarakah mutanaqisah*, institusi kewangan Islam terdedah kepada pelbagai risiko antaranya risiko pasaran yang berkaitan dengan pemilikan bersama aset berkenaan, dan juga risiko kredit yang berkaitan dengan kewajipan pelanggan untuk membayar sewa kepada institusi kewangan Islam dan membeli aset daripadanya. Dalam hal ini, institusi kewangan Islam telah merujuk kepada MPS tentang penggunaan konsep *wa`d* sebagai pendekatan yang sesuai untuk menangani isu kemungkiran pembayaran oleh pelanggan dalam kontrak *musyarakah mutanaqisah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-64 bertarikh 18 Januari 2007 dan mesyuarat ke-65 bertarikh 30 Januari 2007 telah memutuskan bahawa klausa *wa`d* daripada pelanggan untuk membeli aset *musyarakah* boleh dimasukkan ke dalam kontrak *musyarakah mutanaqisah* bagi menangani kemungkiran pelanggan. Namun demikian, *wa`d* tersebut hendaklah dilaksanakan secara adil dengan tidak menafikan elemen perkongsian untung rugi antara pihak yang berkontrak.

Apabila berlaku kemungkiran pelanggan sehingga mengakibatkan aset terpaksa dijual kepada pihak ketiga, institusi kewangan Islam selaku pembiaya berhak menuntut kekurangan (merangkumi pembayaran sewa yang tertunggak dan pembelian bahagian institusi kewangan Islam oleh pelanggan) daripada pelanggan berdasarkan *wa`d* yang dipersetujui menurut tatacara berikut:

i. Institusi kewangan Islam boleh mengambil bahagian pelanggan daripada hasil lelongan untuk menampung kekurangan yang terjadi;

ii. Sebarang kekurangan yang berlaku selanjutnya (setelah institusi kewangan Islam mengambil bahagian pelanggan) boleh dituntut sepenuhnya oleh institusi kewangan Islam jika pelanggan berkemampuan dari segi kewangan; dan

iii. Jika pelanggan telah membuktikan ketidakupayaan kewangan untuk menjelaskan baki tuntutan, institusi kewangan Islam hendaklah menanggung kerugian tersebut.

Sekiranya berlaku lebihan hasil daripada lelongan tersebut, institusi kewangan Islam boleh berkongsi dengan pelanggan mengikut nisbah peratusan pemilikan masing-masing terhadap aset yang dikongsi semasa lelongan dibuat.

Asas Pertimbangan

Al–Zarqa' telah membuat kesimpulan bahawa hukum Syarak memberi ruang kepada pihak-pihak yang berakad untuk membuat syarat mengikut batas hak-hak mereka dalam sesuatu akad. Bagi *`uqud mustajiddah* (akad-akad baharu) yang sebahagiannya memiliki syarat yang berbeza daripada kontrak-kontrak yang diketahui dalam fiqah, perihal syarat tersebut perlu diteliti seperti yang berikut:

i. Jika ia menggugurkan syarat yang dinaskan (oleh al-Quran atau Sunnah) maka hukumnya haram;

ii. Jika ia menggugurkan syarat yang merupakan *ijtihad* para ulama maka hukumnya bergantung pada kewujudan sebab (*`illah*) syarat tersebut, *`urf* yang berkaitan dan persekitaran ekonomi semasa; dan

iii. Jika syarat yang wujud dalam kontrak baharu tidak diketahui dalam perbahasan fiqah yang terdahulu, maka syarat tersebut harus selagi ia mengandungi kepentingan pihak-pihak berkontrak dan tidak membatalkan atau menafikan objektif kontrak. Syarat tersebut dianggap fasid dan menjejaskan kontrak jika ia membawa kepada perkara haram dan menafikan tujuan kontrak.[42]

[42] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 2000, b. 10, j. 2, h. 529.

Qard bermaksud memberikan harta kepada pihak yang memanfaatkan harta tersebut dan dikembalikan gantian yang sama jenis dengannya.[43] Pada peringkat awal pelaksanaan kewangan Islam di Malaysia, beberapa produk yang berasaskan *qard* telah diperkenalkan, contohnya, sijil pelaburan Kerajaan dan pinjaman kebajikan. Kini, penggunaannya diperluas kepada produk-produk lain seperti pinjaman *rahn*, kad kredit, kad caj dan lain-lain. Ia juga menjadi asas kepada instrumen pengurusan mudah tunai bagi institusi kewangan Islam.

32. Prinsip *Qard* dalam Kewangan Islam

Penggunaan konsep *qard hasan* pada landasan yang betul dan menepati kehendak Syarak tentunya akan memberikan manfaat kepada pihak yang berkontrak. Namun, jika konsep ini diamalkan secara tidak bersesuaian, ia boleh menjejaskan imej sistem kewangan Islam. Antara isu yang timbul dalam kewangan Islam berhubung dengan penggunaan *qard hasan* ialah:

i. Sama ada maksud *qard hasan* yang sebenar ialah pemberian yang tidak perlu dibayar semula atau sebaliknya. Ini merujuk kepada situasi apabila institusi kewangan Islam bercadang untuk membawa kes pelanggan yang gagal melunaskan pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam berasaskan *qard hasan* ke mahkamah; dan

ii. Memandangkan institusi kewangan Islam memberikan pembiayaan menggunakan deposit daripada pelanggan yang mengharapkan keuntungan, pembiayaan berasaskan *qard hasan* tidak begitu menepati keperluan tersebut kerana tujuan *qard hasan* bukan untuk keuntungan, sebaliknya ia bersifat *tabarru`* atau kebajikan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada produk pembiayaan menggunakan prinsip *qard* dibenarkan kerana penggunaan konsep ini dalam produk pembiayaan dikhuatiri bertentangan dengan maksud sebenar *qard* mengikut Syarak. MPS turut dirujuk berhubung dengan isu sama ada perkataan *"hasan"* boleh dikeluarkan daripada istilah *"qard hasan"* yang diterima pakai dalam sistem kewangan Islam.

[43] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 33, h. 111. Selain itu, *qard* dari segi istilah bermaksud pemberian harta oleh seseorang kepada seseorang yang lain dengan sesuatu yang ditetapkan pada tanggungan penghutang berupa harta yang sama nilai (*mumathil*) dengan harta yang diambil. Ia adalah untuk dimanfaatkan oleh pihak penerima (penghutang). (Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 5, h. 3786).

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-51 bertarikh 28 Julai 2005 telah memutuskan bahawa produk pembiayaan yang menggunakan prinsip *qard* adalah dibenarkan. Namun demikian, perkataan *"hasan"* hendaklah digugurkan daripada istilah *"qard hasan"* bagi menggambarkan bahawa *qard* yang diberikan perlu dibayar semula oleh peminjam kepada pemberi pinjaman atau pembiaya dan tanggungjawab ini akan ditanggung oleh waris peminjam sekiranya peminjam meninggal dunia sebelum beliau sempat melunaskan kesemua jumlah obligasi hutangnya.

Asas Pertimbangan

Para ulama mentakrifkan *qard* sebagai pemberian sesuatu harta kepada pihak yang memanfaatkannya demi berkasih sayang dan dikembalikan gantinya.[44] Para ulama sependapat bahawa hukum *qard* adalah harus berdasarkan dalil al-Quran, Sunnah dan ijmak.[45] Antara dalil al-Quran yang dijadikan asas keharusan *qard* adalah seperti yang berikut:

مَن ذَا ٱلَّذِى يُقۡرِضُ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضۡعَافًا كَثِيرَةً وَٱللَّهُ يَقۡبِضُ وَيَبۡصُۜطُ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ

"Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah SWT sebagai pinjaman yang baik supaya Allah SWT melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan Allah SWT menyempitkan dan meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan."[46]

Menurut ulama tafsir, istilah *qard hasan* dalam konteks ayat ini merujuk kepada perbuatan memberi infak ke jalan Allah SWT. Istilah *qard* secara literal bermaksud pinjaman dan bukan infak. Namun demikian, para ulama tafsir mengatakan bahawa istilah *qard* yang digunakan dalam ayat ini bertujuan memuliakan manusia kerana Allah SWT memilih untuk berbicara dengan manusia menggunakan perbendaharaan kata yang lazim dan difahami oleh manusia.[47] Keharusan *qard* dalam erti kata pinjaman disandarkan kepada ayat ini berdasarkan makna zahir ayat tersebut kerana tidak mungkin Allah SWT membicarakan dan menyamakan sesuatu perkara yang dianjurkan seperti infak dengan sesuatu yang ditegah. Ini menunjukkan bahawa *qard* adalah harus.

[44] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 33, h. 111.
[45] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 33, h. 112.
[46] *Surah al-Baqarah*, ayat 245.
[47] Al-Syawkani, *Fath al-Qadir*, Dar al-Ma`rifah, 2007, h. 168.

Berhubung dengan saranan agar institusi kewangan Islam tidak menggunakan perkataan *"hasan"* dalam terma *qard hasan*, MPS menyandarkan keputusannya kepada hujah berikut:

i. Ulama fiqah tidak menghuraikan *qard hasan* secara khusus tetapi hanya membicarakan konsep *qard* dan keharusannya dari segi Syarak. Secara umumnya, *qard hasan* membicarakan perihal pemberian infak ke jalan Allah SWT; dan

ii. Perkataan *"hasan"* jika dirujuk kepada al-Quran memberi maksud infak yang diberikan secara ikhlas dan hanya mengharapkan ganjaran Allah SWT.[48]

Berdasarkan hakikat ini, disimpulkan bahawa penggunaan istilah *qard hasan* bagi merujuk kepada sesuatu pinjaman dalam konteks *mua`malah* khususnya kewangan Islam adalah tidak tepat. Ini kerana berdasarkan definisi *qard* oleh para ulama fiqah, sesuatu pinjaman (*qard*) hendaklah dilunaskan. Oleh itu, istilah *qard* dilihat lebih bertepatan dengan pinjaman tanpa faedah yang dipraktikkan oleh industri kewangan Islam semasa.

33. Instrumen Pengurusan Mudah Tunai Berasaskan *Qard*

Instrumen pengurusan mudah tunai merupakan instrumen yang digunakan untuk memastikan tahap mudah tunai industri kewangan berada pada tahap optimum. Ia digunakan untuk menyerap lebihan mudah tunai yang wujud dalam pasaran. Institusi kewangan yang mempunyai lebihan mudah tunai akan menyalurkan lebihan mudah tunai mereka kepada Bank Negara Malaysia menerusi instrumen ini. Instrumen-instrumen pengurusan mudah tunai secara Islam sebelum ini kebanyakannya dikendalikan berasaskan konsep *mudarabah* dan *wadi`ah*.

Sehubungan dengan itu, terdapat cadangan untuk memperkenalkan instrumen pengurusan mudah tunai berasaskan *qard* sebagai instrumen tambahan bagi menguruskan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam. Cadangan mekanisme instrumen pengurusan mudah tunai berasaskan *qard* adalah seperti yang berikut:

[48] Al-Suyuti, *Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur,* Dar Kutub al-`Ilmiyyah, 2000, j. 1, h. 554 - 556.

i. Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan tender melalui sistem FAST (*Fully Automated System for Issuing/Tendering*) dengan menyatakan jumlah yang ingin dipinjam;

ii. Tender adalah berasaskan bidaan tidak kompetitif iaitu pembida hanya membida amaun nominal yang ingin dipinjamkan kepada Bank Negara Malaysia;

iii. Pembida yang berjaya akan memberikan pinjaman berdasarkan tempoh pemegangan (*tenure*) sehingga tarikh matang; dan

iv. Pada tarikh matang, Bank Negara Malaysia akan membayar balik pinjaman sepenuhnya. Hibah (sekiranya ada) akan diberikan oleh Bank Negara Malaysia berdasarkan budi bicaranya.

Dalam hal ini, MPS dirujuk sama ada instrumen mudah tunai berasaskan *qard* seperti yang dicadangkan dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-55 bertarikh 29 Disember 2005 telah memutuskan bahawa instrumen pengurusan mudah tunai berasaskan *qard*, iaitu kontrak pinjaman tanpa faedah antara institusi kewangan Islam dengan Bank Negara Malaysia bagi memenuhi tuntutan pinjaman jangka masa pendek adalah dibenarkan. Bank Negara Malaysia sebagai pihak peminjam boleh membayar balik lebih daripada jumlah yang dipinjam dalam bentuk hibah berdasarkan budi bicaranya. Walau bagaimanapun, hibah tersebut tidak boleh disyaratkan terlebih dahulu.

Asas Pertimbangan

Keharusan instrumen pengurusan mudah tunai berasaskan *qard* disandarkan kepada keharusan kontrak *qard*. Produk seumpama ini penting bagi memenuhi keperluan negara untuk menguruskan mudah tunai.

Secara asasnya, sebarang manfaat, hibah atau nilai tambahan yang disyaratkan atas sesuatu hutang adalah haram hukumnya. Ini disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW yang berikut:

عن علي رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: كل قرض جر منفعة فهو ربا

"Daripada Ali r.a berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Semua pinjaman yang membawa manfaat (kepada pemberi pinjaman) maka ia adalah satu bentuk riba."[49]

Walau bagaimanapun, jika manfaat, hibah atau nilai tambahan yang diberikan tidak disyaratkan, ia adalah diharuskan. Keharusan ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang berikut:

عن جابر بن عبد الله رضي الله عنهما قال: أتيت النبي صلى الله عليه وسلم وهو في المسجد قال مسعر أراه قال ضحى فقال صل ركعتين وكان لي عليه دين فقضاني وزادني

"Daripada Jabir r.a berkata: aku datang kepada Rasulullah SAW ketika baginda berada di dalam masjid (Mis`ar menyatakan Jabir datang pada waktu dhuha), Rasulullah SAW menyuruhku solat dua raka`at kemudian dia membayar pinjaman yang dia berhutang denganku, dan memberikan aku tambahan."[50]

Membayar hutang dengan nilai atau manfaat tambahan adalah harus jika ia tidak disyaratkan dan selagi ia tidak menjadi *`urf* yang nyata. Namun begitu, jika ia menjadi kebiasaan dan dilakukan kerana hutang, maka ia wajar ditinggalkan kerana sesuatu yang menjadi *`urf* diibaratkan seperti syarat.[51]

34. Penggabungan Pembayaran Awal secara *Qard* dengan Kontrak *Murabahah*

Sebuah institusi kewangan Islam berhasrat untuk menawarkan produk akaun deposit pelaburan secara Islam yang menawarkan pulangan tetap. Bagi melaksanakan produk ini, institusi kewangan Islam tersebut berhasrat untuk menggunakan kontrak *murabahah* komoditi bagi mewujudkan keberhutangan institusi kewangan Islam dengan pendeposit atau pelabur. Satu ciri baharu produk ini ialah pemberian keuntungan awal (*advance profit*) secara *qard* kepada pendeposit semasa pembukaan akaun.

[49] Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*, Matba`ah al-Salafiyyah, 1928, h. 176.
[50] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Al-Matba`ah al-Salafiyyah, 1982, j. 2, h. 173, hadis no. 2934.
[51] Abdul Hamid Mahmud Tahmaz, *Al-Fiqh al-Hanafi fi Thawbihi al-Jadid*, Dar al-Qalam, 2001, j. 4, h. 220 – 221.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penggabungan pembayaran keuntungan awal secara *qard* dengan *murabahah* seperti yang dicadangkan dalam struktur produk ini dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-4 bertarikh 29 November 2007 telah memutuskan bahawa penggabungan pembayaran keuntungan awal secara *qard* dengan kontrak *murabahah* adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Terdapat larangan jelas daripada sumber-sumber Syariah berhubung dengan pemberian *qard* yang digabungkan dengan akad-akad pertukaran (*`uqud mu`awadhat*). Antaranya ialah hadis Rasulullah SAW yang melarang penggabungan jual beli dan *qard*:

أخبرنا إسماعيل بن مسعود عن خالد عن حسين المعلم عن عمرو بن شعيب عن أبيه عن جده : أن رسول الله صلى الله عليه و سلم نهى عن سلف وبيع وشرطين في بيع وربح ما لم يضمن

"Ismail bin Mas`ud telah memberitahu kami daripada Khalid daripada Hussein al-Mu`allim daripada `Amru bin Shuaib daripada bapanya daripada datuknya: Sesungguh Rasulullah SAW melarang menggabungkan salaf (hutang) dengan jual beli, dua syarat dalam satu akad (jual beli), dan keuntungan tanpa ada jaminan (tanpa mengambil risiko)." [52]

[52] Al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1991, j. 4, h. 43, hadis no. 6225.

Rahn dalam konteks kewangan Islam semasa merujuk kepada kontrak cagaran atau gadaian. Secara konsepnya, *rahn* ialah menjadikan sesuatu aset sebagai jaminan kepada pembiayaan atau pinjaman, agar pembiayaan atau pinjaman tersebut boleh dilunaskan dengan nilai aset pembiayaan atau jaminan tersebut sekiranya penerima biaya atau peminjam tidak mampu melunaskan obligasinya.[53] Pada kebiasaannya, kemudahan kredit yang diberikan oleh sesebuah institusi kewangan Islam sama ada menerusi kaedah jual beli atau sebagainya akan dilindungi oleh cagaran atau gadaian yang bersesuaian dan mencukupi dari segi nilainya. Aset seperti harta tanah, sijil saham dan pelaburan merupakan bentuk cagaran atau gadaian yang diterima oleh institusi kewangan Islam bagi sepanjang tempoh sesuatu pembiayaan atau pinjaman.

35. Dua Kemudahan Pembiayaan yang Bersandarkan Aset Cagaran yang Sama

Terdapat institusi kewangan yang menyediakan kemudahan pembiayaan *bai` bithaman ajil* (BBA) dan kemudahan overdraf konvensional yang disandarkan kepada satu aset cagaran yang sama dengan cagaran yang pertama dilakukan bagi melindungi kemudahan pembiayaan BBA. Sekiranya berlaku kemungkiran kepada kemudahan pembiayaan BBA dan harta tersebut dilelong, pihak institusi kewangan akan menarik kembali kemudahan overdraf konvensional memandangkan status kemudahan overdraf tersebut tidak lagi mempunyai cagaran. Penarikan semula kemudahan overdraf konvensional ini dilakukan melalui pelaksanaan klausa kemungkiran bersilang (*cross default*) yang termaktub di dalam perjanjian BBA antara institusi kewangan dengan pelanggan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada kemudahan pembiayaan BBA dan kemudahan overdraf konvensional boleh disandarkan kepada satu aset cagaran yang sama; dan

ii. Sama ada institusi kewangan boleh memasukkan klausa kemungkiran bersilang dalam dokumen BBA.

[53] Al-Subki, *Takmilah al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Maktabah al-Irshad, 1980, j. 12, h. 299; Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*, Dar `Alam al-Kutub, 1997, j. 6, h. 443.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-4 bertarikh 14 Februari 1998 telah memutuskan bahawa amalan mencagarkan satu harta untuk lebih daripada satu kemudahan pembiayaan atau pinjaman adalah dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

i. Mendapat keizinan daripada pemegang cagaran pertama;

ii. Nilainya boleh menampung semua cagaran yang dibuat; dan

iii. Tidak berlaku kemudaratan (*dharar*) terhadap mana-mana pihak.

Di samping itu, MPS turut membenarkan cadangan institusi kewangan untuk memasukkan klausa kemungkiran bersilang dalam dokumen BBA.

Asas Pertimbangan

Sekiranya cagaran meliputi sebahagian daripada aset, dan kemudian sebahagian lagi dicagarkan untuk kemudahan yang lain, hukum cagaran sebegini mengambil hukum hak tuntutan bersama ke atas aset cagaran (*undivided right to claim security*) ke atas aset cagaran (*rahn al-musya`*).[54] *Jumhur* ulama di kalangan mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali yang membenarkan *rahn al-musya`* berpendapat bahawa sekiranya sebahagian daripada aset yang tidak dapat dipisahkan telah dicagar bagi mendapatkan hutang (atau pembiayaan), maka bahagian yang selebihnya boleh dicagarkan (bagi mendapatkan hutang yang sama atau hutang yang lain) kepada pemegang cagaran yang pertama atau yang lain.

Walau bagaimanapun, sekiranya cagaran (bagi bahagian selebihnya) dibuat kepada pemegang cagaran yang lain (bukan pemegang cagaran yang pertama), maka persetujuan pemegang cagaran yang pertama perlu diperoleh terlebih dahulu.

[54] Al-Sawi, *Hasyiyah Al-Sawi `ala Syarh al-Saghir*, Dar al-Ma`arif, 1982, j. 3, h. 307.

Dalam hal ini, Imam Syafii telah menyatakan pendapatnya seperti berikut:

"Dibolehkan bagi seorang individu untuk menggadaikan separuh daripada tanahnya, dan separuh daripada rumahnya dan sebahagian daripada bahagian milikannya dalam tanah dan rumah tanpa dipisahkan harta tersebut sekiranya semua bahagian diketahui dengan jelas dan bahagian yang dicagar juga diketahui. Maka dalam hal ini, tiada perbezaan antara cagaran dan jual beli."[55]

36. Berurusan dengan Aset yang Masih dalam Cagaran

Oleh sebab nilai aset yang digunakan sebagai cagaran, terutamanya harta tanah, berkemungkinan mengalami peningkatan nilai pasaran, maka akan wujud lebihan sekuriti (*excess security*) jika dibandingkan dengan nilai asal aset tersebut semasa ia mula dicagarkan. Tambahan pula, jika penghutang terus membayar hutangnya mengikut jadual yang dipersetujui, baki hutangnya akan terus berkurang dari semasa ke semasa. Dalam keadaan ini, pemilik aset cagaran mungkin berhasrat untuk menggunakan lebihan sekuriti tersebut bagi tujuan tertentu umpamanya mengadakan urus niaga baharu dengan cagaran terhadap aset berkenaan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada pemegang cagaran pertama dianggap bersetuju untuk melepaskan tuntutannya terhadap harta yang menjadi cagaran pertama sekiranya beliau memberi kebenaran bagi cagaran kedua; dan

ii. Sama ada akad jual beli atau cagaran boleh dilaksanakan terhadap sebahagian daripada nilai semasa harta tersebut.

[55] Al-Syafii, *Al-Umm*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, (t.t.), h. 575:
لا بأس بأن يرهن الرجل نصف أرضه ونصف داره وسهما من أسهم من ذلك مشاعا غير مقسوم إذا كان الكل معلوما وكان ما رهن منه معلوما ولا فرق بين ذلك وبين البيوع.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-6 bertarikh 26 Ogos 1998 telah memutuskan perkara berikut:

i. Sekiranya pemegang cagaran pertama memberi kebenaran bagi cagaran kedua, ia tidak bermaksud pemegang cagaran tersebut telah bersetuju untuk melepaskan tuntutannya terhadap harta yang menjadi cagaran pertama. Di samping itu, kebenaran daripada pemegang cagaran yang pertama perlu dibuat secara bertulis agar tidak timbul pertelingkahan atau pertikaian; dan

ii. Akad jual beli atau cagaran yang dilaksanakan terhadap sebahagian daripada nilai keseluruhan harta dibenarkan tetapi harta tersebut dianggap sebagai harta milik bersama (*musya'*) dalam kalangan pembeli mengikut peratusan pegangan masing-masing. Hak atas harta cagaran yang dilelong juga dikongsi bersama antara penerima cagaran berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui.

Asas Pertimbangan

Sekiranya pemegang cagaran pertama memberi kebenaran untuk cagaran kedua, ini tidak bermaksud bahawa pemegang cagaran tersebut telah bersetuju untuk melepaskan tuntutannya terhadap harta yang menjadi cagaran pertama kerana:

i. Pemegang cagaran pertama masih berhak ke atas aset tersebut selagi pencagar tidak melunaskan hutangnya; dan

ii. Bahagian yang diharuskan bagi cagaran kedua adalah baki atau lebihan aset yang telah dicagarkan, bukannya bahagian yang telah dicagarkan kepada pemegang cagaran yang pertama.

Kebenaran pemegang cagaran pertama terhadap urus niaga cagaran kedua pula perlu dibuat secara jelas bagi mengelak sebarang kekeliruan dalam penggunaan dan pemilikan aset cagaran tersebut.

Di samping itu, akad jual beli atau cagaran yang dilaksanakan terhadap sebahagian daripada nilai sebenar aset dibenarkan berdasarkan pendapat-pendapat berikut:

i. Majoriti fuqaha melainkan mazhab Hanafi membenarkan cagaran terhadap sebahagian daripada nilai sebenar aset yang tidak dikenal pasti bahagiannya (*rahn al-musya`*).[56] Kaedah yang dipegang oleh majoriti fuqaha tersebut ialah:

كل ما جاز بيعه جاز رهنه من مشاع وغيره

"Apa sahaja yang diharuskan jual beli maka diharuskan juga cagarannya sama ada dari jenis pemilikan secara bersama atau sebaliknya."[57]

ii. Imam Syafii turut berpendapat:

"Dibolehkan bagi seorang individu untuk menggadaikan separuh daripada tanahnya, dan separuh daripada rumahnya dan sebahagian daripada bahagian milikannya dalam tanah dan rumah tanpa dipisahkan harta tersebut sekiranya semua bahagian diketahui dengan jelas dan bahagian yang dicagar juga diketahui. Maka dalam hal ini, tiada perbezaan antara cagaran dan jual beli."[58]

37. Sijil Deposit Tetap Konvensional sebagai Cagaran bagi Pembiayaan secara Islam

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada Sijil Deposit Tetap konvensional boleh dijadikan sekuriti atau cagaran untuk pembiayaan secara Islam. Dalam hal ini, hanya nilai pokok deposit tetap tersebut yang akan dijadikan cagaran, manakala jumlah faedah atau riba tidak akan diambil kira.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-9 bertarikh 25 Februari 1999 telah memutuskan bahawa Sijil Deposit Tetap konvensional (tidak termasuk jumlah faedah atau riba) merupakan hak atau harta pelanggan dan oleh itu, boleh dijadikan sekuriti atau cagaran bagi pembiayaan secara Islam.

[56] Al-Syafii, *Al-Umm*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, (t.t.), h. 575; al-Dusuki, *Hashiyah al-Dusuki `ala Syarh al-Kabir*, Dar Ihya' Kutub al-Arabiyyah, (t.t.), j. 3, h. 235; Al-Bahuti, *Kasshaf al-Qina` `an Matn al-Iqna`*, `Alam al-Kutub, 1997, j. 3, h. 48.
[57] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 6, h. 4255.
[58] Al-Syafii, *Al-Umm*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, (t.t.), h. 575:
لا بأس بأن يرهن الرجل نصف أرضه ونصف داره وسهما من أسهم من ذلك مشاعا غير مقسوم إذا كان الكل معلوما وكان ما رهن منه معلوما ولا فرق بين ذلك وبين البيوع.

Asas Pertimbangan

Antara syarat utama bagi cagaran ialah aset cagaran mesti merupakan harta yang bernilai dan dapat diserahkan.[59] Pada dasarnya, aset cagaran hendaklah berbentuk aset ketara (*tangible*). Namun, aset cagaran juga dibenarkan dalam bentuk hutang, mata wang tunai, atau aset yang boleh diterima pakai. Dalam konteks ini, Sijil Deposit Tetap konvensional (tidak termasuk jumlah faedah atau riba) didapati menepati ciri-ciri aset yang boleh digunakan sebagai aset cagaran.

Selain itu, cagaran merupakan kontrak pelengkap bagi sesuatu urus niaga asas yang lain. Ia dibenarkan selagi aset yang digunakan sebagai cagaran adalah bernilai dari segi Syarak dan diterima oleh pihak yang menerima cagaran.

38. Penggunaan Sekuriti Hutang secara Islam sebagai Aset Cagaran

Terdapat cadangan untuk memperkenalkan konsep cagaran dalam pasaran wang secara Islam bagi membolehkan para peserta pasaran mendapatkan dana dengan mencagar sekuriti hutang Islam yang mereka miliki kepada peserta pasaran lain. Sekuriti hutang Islam ini berbentuk tanpa skrip (*scriptless*) iaitu penerima biaya hanya perlu mengenal pasti sekuriti yang dicagarkan dalam sistem tanpa memindahkan sekuriti tersebut kepada pembiaya. Penerima biaya juga tidak akan membuat sebarang urus niaga terhadap sekuriti yang dicagarkan sama ada untuk dijual beli, dicagarkan kepada pihak lain dan sebagainya sepanjang tempoh cagaran tersebut.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada sekuriti hutang Islam boleh digunakan sebagai aset cagaran dalam kontrak *rahn*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-30 bertarikh 28 Oktober 2002 telah memutuskan bahawa penggunaan sekuriti hutang secara Islam sebagai aset cagaran dalam kontrak *rahn* adalah dibenarkan. Penerima biaya juga dibenarkan untuk sekadar mengenal pasti sekuriti yang dicagarkan dalam sistemnya tanpa perlu memindahkan sekuriti tersebut kepada pembiaya.

[59] Al-Samarqandi, *Tuhfat al-Fuqaha'*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, 1983, j. 3, h. 40.

Asas Pertimbangan

Konsep *rahn* merupakan salah satu kaedah sekuriti terhadap hutang yang diterima dalam Islam dan diamalkan sejak sekian lama. Aset yang boleh dijadikan aset cagaran dalam *rahn* ialah sebarang aset berharga yang boleh dijual beli serta dipersetujui bersama oleh penerima biaya dan pembiaya. Dalam hal ini, sekuriti hutang secara Islam memenuhi ciri-ciri aset cagaran kerana ia berharga dan boleh dijual beli dalam pasaran.

Ulama Syafii membenarkan cagaran diambil dan digunakan oleh pihak yang mencagar selagi mendapat keizinan penerima cagaran.[60] Ulama Maliki pula membenarkan *"rahn rasmi/hiyazi"* iaitu penyerahan cagaran melalui catatan secara rasmi dalam daftar pihak berkuasa, dan ia boleh menjadi ganti kepada penyerahan sebenar.[61] Pandangan ini jelas selaras dengan pandangan ulama semasa yang membenarkan penggunaan sekuriti hutang dan *sukuk* sebagai aset cagaran dalam *rahn*.

Sehubungan dengan itu, walaupun sekuriti hutang Islam yang digunakan sebagai aset cagaran dalam kontrak ini berbentuk tanpa skrip, namun sekuriti tersebut wujud secara maknawi atau konstruktif. Ini kerana ia memenuhi ciri barang yang boleh dicagarkan iaitu mempunyai nilai, boleh diniagakan dan boleh dipindah milik. Tambahan pula, ia diseliakan oleh sistem yang berwibawa dan terjamin dari segi integriti, kebolehpercayaan serta disiplin pasaran yang tinggi dan telus.

39. Penjualan Aset Cagaran Sekiranya Penerima Biaya Gagal Membayar Semula Amaun Pembiayaan kepada Pembiaya

Lanjutan kepada cadangan pengenalan konsep cagaran dalam pasaran wang secara Islam dengan menggunakan sekuriti hutang Islam sebagai aset cagaran, MPS dirujuk berhubung dengan isu sekiranya berlaku kegagalan penerima biaya untuk membayar semula amaun pembiayaan kepada pembiaya dalam tempoh yang dipersetujui.

[60] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 6, h. 243.
[61] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 6, h. 4240.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-30 bertarikh 28 Oktober 2002 telah memutuskan bahawa sekiranya penerima biaya gagal membayar semula amaun pembiayaan kepada pembiaya dalam tempoh yang dipersetujui, pembiaya boleh menjual sekuriti yang dicagarkan bagi menebus amaun pembiayaan yang perlu dibayar oleh penerima biaya. Walau bagaimanapun, pembiaya dikehendaki memulangkan lebihan nilai sekuriti yang dicagarkan kepada penerima biaya sekiranya nilai sekuriti tersebut melebihi jumlah amaun pembiayaan.

Asas Pertimbangan

Kebenaran untuk menjual atau mencairkan aset cagaran sekiranya penerima biaya gagal membayar semula amaun pembiayaan kepada pembiaya dalam tempoh yang dipersetujui adalah selaras dengan objektif dan ciri-ciri asas cagaran dalam Islam. Pembiaya *(selaku murtahin*) boleh mengenakan syarat terhadap penerima biaya (selaku *rahin*) supaya mewakilkan pembiaya atau individu tertentu untuk menjual aset cagaran bagi melangsaikan amaun pembiayaan yang gagal dibayar tanpa merujuk kepada mahkamah. Di samping itu, pembiaya berhak untuk meminta supaya aset cagaran dijual bagi melunaskan amaun pembiayaan yang tidak dibayar mengikut tempoh yang dipersetujui. Sekiranya terdapat lebihan daripada harga jualan, ia hendaklah dikembalikan kepada penerima biaya kerana ia merupakan sebahagian daripada cagaran. Ini adalah bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW seperti yang berikut:

عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا يغلق الرهن من صاحبه الذى رهنه له غنمه وعليه غرمه

"Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Aset cagaran tidak akan hilang daripada hak pemilik (apabila dia tidak melunaskan hutangnya). Sebarang keuntungan bagi aset cagaran adalah hak pemilik, dan sebarang tanggungan mestilah ditanggung olehnya."[62]

[62] Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*, Matba`ah al-Salafiyyah, 1928, h. 176.

40. Keuntungan yang Terhasil daripada Aset Cagaran Sepanjang Tempoh Cagaran

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada sebarang keuntungan seperti dividen, terbitan hak dan bonus yang terhasil daripada aset cagaran sepanjang tempoh cagaran adalah hak pemilik aset cagaran iaitu penerima biaya.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-30 bertarikh 28 Oktober 2002 telah memutuskan bahawa sebarang keuntungan seperti dividen, terbitan hak dan bonus yang terhasil daripada aset cagaran (*marhun*) sepanjang tempoh cagaran adalah hak pemilik aset cagaran iaitu penerima biaya.

Asas Pertimbangan

Pemilik aset cagaran selaku penerima biaya dalam kontrak *rahn* berhak terhadap sebarang keuntungan yang terhasil daripada aset cagaran sepanjang tempoh cagaran kerana kontrak *rahn* bukan kontrak yang melibatkan pemindahan hak milik aset cagaran daripada pencagar kepada penerima cagaran. Ulama bersependapat dalam menentukan penerima biaya atau pencagar sebagai pemilik keuntungan yang terhasil daripada aset cagaran kerana ia merupakan pemilik aset tersebut.[63] Di samping itu, Imam Syafii turut menyatakan bahawa keuntungan aset cagaran adalah penambahannya manakala kerugian aset cagaran adalah kemusnahan dan pengurangannya.[64]

Pandangan-pandangan di atas adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW seperti yang berikut:

عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا يغلق الرهن من صاحبه الذى رهنه له غنمه وعليه غرمه

"Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Aset cagaran tidak akan hilang daripada hak pemilik (apabila dia tidak melunaskan hutangnya). Sebarang keuntungan ke atas aset cagaran adalah hak pemilik, dan sebarang tanggungan mestilah ditanggung olehnya."[65]

[63] Al-Juzairi, *Al-Fiqh `ala al-Mazahib al-Arba`ah*, Al-Maktab al-Thaqafi, 2000, j. 3, h. 332 – 337.
[64] Al-Syafii, *Musnad al-Syafii*, Dar al-Basyair al-Islamiyyah, 2005, j. 1, h. 886; Al-Baihaqi, *Al-Sunan al-Kubra*, Maktabah Dar al-Baz, 1994, j. 6, h. 65.
[65] Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*, Matba`ah al-Salafiyyah, 1928, h. 176.

Takaful merupakan permuafakatan sekumpulan individu untuk saling menjamin dan membantu antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan tertentu yang dipersetujui dalam kalangan mereka seperti memberi pampasan bagi sesuatu musibah yang menimpa serta keperluan kewangan yang lain. Permuafakatan ini melibatkan sumbangan wang caruman berasaskan konsep *tabarru`* (pemberian secara sukarela) oleh kesemua peserta takaful. Sebuah dana khusus akan ditubuhkan sebagai sumber bantuan kewangan kepada mana-mana peserta berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui antara mereka. Selaras dengan konsep tolong-menolong (*ta`awun*) dan keperluan umat Islam untuk mempunyai satu skim yang berlandaskan Syariah sebagai alternatif kepada insurans konvensional, industri takaful telah berkembang pesat menjadi industri berdaya maju yang telah disepadukan dalam arus perdana sistem kewangan negara.

41. Model Takaful Berasaskan *Tabarru`* dan *Wakalah*

Terdapat cadangan daripada sebuah syarikat takaful yang berhasrat untuk menerima pakai model takaful yang berasaskan *tabarru`* dan *wakalah*. Melalui konsep *tabarru`*, para peserta takaful bersetuju untuk memberikan semua atau sebahagian daripada caruman mereka sebagai derma bagi membantu para peserta takaful lain yang menghadapi musibah atau kesulitan tertentu.

Melalui kontrak *wakalah* pula, para peserta takaful akan melantik syarikat takaful sebagai wakil untuk mengendalikan dana takaful, merangkumi pengurusan pelaburan dan pembayaran tuntutan, takaful semula, rizab teknikal dan kos pengurusan. Sebagai balasan, syarikat takaful akan menerima upah atau fi bagi perkhidmatan yang disediakan. Fi boleh dikenakan sebagai amaun tetap atau berdasarkan nisbah yang dipersetujui berdasarkan keuntungan pelaburan atau lebihan dana takaful.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada model perniagaan takaful yang berasaskan konsep *tabarru`* dan *wakalah* seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-24 bertarikh 24 April 2002 telah memutuskan bahawa model perniagaan takaful yang berasaskan *tabarru`* dan *wakalah* adalah dibenarkan. Kontrak *wakalah* berlaku antara peserta dengan syarikat takaful, manakala kontrak *tabarru`* berlaku sesama peserta sahaja.

Pada mesyuarat khas ke-2 bertarikh 18 Jun 2007, MPS turut memutuskan bahawa model perniagaan takaful semula yang berasaskan *tabarru`* dan *wakalah* dibenarkan Syarak.

Asas Pertimbangan

Konsep *tabarru`* merupakan konsep yang diiktiraf di sisi Syarak. Ini berdasarkan firman Allah SWT seperti yang berikut:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ

"...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan permusuhan..."[66]

Keharusan penggunaan *tabarru`* dalam operasi perniagaan takaful juga selari dengan resolusi Akademi Fiqah OIC yang menyarankan supaya konsep *tabarru`* digunakan dalam membangunkan institusi takaful.[67]

Di samping itu, tiada halangan Syarak bagi penggunaan *wakalah* dalam operasi perniagaan takaful memandangkan para ulama telah sependapat berhubung dengan keharusan *wakalah*. *Wakalah* merupakan kontrak yang melibatkan satu pihak (prinsipal) mewakilkan satu pihak yang lain (ejen) untuk melaksanakan tanggungjawab bagi pihak prinsipal dalam hal-hal yang boleh diwakilkan atau ditugaskan daripada perspektif Syariah, sama ada secara sukarela atau dengan fi. Dalam konteks takaful dan takaful semula, fi *wakalah* dibayar oleh para peserta kepada syarikat takaful selaku ejen sebagai ganjaran untuk melaksanakan sesuatu tugasan. Kadar fi dan kaedah bayarannya adalah tertakluk kepada persetujuan pihak yang berkontrak.

[66] *Surah al-Ma'idah*, ayat 2.
[67] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1985, Persidangan kali ke-2, resolusi no. 9 (2/9).

42. Pelaksanaan Konsep *Musahamah* dalam Pelan Takaful Am Komersial

Sebuah syarikat takaful berhasrat untuk memperkenalkan konsep *musahamah* dalam pelan takaful am komersial. Menerusi konsep ini, para peserta takaful akan membayar sumbangan kepada syarikat takaful atas dasar *musahamah* dan sebagai manfaat, para peserta takaful boleh membuat tuntutan dan menerima bayaran ganti rugi bagi sebarang kemalangan atau musibah yang berlaku. Sekiranya peserta takaful tidak membuat sebarang tuntutan dalam tempoh takaful berkuat kuasa, mereka berhak mendapat pulangan sumbangan dalam bentuk bonus (*good experience refund*), tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. Terdapat lebihan (*surplus*) dalam dana risiko takaful;

ii. Peserta tidak pernah membuat sebarang tuntutan dan tidak menerima sebarang ganti rugi dalam tempoh tertentu; dan

iii. Peserta bersetuju untuk memperbaharui kontrak takaful bagi tempoh tertentu. Sekiranya peserta tidak menyambung kontrak, dia dianggap bersetuju melepaskan bahagian bonusnya atas dasar *isqat al-haq*.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penggunaan konsep *musahamah* dalam pelan takaful am seperti yang dicadangkan dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-66 bertarikh 22 Februari 2007 telah memutuskan bahawa penggunaan konsep *musahamah* dalam pelan takaful am seperti yang dicadangkan adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Cadangan penggunaan konsep *musahamah* dalam pelan takaful am adalah tidak dibenarkan kerana *musahamah* merupakan suatu konsep yang tidak jelas maksudnya.[68] Ia juga bukan merupakan akad yang dikenali dalam *fiqh muamalat*.[69] Definisi *musahamah* seperti yang dinyatakan tidak selari dengan keseluruhan ciri dan operasi takaful, khususnya dalam kes-kes tuntutan peserta takaful. Sebaliknya, *musahamah* dalam definisi yang diberikan menyentuh soal persetujuan antara peserta takaful untuk memberi sumbangan tertentu.

Perniagaan takaful perlu berasaskan kepada konsep *tabarru`* kerana menerusi konsep ini, peserta takaful dibenarkan menerima sumbangan daripada dana takaful sekiranya terdapat tuntutan akibat daripada kecelakaan atau sebagainya. Ketidakpastian (*gharar*) dalam sumbangan adalah dibenarkan dalam kontrak *tabarru`at*, selaras dengan pendapat ulama di kalangan mazhab Maliki.[70]

Konsep *musahamah* didapati tidak sesuai untuk membenarkan tuntutan dilakukan dan dibayar kepada peserta yang berhak kerana *musahamah* berdasarkan definisi amnya adalah perkongsian untuk mendapatkan keuntungan dan bukannya bertujuan menderma untuk membayar tuntutan dalam skim takaful.

43. Model Perniagaan Takaful Semula Berasaskan *Wakalah* – Wakaf

Terdapat cadangan daripada sebuah syarikat takaful semula untuk menjalankan perniagaan takaful semula berasaskan model *wakalah* dengan elemen wakaf. Antara ciri khas model *wakalah* dengan elemen wakaf yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

i. Syarikat takaful semula merupakan wakil bagi menguruskan sumbangan takaful berdasarkan terma perjanjian yang menggariskan hak dan tanggungjawab syarikat takaful semula dan syarikat takaful (selaku peserta takaful);

---

[68] Berdasarkan kepada definisi yang diberikan oleh syarikat takaful tersebut terhadap istilah *"musahamah"*, ia dapat difahami bahawa maksudnya menyerupai konsep *"musyarakah"*. Ini kerana perkataan *"musahamah"* (مساهمة) dari segi bahasa Arab bermaksud penyertaan (*participation*), mengambil bahagian (*taking part*) atau berkongsi (*sharing*). Istilah *"musahamah"* merupakan istilah bahasa Arab yang lazimnya digunakan untuk menerangkan tentang penglibatan atau penyertaan seseorang dalam sesuatu perkara atau projek tertentu, sama ada dalam bentuk sumbangan tenaga (diri) atau wang dan sebagainya.

[69] Daripada perspektif Syariah, istilah *musahamah* merupakan istilah baru dan tidak dikenali sebagai istilah fiqah dalam sesuatu kontrak *mua`malah*. Jika dirujuk kepada buku istilah fiqah sebagaimana yang dihimpunkan oleh Dr Nazih Hamad dalam kitabnya *"Mu`jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyah fi Lughat al-Fuqaha''*, istilah ini tidak termasuk sebagai salah satu istilah fiqah.

[70] Al-Qarafi, *Al-Furuq*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1998, j. 1, h. 276 - 277.

ii. Syarikat takaful semula menubuhkan dana takaful dengan memberi sejumlah modal secara wakaf. Selepas penubuhan dana tersebut, syarikat takaful semula tidak mempunyai hak atas dana yang ditubuhkan. Namun, ia berhak untuk mengendalikan dana tersebut;

iii. Modal awal ini adalah bersifat berterusan, tidak boleh dibatalkan dan tidak boleh dipindahkan. Sumbangan para peserta takaful akan disalurkan kepada dana takaful. Tujuan dana takaful ini ditubuhkan adalah untuk membayar sebarang tuntutan atau kerugian yang dialami oleh peserta, memberikan manfaat kepada peserta bersesuaian dengan syarat-syarat wakaf, dan memberikan sumbangan kepada badan-badan amal yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah; dan

iv. Sebarang lebihan dana takaful akan diagihkan kepada peserta takaful.

Dalam hubungan ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada model perniagaan takaful semula yang berasaskan *wakalah* dengan elemen wakaf seperti di atas dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-87 bertarikh 23 Jun 2009 telah memutuskan bahawa perniagaan takaful semula yang berasaskan model *wakalah* dengan elemen wakaf berdasarkan ciri-ciri seperti yang dinyatakan di atas adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, struktur model operasi takaful semula yang berasaskan konsep *wakalah* dan wakaf tidak mengubah unsur pensyaratan dalam sumbangan derma *tabarru`* oleh para peserta takaful. Oleh itu, kesan model ini dilihat sama dengan struktur model takaful yang sedia ada iaitu *tabarru`*.

Di samping itu, MPS turut memutuskan bahawa sumbangan derma *tabarru`* oleh peserta takaful dalam perjanjian takaful atau takaful semula yang berasaskan kontrak *wakalah* dengan elemen wakaf adalah dimiliki dan diuruskan oleh dana wakaf tetapi bukan merupakan sebahagian daripada aset wakaf.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

i. Antara elemen asas dalam model yang dicadangkan ialah penerapan elemen wakaf. Namun akhirnya, dana ini akan menerima dan memiliki sumbangan derma *tabarru`* daripada peserta takaful. Sumbangan derma *tabarru`* tersebut tidak menjadi sebahagian daripada modal wakaf tetapi diuruskan oleh entiti wakaf untuk membayar tuntutan takaful;

ii. Pandangan para ulama dalam kalangan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali membenarkan sumbangan atau pemberian kepada entiti wakaf dalam bentuk binaan atau tanaman kekal tanpa menjadikan status pemberian tersebut sebagai wakaf;[71] dan

iii. Niat dan tujuan yang dizahirkan oleh penyumbang dan persetujuan antara penyumbang dengan entiti wakaf merupakan faktor penting dalam menentukan status sesuatu sumbangan atau pemberian kepada entiti wakaf, iaitu sama ada sumbangan tersebut menjadi sebahagian daripada aset wakaf atau tidak. Dalam kes ini, pemberian atau sumbangan daripada peserta takaful adalah bersifat *tabarru`* dan bukannya wakaf.

44. Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan secara Islam

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam wajib menawarkan perlindungan takaful sebagai pilihan pertama bagi melindungi pembiayaan yang diterima oleh pelanggan daripada institusi kewangan Islam.

[71] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 44, h. 184 – 186.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-41 bertarikh 8 Mac 2004 dan mesyuarat ke-43 bertarikh 29 April 2004 telah memutuskan perkara berikut:

i. Bagi pakej pembiayaan secara Islam yang tidak merangkumi amaun caruman perlindungan, institusi kewangan Islam hendaklah menawarkan pelan takaful sebagai pilihan pertama kepada pelanggan yang memohon untuk mendapatkan pembiayaan secara Islam yang memerlukan perlindungan.[72] Sekiranya pelanggan menolak pelan takaful atas sebab-sebab tertentu, pelanggan boleh memilih mana-mana insurans konvensional yang dikehendakinya. Pengecualian ini hanya diberikan kerana mengambil kira faktor berikut:

   a. Sekiranya premium insurans tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan;

   b. Terdapat sektor atau kelas tertentu dalam insurans yang takaful tidak mempunyai kepakaran sepenuhnya; atau

   c. Permohonan pelanggan tidak diterima oleh syarikat takaful atas sebab-sebab tertentu.

ii. Bagi pakej pembiayaan secara Islam yang merangkumi amaun caruman perlindungan, institusi kewangan Islam hendaklah memastikan bahawa hanya pelan takaful digunakan bagi melindungi pembiayaan secara Islam tersebut. Premium insurans konvensional tidak boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada pakej pembiayaan secara Islam; dan

iii. Sekiranya pelanggan yang mengambil perlindungan insurans konvensional bagi melindungi pembiayaan secara Islam meninggal dunia atau mengalami musibah yang mengakibatkannya tidak dapat membuat pembayaran pembiayaan, institusi kewangan Islam berhak menerima pampasan insurans konvensional berkenaan.

[72] Istilah "pilihan pertama" bermaksud institusi kewangan Islam hanya mengemukakan perlindungan takaful kepada pelanggan dan bukannya mengemukakan kedua-dua perlindungan takaful dan insurans konvensional secara serentak untuk dipilih oleh pelanggan.

Asas Pertimbangan

Secara idealnya, semua pembiayaan secara Islam yang memerlukan perlindungan perlulah dilaksanakan di bawah skim perlindungan takaful. Walau bagaimanapun, bagi pakej pembiayaan secara Islam yang tidak merangkumi amaun caruman perlindungan, kewajipan institusi kewangan Islam untuk mengemukakan takaful sebagai pilihan pertama kepada pelanggan adalah wajar dan munasabah.

Pendekatan membenarkan pelanggan memilih mana-mana insurans konvensional yang dikehendakinya (dalam kes pakej pembiayaan secara Islam yang tidak merangkumi amaun caruman perlindungan) mengambil kira beberapa faktor seperti pelanggan bukan Islam, tahap kesediaan syarikat takaful menawarkan produk takaful tertentu, kepakaran syarikat takaful dalam kelas tertentu dan sebagainya. Ini sesuai dengan inti pati hadis Rasulullah SAW seperti yang berikut:

فإذا أمرتكم بشيء فأتوا منه ما استطعتم وإذا نهيتكم عن شيء فدعوه

"Apabila aku perintahkan kamu dengan sesuatu maka turutinya semampu kamu dan apabila aku melarang kamu akan sesuatu maka hindarilah ia."[73]

Di samping itu, institusi kewangan Islam berhak untuk menerima pampasan daripada syarikat insurans konvensional yang dipilih oleh pelanggan bagi melunaskan bayaran pembiayaan secara Islam sekiranya berlaku kematian atau musibah ke atas pelanggan. Ini kerana kontrak perlindungan insurans dan kontrak pembiayaan adalah dua kontrak yang berbeza. Kontrak pembiayaan melibatkan institusi kewangan Islam dan pelanggan selaku penerima biaya. Manakala kontrak perlindungan insurans pula melibatkan pelanggan dan syarikat insurans, dengan institusi kewangan Islam sebagai benefisiari.

45. Perlindungan Takaful bagi Pinjaman secara Konvensional

Dalam senario dwi-sistem kewangan negara, terdapat situasi melibatkan pelanggan yang telah membuat pinjaman dengan institusi kewangan konvensional (untuk membeli sesuatu aset) berhasrat untuk mendapatkan skim perlindungan takaful bagi melindungi aset tersebut.

[73] Muslim, *Sahih Muslim*, Dar al-Mughni, 1998, h. 698, hadis no. 412.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada syarikat takaful boleh menawarkan perlindungan takaful bagi aset pelanggan yang diperoleh melalui pinjaman secara konvensional.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-54 bertarikh 27 Oktober 2005 telah memutuskan bahawa syarikat takaful boleh menawarkan perlindungan takaful ke atas aset pelanggan walaupun aset tersebut dibiayai secara konvensional dengan syarat ia dilakukan secara berasingan dan bukan bersifat pakej.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan bahawa kontrak perlindungan takaful dan kontrak pinjaman konvensional adalah dua kontrak yang berbeza dan berasingan. Sehubungan dengan itu, tiada halangan bagi syarikat takaful untuk memberi perlindungan takaful bagi aset pelanggan yang dibiaya oleh pinjaman konvensional kerana syarikat takaful tidak terlibat secara langsung dalam urus niaga pinjaman konvensional yang dimeterai oleh pelanggan dengan institusi kewangan konvensional.

46. Perlindungan Takaful ke atas Produk Kad Kredit Konvensional

MPS dirujuk berhubung dengan cadangan sebuah syarikat takaful untuk menawarkan perlindungan takaful berkelompok bagi melindungi pelanggan kad kredit konvensional. Menerusi produk kad kredit konvensional ini, institusi perbankan yang berkenaan akan memberikan syarat kepada pelanggan supaya mendapatkan perlindungan takaful sewaktu membuat permohonan mendapatkan kad kredit konvensional. Syarat ini bertujuan untuk melindungi pelanggan daripada situasi yang tidak diingini seperti pelanggan meninggal dunia atau mengalami kecacatan kekal yang menyebabkannya tidak berkemampuan untuk menjelaskan hutang kad kredit konvensional tersebut.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-70 bertarikh 12 September 2007 telah memutuskan bahawa perlindungan takaful khusus bagi kad kredit konvensional seperti yang dicadangkan adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan bahawa kontrak perlindungan takaful dan kontrak kad kredit konvensional adalah saling berkait kerana kedua-duanya dipakejkan dalam satu produk. Sekiranya perlindungan takaful dipakejkan bersama produk kad kredit konvensional, ini secara tidak langsung mengakibatkan perniagaan takaful terlibat dalam bantu-membantu dalam amalan riba dan perkara-perkara yang ditegah Syarak (sekiranya ada). Perkara ini jelas bertentangan dengan prinsip asas dan tujuan aktiviti takaful selaras dengan firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ

"...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan permusuhan..." [74]

47. Takaful Semula dengan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Konvensional

Pengaturan takaful semula merupakan salah satu cara bagi syarikat takaful untuk mengurangkan beban risiko yang ditanggung dalam menyediakan perlindungan kepada peserta takaful. Ia merujuk kepada perkongsian risiko antara syarikat takaful dengan syarikat takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional yang lain. Dengan adanya pengaturan takaful semula yang berkesan, syarikat takaful dapat meningkatkan kapasiti dan menstabilkan prestasi pengunderaitannya, serta berupaya melindungi dana takaful daripada bebanan kewangan yang ketara sekiranya berlaku tuntutan di luar jangkaan.

Pengaturan takaful semula kebiasaannya dilaksanakan menerusi dua cara utama seperti yang berikut:

[74] *Surah al-Ma'idah*, ayat 2.

i. Takaful semula alir masuk (*inward retakaful*) iaitu syarikat takaful menerima risiko daripada syarikat takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional yang lain; dan

ii. Takaful semula alir keluar (*outward retakaful)* iaitu syarikat takaful mengagih atau memberi risiko yang diunderaitnya kepada syarikat takaful (dan takaful semula) atau syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional yang lain.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada penerimaan takaful semula alir masuk oleh syarikat takaful secara triti atau fakultatif daripada syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional dibenarkan; dan

ii. Sama ada pengagihan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans (dan insurans semula) konvensional dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-47 bertarikh 14 Februari 2005 telah memutuskan perkara berikut:

i. Syarikat takaful tidak dibenarkan menerima takaful semula alir masuk sama ada secara triti atau fakultatif daripada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional; dan

ii. Syarikat takaful diberikan kelonggaran untuk mengagihkan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

   a. Keutamaan mestilah diberikan kepada syarikat takaful dan syarikat takaful semula;

   b. Ketiadaan syarikat takaful dan syarikat takaful semula sama ada dalam atau luar negara yang diyakini dapat menyerap risiko yang diagihkan; dan

   c. Kekukuhan syarikat takaful dan syarikat takaful semula sama ada dalam atau luar negara tidak diyakini.

Asas Pertimbangan

Larangan bagi syarikat takaful untuk menerima takaful semula alir masuk daripada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

i. Kontrak asal yang dimeterai oleh syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional adalah bercanggah dengan Syarak.[75] Sekiranya syarikat takaful menerima takaful semula alir masuk daripada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional, syarikat takaful dilihat sebagai mengiktiraf kontrak insurans konvensional yang tidak menepati Syarak;

ii. Islam tidak membenarkan tolong-menolong dan bantu-membantu dalam perkara yang dilarang Syarak seperti firman Allah SWT yang berikut:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ

"...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan permusuhan..."[76]

iii. Syarikat takaful perlu mengelak daripada terlibat dengan perkara-perkara *syubhah* yang terdapat dalam aktiviti insurans konvensional.

Walau bagaimanapun, syarikat takaful dibenarkan mengagihkan risiko secara takaful semula alir keluar kepada syarikat insurans dan syarikat insurans semula konvensional atas dasar keperluan (*hajah*), iaitu sekiranya tiada syarikat takaful atau syarikat takaful semula yang diyakini mampu untuk menyerap sesuatu risiko takaful. Ini adalah selaras dengan kaedah fiqah yang berikut:

الحاجة تنزل منزلة الضرورة

"Keperluan mengambil hukum darurat."[77]

[75] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1985, b. 2, j. 2, h. 735.

[76] *Surah al-Ma'idah*, ayat 2.

[77] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 209.
Ibnu `Asyur menghuraikan bahawa *dharuriyyat* merujuk kepada perkara asasi yang perlu dipenuhi bagi sesuatu komuniti secara kolektif dan individu. Sekiranya perkara *dharuriyyat* ini tidak dipenuhi, sistem sosial dalam sesebuah komuniti tidak dapat berfungsi. Manakala *hajah* atau *hajiyyat* pula merujuk kepada perkara-perkara yang diperlukan oleh sesebuah komuniti bagi mencapai kemaslahatan dan perjalanan fungsi hal ehwal komuniti secara lebih baik. Sekiranya perkara *hajiyyat* ini tidak dipenuhi, fungsi komuniti tidak akan gagal, namun, ia tidak berupaya berjalan dengan baik. (Ibnu `Asyur, *Maqasid al-Syari`ah al-Islamiyyah*, Dar al-Nafa'is, 2001, h. 300 – 306).

48. Yuran Perkhidmatan Takaful Semula sebagai Pendapatan Dana Pemegang Saham

Kebiasaannya dalam amalan takaful, komisen takaful semula yang diterima daripada syarikat takaful semula akan dimasukkan ke dalam dana takaful dan sekiranya terdapat lebihan selepas ditolak tuntutan takaful dan kos-kos lain, lebihan tersebut akan diagihkan antara para peserta takaful dengan dana pemegang saham berdasarkan nisbah yang dipersetujui.

Walau bagaimanapun, terdapat cadangan daripada sebuah syarikat takaful yang berhasrat untuk menjadikan komisen takaful semula sebagai pendapatan kepada dana pemegang saham. Ini bagi menampung perbelanjaan yang ditanggung oleh pemegang saham dalam menguruskan perniagaan takaful semula dan sebagai ganjaran atas usaha mendapatkan dan menyerahkan perniagaan untuk syarikat takaful semula.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada komisen takaful semula boleh dijadikan pendapatan kepada dana pemegang saham.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-4 bertarikh 29 November 2007 telah memutuskan bahawa cadangan untuk menjadikan komisen takaful semula (yang diterima daripada syarikat takaful semula) sebagai pendapatan kepada dana pemegang saham adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Antara tugas syarikat takaful sebagai *mudarib* atau wakil dalam perniagaan takaful ialah memastikan risiko dana takaful diuruskan dengan sebaiknya. Salah satu cara untuk memastikan risiko-risiko ini diuruskan dengan sebaiknya adalah menerusi pengaturan takaful semula. Memandangkan semua kos takaful semula serta carumannya diambil daripada dana risiko peserta dan bukannya daripada dana pemegang saham, maka adalah tidak adil sekiranya syarikat takaful mengambil komisen bagi pengaturan takaful semula tersebut. Ini adalah selari dengan kaedah fiqah berikut:

الغرم بالغنم

"Liabiliti adalah (berkadaran) dengan ganjaran."[78]

[78] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 437.

49. Perjanjian Takaful secara Bersama (*Co-Takaful*)

Perjanjian takaful secara bersama merupakan perjanjian perkongsian risiko yang dimeterai antara syarikat takaful dengan syarikat takaful yang lain, atau antara syarikat takaful dengan syarikat insurans konvensional. Dalam perjanjian perkongsian risiko ini, dua atau lebih syarikat takaful atau syarikat insurans konvensional bersetuju untuk sama-sama berkongsi risiko yang diunderaitkan. Walau bagaimanapun, sijil takaful yang berasingan akan dikeluarkan oleh syarikat takaful kepada peserta takaful sekiranya perkongsian risiko dibuat dengan syarikat insurans konvensional, berbanding dengan hanya satu sijil takaful sahaja yang akan dikeluarkan sekiranya perkongsian risiko dibuat sesama syarikat takaful sahaja.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada perkongsian takaful secara bersama antara syarikat takaful dengan syarikat insurans konvensional dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-47 bertarikh 14 Februari 2005 telah memutuskan bahawa perkongsian risiko secara bersama antara syarikat takaful dengan syarikat insurans konvensional adalah dibenarkan dengan syarat pemeteraian perjanjian antara pelanggan dengan syarikat takaful dan syarikat insurans konvensional dibuat secara berasingan.

Asas Pertimbangan

Secara lazimnya, perlu ada elemen pembezaan (*distinguishing element*) apabila sesuatu urus niaga melibatkan perkara yang haram dan halal agar tidak berlaku percampuran. Peletakkan syarat "pemeteraian perjanjian antara pelanggan dengan syarikat takaful dan syarikat insurans konvensional dibuat secara berasingan" memenuhi keperluan ini yang secara langsung dapat mengelakkan *syubhah* dalam perkara-perkara yang ditegah oleh Syarak.

Keputusan ini juga selari dengan pandangan ulama semasa yang menyatakan bahawa tiada larangan daripada sudut Syarak terhadap kerjasama antara syarikat takaful dengan syarikat insurans konvensional dalam memberi perlindungan dengan syarat bahagian yang dilindungi (iaitu polisi takaful) diuruskan berpandukan hukum Syarak.[79]

[79] Ali Muhyiddin al-Qurrahdaghi, *Al-Ta'min al-Islami: Dirasah Fiqhiyyah Ta'siliyah*, Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, 2004, h. 443 - 444.

50. Pengasingan Dana Takaful

MPS dirujuk berhubung dengan cadangan supaya syarikat takaful mengasingkan dana takaful mengikut jenis perniagaan takaful iaitu takaful keluarga dan takaful am. Selain itu, dana takaful bagi tujuan pelaburan dan risiko juga perlu ditubuhkan secara berasingan dan dikelaskan seperti yang berikut:

i. Dana Pelaburan Peserta yang merupakan milik peserta secara individu. Caruman daripada peserta yang bertujuan untuk pelaburan akan disumbangkan ke dalam dana ini; dan

ii. Dana Risiko Peserta yang merupakan milik kumpulan peserta takaful. Caruman daripada peserta yang berasaskan konsep *tabarru`* akan disumbangkan ke dalam dana ini.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006 telah memutuskan bahawa cadangan pengasingan dana takaful seperti di atas adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Pengasingan dana takaful mengikut jenis perniagaan adalah perlu kerana objektif dan profil risiko yang ditanggung oleh setiap dana takaful adalah berbeza. Pengasingan ini membolehkan syarikat takaful mengenal pasti dan menetapkan strategi pengurusan dan pelaburan bagi setiap dana takaful supaya berpadanan dengan profil risiko yang ditanggung oleh dana takaful yang berkenaan. Pengasingan dana takaful turut membolehkan pengagihan aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan operasi takaful kepada dana takaful berkenaan. Selain mempertingkatkan kecekapan urus tadbir (*good governance*) bagi setiap dana tersebut, ia turut menjaga hak-hak pihak yang terlibat.

51. Pengenaan Fi Pengurusan ke atas Caruman Peserta Takaful

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada syarikat takaful boleh mengenakan fi pengurusan ke atas caruman peserta takaful untuk membiayai perbelanjaan operasi perniagaan takaful yang sebahagian besarnya terdiri daripada perbelanjaan pengurusan dan komisen.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006 telah memutuskan perkara berikut:

i. Untuk model takaful yang berasaskan kontrak *wakalah*, syarikat takaful dibenarkan untuk mengenakan fi pengurusan ke atas caruman peserta takaful. Jumlah fi pengurusan yang dicaj mestilah dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkontrak serta mengambil kira tanggungjawab syarikat takaful terhadap peserta takaful. Pengenaan fi pengurusan ini perlu dinyatakan secara jelas dalam kontrak perjanjian takaful; dan

ii. Untuk model takaful yang berasaskan kontrak *mudarabah*, syarikat takaful tidak dibenarkan untuk mengenakan sebarang fi pengurusan ke atas caruman peserta takaful. Sebaliknya, segala perbelanjaan operasi perlu ditanggung oleh dana pemegang saham yang sumber pendapatannya adalah daripada perkongsian keuntungan pelaburan atau lebihan dana takaful.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

i. Kontrak *wakalah* diharuskan oleh Syariah sama ada dengan mengenakan fi atau secara sukarela (tanpa fi). Upah atau fi dalam kontrak *wakalah* mestilah ditentukan dengan jelas sama ada dalam bentuk amaun atau nisbah tertentu dan dipersetujui bersama oleh pihak yang berkontrak. Ia boleh dijelaskan atau dibayar semasa akad atau dalam tempoh masa yang dipersetujui; dan

ii. Dalam kontrak *mudarabah*, upah *mudarib* adalah bahagian perkongsian keuntungannya yang dipersetujui dalam nisbah perkongsian keuntungan dengan *rabbul mal*. Oleh itu, *mudarib* tidak berhak untuk mengenakan sebarang fi pengurusan ke atas caruman peserta takaful.

52. Pengagihan Lebihan Dana Risiko Peserta

Lebihan dana risiko peserta (yang berasaskan *tabarru`*) merujuk kepada lebihan setelah mengambil kira peruntukan amaun tertentu bagi tuntutan, takaful semula, rizab dan keuntungan pelaburan. Lebihan dana risiko peserta ini merupakan milik peserta takaful secara bersama. Namun, berdasarkan peranan syarikat takaful sebagai pengurus dana takaful, terdapat cadangan untuk membenarkan lebihan dana risiko peserta dikongsi antara peserta dengan syarikat takaful, bergantung kepada kontrak antara peserta dengan syarikat takaful.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada lebihan dana risiko peserta boleh diagihkan antara peserta dengan syarikat takaful.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-42 bertarikh 25 Mac 2004 dan mesyuarat ke-59 bertarikh 25 Mei 2006 telah memutuskan bahawa lebihan dana risiko peserta (bagi pelan takaful keluarga dan pelan takaful am) boleh diagihkan antara peserta dengan syarikat takaful. Walau bagaimanapun, kaedah pengagihan lebihan dana risiko peserta perlu dinyatakan dengan jelas dan dipersetujui oleh peserta takaful semasa kontrak perjanjian takaful dimeterai.

MPS, pada mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006, seterusnya memutuskan bahawa:

i. Untuk model takaful yang berasaskan konsep *wakalah*, lebihan dana risiko boleh diambil oleh pengurus dana takaful sebagai yuran prestasi berdasarkan peratusan yang telah dipersetujui; dan

ii. Untuk model takaful yang berasaskan konsep *mudarabah*, lebihan dana risiko peserta boleh dikongsi antara peserta dan syarikat takaful berdasarkan peratusan atau nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui antara pihak-pihak yang berkontrak.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS membenarkan lebihan dana risiko peserta untuk diagihkan antara peserta dan syarikat takaful adalah berdasarkan hakikat bahawa kontrak takaful secara umumnya terbina atas dasar *tabarru`* dan *ta`awun*, di samping persetujuan bersama antara pihak yang berkontrak. Prinsip *tabarru`* merupakan prinsip utama yang mendasari produk takaful manakala kontrak-kontrak seperti *wakalah* dan *mudarabah* digunakan dalam pengurusan operasi takaful.

Keputusan MPS yang membenarkan lebihan dana risiko peserta diagihkan antara peserta dengan syarikat takaful bagi model takaful yang berasaskan *wakalah* adalah berasaskan pertimbangan bahawa pengagihan tersebut dibuat atas dasar yuran prestasi (*performance fee*) yang wajar diterima oleh syarikat takaful. Ini adalah selari dengan kaedah fiqah yang berikut:

الأصل رضى المتعاقدين ونتيجته هي ما التزماه بالتعاقد

"Hukum asal dalam akad adalah redha atau persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak adalah berdasarkan kepada hak dan tanggungjawab yang telah mereka persetujui dalam akad."[80]

Di samping itu, syarikat takaful adalah berbeza dengan syarikat insurans kerana syarikat takaful bukanlah penanggung insurans (*insurers*) tetapi merupakan pengurus dana takaful. Oleh itu, persetujuan peserta takaful untuk berkongsi lebihan dana risiko dengan syarikat takaful sebagai pengurus dana adalah tidak menyalahi prinsip-prinsip Syariah.

53. Pengagihan Keuntungan Pelaburan daripada Dana Pelaburan Peserta dan Dana Risiko Peserta

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada syarikat takaful dibenarkan berkongsi atau mengenakan fi atau yuran prestasi terhadap keuntungan daripada pelaburan dana pelaburan peserta dan dana risiko peserta.

[80] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 482.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006 telah memutuskan bahawa syarikat takaful dibenarkan berkongsi atau mengenakan fi atau yuran prestasi terhadap keuntungan daripada pelaburan dana pelaburan peserta dan dana risiko peserta, tertakluk kepada perkara berikut:

i. Bagi perkongsian keuntungan daripada pelaburan dana pelaburan peserta:

   a. Keuntungan pelaburan boleh diagihkan kepada syarikat takaful sebagai perkongsian keuntungan atau fi menguruskan dana pelaburan peserta. Bagi memastikan amaun dalam dana pelaburan peserta cukup untuk mengekalkan pembayaran *tabarru`*, keuntungan atau fi yang diagihkan kepada syarikat takaful mestilah diselaraskan dengan sewajarnya.

ii. Bagi perkongsian keuntungan daripada pelaburan dana risiko peserta:

   a. Bagi model takaful yang berasaskan *mudarabah*, syarikat takaful dibenarkan berkongsi keuntungan manakala bagi model takaful yang berasaskan *wakalah*, syarikat takaful dibenarkan mengenakan fi atau yuran prestasi terhadap keuntungan pelaburan dana risiko peserta. Walau bagaimanapun, pengagihan keuntungan pelaburan sama ada menerusi perkongsian keuntungan atau pengenaan fi atau yuran prestasi oleh syarikat takaful hanya dibenarkan sekiranya terdapat lebihan dalam dana risiko peserta setelah mengambil kira peruntukan untuk tuntutan, takaful semula dan rizab yang ditetapkan; dan

   b. Nisbah perkongsian keuntungan atau pengambilan yuran prestasi yang diagihkan kepada syarikat takaful mestilah berpatutan dan pengagihan keuntungan pelaburan hendaklah dinyatakan secara jelas dalam kontrak perjanjian takaful.

Asas pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan yang dinyatakan dalam perkara 52.[81]

[81] Pengagihan Lebihan Dana Risiko Peserta.

54. Peruntukan Rizab dalam Perniagaan Takaful

Sebagai langkah berhemat bagi menjaga kepentingan peserta dan keutuhan sistem takaful, MPS dirujuk berhubung dengan cadangan supaya syarikat takaful membuat peruntukan untuk rizab. Keperluan peruntukan rizab ini adalah sejajar dengan matlamat untuk memastikan dana takaful cukup bagi memenuhi sebarang tanggungan dana tersebut. Jumlah dan kaedah peruntukan rizab yang berpatutan adalah berdasarkan ketetapan yang ditentukan oleh pihak pengawal selia dan pihak berkelayakan yang ditetapkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006 telah memutuskan bahawa peruntukan rizab dalam dana takaful adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Peruntukan rizab dalam sesuatu urusan *mua`malah* adalah tidak bercanggah dengan kehendak Syariah kerana Islam menitikberatkan pengurusan kehidupan termasuk memastikan aspek ekonomi dan *mua`malah* Islam dilaksanakan dengan baik dan berhemat. Peruntukan rizab merupakan antara langkah berhemat yang bertujuan memastikan dana takaful mencukupi bagi memenuhi sebarang tanggungan dana tersebut. Peruntukan ini adalah selaras dengan galakan Syariah agar mengambil langkah-langkah persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan seperti firman Allah SWT yang berikut:

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأَبًا فَمَا حَصَدتُّمْ فَذَرُوهُ فِي سُنۢبُلِهِۦٓ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنۢ بَعْدِ
ذَٰلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تُحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ
ٱلنَّاسُ وَفِيهِ يَعْصِرُونَ ﴿٤٩﴾

"Yusuf menjawab: Hendaklah kamu bertanam tujuh tahun seperti biasa, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah dia pada tangkai-tangkai; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas itu, tujuh tahun yang bersangatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan bagi mereka; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan untuk dijadikan benih. Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah hasil."[82]

Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa Syariah mengiktiraf dan menggalakkan amalan mewujudkan rizab bagi persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan pada masa akan datang.

55. Mekanisme Menangani Defisit dalam Dana Risiko Peserta

MPS dirujuk berhubung dengan mekanisme yang boleh dilaksanakan sekiranya berlaku kekurangan aset dalam dana risiko peserta untuk memenuhi keperluan liabiliti dana tersebut, termasuk peruntukan rizab yang ditetapkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003, mesyuarat ke-46 bertarikh 28 Oktober 2004 dan mesyuarat ke-62 bertarikh 4 Oktober 2006 telah memutuskan perkara berikut:

i. Syarikat takaful perlu bertanggungjawab terhadap ketidakcukupan dana risiko peserta dengan menyalurkan dana daripada dana pemegang saham secara *qard*; dan

ii. Sekiranya masalah defisit tersebut masih berterusan atau berpunca daripada kesalahan dalam pengurusan dana risiko peserta, syarikat takaful perlu membuat suntikan aset (*outright transfer*) daripada dana pemegang saham kepada dana risiko peserta.

[82] *Surah Yusuf*, ayat 47- 49.

Di samping itu, MPS pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003 dan mesyuarat ke-100 bertarikh 30 April – 1 Mei 2010 telah memutuskan bahawa:

i. Penggunaan dana takaful am untuk menampung defisit dalam dana takaful keluarga atau sebaliknya adalah tidak dibenarkan;

ii. Penggunaan dana risiko peserta sesuatu pelan takaful keluarga untuk menampung defisit dalam dana risiko peserta sesuatu pelan takaful keluarga yang lain adalah dibenarkan dengan syarat kaedah pengurusan dan pengelasan risiko bagi pelan-pelan takaful tersebut adalah sama; dan

iii. Penggunaan dana pelaburan peserta secara *qard* untuk menampung defisit dalam dana risiko peserta adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

i. Penggunaan dana takaful am untuk menampung defisit dana takaful keluarga atau sebaliknya, dan penggunaan dana risiko sesuatu pelan takaful keluarga untuk menampung defisit dalam dana risiko sesuatu pelan takaful keluarga lain yang berbeza kaedah pengurusan dan pengelasan risikonya adalah tidak dibenarkan kerana terdapat perbezaan dari segi fungsi, liabiliti serta profil tanggungan risiko antara dana-dana tersebut; dan

ii. Penggunaan dana pelaburan peserta secara *qard* untuk menampung defisit dalam dana risiko peserta adalah tidak dibenarkan kerana ia akan menjejaskan pulangan dalam akaun peserta serta bertentangan dengan tujuan dana tersebut.

Berhubung dengan isu pemberian *qard* dan suntikan aset daripada dana pemegang saham, keputusan MPS tersebut adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

i. Pemberian *qard* daripada dana pemegang saham adalah berbentuk pinjaman tanpa faedah yang selari dengan prinsip Syariah. Tanggungjawab untuk memberikan *qard* kepada dana risiko peserta yang mengalami defisit adalah sebahagian daripada peranan syarikat takaful sebagai entiti yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan operasi takaful. Penggunaan *qard* dalam konteks takaful tidak bercanggah dengan prinsip Syariah kerana ia masih tertakluk kepada pembayaran semula yang dibuat daripada dana risiko peserta yang diperoleh pada masa hadapan; dan

ii. Suntikan aset merupakan langkah terakhir setelah semua langkah awal seperti pemberian *qard* tidak dapat menampung defisit dalam dana risiko peserta. Dari segi *siyasah syar`iyyah*, ia merupakan langkah pengawalan berhemat untuk menjaga kemaslahatan umum demi kepentingan orang ramai dan industri takaful secara keseluruhan. Ini adalah selari dengan kaedah-kaedah fiqah yang berikut:

المصلحة العامة مقدمة على المصلحة الخاصة

"Maslahah umum diutamakan ke atas maslahah khusus."[83]

الضرر يزال

"Kemudaratan hendaklah dihilangkan."[84]

[83] Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari`ah*, Dar al-Ma`rifah, 1999, j. 2, h. 645.
[84] Ibnu Nujaim, *Al-Ashbah wa al-Naza'ir,* Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1980, j. 1, h. 85.

56. Hibah dalam Takaful

Hibah merupakan salah satu konsep Syariah yang digunakan dalam produk-produk takaful dan diamalkan oleh syarikat takaful dalam kebanyakan pelan takaful keluarga seperti produk pelan takaful pendidikan. Dalam pelan takaful pendidikan misalnya, peserta takaful akan menghibahkan manfaat takaful kepada anak mereka bagi membiayai kos pendidikannya pada masa hadapan. Sekiranya peserta takaful meninggal dunia, seluruh manfaat takaful tersebut akan menjadi hak milik anak yang dinamakan dan harta ini tidak akan diagihkan kepada waris lain berdasarkan faraid. Walau bagaimanapun, sekiranya peserta takaful masih hidup apabila sijil takaful matang, manfaat tersebut akan diserahkan kepada peserta takaful.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan penggunaan hibah dalam pemberian manfaat takaful seperti di atas.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-34 bertarikh 21 April 2003 telah memutuskan perkara berikut:

i. Manfaat takaful boleh dihibahkan kerana tujuan takaful adalah untuk memberi perlindungan kepada peserta takaful. Memandangkan manfaat takaful adalah hak peserta takaful, maka peserta mempunyai kebebasan untuk menggunakan hak tersebut mengikut pilihannya selagi ia tidak bercanggah dengan Syarak;

ii. Status hibah yang digunakan dalam pelan takaful tidak akan berubah menjadi wasiat kerana hibah yang dibuat adalah hibah bersyarat;

iii. Manfaat takaful lazimnya dikaitkan dengan kematian peserta dan tempoh matang sijil. Sekiranya peserta masih hidup apabila sijil takaful matang, manfaat takaful akan dimiliki oleh peserta. Walau bagaimanapun, jika peserta meninggal dunia sebelum tamat tempoh matang, maka hibah akan berkuat kuasa;

iv. Peserta mempunyai hak untuk membatalkan hibah yang dibuat sebelum tamat tempoh matang sijil takaful, kerana hibah bersyarat hanya sempurna selepas berlakunya penyerahan (*qabd*);

v. Peserta mempunyai hak untuk membatalkan hibah yang dibuat kepada seseorang individu dan menyerahkan manfaat yang ingin dihibahkannya itu kepada orang lain, atau membatalkan penyertaan dalam takaful jika penerimanya meninggal dunia sebelum tamat tempoh matang; dan

vi. Borang penamaan takaful perlu menyatakan dengan jelas status penama adalah sebagai benefisiari jika niat peserta adalah hibah.

Asas Pertimbangan

Manfaat takaful boleh dihibahkan atas asas hibah *ruqba* yang merujuk kepada pemberian dengan syarat kematian salah satu pihak (sama ada pemberi hibah atau penerima hibah) sebagai syarat pemilikan kepada salah satu pihak yang hidup. Dalam hal ini, harta hibah akan menjadi milik penerima hibah sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Tetapi, jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah, maka harta hibah akan dikembalikan kepada pemberi hibah.

Sebahagian daripada fuqaha mazhab Hanbali, Imam Malik, Imam Al-Zuhri, Abu Thur dan lain-lain serta pendapat lama (*qawl qadim*) Imam Syafii berpendapat bahawa hibah *umra* adalah harus dan syaratnya sah jika tidak dinyatakan oleh pemberi hibah bahawa harta yang dihibahkan akan menjadi milik waris penerima hibah selepas kematian penerima hibah.[85] Ini bermakna harta hibah akan kembali kepada pemberi hibah selepas kematian penerima hibah. Di samping itu, perlaksanaan hibah *ruqba* dan *umra* dalam industri takaful turut diterima oleh sebahagian ulama semasa.[86]

Di samping itu, penarikan balik hibah adalah diharuskan dalam konteks hibah yang berikut:

i. hibah dengan syarat boleh ditarik balik;

ii. hibah yang belum diserahkan (*qabd*);

[85] Ibnu Qudamah, *Al-Mughni,* Dar `Alam al-Kutub, 1997, j. 6, h. 338-339.

[86] Ali Muhyiddin al-Qurrahdaghi, *Al-Ta'min al-Islami: Dirasah Fiqhhiyyah Ta'siliyyah*, Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, 2004, h. 244.

iii. hibah yang dipulangkan oleh waris; dan

iv. hibah bapa kepada anak.

Dalam konteks takaful, *qabd* hanya berlaku sekiranya peserta meninggal dunia atau pada tarikh matang sijil takaful. Oleh itu, peserta boleh menarik balik hibah sebelum dua keadaan ini berlaku. Sekiranya penerima hibah meninggal dunia, kontrak hibah dianggap belum sempurna kerana *qabd* belum berlaku, maka peserta boleh menarik balik hibah dan menghibahkannya kepada orang lain atau menamatkan sijil takaful dan mendapatkan nilai serahan sijil.[87]

57. Penamaan di bawah Skim Takaful yang Berasaskan Konsep Hibah

MPS dirujuk sama ada konsep perlindungan berkanun (*statutory protection*) yang diamalkan oleh insurans konvensional boleh diterima pakai dalam konteks takaful. Dalam kontrak insurans konvensional, penamaan manfaat insurans oleh seseorang pemegang polisi kepada suami/isteri, anak, atau ibu bapanya (sekiranya pemegang polisi tidak mempunyai suami/isteri atau anak yang hidup ketika membuat penamaan) akan mewujudkan satu amanah bagi faedah penama wang polisi dan mendapat perlindungan berkanun di bawah Akta Insurans 1996. Peruntukan berhubung dengan perlindungan berkanun ini menetapkan bahawa pembayaran manfaat insurans tersebut tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka dan tidak tertakluk kepada hutang pemegang polisi yang meninggal dunia. Pemegang polisi tersebut boleh melantik pemegang amanah untuk wang polisi (*policy moneys*) dan penerimaan wang polisi oleh seseorang pemegang amanah akan melepaskan syarikat insurans daripada liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang telah dibayar kepada pemegang amanah tersebut. Tanpa keizinan bertulis pemegang amanah, seseorang pemegang polisi tidak boleh membatalkan sesuatu penamaan di bawah polisi itu, mengubah atau menyerahkan polisi itu, atau menjadikan polisi itu sebagai cagaran sekiranya penama bagi sesuatu polisi itu adalah suami/isterinya, anaknya atau ibu bapanya.

[87] *Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah*, Matba`ah al-Adabiyyah, 1302H, h. 125, no. 849.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-52 bertarikh 2 Ogos 2005 telah memutuskan bahawa konsep perlindungan berkanun seperti yang diamalkan oleh insurans konvensional boleh diterima pakai dalam industri takaful seperti yang berikut:

i. Pembayaran manfaat takaful tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka dan tidak tertakluk kepada hutang peserta takaful yang meninggal dunia;

ii. Peserta takaful boleh melantik pemegang amanah yang bertanggungjawab untuk manfaat takaful. Walau bagaimanapun, pemegang amanah milik Kerajaan akan menjadi pemegang amanah manfaat takaful tersebut dalam situasi berikut:

   a. Tiada pemegang amanah dilantik;

   b. Penama tidak kompeten untuk berkontrak; dan

   c. Tiada ibu bapa penama yang masih hidup sekiranya penama tidak kompeten untuk berkontrak.

iii. Penerimaan manfaat takaful oleh pemegang amanah adalah dikira sebagai pelepasan syarikat takaful daripada semua liabiliti berkenaan dengan manfaat takaful tersebut.

Asas Pertimbangan

Memandangkan status manfaat takaful yang dihibah tidak akan bertukar menjadi wasiat, harta pusaka dan sebagainya bagi memenuhi matlamat skim takaful iaitu memberikan perlindungan kepada peserta atau penama (penerima hibah), manfaat takaful yang dihibah dilihat mempunyai persamaan dengan perlindungan berkanun yang diterima pakai dalam insurans konvensional. Ini bermakna, sebarang manfaat takaful yang dinamakan kepada suami/isteri, anak atau ibu bapa (sekiranya tiada suami/isteri atau anak yang hidup semasa penamaan dibuat) tidak boleh dibatalkan, diubah, diserah (*surrender*) dan dicagarkan tanpa mendapat keizinan penama tersebut.

Di samping itu, konsep perlindungan berkanun juga boleh digunakan dalam industri takaful kerana ia memelihara kepentingan penama dalam takaful di samping tidak bercanggah dengan konsep hibah *ruqba*.

58. Penggunaan Prinsip Penuh Percaya (*Principle of Utmost Good Faith*) dalam Takaful

Prinsip penuh percaya merujuk kepada kewajipan semua pihak yang berkontrak untuk membuat penyataan (*duty of disclosure*) yang lengkap dan benar. Di bawah prinsip ini, semua pihak yang berkontrak bertanggungjawab untuk memaklumkan segala maklumat yang relevan dan boleh mempengaruhi syarat-syarat sesuatu kontrak.

Dalam konteks insurans konvensional, pendedahan maklumat yang relevan boleh mempengaruhi kadar premium, terma dan manfaat insurans yang perlu dibayar. Sehubungan dengan itu, kewajipan ini dikenakan terhadap kedua-dua pihak berkontrak iaitu pelanggan dan juga syarikat insurans. Secara amnya, kontrak insurans akan terbatal sekiranya mana-mana pihak melanggar kewajipan masing-masing secara sengaja dengan niat untuk menipu atau memperdaya.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada prinsip penuh percaya seperti yang diamalkan dalam insurans konvensional boleh diterima pakai dalam takaful.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-52 bertarikh 2 Ogos 2005 telah memutuskan bahawa prinsip penuh percaya boleh diterima pakai dalam industri takaful. Sekiranya terbukti berlaku penipuan pihak peserta takaful, syarikat takaful tidak perlu mengembalikan caruman dalam dana risiko peserta (dana *tabarru`*) kepada peserta takaful. Walau bagaimanapun, amaun dalam dana pelaburan peserta perlu dikembalikan kepada peserta takaful kerana ia merupakan hak peserta.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan bahawa Islam amat menitikberatkan prinsip kejujuran dalam semua urusan, selaras dengan firman Allah SWT yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَكُونُواْ مَعَ ٱلصَّٰدِقِينَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar."[88]

Menurut *Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah*, jika salah satu pihak melakukan penipuan dalam jual beli dan penipuan tersebut dapat dibuktikan, maka pihak yang ditipu boleh membatalkan akad jual beli tersebut.[89]

Terdapat juga hadis Rasulullah SAW yang menyatakan seperti berikut:

عن أبي سعيد الخدري عن النبي صلى الله عليه وسلم قال :التاجر الصدوق مع النبيين والصديقين والشهداء

"Daripada Abi Sa`id Al-Khudri daripada Nabi SAW berkata: Ahli perniagaan yang jujur bersama para Nabi, orang-orang yang benar dan orang-orang yang Syahid."[90]

Daripada *athar* sahabat:

عن قتادة أن سلمان قال التاجر الصادق مع السبعة في ظل عرش الله يوم القيامة

"Daripada Qatadah sesungguhnya Salman berkata: Peniaga yang jujur akan bersama dengan tujuh golongan yang dinaungi arash Allah SWT pada hari kiamat."

Berdasarkan dalil-dalil di atas, dapat difahami bahawa semua bentuk perjanjian atau kontrak adalah mengikat pihak-pihak yang berkontrak. Namun, sekiranya wujud sebarang elemen yang menafikan kesahihan kontrak dari segi Syarak (seperti penipuan dan sebagainya), maka kontrak atau perjanjian tersebut adalah dilarang dan tidak sah.

[88] *Surah al-Taubah*, ayat 119.
[89] *Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah*, Matba`ah al-Adabiyyah, 1302H, h. 64, no. 357.
[90] Al-Naisaburi, *Al-Mustadrak `ala al-Sahihain*, Dar al-Haramain li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi`, 1997, j. 2, h. 8.

59. Kepentingan Boleh Lindung (*Insurable Interest*) dalam Takaful

Kepentingan boleh lindung merupakan satu keperluan utama dalam insurans sama ada insurans konvensional atau takaful. Ia secara umumnya bermaksud pihak yang diinsuranskan iaitu pemegang polisi atau peserta takaful perlu mempunyai hubungan dan kepentingan dengan perkara yang ingin dilindunginya sama ada melibatkan nyawa, diri, barang atau liabiliti tertentu. Jika kepentingan boleh lindung ini tidak wujud, maka kontrak insurans atau takaful menjadi tidak sah atau tidak dapat dikuatkuasakan. Kepentingan boleh lindung dilihat sebagai penting dalam menentukan motif atau tujuan seseorang itu menyertai sesuatu polisi insurans atau pelan takaful.

Sebagai contoh, jika seseorang itu membeli sebuah polisi insurans nyawa atau pelan takaful keluarga bagi nyawanya sendiri dan menamakan isteri dan anak-anaknya sebagai pihak benefisiari, maka syarikat insurans atau takaful akan meluluskan permohonannya kerana pihak pemohon mempunyai kepentingan boleh lindung iaitu kemaslahatan keluarganya sekiranya berlaku kematian atau keilatan kekal terhadap pemegang polisi atau peserta takaful. Sebaliknya, jika seseorang itu membeli polisi insurans hayat atau pelan takaful keluarga untuk nyawa seseorang dan menamakan dirinya sendiri sebagai benefisiari, permohonannya tidak akan diluluskan kerana ketiadaan kepentingan boleh lindung.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan penggunaan prinsip kepentingan boleh lindung dalam takaful.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-52 bertarikh 2 Ogos 2005 dan mesyuarat ke-76 bertarikh 9 Jun 2008 telah memutuskan perkara berikut:

i. Konsep kepentingan boleh lindung dilihat tidak bercanggah dengan Syariah dan boleh diterima pakai dalam takaful;

ii. Dalam takaful am, seseorang itu dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung apabila dia mempunyai kepentingan undang-undang dan kewangan bagi sesuatu subjek;

iii. Bagi takaful keluarga, kepentingan boleh lindung wujud apabila terdapat hubungan yang jelas antara dua pihak yang melibatkan elemen kasih sayang, pergantungan secara emosi, dan jangkaan munasabah terhadap kerugian dari segi material dan psikologi. Dalam hal ini, seseorang individu dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung terhadap pasangannya, anaknya, pekerjanya (bagi majikan) dan seseorang individu yang dia bergantung kepadanya dengan cara yang diharuskan Syarak;

iv. Peserta atau pemegang sijil hendaklah mendapatkan keizinan pihak ketiga yang mempunyai kepentingan boleh lindung semasa memeterai kontrak takaful yang melibatkan pihak ketiga tersebut, kecuali jika ianya melibatkan anak di bawah umur;

v. Sebagai prinsip umum, kepentingan boleh lindung hendaklah wujud semasa kontrak dimeterai dan semasa kejadian atau tuntutan manfaat takaful dibuat. Kepentingan boleh lindung dikira tidak lagi wujud sekiranya sesuatu hubungan dengan pihak ketiga terputus dalam tempoh sijil takaful berkuat kuasa. Sehubungan dengan itu, sekiranya pihak ketiga meninggal dunia, peserta atau pemegang sijil tidak berhak menerima manfaat takaful sebagai benefisiari.

   Walau bagaimanapun, sebagai satu pengecualian, sekiranya hubungan suami-isteri terputus akibat perceraian dalam tempoh sijil berkuat kuasa, kepentingan boleh lindung disifatkan sebagai masih berterusan dan peserta atau pemegang sijil dibenarkan untuk menerima manfaat takaful (sama ada sebagai benefisiari atau *wasi*) apabila berlaku kematian pihak yang dilindungi, kecuali jika pihak yang dilindungi itu menyatakan dengan jelas ketidakizinannya.

   Di samping itu, sekiranya pihak yang dilindungi ditimpa keilatan kekal, manfaat keilatan (termasuklah perlindungan penyakit kritikal) akan diperoleh oleh pihak yang dilindungi. Sekiranya sijil takaful melibatkan pelan pelaburan atau simpanan, peserta atau pemegang sijil turut berhak ke atas nilai simpanan atau pelaburan pada tarikh matang sijil takaful tersebut; dan

vi. Syarikat takaful sebagai pihak yang menjaga kemaslahatan para peserta takaful, berhak untuk tidak menerima cadangan untuk menyertai skim takaful bagi melindungi pihak ketiga jika didapati tiada kepentingan boleh lindung dalam cadangan tersebut atau menolak tuntutan manfaat yang dibuat sekiranya ia dapat membuktikan niat buruk (*bad intention*) peserta atau pemegang sijil.

Asas Pertimbangan

Konsep kepentingan boleh lindung diperkenalkan dalam insurans konvensional untuk mengelakkan aspek pertaruhan dan perjudian. Namun konsep ini dilihat tidak bercanggah dengan ciri-ciri teras dalam takaful kerana kontrak takaful dibina atas dasar saling menjamin dengan komitmen untuk memberi *tabarru`* (sumbangan) sesama peserta takaful. Melalui konsep *tabarru`*, ia membolehkan para peserta bersetuju sesama mereka untuk menjamin apa jua bentuk risiko yang dipersetujui bersama selagi tidak bercanggah dengan Syarak. Kelonggaran ini bagaimanapun boleh memberi ruang kepada manipulasi dan risiko moral (*moral hazard*). Oleh itu, konsep kepentingan boleh lindung boleh diterima pakai dalam takaful selaras dengan prinsip Syariah yang dikenali sebagai *sadd zarai`* iaitu menutup ruang yang boleh membawa kepada kemudaratan. Prinsip ini dilihat sebagai satu mekanisme yang boleh menghalang kontrak takaful daripada dimanipulasi untuk tujuan yang tidak berlandaskan Syariah di samping mengelakkan risiko moral.

Tawarruq merujuk kepada urus niaga *mua`malah* yang melibatkan dua peringkat urus niaga. Pada peringkat pertama, urus niaga tersebut melibatkan pembelian secara kredit antara pembeli dengan penjual asal sesuatu aset, dan pada peringkat kedua, pembeli kemudiannya akan menjual aset tersebut secara tunai kepada pihak ketiga.[91] Ia dinamakan *tawarruq* kerana ketika membeli aset tersebut secara kredit, pembeli tidak berniat untuk menggunakan atau memanfaatkannya, tetapi hanya ingin menjualnya semula bagi memperoleh wang tunai. Ia juga dikenali sebagai *murabahah* komoditi dan digunakan secara meluas dalam produk deposit, pembiayaan, pengurusan aset dan tanggungan serta pengurusan risiko.

60. Produk Deposit Berasaskan *Tawarruq*

Terdapat cadangan daripada institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk deposit berasaskan konsep *tawarruq* atau *murabahah* komoditi. Mekanisme deposit *murabahah* komoditi yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

i. Pelanggan (pendeposit) melantik institusi kewangan Islam sebagai wakil untuk membeli komoditi logam daripada peniaga logam A pada harga tunai dalam pasaran komoditi logam yang diiktiraf;

ii. Institusi kewangan Islam kemudiannya membeli daripada pelanggan komoditi logam tersebut secara belian tangguh pada harga kos ditambah margin keuntungan; dan

iii. Selepas itu, institusi kewangan Islam menjual semula komoditi logam tersebut kepada peniaga logam B pada harga tunai dalam pasaran komoditi logam.

Hasil daripada urus niaga (ii) di atas, institusi kewangan Islam akan menanggung liabiliti (amaun kos komoditi ditambah margin keuntungan) untuk dibayar kepada pelanggan pada tempoh matang. Harga komoditi yang dibeli daripada peniaga logam A dan harga yang dijual kepada peniaga logam B adalah sama.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada produk deposit berasaskan konsep *tawarruq* dibenarkan.

[91] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 14, h. 147.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-51 bertarikh 28 Julai 2005 telah memutuskan bahawa produk deposit yang berasaskan konsep *tawarruq* adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap dalil-dalil dan pandangan berkaitan keharusan *tawarruq* seperti yang berikut:

i. Firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟

"...padahal Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba..."[92]

Berdasarkan pengertian umum ayat ini, para ulama berpendapat bahawa *tawarruq* dibolehkan kerana ia merupakan sebahagian daripada kegiatan jual beli. Ia mungkin berlaku dengan tujuan memperolehi wang tunai sama ada dengan pengetahuan atau tanpa pengetahuan semua pihak yang terlibat. Ia juga mungkin dilakukan kerana desakan keadaan atau sebagai kebiasaan dalam amalan sesetengah pihak atau institusi.

ii. Kaedah fiqah:

الأصل في المعاملات الإباحة, إلا ما دل الدليل على حرمته

"Menurut kaedah asal hukum, mua`malah adalah harus, kecuali ada dalil yang mengharamkannya."[93]

iii. Pandangan ulama semasa telah mengharuskan penggunaan *tawarruq* berdasarkan pandangan dalam kalangan mazhab Hanafi, Hanbali dan Syafii yang mengharuskan penggunaan *tawarruq*.[94]

[92] *Surah al-Baqarah*, ayat 275.
[93] Al-Syafii, *Al-Umm, Bait al-Afkar al-Dawliyyah*, (t.t.), h. 438.
[94] Ibnu al-Humam, *Syarh Fath al-Qadir*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, 2003, j. 7, h. 199; Ibnu Muflih, *Al-Furu`*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 2004, h. 931; manakala pandangan ulama Syafii dilihat dari keharusan *bai` `inah.*

61. Produk Pembiayaan Berasaskan *Tawarruq*

Terdapat cadangan daripada institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk pembiayaan berasaskan konsep *tawarruq* atau *murabahah* komoditi. Mekanisme pembiayaan *murabahah* komoditi yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

i. Institusi kewangan Islam membeli komoditi logam daripada peniaga logam A secara tunai dalam pasaran komoditi logam yang diiktiraf;

ii. Institusi kewangan Islam menjual komoditi logam tersebut kepada pelanggan secara kredit pada harga kos ditambah margin keuntungan; dan

iii. Pelanggan melantik institusi kewangan Islam sebagai wakil untuk menjual komoditi logam tersebut kepada peniaga logam B secara tunai dalam pasaran komoditi logam.

Jualan secara tunai daripada pelanggan kepada peniaga logam B akan membolehkan pelanggan mendapatkan amaun tunai pembiayaan, manakala jualan secara tangguh daripada institusi kewangan Islam kepada pelanggan akan mewujudkan obligasi kewangan yang perlu dibayar oleh pelanggan dalam tempoh yang telah dipersetujui.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada produk pembiayaan berasaskan konsep *tawarruq* dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-51 bertarikh 28 Julai 2005 telah memutuskan bahawa produk pembiayaan yang berasaskan konsep *tawarruq* adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap dalil-dalil dan pandangan berkaitan keharusan *tawarruq* seperti yang dinyatakan dalam perkara 60.[95]

[95] Produk Deposit Berasaskan *Tawarruq*.

62. *Sukuk Ijarah* dan Saham Berlandaskan Syariah sebagai Aset Sandaran dalam Urus Niaga *Tawarruq*

Terdapat cadangan daripada institusi kewangan Islam untuk menggunakan *sukuk ijarah* dan saham berlandaskan Syariah sebagai aset sandaran dalam urus niaga *tawarruq* atau *murabahah* komoditi bagi pengurusan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam. Ciri-ciri *sukuk ijarah* yang dicadangkan ialah *sukuk ijarah* yang disokong oleh aset ketara, aset kewangan dan gabungan antara kedua-dua aset ketara dan aset kewangan. Ciri-ciri saham berlandaskan Syariah pula ialah saham yang menepati prinsip dan hukum Syarak.

Dalam hal ini, MPS dirujuk sama ada penggunaan *sukuk ijarah* dan saham berlandaskan Syariah sebagai aset sandaran dalam urus niaga *tawarruq* dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-58 bertarikh 27 April 2006 telah memutuskan bahawa penggunaan *sukuk ijarah* dan saham berlandaskan Syariah sebagai aset sandaran dalam urus niaga *tawarruq* bagi pengurusan mudah tunai kewangan Islam adalah dibenarkan. *Sukuk ijarah* tersebut mestilah disokong oleh aset ketara atau gabungan aset ketara dan aset kewangan.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap pandangan berikut:

i. Aset sandaran yang dicadangkan terdiri daripada jenis aset yang sah dijual beli dari sudut pandangan Syarak; dan

ii. Urus niaga jual beli secara *tawarruq* lazimnya melibatkan jual beli secara tangguh oleh salah satu pihak yang berkontrak. Sekiranya ini berlaku, urus niaga *tawarruq* mesti melibatkan jual beli aset ketara atau sekuriti yang disandarkan kepada aset ketara atau gabungan aset ketara dan aset kewangan bagi mengelakkan berlakunya jual beli hutang dengan hutang yang ditegah oleh Syarak.

63. Penggunaan *Tawarruq* dalam *Sukuk Murabahah* Komoditi

Terdapat cadangan terbitan *sukuk murabahah* komoditi yang berasaskan *tawarruq* sebagai satu instrumen alternatif kepada produk-produk pasaran wang sedia ada yang menerima pakai konsep *bai` `inah*. Secara umumnya, kaedah terbitan *sukuk* ini melibatkan urus niaga *murabahah* komoditi melalui kontrak *tawarruq* bagi mewujudkan keberhutangan antara penerbit *sukuk* dan pelabur. Hutang tersebut akan dilangsaikan oleh penerbit *sukuk* pada tarikh matang. *Sukuk* ini juga akan diurus niaga di pasaran sekunder bagi institusi-institusi kewangan yang menerima pakai konsep *bai` dayn.*

Sehubungan dengan itu, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada cadangan terbitan *sukuk* yang berasaskan *tawarruq* ini selaras dengan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-67 bertarikh 3 Mei 2007 telah memutuskan bahawa tiada halangan Syarak bagi terbitan *sukuk murabahah* komoditi yang berasaskan *tawarruq* selagi jual beli berlaku antara tiga atau lebih pihak yang berkontrak.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap dalil dan pandangan berkaitan keharusan *tawarruq* seperti yang dinyatakan dalam perkara 60.[96]

[96] Produk Deposit Berasaskan *Tawarruq*.

64. Cadangan Model Operasi *Commodity Murabahah House* (Kini Dikenali sebagai *Suq al-Sila`*)

Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan peserta industri kewangan Islam telah bekerjasama memperkenalkan platform dagangan komoditi Syariah berasaskan web sesawang elektronik sepenuhnya yang dikenali sebagai *Commodity Murabahah House* (CMH). Ia merupakan platform komoditi antarabangsa yang memudahkan urus niaga pelaburan dan pembiayaan Islam berasaskan komoditi di bawah prinsip *tawarruq*, *murabahah* dan/atau *musawamah*. Sebagai permulaan, minyak sawit mentah (*crude palm oil* (CPO)) yang mempunyai spesifikasi yang jelas didagangkan di CMH dalam nilai ringgit. CMH juga menawarkan dagangan dalam pelbagai mata wang asing lain bagi menyediakan lebih banyak pilihan, akses dan keanjalan untuk institusi kewangan antarabangsa menyertai pasaran dagangan komoditi Syariah.

Dalam struktur CMH yang dicadangkan, pihak penjual disyaratkan untuk memiliki CPO terlebih dahulu sebelum sebarang urus niaga jualan dilakukan. CMH membenarkan pembeli menerima penyerahan komoditi sekiranya posisi belian mengatasi jualan komoditi dan akaun dagangan tidak ditutup (*square off*) pada hari yang sama. Untuk mengambil penyerahan, pembeli CPO mestilah mendapat lesen daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan akan dikenakan yuran penyerahan yang ditentukan oleh CMH serta kos-kos berkaitan penyerahan dan penyimpanan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pelaksanaan CMH seperti yang dicadangkan selari dengan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-78 bertarikh 30 Julai 2008 telah memutuskan bahawa cadangan struktur operasi CMH adalah dibenarkan dengan syarat CPO yang diurusniagakan mestilah dapat dikenal pasti dan ditentukan secara jelas dan tepat (*mu`ayyan bi al-zat*) dari sudut lokasi, kuantiti dan kualiti bagi memenuhi ciri-ciri urus niaga sebenar. Di samping itu, adalah disarankan supaya urus niaga dilakukan secara rawak (*random*)[97] supaya operasi CMH lebih menepati ciri-ciri *tawarruq* yang asal.

Asas Pertimbangan

Penggunaan CPO sebagai aset sandaran dilihat sebagai memenuhi syarat-syarat barangan untuk urus niaga jual beli kerana ia wujud dan boleh dikenal pasti (secara zat), boleh dimiliki sebelum dijual, serta kualitinya boleh ditentukan berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dari segi intipati, piawaian dan nilai. Di samping itu, CPO yang dijual beli adalah bebas daripada sebarang terma ikatan dan CPO tersebut boleh dihantar untuk serahan kepada pembeli.

[97] Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), "rawak" membawa maksud rambang atau tidak ditentukan atau diatur terlebih dahulu. Oleh itu, "secara rawak" dalam konteks operasi CMH bertujuan untuk memastikan aset yang dijual beli tidak disyaratkan untuk dijual kembali kepada pembekal yang asal.

Kontrak *wadi`ah* merupakan mekanisme yang membenarkan seseorang untuk mengamanahkan aset miliknya kepada seseorang yang lain bagi tujuan simpanan. Dalam amalan perbankan Islam semasa, *wadi`ah yad dhamanah* (simpanan dengan jaminan) merupakan antara bentuk *wadi`ah* yang diterima pakai secara meluas. Menerusi kontrak *wadi`ah yad dhamanah* ini, institusi perbankan Islam bertindak sebagai penyimpan atau pemegang amanah bagi dana yang didepositkan oleh pelanggan dalam institusi perbankan Islam. Namun, memandangkan pelanggan lazimnya membenarkan institusi perbankan Islam menggunakan deposit yang disimpannya, maka institusi perbankan Islam bertanggungjawab untuk menjamin deposit tersebut. Sebagai balasan dan tanda penghargaan atas penggunaan deposit tersebut, institusi perbankan Islam, atas budi bicaranya, boleh memberikan hibah kepada pelanggan.

65. *Takyif Wadi`ah Yad Dhamanah* sebagai *Qard*

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada *wadi`ah yad dhamanah* boleh mengambil hukum atau diberikan penyesuaian (*takyif*) sebagai *qard*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-6 bertarikh 8 Mei 2008 telah memutuskan bahawa hukum *wadi`ah yad dhamanah* yang melibatkan wang mengambil hukum *qard* dari segi garis panduan (*dhawabit*) dan kesan-kesan lanjutan daripadanya.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan terhadap perkara berikut:

i. Dalam konteks kewangan semasa, *wadi`ah* merupakan kontrak yang melibatkan pemilik aset mendepositkan asetnya kepada pihak lain atas dasar amanah untuk tujuan simpanan; [98]

[98] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 5, h. 4022.

ii. *Jumhur* fuqaha mengklasifikasikan *wadi`ah* sebagai akad amanah (*yad amanah*) iaitu aset yang diserahkan untuk simpanan penerima *wadi`ah* merupakan satu amanah. Penerima *wadi`ah* dipertanggungjawabkan untuk mengganti aset *wadi`ah* yang mengalami kerosakan atau hilang semasa dalam simpanannya ekoran kecuaiannya.[99] Walau bagaimanapun, majoriti ulama berpandangan bahawa sekiranya institusi kewangan menggunakan wang yang diamanahkan untuk disimpan, maka kontrak tersebut telah bertukar menjadi kontrak *qard*; [100]

iii. Akademi Fiqah OIC telah menetapkan bahawa "deposit dalam akaun semasa, sama ada yang disimpan di institusi kewangan Islam atau konvensional, merupakan pinjaman dari sudut fiqah kerana institusi kewangan yang menerima deposit menjamin deposit tersebut dan ia mesti memulangkan deposit tersebut jika diminta";[101] dan

iv. Pandangan ulama semasa berhubung dengan hukum *wadi`ah* yang disimpan di institusi perbankan Islam adalah selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh ulama silam iaitu sekiranya penerima *wadi`ah* menggunakan aset *wadi`ah* dengan izin pendeposit *wadi`ah*, ia dianggap *qard*.

[99] Al-Baihaqi, *Al-Sunan al-Kubra*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, 2003, j. 6, h. 473.
[100] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*,1996, b. 9, j. 1, h. 667, j. 7, h. 198.
[101] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*,1995, Persidangan kali ke-9, resolusi no. 86 (9/3).

Wakalah merupakan kontrak agensi yang melibatkan satu pihak memberikan mandat kepada pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugasan tertentu. Dalam konteks kewangan Islam kini, kebiasaannya pelanggan akan melantik institusi kewangan sebagai wakil untuk melaksanakan sesuatu urus niaga *mua`malah* dan sebagai balasan, institusi kewangan akan menerima upah bagi perkhidmatan tersebut.

66. Penggunaan *Wakalah bi al-Istithmar* dalam Produk Deposit

Sebuah institusi kewangan Islam berhasrat untuk memperkenalkan produk deposit berasaskan *wakalah bi al-istithmar* (perwakilan bagi tujuan pelaburan). Melalui produk ini, pelanggan akan mendepositkan sejumlah amaun di institusi kewangan Islam dengan syarat deposit ini hanya boleh dilaburkan dalam instrumen yang boleh memberikan pulangan pada kadar minimum yang tertentu (misalnya 5% setahun). Institusi kewangan Islam akan bertindak sebagai wakil untuk melaburkan deposit pelanggan dan berhak menerima upah seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Namun, institusi kewangan Islam tidak memberi jaminan bahawa pelanggan akan menerima sekurang-kurangnya kadar keuntungan pelaburan minimum seperti yang dijangka. Kerugian pelaburan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan melainkan dibuktikan bahawa institusi kewangan Islam telah berlaku cuai atau melanggar syarat perjanjian dengan melabur dalam instrumen yang tiada potensi untuk menjana keuntungan minimum sebanyak 5% setahun. Selain itu, sekiranya pelanggan membuat keputusan untuk menamatkan kontrak pelaburan ini lebih awal dan mengeluarkan kesemua deposit, pelanggan hanya layak untuk memperolehi nilai semasa pelaburan tersebut.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada produk deposit berasaskan *wakalah bi al-istithmar* seperti yang dicadangkan dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-2 bertarikh 18 Jun 2007 telah memutuskan bahawa akaun deposit berasaskan kontrak *wakalah bi al-istithmar* seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. Sekiranya institusi kewangan Islam melanggar syarat perjanjian atau melakukan kecuaian dengan membuat pelaburan dalam instrumen yang sememangnya tidak berpotensi untuk menjana keuntungan pada kadar minimum (contohnya 5% setahun), institusi kewangan Islam akan membayar ganti rugi sebanyak nilai pokok pelaburan berserta keuntungan sebenar (jika ada); dan

ii. Sekiranya institusi kewangan Islam melabur dalam instrumen yang dijangka menjana keuntungan sekurang-kurangnya 5% setahun tetapi gagal mencapai sasaran tersebut berikutan masalah yang bukan berpunca daripada kecuaian institusi kewangan Islam, kerugian adalah ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.

Asas Pertimbangan

Prinsip *wakalah bi al-istithmar* adalah mirip kepada prinsip *mudarabah* kerana wakil bertindak menerima wang deposit daripada pelanggan untuk tujuan pelaburan. Bezanya, perkara yang mendasari kontrak *wakalah* ialah *ujrah* atau upah. Pelaksanaan prinsip *wakalah* dalam bentuk ini tidak bercanggah dengan kehendak Syariah selagi ciri-ciri asal *wakalah* masih dipelihara. Ini selaras dengan keharusan *wakalah* yang dinyatakan dalam al-Quran:

فَٱبۡعَثُوٓاْ أَحَدَكُم بِوَرِقِكُمۡ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلۡمَدِينَةِ فَلۡيَنظُرۡ أَيُّهَآ أَزۡكَىٰ طَعَامٗا فَلۡيَأۡتِكُم بِرِزۡقٖ مِّنۡهُ

"...sekarang utuslah salah seorang darimu, membawa wang perak ini ke bandar kemudian biarlah dia memilih jenis makanan yang baik, kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya..."[102]

[102] *Surah al-Kahfi*, ayat 19.

Keharusan *wakalah* turut dinyatakan oleh Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan dalam hadis berikut:

عن عقبة بن عامر رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم أعطاه غنما يقسمها على صحابته ضحايا فبقي عتود فذكره لرسول الله صلى الله عليه وسلم فقال ضح به أنت

"Daripada `Uqbah ibn `Amir menceritakan bahawa Rasulullah SAW memberinya beberapa ekor kambing biri-biri untuk diagihkan kepada para sahabat baginda dan seekor anak kambing biri-biri jantan tertinggal selepas pengagihan tersebut. Beliau memaklumkan Rasulullah SAW mengenainya, dan baginda berkata: Korbankannya bagi pihakku."[103]

المسلمون على شروطهم إلا شرطا أحل حراما أو حرم حلالا

"(Urusan) orang Islam adalah berasaskan kepada syarat-syarat yang (dipersetujui) oleh mereka, kecuali syarat-syarat menghalalkan apa yang haram atau mengharamkan apa yang halal."[104]

Berdasarkan hadis ini, pelanggan berhak menetapkan institusi kewangan Islam sebagai wakil yang dibenarkan untuk melabur dalam instrumen yang berpotensi menjana sekurang-kurangnya keuntungan minimum. Sehubungan dengan itu, sekiranya pelanggan membuat keputusan untuk menamatkan kontrak pelaburan dan mengeluarkan keseluruhan amaun deposit, pelanggan dianggap menarik balik mandat pengurusan modal daripada institusi kewangan Islam. Dalam hal ini, pelanggan hanya berhak memperolehi nilai pelaburan semasa sahaja. Ini dilihat selaras dengan kesepakatan keempat-empat mazhab dalam kontrak pelaburan seperti *mudarabah*, iaitu kesemua mazhab bersetuju bahawa kontrak *mudarabah* adalah terbatal atau tamat menerusi penyataan pembatalan secara jelas, atau menerusi tindakan penyumbang modal menarik balik mandat pengurusan modal.[105]

[103] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari,* Al-Matba`ah al-Salafiyyah, 1982, j. 2, h. 207, hadis no. 2500.
[104] Abu Daud, *Sunan Abi Daud*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 1999, h. 398, hadis no. 3594.
[105] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 5, h. 3965.

Bai` dayn* merupakan akad jual beli hak hutang yang terbentuk hasil daripada aktiviti perniagaan yang berlandaskan Syarak. Dalam konteks kewangan Islam, *bai` dayn merupakan kaedah penjualan hak hutang yang terhasil daripada akad pertukaran seperti *murabahah*, *bai` bithaman ajil*, *ijarah*, *istisna`* dan lain-lain.

67. Pembelian Semula Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam

Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam (SHBN) merupakan sijil hutang yang distrukturkan berasaskan konsep *bai` `inah*. Di bawah mekanisme SHBN, institusi kewangan Islam akan menjual asetnya kepada pelanggan secara tunai. Kemudian, institusi kewangan Islam akan membeli semula aset tersebut secara kredit dengan harga belian yang lebih tinggi. Perbezaan harga antara harga jualan dengan harga belian merupakan jumlah keuntungan yang akan diperoleh oleh pelanggan.

Sebagai bukti keberhutangan institusi kewangan Islam kepada pelanggan, institusi kewangan Islam akan menerbitkan SHBN yang boleh diniagakan dalam pasaran sekunder. Apabila tiba tempoh matang, pemegang SHBN akan menyerahkan SHBN kepada institusi kewangan Islam dan menerima harga nominalnya (iaitu harga belian institusi kewangan Islam).

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu-isu berikut:

i. Sama ada institusi kewangan Islam boleh membeli semula SHBN yang diterbitkannya sendiri sebelum tempoh matang; dan

ii. Kaedah penentuan harga yang sesuai sekiranya institusi kewangan Islam ingin membeli semula SHBN tersebut.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-14 bertarikh 8 Jun 2000 telah memutuskan perkara berikut:

i. Institusi kewangan Islam yang menerbitkan SHBN boleh membeli semula SHBN yang diterbitkannya sebelum tempoh matang dengan syarat SHBN tersebut ditamatkan; dan

ii. Harga (termasuk keuntungan) SHBN yang diurusniagakan sebelum tarikh matang hendaklah ditentukan berdasarkan persetujuan antara kedua-dua pihak penjual dan pembeli.

Asas Pertimbangan

Secara amnya, SHBN merupakan sijil hutang (*syahadah al-dayn*) iaitu harta yang mempunyai nilai yang boleh dijual beli dalam pasaran mengikut keperluan dan persetujuan pemegang sijil dan pembeli. Jual beli hutang adalah dibenarkan dengan syarat hutang tersebut mestilah wujud secara jelas. Dalam konteks SHBN, penjualan hutang diharuskan kerana ia berlaku antara pihak institusi kewangan Islam dengan pemegang sijil.

Dalam hal ini, kebanyakan mazhab memberikan kelonggaran dalam urusan jualan hutang antara pihak pemberi pinjaman dengan penghutang. Majoriti ulama di kalangan mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali membenarkan penjualan hutang kepada orang yang berhutang kerana isu ketiadaan penyerahan tidak berlaku memandangkan hutang yang hendak dijual telah berada di tangan pemberi pinjaman.[106]

Selain itu, hukum asal penentuan harga dalam jual beli adalah berdasarkan persetujuan dan keredhaan kedua-dua pihak penjual dan pembeli. Memandangkan SHBN ialah sijil hutang yang boleh diniagakan menurut pandangan Syarak, maka harga sijil tersebut bergantung pada ketetapan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak.

68. Jual Beli Hutang yang Bakal Terhasil daripada Perkhidmatan

Menerusi suatu perjanjian perkhidmatan (contohnya perkhidmatan membersihkan bangunan) yang dimeterai antara sebuah syarikat perkhidmatan (pelanggan) dengan syarikat yang lain (pihak ketiga), pihak ketiga bertanggungjawab untuk melunaskan pembayaran bagi perkhidmatan yang bakal disediakan oleh pelanggan. Pelanggan seterusnya akan menjual obligasi hutang pihak ketiga berkenaan kepada institusi kewangan Islam menerusi surat aku janji hutang. Penjualan hutang yang bakal terhasil daripada perkhidmatan yang disediakan oleh pelanggan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan wang daripada institusi kewangan Islam bagi membiayai kos-kos perkhidmatan yang disediakan oleh pelanggan tersebut.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada jual beli hutang yang bakal terhasil daripada perkhidmatan antara pelanggan dengan institusi kewangan Islam seperti yang dicadangkan dibenarkan.

[106] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 5, h. 3405.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-17 bertarikh 12 Februari 2001 telah memutuskan bahawa jual beli hutang yang bakal terhasil daripada perkhidmatan seperti yang dicadangkan adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Dalam konsep *bai` dayn*, hutang mestilah wujud atau dimaklumi terlebih dahulu sebelum ia dapat diurusniagakan. *Jumhur* ulama berpendapat bahawa hutang yang boleh dijual beli ialah hutang yang telah sabit secara pasti dan tetap (*dayn mustaqir*).[107] Jika tidak, jual beli tersebut adalah tidak sah.

Al-Syirazi berpandangan:

"Hutang-hutang hendaklah diteliti, sekiranya pemilikan ke atasnya adalah tetap seperti ganti rugi ke atas kerosakan dan pembayaran balik pinjaman, maka diharuskan penjualan hutang tersebut kepada orang yang berhak (penghutang) sebelum pembayaran diterima, kerana pemilikannya ke atas hutang tersebut adalah tetap. Oleh itu, hutang tersebut harus dijual seperti mana diharuskan penjualan barang belian yang telah berada dalam pegangan pembeli. Adakah harus (penjualan hutang) kepada orang lain selain daripadanya (penghutang)? Terdapat dua pendapat: Pertama, harus kerana apa yang diharuskan penjualannya kepada orang yang berhak ke atasnya (penghutang), maka haruslah juga penjualannya daripada orang lain, sama seperti wadi`ah (deposit untuk simpanan). Kedua, tidak harus kerana dia (penjual) tidak berupaya untuk menyerahkannya kepada (pembeli) disebabkan dia (penghutang) mungkin menghalangnya atau menafikan (hutang tersebut). Itu dikira gharar yang tidak diperlukan (oleh pembeli), maka ia tidak harus. Walau bagaimanapun, pendapat pertama adalah lebih jelas, kerana dia (penjual) pada asasnya berupaya menyerahkan hutang tersebut tanpa sebarang halangan dan penafian (terhadap hutang tersebut)."[108]

Berdasarkan hujah di atas, penjualan dan pembelian hutang yang terhasil daripada perkhidmatan seperti yang dibentangkan tidak dibenarkan kerana ia tidak menepati kontrak *bai` dayn* yang memerlukan kewujudan hutang secara pasti dan tetap. Hutang yang dijangka terhasil daripada perkhidmatan yang bakal disediakan oleh pelanggan hanyalah merupakan unjuran pendapatan masa hadapan dan boleh menimbulkan ketidakpastian (*gharar*) dalam urus niaga yang dilaksanakan.

---

[107] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 5, h. 3406 - 3407.

[108] Al-Syirazi, *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafii*, Dar al-Qalam, 1996, j. 3, h. 31:
وأما الديون فينظر فيها فان كان الملك عليها مستقرا كغرامة المتلف وبدل القرض جاز بيعه ممن عليه قبل القبض لان ملكه مستقر عليه فجاز بيعه كالمبيع بعد القبض وهل يجوز من غيره فيه وجهان (أحدهما) يجوز لان ما جاز بيعه ممن عليه جاز بيعه من غيره كالوديعة (والثانى) لا يجوز لانه لا يقدر على تسليمه إليه لانه ربما منعه أو جحده وذلك غرر لا حاجة به إليه فلم يجز والاول أظهر لان الظاهر أنه يقدر على تسليمه إليه من غير منع ولا جحود.

Bai` `inah merujuk kepada kontrak yang membabitkan urus niaga jualan dan pembelian semula aset oleh penjual. Dalam urus niaga ini, penjual menjual aset kepada pembeli secara tunai dan kemudian membelinya semula secara pembayaran tertangguh dengan harga yang lebih tinggi daripada harga jualan secara tunai. Ia juga boleh berlaku apabila penjual menjual aset kepada pembeli secara pembayaran tertangguh dan kemudian membelinya semula secara tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan secara tertangguh. Konsep *bai` `inah* ini digunakan dalam sistem perbankan dan pasaran modal Islam di Malaysia untuk memenuhi pelbagai keperluan peserta pasaran khususnya pada peringkat awal perkembangan sistem kewangan Islam.

69. Penggunaan *Bai` `Inah* dalam Terbitan Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam

MPS dirujuk berhubung dengan cadangan terbitan Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam (SHBN) berdasarkan konsep *bai` `inah*. Di bawah mekanisme SHBN ini, institusi kewangan Islam akan menjual asetnya kepada pelanggan secara tunai. Kemudian, institusi kewangan Islam akan membeli semula aset tersebut secara kredit dengan harga belian yang lebih tinggi. Perbezaan antara harga jualan dengan harga belian merupakan jumlah keuntungan yang akan diperoleh oleh pelanggan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada terbitan SHBN seperti yang dicadangkan dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat pertama bertarikh 8 Julai 1997 telah memutuskan bahawa terbitan SHBN berasaskan konsep *bai` `inah* adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS ini adalah berdasarkan dalil-dalil keharusan *bai` `inah* seperti yang berikut:

i. Firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟

"...padahal Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba..."[109]

Dua perjanjian jual beli yang dimeterai secara berasingan dan bebas, tidak berkaitan antara satu sama lain serta menggunakan lafaz jual beli yang berlandaskan Syarak merupakan elemen-elemen penting dalam jual beli *bai` `inah* yang selari dengan tuntutan ayat di atas. Sehubungan dengan itu, dua perjanjian jual beli *bai` `inah* antara penjual dan pembeli berdasarkan elemen-elemen tersebut adalah sah di sisi Syarak.

ii. Sebahagian fuqaha mazhab Syafii serta sebahagian daripada mazhab Hanafi seperti Imam Abu Yusuf berpandangan bahawa *bai` `inah* adalah harus.[110]

iii. Imam Syafii telah menghuraikan tentang keharusan *bai` `inah* dalam kitabnya, *al-Umm*, seperti yang berikut:

"Apabila seseorang telah menjual sesuatu barang dalam sesuatu tempoh dan pembeli telah menerimanya, maka tidaklah menjadi kesalahan jika dia membelinya semula daripada orang yang telah membeli barang tersebut daripadanya dengan harga yang kurang."[111]

iv. Imam Subki memetik kata-kata Imam Syafii seperti yang berikut:

"Apabila seseorang telah menjual sesuatu barang dalam sesuatu tempoh dan pembeli telah menerimanya, maka tidaklah menjadi kesalahan jika dia membelinya semula daripada orang yang telah membeli barang tersebut daripadanya dengan harga kurang atau lebih, secara hutang atau tunai kerana ia merupakan jual beli yang berlainan daripada jual beli yang pertama."[112]

---

[109] *Surah al-Baqarah*, ayat 275.

[110] *Al-Fatawa al-Hindiyyah*, Matba`ah Amiriyah, 1310H, j. 3, h. 208.

[111] Al-Syafii, *Al-Umm*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, (t.t.), h. 461.

[112] Al-Subki, *Takmilah al-Majmu` Syarh al-Muhazzab*, Maktabah al-Irshad, 1995, j. 10, h. 141:
من باع سلعة من السلع إلى أجل وقبضها المشترى فلا بأس أن يبيعها من الذي اشتراها منه بأقل من الثمن أو أكثر أو دين أو نقد لانها بيعة غير البيعة الاولى.

70. Penggunaan *Bai` `Inah* dalam Pasaran Wang antara Bank secara Islam

Terdapat cadangan untuk memperkenalkan urus niaga yang berasaskan *bai` `inah* dalam pasaran wang antara bank secara Islam. Dalam urus niaga ini, sejumlah aset berlandaskan Syariah akan dijual oleh pembiaya (contohnya bank pusat) kepada institusi kewangan penerima biaya pada harga X secara hutang. Seterusnya, institusi kewangan penerima biaya akan menjual kembali aset tersebut kepada pembiaya secara tunai pada harga Y. Harga X adalah lebih tinggi daripada harga Y, dan perbezaan antara keduanya merupakan keuntungan kepada pembiaya. Dua kontrak jual dan beli tersebut dilaksanakan secara berasingan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada urus niaga yang berasaskan *bai` `inah* dalam pasaran wang antara bank secara Islam dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-8 bertarikh 12 Disember 1998 telah memutuskan bahawa urus niaga yang berasaskan *bai` `inah* dalam pasaran wang antara bank secara Islam adalah dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. Urus niaga *bai` `inah* mestilah mengikut kaedah yang diterima oleh mazhab Syafii; dan

ii. Barangan yang diurusniagakan mestilah bukan barangan *ribawi*.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS ini adalah berdasarkan dalil-dalil keharusan *bai` `inah* seperti yang dinyatakan dalam perkara 69.[113]

[113] Penggunaan *Bai` `Inah* dalam Terbitan Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam.

71. Penggunaan Kontrak "Jual dan Beli Balik"

Kontrak "jual dan beli balik" melibatkan akad jual beli antara dua pihak diikuti janji (*wa`d*) oleh penjual asal untuk membeli semula aset pada satu tarikh berbeza sekiranya pembeli membuat keputusan untuk menjual aset tersebut kepada penjual asal. Harga dalam akad kedua berbeza dengan harga dalam akad yang pertama. Penekanan yang diberikan dalam akad kedua ialah janji oleh penjual asal untuk membeli semula aset tersebut daripada pembeli berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada kontrak "jual dan beli balik" seperti yang dinyatakan di atas dibenarkan dan sama ada ia menyerupai *bai` `inah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-13 bertarikh 10 April 2000 dan mesyuarat ke-21 bertarikh 30 Januari 2002 telah memutuskan bahawa kontrak "jual dan beli balik" pada tarikh berbeza ini dibenarkan dan ia bukan merupakan akad *bai` `inah*.

Asas Pertimbangan

Kontrak "jual dan beli balik" merupakan kontrak jual beli bersyarat yang dibenarkan Syarak dan bukan merupakan *bai` `inah* kerana akad kedua hanya akan dimeterai sekiranya pembeli mengambil keputusan untuk menjual aset kepada pemilik asal. Kontrak jual beli bersyarat ini diakui sah kerana syarat yang dipersetujui tidak menjejaskan tujuan akad yang pertama serta berlaku pemindahan hak milik aset secara sah.

72. Syarat-syarat Sah Akad *Bai` `Inah*

Bagi menyelaraskan penggunaan *bai` `inah* dalam industri kewangan Islam, MPS dirujuk berhubung dengan syarat-syarat sah akad *bai` `inah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-16 bertarikh 11 November 2000 dan mesyuarat ke-82 bertarikh 17 Februari 2009 telah memutuskan bahawa akad *bai` `inah* hendaklah menepati syarat-syarat sah seperti yang berikut:

i. Mempunyai dua akad jual beli yang jelas dan berasingan iaitu akad pembelian dan akad penjualan;

ii. Tidak terdapat syarat pembelian semula aset dalam akad;

iii. Masa bagi pemeteraian setiap akad adalah berbeza;

iv. Turutan pemeteraian setiap akad adalah betul iaitu akad jual beli pertama hendaklah disempurnakan terlebih dahulu sebelum akad jual beli yang kedua dimeterai; dan

v. Berlaku pemindahan hak milik aset serta wujud penguasaan ke atas aset (*qabd*) yang sah berdasarkan Syarak dan amalan perniagaan semasa (*`urf tijari*).

Asas Pertimbangan

Perincian syarat-syarat sah akad *bai` `ina*h adalah berdasarkan hujah-hujah yang dinyatakan dalam perkara 69.[114]

Selain itu, pemindahan hak milik aset mesti berlaku kerana antara syarat sah jual beli ialah adanya *qabd* terhadap barang yang dibeli sebelum ia dijual semula kepada orang lain atau penjual asal. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya isu penjualan harta yang belum dimiliki.

[114] Penggunaan *Bai` `Inah* dalam Terbitan Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam.

73. Pemasukan Syarat Pembelian Semula Aset ke dalam Akad *Bai` `Inah*

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada syarat pembelian semula aset *(interconditionality)* boleh dimasukkan ke dalam kedua-dua perjanjian *bai` bithaman ajil* (BBA) yang berasaskan *bai` `inah* iaitu Perjanjian Pembelian Harta Tanah dan Perjanjian Penjualan Harta Tanah bagi pembiayaan pembelian perumahan yang dimeterai antara institusi kewangan Islam dengan pelanggan. Syarat pembelian semula ini lazimnya terkandung dalam dokumen yang menyatakan janji penjual untuk membeli semula aset tersebut daripada pembeli khususnya dalam bahagian "sebutan permulaan" (*recital*) perjanjian, brosur pemasaran, dokumen tambahan, lampiran dan sebagainya.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-82 bertarikh 17 Februari 2009 telah memutuskan bahawa pemasukan syarat pembelian semula aset ke dalam akad *bai` `inah* akan menyebabkan akad tersebut menjadi batal.

Asas Pertimbangan

Keputusan ini adalah berdasarkan pandangan majoriti ulama yang menyatakan bahawa pemasukan syarat pembelian semula aset ke dalam akad *bai` `inah* akan menjadikan akad tersebut tidak sah:

i. Al-Nawawi menyatakan bahawa ulama sependapat menyatakan bahawa apabila syarat membeli semula dikaitkan dengan akad, ia adalah terbatal;[115]

ii. Dalam *Hashiyah al-Sawi `ala Syarh al-Saghir*, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa lafaz penawaran dan penerimaan (*sighah*) dalam akad *bai` `inah* yang menggambarkan perkaitan atau hubungan antara dua jual beli yang terlibat akan menjejaskan akad jual beli tersebut;[116] dan

iii. Dr. Yusof Al-Qaradawi dalam maklum balas beliau berhubung dengan jual beli hamba oleh Ummu Walad Zaid bin Arqam[117] menyatakan bahawa *bai` `inah* tersebut dibenarkan sekiranya tidak berlaku pengaturan awal (*tawatu`*) untuk membeli semula hamba dan tidak membawa maksud riba.[118]

[115] Al-Nawawi, *Al-Majmu` Syarh al-Muhazzab*, Dar al-Fikr, 1996, j. 10, h. 128.
[116] Al-Sawi, *Hasyiyah al-Sawi `ala Syarh al-Saghir*, Dar al-Ma`arif, 1982, j. 6, h. 395 – 396.
[117] Al-Daraqutni, *Sunan al-Daraqutni*, Dar al-Ma`rifah, 1966, j. 3, h. 52, hadis no. 212.
[118] Al-Qaradawi, *Bai` al-Murabahah li al- Amir bi al-Syira'*, Maktabah Wahbah, 1995, h. 43.

BAHAGIAN II:
KONSEP SYARIAH SOKONGAN

Hibah bermaksud pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang tanpa sebarang balasan.[119] Ia merupakan kontrak satu pihak (*unilateral*) dan merupakan satu amal kebajikan. Pada asasnya, hukum hibah adalah sunat. Dalam sistem kewangan Islam, institusi perbankan Islam lazimnya mengamalkan konsep hibah untuk memberikan ganjaran kepada pendeposit *wadi`ah* dan *qard*. Terdapat juga amalan pemberian hibah kepada pelanggan dalam kes-kes tertentu seperti hibah kepada pelanggan yang membuat pembayaran mengikut jadual. Dalam industri takaful pula, penggunaan konsep hibah terdapat dalam beberapa produk takaful keluarga, iaitu peserta boleh menghibahkan manfaat takaful kepada penama atau penerima hibah.

74. Hibah dalam Kontrak Pelaburan *Mudarabah* antara Bank

Pelaburan *Mudarabah* antara Bank merupakan urus niaga pelaburan antara peserta pasaran wang antara bank (*money market*) secara Islam yang dilaksanakan berdasarkan prinsip *mudarabah*. Kadar pulangan bagi institusi kewangan pelabur ditentukan berdasarkan kadar pulangan institusi kewangan penerima biaya (atau dikenali dengan kadar 'r'). Kadar 'r' melambangkan kecekapan sesebuah institusi kewangan menguruskan dana atau aset perbankan Islamnya. Ini bermakna, institusi kewangan yang cekap biasanya mempunyai kadar 'r' lebih tinggi berbanding dengan yang kurang cekap. Sekiranya kadar 'r' institusi kewangan penerima biaya adalah rendah, ia akan memberikan pulangan yang rendah kepada institusi kewangan pelabur. Masalah timbul apabila kadar 'r' bagi sebilangan institusi kewangan Islam terlalu rendah daripada kadar 'r' pasaran yang menyebabkan institusi kewangan berkenaan sukar mendapatkan dana daripada pasaran.

Bagi menangani masalah ini, terdapat cadangan untuk memperkenalkan konsep hibah sebagai satu amalan pasaran dalam kontrak Pelaburan *Mudarabah* antara Bank. Menerusi konsep ini, institusi kewangan penerima biaya yang mempunyai kadar 'r' yang lebih rendah daripada kadar 'r' pasaran akan menawarkan hibah sebagai saguhati kepada institusi kewangan pelabur yang bersedia melabur dengannya. Hibah boleh dibayar berdasarkan peratusan tertentu daripada kadar 'r' institusi kewangan penerima biaya, tertakluk kepada kesediaan institusi kewangan penerima biaya itu sendiri.

[119] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 42, h. 120.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan penerima biaya boleh memberi hibah kepada institusi kewangan pelabur dalam kontrak *mudarabah* seperti Pelaburan *Mudarabah* antara Bank bagi memberi pulangan yang kompetitif dengan kadar pasaran.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-8 bertarikh 12 Disember 1998 telah memutuskan bahawa pemberian hibah oleh institusi kewangan penerima biaya kepada institusi kewangan pelabur yang membawa kepada jaminan keuntungan (kadar 'r') dalam kontrak Pelaburan *Mudarabah* antara Bank adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Pemberian hibah ke atas kontrak perniagaan yang berasaskan *mudarabah* adalah tidak dibenarkan kerana *mudarabah* ialah satu bentuk kontrak yang berdasarkan perkongsian keuntungan. Sekiranya penawaran hibah dibenarkan, ia akan menjejaskan akad *mudarabah* tersebut kerana *mudarib* seolah-olah memberi jaminan terhadap keuntungan *mudarabah*. Selain itu, pemberian hibah juga bertentangan dengan objektif kontrak *mudarabah* kerana ia menafikan elemen perkongsian untung dan penyerapan kerugian oleh *rabbul mal* (jika berlaku kerugian).

75. Penggunaan Konsep Hibah dalam Kontrak *al-Ijarah thumma al-Bai`*

Sebuah institusi kewangan Islam berhasrat untuk menawarkan pemberian hibah dalam kontrak *al-Ijarah thumma al-Bai`* (AITAB) bagi memberikan insentif dan galakan kepada pelanggan membayar sewa bulanan mengikut jadual yang ditetapkan. Dalam aturan yang dicadangkan, hibah akan diberikan kepada pelanggan yang melunaskan bayaran sewa bulanan pada tahun pertama tanpa sebarang kelewatan. Kadar hibah yang dicadangkan ialah sebanyak 1% daripada jumlah pembiayaan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun pelanggan yang layak pada bulan ke-13. Namun, pelanggan yang melunaskan semua hutangnya dan menamatkan kontrak AITAB dalam masa 12 bulan yang pertama tidak layak untuk memperoleh hibah ini.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penggunaan konsep hibah dalam AITAB seperti di atas dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-13 bertarikh 10 April 2000 telah memutuskan bahawa cadangan pemberian hibah dalam kontrak AITAB sebagai insentif kepada pelanggan yang membuat bayaran mengikut jadual adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Pemberian hibah dan hadiah sememangnya digalakkan seperti saranan ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW berikut:

فَإِن طِبْنَ لَكُمْ عَن شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَّرِيئًا

"...kemudian jika mereka memberikan kepada kamu dengan suka hatinya sebahagian daripada mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya."[120]

أخبرنا أبو عبد الله الحافظ قال سمعت ابا زكريا يحيى بن محمد العنبري يقول سمعت ابا عبد الله البوشنجى يقول في قول النبي صلى الله عليه وسلم تهادوا تحابوا

"Abu Abdullah al-Hafiz telah mengkhabarkan kepada kami, beliau berkata, aku telah mendengar Abu Zakaria Yahya bin Muhammad al-`Anbari berkata, aku telah mendengar Abu Abdullah al-Busyanji berkata, tentang kata-kata Nabi Muhammad SAW: Saling memberilah hadiah dan kamu akan saling kasih-mengasihi."[121]

Di samping itu, tiada sebarang halangan Syariah bagi penggunaan konsep hibah dalam kontrak AITAB kerana hibah merupakan sesuatu yang dilakukan secara sukarela dan berdasarkan budi bicara pemberi hibah.

[120] *Surah al-Nisa'*, ayat 4.
[121] Al-Baihaqi, *Al-Sunan al-Kubra*, Maktabah Dar al-Baz, 1994, j. 6, h. 169, hadis no. 11726.

76. Hibah dalam Kontrak *Wadi`ah*

Salah satu kaedah penerimaan deposit oleh institusi perbankan Islam di Malaysia ialah berdasarkan konsep *wadi`ah yad dhamanah*. Sesetengah institusi perbankan Islam memberikan hibah kepada para pendeposit *wadi`ah* sebagai tanda penghargaan atas keyakinan pendeposit *wadi`ah* terhadap institusi mereka. Walau bagaimanapun, amalan pemberian hibah kepada pendeposit *wadi`ah* dikhuatiri akan menjadi *`urf* atau kelaziman yang ditegah oleh Syarak.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pemberian hibah oleh institusi perbankan Islam kepada pendeposit *wadi`ah* dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-35 bertarikh 22 Mei 2003 telah memutuskan bahawa amalan pemberian hibah oleh institusi perbankan Islam kepada pendeposit *wadi`ah* adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, pemberian hibah tersebut tidak boleh dijadikan sebagai amalan tetap bagi mengelakkan amalan tersebut dikira sebagai *`urf* yang menyerupai syarat dalam kontrak deposit berasaskan *wadi`ah*.

Asas Pertimbangan

Dalam konteks amalan perbankan semasa, wang yang didepositkan oleh pelanggan akan digunakan oleh pihak bank untuk tujuan tertentu seperti memberikan pembiayaan dan membuat pelaburan. Dari perspektif Syariah, wang yang dimasukkan ke dalam akaun deposit berasaskan konsep *wadi`ah yad dhamanah* menyamai kontrak pinjaman *qard* dan pihak bank mesti memulangkan semula deposit kepada pelanggan apabila diminta berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui. Oleh itu, syarat-syarat dalam *qard* dan kesan lanjutan daripadanya adalah terpakai bagi produk akaun deposit yang berasaskan konsep *wadi`ah yad dhamanah*.

Hadis Rasulullah SAW ada menyatakan:

قال النبي صلى الله عليه وسلم إن خيركم أحسنكم قضاء

"Rasulullah SAW bersabda: Sebaik-baik dalam kalangan kamu ialah orang yang paling baik dalam menunaikan hutang."[122]

Dalam akad *qard*, syarat memberikan manfaat kepada pemberi pinjaman tidak dibenarkan. Contohnya, mensyaratkan peminjam supaya memberi tempat tinggal secara percuma atau dengan harga murah kepada pemberi pinjaman, memberikan balasan terhadap kebaikan atau memberikan hadiah.[123]

Pemberian hibah oleh peminjam kepada pemberi pinjaman digalakkan dalam Islam. Namun demikian, pemberian hibah tidak boleh disyaratkan dalam akad kerana ia boleh membawa kepada riba seperti yang dinyatakan dalam hadis berikut:[124]

عن علي رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: كل قرض جر منفعة فهو ربا

"Daripada Ali r.a. berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Setiap pinjaman yang memberi manfaat (kepada pemberi pinjaman) maka ia adalah riba."[125]

[122] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Al-Matba`ah al-Salafiyyah, 1982, j. 2, h. 146, hadis no. 2305.
[123] Al-Juzairi, *Al-Fiqh `ala al-Mazahib al-Arba`ah,* Al-Maktab al-Thaqafi, 2000, j. 2, h. 227.
[124] Ibnu `Abidin, *Hasyiyah Radd Al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*, Dar `Alam al-Kutub, 2003, j. 7, h. 395.
[125] Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*, Matba`ah al-Salafiyyah, 1928, h. 176.

77. Hibah dalam Kontrak *Qard*

Kontrak *qard* merupakan salah satu bentuk kontrak yang diterima pakai bagi tujuan pengurusan mudah tunai dalam kewangan Islam. Kontrak ini memerlukan pihak peminjam memulangkan jumlah wang yang dipinjam kepada pemberi pinjaman tanpa menjanjikan sebarang penambahan. Walau bagaimanapun, dalam amalan semasa, pihak peminjam kadang kala atas kerelaannya memberikan hibah kepada pihak pemberi pinjaman sewaktu melunaskan bayaran pinjaman.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pemberian hibah ke atas *qard* seperti ini selaras dengan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-55 bertarikh 29 Disember 2005 telah memutuskan bahawa pemberian hibah yang tidak disyaratkan dalam kontrak *qard* adalah diharuskan. Walau bagaimanapun, pemberian hibah tidak boleh dijadikan sebagai amalan tetap bagi mengelakkan amalan tersebut dikira sebagai *`urf* yang menyerupai syarat dalam kontrak *qard*.

Asas Pertimbangan

Walaupun pemberian hibah oleh peminjam kepada pemberi pinjaman digalakkan dalam Islam, pemberian hibah tidak boleh disyaratkan dalam kontrak kerana ia boleh membawa kepada riba. Sebarang penambahan kepada *qard* ketika pembayaran semula sama ada dari segi kadar, sifat, pemberian aset atau manfaat adalah harus sekiranya dilakukan tanpa syarat.

Hukum memberi hibah kepada pemberi pinjaman adalah sama seperti hukum pinjaman yang melibatkan manfaat, iaitu diharamkan sekiranya hibah tersebut disyaratkan dalam akad, tetapi dibenarkan sekiranya hibah diberikan tanpa syarat.[126]

Sila rujuk juga asas pertimbangan seperti yang dinyatakan dalam perkara 76.[127]

[126] Ibnu `Abidin, *Hasyiyah Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*, Dar al-Fikr, 2000, j. 7, h. 395.
[127] Hibah dalam Kontrak *Wadi`ah*.

Ibra' secara konsepnya bermaksud seseorang menggugurkan hak tuntutannya ke atas tanggungan (*zimmah*) pihak lain yang perlu dilaksanakan terhadapnya.[128] Dalam konteks kewangan Islam, *ibra'* merujuk kepada rebat yang diberikan oleh satu pihak kepada satu pihak lain dalam urusan *mua`malah* seperti jual beli dan sewaan. Misalnya, pihak institusi kewangan Islam akan memberikan *ibra'* kepada pelanggan yang melunaskan hutang lebih awal daripada tempoh yang dipersetujui semasa akad dimeterai.

78. *Ibra'* dalam Pembiayaan secara Islam

Kebanyakan institusi kewangan Islam tidak memasukkan klausa *ibra'* dalam perjanjian yang ditandatangani dengan pelanggan kerana dikhuatiri timbul isu ketidakpastian (*gharar*) dalam harga jualan. Walau bagaimanapun, amalan tidak memasukkan klausa *ibra'* dalam perjanjian pula boleh menimbulkan pertelingkahan antara pelanggan dan institusi kewangan Islam berhubung dengan hak pelanggan untuk mendapatkan *ibra'* sekiranya mereka melunaskan pembiayaan lebih awal.

Selaras dengan keperluan untuk menjaga kepentingan umum (*maslahah*) serta memastikan keadilan terhadap pembiaya dan penerima biaya, MPS dirujuk berhubung dengan cadangan untuk mewajibkan institusi kewangan Islam memberikan *ibra'* kepada penerima biaya yang melunaskan hutang lebih awal bagi pembiayaan berdasarkan kontrak jual beli (seperti *bai` bithaman ajil* atau *murabahah*).

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-101 bertarikh 20 Mei 2010 telah memutuskan bahawa Bank Negara Malaysia selaku pihak berkuasa boleh mewajibkan institusi perbankan Islam memberikan *ibra'* kepada penerima biaya yang melunaskan hutang lebih awal bagi pembiayaan berdasarkan kontrak jual beli (seperti *bai` bithaman ajil* atau *murabahah*). Bagi mengelakkan ketidakpastian berhubung dengan hak penerima biaya untuk menerima *ibra'* daripada institusi perbankan Islam, Bank Negara Malaysia juga boleh mewajibkan agar pemberian *ibra'* tersebut dimasukkan sebagai salah satu klausa dalam dokumen pembiayaan. Penentuan formula *ibra'* akan diselaraskan oleh Bank Negara Malaysia.[129]

[128] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 1, h. 142.

[129] Keputusan ini membatalkan keputusan MPS yang dibuat pada mesyuarat yang ke-13 bertarikh 10 April 2000, mesyuarat ke-24 bertarikh 24 April 2002 dan mesyuarat ke-32 bertarikh 27 Februari 2003 yang memutuskan bahawa pemberian *ibra'* adalah tertakluk kepada budi bicara institusi kewangan Islam dan sekiranya institusi kewangan Islam berjanji untuk memberikan *ibra'* kepada pelanggan, institusi kewangan Islam adalah terikat dan mestilah melaksanakan janji tersebut.

Asas Pertimbangan

Penguguran hak adalah berkait rapat dengan *ibra'* dan *dho` wa ta`ajjal*. *Ibra'* dalam konteks pelepasan hak untuk menuntut hutang (sama ada sebahagian atau keseluruhan hutang) oleh pemberi pinjaman merupakan suatu perkara yang digalakkan oleh Islam. Hak tersebut merupakan tanggungan (*zimmah*) pihak lain yang perlu dilaksanakan terhadapnya. *Dho` wa ta`ajjal* pula merupakan istilah yang digunakan bagi merujuk perbuatan mengurangkan sebahagian hutang apabila penghutang menyelesaikan hutang lebih awal.

Situasi pelepasan hak untuk menuntut sebahagian hutang atau keseluruhan hutang ini pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW seperti yang dinyatakan dalam hadis berikut:

أن النبي صلى الله عليه وسلم لما أمر بإخراج بني النضير جاءه ناس منهم فقالوا يا نبي الله إنك أمرت بإخراجنا ولنا على الناس ديون لم تحل فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ضعوا وتعجلوا

"Rasulullah SAW memerintahkan suku kaum bani Nadhir supaya keluar dari Madinah, kemudian Baginda didatangi beberapa orang dari kalangan mereka lalu berkata: Wahai Rasullullah! Engkau memerintah kami supaya keluar dari Madinah sedangkan kami mempunyai hutang yang belum matang yang perlu dilunaskan oleh penduduk tempatan. Maka Rasulullah SAW bersabda: Kurangkan dan segerakan bayaran."[130]

Terdapat pandangan daripada beberapa ulama yang menyatakan bahawa *dho` wa ta`ajjal* tidak dibenarkan kerana ia menyerupai amalan riba. Mereka membahaskan bahawa sekiranya menambahkan nilai hutang kerana penangguhan tempoh pembayaran dianggap sebagai riba, maka mengurangkan nilai hutang kerana menyegerakan penyelesaian hutang mengambil hukum yang sama.[131]

[130] Al-Daraqutni, *Sunan al-Daraqutni*, Mu'assasah al-Risalah, 2004, j. 3, h. 466.

[131] Al-Baihaqi, *Al-Sunan al-Kubra*, Maktabah Dar al-Baz, 1994, j. 6, h. 28, hadis no. 10924; terdapat beberapa riwayat lain dalam Sunan al-Baihaqi meriwayatkan tentang larangan *dho` wa ta`ajjal* oleh Umar Al-Khattab r.a.; Ibnu Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, j. 2, h. 144; Ibnu Qayyim, *Ighathah al-Lahfan min Masayid al-Syaitan*, Dar Al-Ma`rifah, 1975, j. 2, h. 12.

Selain itu, terdapat juga perbahasan yang menyatakan bahawa perbuatan *dho` wa ta`ajjal* yang disyaratkan semasa pemeteraian kontrak bersifat hutang tidak diharuskan kerana akan menyebabkan *gharar* pada harga jualan. Terdapat juga ulama yang membahaskan bahawa *dho` wa ta`ajjal* yang disyaratkan semasa pemeteraian kontrak bersifat hutang tidak diharuskan kerana perbuatan tersebut dianggap termasuk dalam bentuk-bentuk urus niaga *bai`atain fi al-bai`ah* yang dilarang berdasarkan *Sunnah*.[132]

Namun demikian, sebahagian ulama yang mengharuskan *dho` wa ta`ajjal* berpandangan bahawa adalah tidak bertepatan untuk menyamakan *dho` wa ta`ajjal* dengan riba kerana pada hakikatnya kedua-dua perkara tersebut adalah berbeza.[133]

Mengambil kira pandangan ulama yang mengharuskan *dho` wa ta`ajjal* secara mutlak dan pandangan ulama yang mengharuskannya apabila ia disyaratkan terlebih dahulu, maka dapat dirumuskan bahawa tiada halangan bagi pihak berkuasa mengambil pendekatan untuk mewajibkan pelaksanaannya. Ini kerana tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mewajibkan sesuatu yang pada asalnya harus adalah bertujuan memastikan kemaslahatan pihak-pihak berkepentingan terpelihara.

Tindakan sedemikian dilihat selari dengan keputusan ulama terdahulu yang memutuskan bahawa apabila hutang jual beli dilunaskan sebelum tempoh matangnya, maka nilai yang perlu dibayar hendaklah berkadaran dengan tempoh masa yang telah berlalu. Ini telah dinukilkan oleh Ibnu `Abidin seperti yang berikut:

"Jika penghutang melangsaikan hutangnya sebelum tiba tempoh matangnya atau dia mati maka diambil (bayaran hutang) dari harta tinggalannya, maka jawab mereka yang mutakhir: Sesungguhnya tidak diambil daripada murabahah yang berlangsung antara mereka melainkan dengan kadar apa yang telah berlalu."[134]

---

[132] Abdul Rahman Soleh Al-Atram, *Al-Ibra' fi al-Tamwil al-Islami: Takyifan wa Tatbiqan*, Al-Qadaya al-Mu`asarah fi al-Tamwil al-Islami: Munaqasyah fi Al-Nadwah al-`Alamiyah li `Ulama' al-Syari`ah 2006, Bank Negara Malaysia, 2008, h. 355.

[133] Ibnu Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, 1975, j. 2, h. 144; Ibnu Qayyim, *Ighathah al-Lahfan min Masayid al-Syaitan*, Dar Al-Ma`rifah, 1975, j. 2, h. 13.

[134] Ibnu `Abidin, *Hasyiyah Radd Al-Muhtar `ala Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*, Dar al-Fikr, 2000, j. 5, h. 160: مطلب إذا قضى المديون الدين قبل حلول الأجل أو مات لا يؤخذ من المرابحة إلا بقدر ما مضى. (قوله : وسيجيء آخر الكتاب) أي قبيل كتاب الفرائض وهذا مأخوذ من القنية حيث قال فيها برمز نجم الدين قضى المديون الدين قبل الحلول أو مات فأخذ من تركته، فجواب المتأخرين: أنه لا يأخذ من المرابحة التي جرت بينهما إلا بقدر ما مضى من الأيام قيل له أتفتي به أيضا؟ قال نعم قال: ولو أخذ المقرض القرض والمرابحة قبل مضي الأجل فللمديون أن يرجع بحصة ما بقي من الأيام.

79. Dua Bentuk *Ibra'* dalam Satu Perjanjian Pembiayaan

Memandangkan *ibra'* merupakan pelepasan hak oleh sebelah pihak, institusi kewangan Islam boleh berjanji untuk memberikan *ibra'* berdasarkan kaedah-kaedah yang difikirkan sesuai. Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan cadangan sebuah institusi kewangan Islam untuk memberikan dua bentuk *ibra'* yang berbeza dalam perjanjian pembiayaan berasaskan *bai` bithaman ajil* boleh ubah iaitu *ibra'* bagi penyelesaian awal (*early settlement*) dan *ibra'* bulanan bagi menyamakan kadar keuntungan efektif dengan kadar keuntungan pasaran.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-32 bertarikh 27 Februari 2003 telah memutuskan bahawa kedua-dua bentuk *ibra'* (iaitu *ibra'* bagi penyelesaian awal dan *ibra'* bulanan bagi menyamakan kadar keuntungan efektif dengan kadar keuntungan pasaran) dalam satu perjanjian pembiayaan adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Dalam konteks pemberian *ibra'* bagi penyelesaian awal, MPS mengambil kira pandangan ulama mutakhir seperti yang berikut:

"Apabila penghutang menyelesaikan hutang tangguhnya sebelum tempoh matang, atau mati, maka hutang tersebut menjadi matang disebabkan kematiannya. Dalam hal ini, hutang tersebut dilunaskan dengan mengambil harta peninggalannya. Namun, tidak diambil dari murabahah kecuali sekadar mana tempoh yang telah berlalu. Ini adalah jawapan yang diberikan oleh golongan terkini (mazhab Hanafi), Qunyah, dan fatwa Mufti Rom, iaitu al-marhum Abu Sa`ud Afandi. Sebab (`illah) yang diberikan adalah al-rifq (belas ihsan) bagi kedua-dua pihak. (Katanya: tidak diambil dari murabahah), bentuknya ialah: Seseorang membeli sesuatu dengan harga 10 secara tunai, dan menjualnya kepada orang lain dengan harga 20 secara tangguh selama 10 bulan. Sekiranya pembeli menyelesaikan bayaran selepas lima bulan atau mati selepas tempoh tersebut, penjual hanya mengambil lima dan meninggalkan baki lima tersebut."[135]

[135] Ibnu `Abidin, *Hasyiyah Radd al-Muhtar `ala Durr Al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*, Dar al-Fikr, 2000, j. 29, h. 348 - 349: قضى المديون الدين المؤجل قبل الحلول أو مات، فحل بموته، فأخذ من تركته لا يأخذ من المرابحة التي جرت بينهما إلا بقدر ما مضى من الأيام وهو جواب المتأخرين، قنية، وبه أفتى المرحوم أبو السعود أفندي مفتي الروم، وعلّله بالرفق للجانبين، (قوله لا يأخذ من المرابحة إلخ) صورته : اشترى شيئا بعشرة نقدا وباعه لآخر بعشرين إلى أجل هو عشرة أشهر ، فإذا قضاه بعد تمام خمسة أو مات بعدها يأخذ خمسة ، ويترك خمسة.

Bagi *ibra'* secara bulanan, MPS merujuk kepada perbincangan ulama berhubung dengan jenis-jenis *ibra'*. Antara jenis-jenis *ibra'* yang lebih hampir kepada amalan ini ialah *ibra' muqayyad* dan *ibra' mu`allaq*. Contoh bagi *ibra' muqayyad* adalah seperti yang berikut:

"Aku akan berikan ibra' pada engkau sekiranya engkau melakukan sekian perkara..."

Manakala contoh bagi *ibra' mu`allaq* pula adalah seperti yang berikut:

"Jika engkau melakukan sekian perkara aku akan berikan engkau ibra'."[136]

Sebahagian mazhab Hanafi berpandangan *ibra'* seperti di atas hukumnya tidak harus jika sekiranya syarat dalam *ibra'* tersebut menjadi amalan kebiasaan (*muta`arafan*). Manakala mazhab Maliki dan mazhab Imam Ahmad mengharuskannya secara mutlak.[137]

Ibra' mu`allaq sebagaimana contoh yang diberikan oleh sebahagian ulama fiqah dilihat hampir menyamai kaedah *ibra'* yang diberikan dalam bentuk bulanan. Ini kerana *ibra'* yang diberikan dalam bentuk bulanan juga adalah bergantung kepada perubahan sesuatu kadar tertentu. Ini menunjukkan satu isyarat jelas bahawa penggunaan *ibra'* boleh diperluaskan sejajar dengan kehendak semasa selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip umum Syariah.

Selain itu, pemberian *ibra'* merupakan hak pembiaya. Justeru, pembiaya boleh melaksanakan *ibra'* dalam apa jua bentuk kerana ia berdasarkan kerelaan pihak yang berhak iaitu pihak pemberi *ibra'* atau pembiaya.

[136] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 1, h. 165.

[137] Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 1, h. 165 - 166: فللفقهاء فى حكم الإبراء المعلق عليه آراء: (أ) عدم الجواز ولو كان الشرط متعارفا عليه. وهذا مذهب الحنفية والشافعية، والرواية المنصوصة عن أحمد، لما فى الإبراء من معنى التمليك، والتعليق مشروع فى الإسقاطات المحضة لا فى التمليكات، فانها لا تقبل التعليق. (ب) جواز التعليق كان الشرط متعارفا عليه، وعدم الجواز فى عكسه، وهو رأي لبعض الحنفية. (ت) جواز التعليق مطلقا، وهو مذهب المالكية ورواية عن أحمد، وذلك لما فى الإبراء من معنى الإسقاط.

80. *Ibra'* ke atas Produk Pembiayaan Perumahan yang Dihubungkan dengan Akaun Deposit *Wadi`ah* atau Akaun Deposit *Mudarabah*

Sebuah institusi kewangan Islam berhasrat untuk menawarkan produk pembiayaan perumahan. Salah satu ciri keistimewaan produk ini ialah penerima biaya akan menerima *ibra'* ke atas amaun ansuran bulanan sekiranya penerima biaya menghubungkan pembiayaan perumahan tersebut dengan akaun deposit *wadi`ah* atau akaun deposit *mudarabah*. Menerusi mekanisme ini, amaun tertentu daripada ansuran bulanan akan diberikan *ibra'* berdasarkan baki deposit semasa dalam akaun deposit *wadi`ah* atau *mudarabah*. Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada struktur produk ini selaras dengan Syariah.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-63 bertarikh 27 Disember 2006 telah meluluskan cadangan produk pembiayaan perumahan yang dihubungkan dengan akaun deposit *mudarabah* dengan syarat kos bagi manfaat *ibra'* yang diberikan mestilah ditanggung sepenuhnya oleh institusi kewangan Islam. Walau bagaimanapun, MPS pada mesyuarat ke-64 bertarikh 18 Januari 2007 memutuskan bahawa cadangan produk pembiayaan perumahan yang dihubungkan dengan akaun deposit *wadi`ah* tidak dibenarkan kerana dikhuatiri ia merupakan *syubhah* kepada riba.

Asas Pertimbangan

Kewujudan hubungan atau ikatan antara pembiayaan perumahan dan akaun deposit *wadi`ah* atau *mudarabah* akan membawa kepada manfaat yang jelas kepada pendeposit. Bagi deposit *mudarabah*, elemen manfaat tidak menjadi isu Syariah. Namun demikian, bagi deposit *wadi`ah* (yang di*takyif*kan sebagai *qard*), elemen manfaat yang disyaratkan adalah dilarang.

Sila rujuk juga asas pertimbangan seperti yang dinyatakan dalam perkara 76.[138]

[138] Hibah dalam Kontrak *Wadi`ah*.

TA`WIDH DAN GHARAMAH

Operasi perbankan Islam terhasil melalui hubungan antara pembiaya dengan penerima biaya. Melalui hubungan ini terbentuk obligasi bagi kedua-dua pihak dengan pembiaya mempunyai obligasi untuk menyalurkan dana kepada penerima biaya menerusi kontrak yang dilaksanakan. Obligasi penerima biaya pula ialah melunaskan jumlah pembiayaan yang perlu dilangsaikan dalam tempoh tertentu. Sekiranya bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, ia boleh menjejaskan aktiviti kewangan pihak pembiaya. Perbahasan tentang penggunaan kaedah pengenaan ganti rugi dalam aktiviti kewangan Islam di Malaysia meliputi aspek kemungkiran pelunasan pembiayaan, hutang penghakiman dan penyelesaian hutang awal. Dalam konteks pembiayaan, *ta`widh* ialah ganti rugi yang dikenakan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pembiaya kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh penerima biaya. *Gharamah* pula ialah penalti atau denda yang dikenakan kerana kelewatan melunaskan hutang, tanpa perlu pembuktian kewujudan kerugian sebenar.[139]

81. Pengenaan *Ta`widh* dan *Gharamah* dalam Pembiayaan Kewangan Islam

Dalam sistem kewangan konvensional, masalah kemungkiran pelunasan bayaran pinjaman ditangani menerusi pengenaan faedah atau riba terhadap pelanggan. Memandangkan pengenaan faedah atau riba adalah bertentangan dengan prinsip Syariah, institusi kewangan Islam tidak mengadaptasi cara tersebut untuk menangani kes-kes kemungkiran pelanggan dalam melunaskan obligasi kewangan yang terhasil daripada kontrak yang dimeterai secara Islam. Justeru, MPS telah dirujuk berhubung dengan mekanisme yang sejajar dengan hukum Syarak bagi mengatasi masalah kemungkiran ini.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-4 bertarikh 14 Februari 1998, mesyuarat ke-95 bertarikh 28 Januari 2010 dan mesyuarat ke-101 bertarikh 20 Mei 2010 telah memutuskan bahawa pengenaan caj pembayaran lewat oleh institusi kewangan Islam yang merangkumi kedua-dua konsep *gharamah* (denda atau penalti) dan *ta`widh* (ganti rugi) adalah dibenarkan, tertakluk kepada perkara berikut:

[139] Mohammad Abdul Razaq al-Tabtabae, *Al-Ta`widh `an al-Dharar wa al-Gharamah `ala al-Ta'khir fi al-Duyun: Dirasah Tatbiqiyyah `ala al-Mu'assasat al-Maliyyah al-Islamiyyah fi Daulati al-Kuwait,* Al-Qadaya al-Mu`asarah fi al-Tamwil al-Islami: Munaqasyah fi al-Nadwah al-`Alamiyah li `Ulama' al-Syari`ah 2006, Bank Negara Malaysia, 2008, h. 91.

i. *Ta`widh* boleh dikenakan ke atas kelewatan pembayaran obligasi kewangan yang terhasil daripada akad-akad pertukaran (seperti jual beli dan sewaan) dan *qard*;

ii. *Ta`widh* hanya boleh dikenakan selepas tamat tempoh pelunasan hutang yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak;

iii. Institusi perbankan Islam boleh mengiktiraf *ta`widh* sebagai pendapatan atas dasar ia dikenakan sebagai ganti rugi atas kerugian sebenar yang dialami oleh institusi perbankan Islam; dan

iv. *Gharamah* tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan, sebaliknya perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan tertentu.

Asas Pertimbangan

Keharusan mengenakan *ta`widh* ke atas penerima biaya yang mungkir adalah berasaskan pertimbangan ke atas dalil-dalil dan pandangan berikut:

i. Hadis Rasulullah SAW yang menyifatkan kelewatan pembayaran hutang oleh orang yang berkemampuan sebagai satu kezaliman, sebagaimana sabda baginda:

عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: مطل الغني ظلم

"Daripada Abi Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Kemungkiran orang yang kaya (dalam membayar hutang) adalah satu kezaliman."[140]

ii. Terdapat juga kaedah fiqah yang dipetik daripada hadis yang menyentuh hal ini, iaitu:

لا ضرر ولا ضرار

"Tiada kemudaratan dan tidak boleh memudaratkan (dalam Islam)."[141]

[140] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari,* Al-Matba`ah al-Salafiyyah, 1982, j. 2, h. 175.
[141] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 165.

Berdasarkan kaedah ini, tindakan penerima biaya melewatkan bayaran ialah sesuatu yang memudaratkan institusi kewangan Islam selaku pembiaya. Ini kerana institusi kewangan Islam akan mengalami kerugian sebenar seperti bayaran perbelanjaan untuk mengeluarkan notis dan surat, yuran guaman dan sebarang kos-kos berkaitan. Hal ini perlu dielak supaya urus niaga yang berjalan memenuhi prinsip kelancaran perjalanan pasaran (*istiqrar ta`amul*).

iii. Kelewatan membayar hutang boleh di*qiyas*kan dengan rampasan harta secara tidak sah (*ghasb*). Kedua-duanya berkongsi *`illah* yang sama iaitu menghalang penggunaan harta dan memanipulasinya secara zalim. Menurut pandangan Imam Syafii dan Hanbali dalam kes *ghasb*, manfaat harta yang dirampas adalah dalam jaminan dan perlu dibayar ganti rugi.[142] Bagi kes kelewatan membayar semula amaun pembiayaan, pembiaya juga menanggung kerugian kehilangan peluang menggunakan dana bagi tujuan perniagaan lain, yang sepatutnya dijelaskan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Oleh yang demikian, penerima biaya perlu membayar ganti rugi kepada pembiaya atas kerugian yang dialami oleh pembiaya.[143]

iv. Kaedah fiqah:

الضرر يزال

"Sebarang kemudaratan hendaklah dihilangkan."[144]

Berdasarkan kaedah fiqah di atas, pengenaan *ta`widh* dan *gharamah* terhadap kelewatan membayar amaun pembiayaan merupakan pendekatan yang sesuai bagi meringankan kemudaratan yang dialami oleh pembiaya, dan pada masa yang sama mendisiplinkan penerima biaya untuk menjelaskan bayaran mengikut jadual yang telah ditetapkan.

[142] Al-Syirazi, *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafii*, Dar al-Qalam, 1996, j. 3, h. 412; Al-Zuhaili, *Fiqh al-Hanbali al-Muyassar*, Dar al-Qalam, 1997, j. 3, h. 7.
[143] Majmu`ah Dallah Barakah, *Qararat wa Tawsiyyat Nadawat al-Barakah*, 1985, Persidangan kali ke-3, resolusi no. 3/2.
[144] Al-Suyuti, *Al-Asybah wa al-Naza'ir*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1403H, h. 83 - 84.

82. Pengenaan Ganti Rugi ke atas Pelanggan yang Membuat Penyelesaian Awal

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam boleh mengenakan bayaran ganti rugi ke atas pelanggan yang membuat penyelesaian awal terhadap pembiayaan secara Islam.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-24 bertarikh 24 April 2002 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam tidak dibenarkan untuk mengenakan ganti rugi terhadap pelanggan yang membuat penyelesaian awal terhadap pembiayaan secara Islam.

Asas Pertimbangan

Ganti rugi yang dikenakan oleh institusi kewangan Islam ke atas pelanggan yang membuat penyelesaian awal terhadap pembiayaan secara Islam tidak selari dengan kehendak Syarak kerana Islam menggalakkan penyelesaian awal sebarang hutang. Malah terdapat hadis Rasulullah SAW yang menyifatkan kelewatan pembayaran hutang oleh orang yang berkemampuan sebagai satu kezaliman.

Pengenaan ganti rugi ke atas penyelesaian awal terhadap pembiayaan secara Islam juga dilihat sebagai tidak wajar kerana apabila pelanggan membayar lebih awal, institusi kewangan Islam boleh menggunakan dana tersebut untuk melabur atau memberikan pembiayaan kepada pelanggan lain. Bagi pelanggan yang telah menikmati keistimewaan tertentu di awal tempoh pembiayaan, institusi kewangan Islam boleh menggunakan kaedah pengurangan *ibra'* untuk menangani isu ini.

83. Kaedah Caj Lewat Bayar ke atas Hutang Penghakiman

Undang-undang prosedur sedia ada memperuntukkan mahkamah kuasa untuk mengenakan faedah terhadap hutang penghakiman yang diputuskan oleh mahkamah. Faedah ini dikenakan terhadap penghutang penghakiman pada kadar 8% setahun daripada jumlah penghakiman yang dikira bermula dari tarikh keputusan dibuat sehingga hutang penghakiman dijelaskan oleh penghutang kehakiman kepada pihak pemiutang kehakiman.

Berhubung dengan kes-kes kewangan Islam, isu tuntutan seumpama ini sememangnya berlaku tetapi mahkamah menggunakan budi bicaranya untuk tidak mengenakan faedah berkenaan kerana ia berlandaskan kaedah riba. Jika tuntutan ini dibuat di mahkamah bagi kes pembiayaan berkadar tetap seperti *murabahah* atau *bai` bithaman ajil*, pemiutang kehakiman akan membuat tuntutan keseluruhan baki harga jualan yang belum dibayar, tertakluk kepada jumlah rebat (*ibra'*), sekiranya ada.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan mekanisme bagi menghalang kelewatan pelunasan hutang penghakiman dalam kes-kes kewangan Islam.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-50 bertarikh 26 Mei 2005, mesyuarat ke-61 bertarikh 24 Ogos 2006 dan ke-100 bertarikh 30 April – 1 Mei 2010 telah memutuskan bahawa hakim boleh mengenakan caj lewat bayar ke atas hutang penghakiman yang diputuskan oleh mahkamah bagi kes-kes perbankan Islam dan takaful berdasarkan kaedah *gharamah* dan *ta`widh* ke atas kerugian sebenar berdasarkan mekanisme seperti yang berikut:

i. Mahkamah boleh mengenakan caj lewat bayar pada kadar yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.[145] Walau bagaimanapun, daripada kadar tersebut, pemiutang kehakiman (institusi kewangan) hanya dibenarkan untuk mengambil kadar ganti rugi sebenar (*ta`widh*);

[145] MPS telah memutuskan pada mesyuarat ke-50 bertarikh 26 Mei 2005 dan mesyuarat ke-61 bertarikh 24 Ogos 2006 bahawa kadarnya ialah 8%.

ii. Bagi menentukan kadar ganti rugi sebenar (*ta`widh*) yang boleh diambil oleh pihak pemiutang kehakiman, MPS bersetuju menerima pakai "purata bagi kadar purata wajaran semalaman" pasaran wang secara Islam sebagai rujukan; dan

iii. Jumlah ganti rugi sebenar yang berhak diambil tidak boleh melebihi hutang pokok. Jika ganti rugi sebenar tersebut kurang daripada kadar amalan semasa sistem kehakiman, amaun selebihnya hendaklah disalurkan oleh pemiutang kehakiman kepada badan kebajikan yang akan ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.

Jika pemiutang penghakiman merupakan individu (contohnya pembayaran manfaat takaful oleh pengendali kepada peserta), penghutang penghakiman hanya perlu membayar jumlah *ta`widh* sahaja kepada pemiutang penghakiman, sebagai tambahan kepada amaun hutang penghakiman. Penghutang penghakiman perlu menyalurkan lebihan bayaran caj penalti (jika ada) terus kepada badan kebajikan yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi hutang penghakiman dalam kes yang melibatkan pembayaran manfaat takaful oleh syarikat takaful kepada peserta, ganti rugi bagi tempoh selepas tarikh penghakiman mestilah dibayar daripada kumpulan wang pemegang saham.

Asas Pertimbangan

Al-Zaila`i berpendapat bahawa penghutang yang sengaja melewatkan pembayaran hutang sedangkan dia berkemampuan juga boleh dibawa ke mahkamah sekiranya dikehendaki oleh pemiutang, dan jika sabit kesalahan, hakim boleh menjatuhkan hukuman setimpal ke atasnya.[146]

[146] Al-Zaila`i, *Tabyin al-Haqa'iq*, Dar al-Kutub al-Islami, (t.t.), j. 124, h. 74.

BAHAGIAN III:
PRODUK KEWANGAN ISLAM

Instrumen kewangan derivatif secara Islam seperti swap, pasaran hadapan dan opsyen telah diperkenalkan dalam kewangan Islam sebagai salah satu mekanisme pelindung nilai, sejajar dengan keperluan untuk meningkatkan pengurusan risiko oleh peserta-peserta pasaran. Selain digunakan sebagai instrumen pelindung nilai, derivatif turut digunakan oleh institusi kewangan Islam untuk meluaskan lagi kepelbagaian produk pelaburan yang ditawarkan kepada pelanggan yang sofistikated.

84. Urus Niaga Pertukaran Mata Wang Asing secara Lani (*Spot*) dan secara Hadapan (*Forward*)

Urus niaga mata wang asing, sama ada urus niaga secara lani atau urus niaga secara hadapan, merupakan antara urus niaga yang dijalankan oleh sebilangan institusi kewangan Islam di Malaysia. Dalam amalan semasa, penyerahan dan penyelesaian bagi urus niaga mata wang asing tidak dibuat secara tunai pada masa dan tarikh yang sama semasa akad dimeterai. Bagi urus niaga secara lani, penyerahan dan penyelesaian akan hanya dibuat pada T+2 (dua hari selepas tarikh urus niaga), manakala bagi urus niaga secara hadapan, penyelesaian akan dibuat pada tarikh hadapan misalnya satu bulan, tiga bulan atau sebagainya berdasarkan kontrak. Institusi kewangan Islam yang menjalankan urus niaga secara hadapan memperkenalkan konsep *wa`d*, iaitu salah satu pihak berjanji untuk menjual atau membeli mata wang berdasarkan kadar pertukaran yang dipersetujui.

Bagi urus niaga mata wang asing secara hadapan, institusi kewangan Islam mencadangkan supaya urus niaga ini boleh dilaksanakan berdasarkan janji lazim (*wa`d mulzim*) oleh sebelah pihak. Dalam konteks ini, pelanggan akan membuat *wa`d mulzim* untuk membeli mata wang asing daripada pihak institusi kewangan Islam. Sekiranya pelanggan memungkiri janji, ia perlu membayar kos ganti rugi ke atas kerugian sebenar (sekiranya ada) yang dialami oleh institusi kewangan Islam.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada penyerahan dan penyelesaian urus niaga mata wang asing secara lani yang dibuat pada T+2 dibenarkan Syarak; dan

ii. Sama ada *wa`d mulzim* sebelah pihak boleh dilaksanakan dalam urus niaga mata wang asing secara hadapan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003 telah memutuskan bahawa penyerahan dan penyelesaian urus niaga mata wang asing secara lani yang dibuat pada T+2 adalah dibenarkan.

Majlis juga pada mesyuarat ke-49 bertarikh 28 April 2005 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam dibenarkan untuk melaksanakan urus niaga mata wang asing secara hadapan berdasarkan *wa`d mulzim* sebelah pihak yang hanya mengikat pihak yang berjanji. Selain itu, pihak yang mengalami kerugian boleh menuntut ganti rugi ekoran kemungkiran janji. Urus niaga ini boleh dijalankan oleh institusi kewangan Islam dengan pelanggan, atau sesama institusi kewangan Islam, atau antara institusi kewangan Islam dengan institusi kewangan konvensional.[147]

Asas Pertimbangan

Penyelesaian dan penyerahan secara T+2 diterima dalam urus niaga secara lani kerana tempoh masa sebegini adalah perlu bagi pihak-pihak yang berurus niaga membuat pengesahan. Sistem penyelesaian dan pembayaran sedemikian telah diterima sebagai *`urf* perniagaan.

Di samping itu, keharusan urus niaga mata wang asing secara hadapan berdasarkan *wa`d mulzim* sebelah pihak adalah bersandarkan kepada asas-asas pertimbangan berikut:

i. Fatwa semasa berpandangan bahawa janji sebelah pihak untuk membeli mata wang asing yang akan diterima atau diserahkan pada masa hadapan adalah harus.[148] Janji sebelah pihak merupakan *wa`d* semata-mata dan bukannya kontrak;

[147] MPS pada mesyuarat ke-79 bertarikh 29 Oktober 2008 ketika membincangkan tentang produk-produk opsyen termasuk opsyen tukaran asing, telah memutuskan bahawa penggunaan produk opsyen hendaklah bagi tujuan melindung nilai sahaja. Oleh kerana urus niaga hadapan tukaran asing merupakan instrumen yang dikelaskan sebagai derivatif sebagaimana produk-produk opsyen, keputusan MPS pada mesyuarat ke-79 bagi perkara 88 adalah terpakai dalam konteks urus niaga hadapan mata wang asing.

[148] Kuwait Finance House, *Al-Fatawa al-Syar`iyyah fi al-Masa'il al-Iqtisadiyyah* (edisi terkini), j. 1, h. 137, fatwa no. 171.

ii. Pertukaran mata wang asing secara janji kedua-dua belah pihak yang mengikat (*muwa`adah mulzimah*) tidak dibenarkan sebagaimana pandangan *jumhur* fuqaha. Ini kerana *muwa`adah mulzimah* dalam konteks ini adalah menyerupai akad jual beli;[149] dan

iii. *Muwa`adah mulzimah* dalam urus niaga pertukaran mata wang asing adalah dilarang kerana melibatkan akad jual beli hutang dengan hutang (*bai` al-kali' bi al-kali'*).[150]

85. Swap Kadar Keuntungan (*Profit Rate Swap*) secara Islam Berasaskan *Bai` `Inah*

Swap kadar keuntungan secara Islam merupakan satu mekanisme pertukaran aliran keuntungan secara dua hala (antara kadar keuntungan tetap dan kadar keuntungan boleh ubah) menerusi pelaksanaan beberapa kontrak jual beli aset tertentu berlandaskan Syariah. Urus niaga ini dilaksanakan bagi tujuan menguruskan ketidaksepadanan (*mismatch*) antara aliran pendapatan dari aset dengan perbelanjaan atau kos pendanaan dalam bahagian liabiliti.

Sehubungan itu, sebuah institusi kewangan Islam berhasrat memperkenalkan swap kadar keuntungan berdasarkan kontrak *bai` `inah* sesama institusi-institusi kewangan atau antara institusi kewangan Islam dengan rakan niaga swap yang lain. Mekanisme swap ini adalah seperti yang berikut:

Peringkat pertama

i. Institusi kewangan Islam melabur dalam Pelaburan *Mudarabah* antara Bank dengan institusi kewangan lain. Pelaburan *Mudarabah* antara Bank tersebut akan digunakan sebagai aset sandaran dalam urus niaga swap ini; dan

ii. Institusi kewangan Islam akan melaksanakan perjanjian swap kadar keuntungan dengan pihak ketiga, contohnya Bank XYZ selama dua tahun dengan tarikh penetapan urus niaga jual beli semula (*reset*) pada setiap enam bulan.

[149] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1988, Persidangan kali ke-5, resolusi no. 40 & 41.
[150] Majmu`ah Dallah Barakah, *Qararat wa Tawsiyyat Nadawat al-Barakah*, 1990, Persidangan kali ke-6, resolusi no. 6/23.

Peringkat kedua

iii. Institusi kewangan Islam menjual Pelaburan *Mudarabah* antara Bank kepada Bank XYZ dengan harga jualan tangguh yang akan dibayar pada setiap enam bulan;

iv. Bank XYZ menjual Pelaburan *Mudarabah* antara Bank kepada institusi kewangan Islam dengan harga jualan berdasarkan kadar keuntungan tetap;

v. Pembayaran untuk harga belian oleh institusi kewangan Islam daripada langkah (iv) akan dilunaskan (*set-off*) dengan pembayaran untuk harga belian oleh Bank XYZ daripada langkah (iii); dan

vi. Sehubungan dengan itu, institusi kewangan Islam perlu membayar kadar keuntungan tetap pada setiap enam bulan bagi tempoh selama dua tahun.

Peringkat ketiga

vii. Institusi kewangan Islam menjual Pelaburan *Mudarabah* antara Bank kepada Bank XYZ dengan harga jualan berdasarkan kadar keuntungan boleh ubah semasa;

viii. Bank XYZ menjual Pelaburan *Mudarabah* antara Bank kepada institusi kewangan Islam dengan harga jualan;

ix. Pembayaran untuk harga belian oleh institusi kewangan Islam daripada langkah (viii) akan dilunaskan dengan pembayaran untuk harga belian oleh Bank XYZ daripada langkah (vii);

x. Sehubungan dengan itu, Bank XYZ akan membayar kadar keuntungan berubah pada setiap enam bulan bagi tempoh selama dua tahun; dan

xi. Perbezaan nilai obligasi yang wujud antara pihak yang melakukan urus niaga ekoran langkah (vi) di peringkat kedua dan langkah (x) di peringkat ketiga akan dijelaskan kepada pihak penerima.

Peringkat keempat

xii. Peringkat ketiga akan diulang pada setiap tarikh penetapan semula iaitu pada setiap enam bulan sehingga tamat tarikh perjanjian.

Apabila kontrak ditamatkan, salah satu pihak perlu membayar obligasi atau hutang kepada pihak satu lagi dan ini dinamakan *close out*. Dalam swap kadar faedah secara konvensional, apabila berlaku *close out*, salah satu pihak perlu membuat bayaran kepada pihak yang satu lagi berdasarkan kaedah ketentuan pasaran (*market quote*) iaitu kerugian yang perlu dibayar berdasarkan formula yang ditetapkan oleh pasaran.

Sehubungan dengan itu, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada kaedah pembayaran secara tolak selesai antara urus niaga pertama (langkah iii) dengan urus niaga kedua (langkah iv) boleh dilaksanakan memandangkan kedua-dua urus niaga tidak dijalankan secara tunai dan dikhuatiri wujudnya jualan hutang dengan hutang (*bai` al-dayn bi al-dayn*) yang ditegah Syarak;

ii. Sama ada dokumentasi urus niaga swap kadar keuntungan adalah memadai untuk membuktikan berlakunya pemindahan hak milik dan pegangan (*qabd*) terhadap aset sandaran yang diurusniagakan iaitu Pelaburan *Mudarabah* antara Bank; dan

iii. Sama ada kaedah penentuan amaun *close out* dalam swap kadar faedah secara konvensional boleh digunakan untuk menentukan amaun *close out* dalam swap kadar keuntungan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-44 bertarikh 24 Jun 2004 telah memutuskan bahawa amalan tolak selesai yang dicadangkan dalam struktur swap kadar keuntungan adalah dibenarkan kerana ia tidak melibatkan jual beli hutang dengan hutang yang ditegah Syarak.

MPS juga memutuskan bahawa pemindahan hak milik bermanfaat yang digambarkan dalam dokumentasi kontrak adalah memadai, iaitu diterima dan diakui oleh Syarak.

Pada mesyuarat ke-54 bertarikh 27 Oktober 2005, MPS turut memutuskan bahawa kaedah penentuan amaun *close out* dalam swap kadar faedah secara konvensional boleh digunakan untuk menentukan amaun *close out* dalam swap kadar keuntungan.

Asas Pertimbangan

MPS berpandangan bahawa tidak timbul isu jualan hutang dengan hutang yang ditegah Syarak dalam struktur swap kadar keuntungan seperti yang dicadangkan berdasarkan perkara berikut:

i. Urus niaga kedua (langkah iv) merupakan jualan terhadap aset yang dibeli dan dimiliki oleh seseorang hasil daripada urus niaga pertama (langkah iii) walaupun ia belum membayar harga belian tersebut. Pihak kedua tidak mungkin menjual hutang kerana hutang yang terhasil daripada urus niaga pertama adalah milik pihak pertama. Oleh itu, aset yang dijual beli dalam urus niaga kedua adalah aset yang telah dimiliki oleh penjual dan tidak timbul soal penjualan hutang; dan

ii. Kaedah *muqasah* pula adalah kaedah yang lazim dan diterima dalam keadaan kedua-dua pihak mempunyai hutang sesama mereka dan diselesaikan melalui pembayaran perbezaan nilai antara kedua-dua hutang tersebut.

Berhubung dengan isu pemindahan hak milik bermanfaat yang digambarkan dalam dokumentasi kontrak, MPS mengambil hujah-hujah berikut sebagai asas pertimbangan:

i. Kedua-dua jenis konsep hak milik iaitu hak milik dari segi undang-undang (*legal title*) dan hak milik bermanfaat adalah diterima dan diakui Syarak; dan

ii. Memandangkan aset yang digunakan dalam urus niaga ini adalah Pelaburan *Mudarabah* antara Bank, pindahan hak milik berlaku secara automatik. Bukti utama rujukan pindahan hak milik adalah dokumentasi perjanjian jual beli berkenaan. Pelabur boleh menjual aset tersebut kepada pihak ketiga tanpa perlu merujuk atau membuat pindahan hak milik di bank penerima pelaburan.

Bagi kaedah penentuan amaun *close out* dalam swap kadar keuntungan, memandangkan kaedah penentuan *ta`widh* oleh pihak ketiga dalam konteks swap kadar keuntungan tidak praktikal, MPS berpandangan bahawa kaedah penentuan pasaran (*market quote*) boleh digunakan dalam swap kadar keuntungan sekiranya pihak berkontrak meyakini bahawa kaedah ini menggambarkan kerugian sebenar yang dialami oleh pihak yang berkontrak akibat kemungkiran salah seorang daripada mereka.

86. Urus Niaga Hadapan (*Forward*) Mata Wang secara *Bai` Mu'ajjal*

Terdapat cadangan daripada sebuah institusi kewangan Islam untuk memperkenalkan urus niaga hadapan mata wang asing berdasarkan kontrak *bai` mu'ajjal* (jual beli tertangguh) dan *bai` sarf* (jual beli mata wang) sebagai alternatif kepada urus niaga hadapan berdasarkan *wa`d*. Mekanisme produk tersebut adalah seperti yang berikut:

i. Pelanggan melantik institusi kewangan Islam sebagai ejen untuk membeli komoditi X daripada Broker B bernilai USD1 juta dengan harga tangguh yang akan dibayar pada tarikh hadapan (tarikh Y). Penyerahan komoditi dibuat secara serta merta (*spot*);

ii. Pelanggan kemudiannya menjual komoditi X kepada institusi kewangan Islam dengan harga RM3.5 juta dengan harga tangguh yang akan dibayar oleh institusi kewangan Islam pada tarikh Y. Penyerahan komoditi juga dibuat secara serta merta;

iii. Institusi kewangan Islam kemudiannya akan menjual komoditi X tersebut kepada Broker A dengan harga USD1 juta secara tangguh yang akan dibayar pada tarikh Y. Komoditi X diserahkan kepada Broker A secara serta merta; dan

iv. Hasil daripada urus niaga ini, pada tarikh matang iaitu tarikh Y, pelanggan akan membayar USD1 juta kepada Broker B dan menerima RM3.5 juta daripada institusi kewangan Islam. Manakala institusi kewangan Islam akan membayar RM3.5 juta kepada pelanggan dan menerima USD1 juta daripada Broker A. Ini bermakna pelanggan dapat melindung nilai USD1 juta dengan nilai RM3.5 juta pada tarikh hadapan iaitu pada tarikh Y.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada urus niaga hadapan mata wang asing berdasarkan kontrak *bai` mu'ajjal* dan *bai` sarf* dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas pertama bertarikh 13 April 2007 telah memutuskan bahawa urus niaga hadapan mata wang asing berdasarkan struktur di atas adalah dibenarkan. Namun, istilah *bai` sarf* dalam urus niaga ini perlu dimansuhkan kerana pada hakikatnya tidak wujud urus niaga *bai` sarf* yang sebenar walaupun ia menghasilkan kesan yang sama.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan ke atas perkara berikut:

i. Jual beli secara tangguh diharuskan secara ijmak oleh para ulama seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Hajar dalam kitabnya:

الشراء بالنسيئة جائز بالإجماع

"Pembelian dengan tangguh adalah harus secara ijmak."[151]

ii. Dalam cadangan produk ini, didapati semua urus niaga jual beli tangguh yang dijalankan adalah dibuat secara berasingan dan tidak mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain. Ini menepati syarat yang dikehendaki dalam urus niaga seumpama ini.

[151] Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Dar al-Ma`rifah, 1959, j. 4, h. 302.

87. Opsyen Mata Wang Asing Berasaskan Konsep *Hamish Jiddiyyah, Wa`d* dan *Tawarruq*

Sebuah institusi kewangan Islam telah mencadangkan produk opsyen mata wang asing berasaskan konsep *hamish jiddiyyah* (deposit sekuriti), *wa`d* (janji) dan *tawarruq*. Melalui produk ini, pelanggan yang ingin mendapatkan instrumen lindung nilai bagi urus niaga pertukaran mata wang asing secara hadapan akan memberikan *wa`d* kepada institusi kewangan Islam untuk membeli sejumlah komoditi daripada institusi kewangan Islam dan melantik institusi kewangan Islam untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.

Institusi kewangan Islam selanjutnya akan mengenakan *hamish jiddiyyah* ke atas pelanggan sebagai sekuriti untuk menjamin pelaksanaan *wa`d* tersebut oleh pelanggan. Pada tarikh yang dipersetujui, urus niaga *tawarruq* akan dilaksanakan menerusi penjualan dan pembelian komoditi dengan bayaran dan penyerahan terus. Setiap jual beli dalam *tawarruq* tersebut melibatkan mata wang yang berbeza dan sekiranya kedua-dua pihak iaitu institusi kewangan Islam dan pelanggan melaksanakan janji tersebut, maka *hamish jiddiyyah* akan dipulangkan semula kepada pelanggan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada produk opsyen mata wang asing seperti yang dicadangkan dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-73 bertarikh 20 Februari 2008 telah memutuskan bahawa cadangan produk opsyen mata wang asing yang berasaskan konsep *hamish jiddiyyah*, *wa`d* dan *tawarruq* seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, urus niaga jual beli yang berlaku hendaklah dirujuk sebagai janji untuk membeli (*wa`d bi al-syira'*).

Sekiranya berlaku kemungkiran, pihak yang dimungkiri boleh menuntut nilai kerugian sebenar akibat kemungkiran tersebut daripada nilai *hamish jiddiyyah*. Penentuan dan pelayanan (*treatment*) kerugian sebenar hendaklah dilakukan seperti yang berikut:

i. Nilai kerugian sebenar mestilah ditentukan berdasarkan perbezaan harga jualan komoditi setelah pelanggan mungkir dengan harga belian yang dijanjikan pelanggan. Kerugian sebenar adalah bersamaan dengan harga jualan di pasaran selepas pelanggan mungkir dan ditolak harga belian yang dijanjikan pelanggan (perolehan dari hasil jualan yang lebih rendah daripada harga belian);

ii. Institusi kewangan Islam boleh mengambil keseluruhan nilai *hamish jiddiyyah* sekiranya nilai kerugian sebenar berdasarkan kaedah di atas melebihi atau bersamaan dengan nilai *hamish jiddiyyah*. Jika kerugian sebenar lebih rendah daripada nilai *hamish jiddiyyah*, pelanggan boleh bersetuju agar nilai perbezaan tersebut disalurkan kepada badan kebajikan dengan dipantau oleh jawatankuasa Syariah institusi kewangan Islam berkenaan; dan

iii. Perkara (i) dan (ii) mestilah dinyatakan dengan jelas kepada pelanggan dan mendapat persetujuan pelanggan.

Asas Pertimbangan

Hamish jiddiyyah, *wa`d* dan *tawarruq* boleh dilaksanakan, sejajar dengan pandangan ulama semasa yang membenarkan konsep-konsep tersebut digunakan dalam urus niaga kewangan. Amaun *hamish jidiyyah* boleh diambil oleh pihak yang dimungkiri sekiranya berlaku kerugian akibat kemungkiran oleh pemberi *wa`d* kerana ia bersifat wang cagaran (*security deposit*).

88. Opsyen Mata Wang Asing Berasaskan Konsep *Wa`d* dan Dua Urus Niaga *Tawarruq* yang Dibuat secara Berasingan

Sebuah institusi kewangan Islam telah mencadangkan produk opsyen mata wang asing yang menggunakan konsep *wa`d* dan dua urus niaga *tawarruq* yang dibuat secara berasingan. Melalui produk ini, pelanggan yang ingin mendapatkan instrumen lindung nilai bagi urus niaga pertukaran mata wang asing secara hadapan akan memberikan *wa`d* kepada institusi kewangan Islam untuk membeli sejumlah komoditi daripada institusi kewangan Islam. Kemudian, pelanggan akan melantik institusi kewangan Islam sebagai wakil untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.

Pada tarikh pemeteraian kontrak opsyen, pelanggan dan institusi kewangan Islam akan melaksanakan urus niaga *tawarruq* yang pertama untuk mendapatkan keuntungan hasil jualan yang menyamai nilai premium seperti dalam urus niaga opsyen konvensional. Seterusnya, pada tarikh yang ditetapkan, urus niaga *tawarruq* kedua akan dilaksanakan dengan penjualan dan pembelian komoditi menerusi bayaran dan penyerahan terus.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada struktur produk opsyen mata wang asing yang berasaskan konsep *wa`d* dan dua urus niaga *tawarruq* yang dibuat secara berasingan dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-79 bertarikh 29 Oktober 2008 telah memutuskan bahawa struktur produk opsyen mata wang asing yang berasaskan konsep *wa`d* dan dua urus niaga *tawarruq* yang dibuat secara berasingan adalah dibenarkan, tertakluk kepada syarat berikut:

i. Penggunaan produk opsyen hendaklah dihadkan bagi tujuan lindung nilai;

ii. *Wa`d* yang diberikan mestilah berasingan daripada urus niaga *tawarruq* dan tidak dijadikan syarat kepada urus niaga tersebut;

iii. Institusi kewangan hendaklah memastikan setiap urus niaga dimeterai secara berasingan antara satu sama lain dari segi dokumentasi dan turutan perlaksanaan; dan

iv. Aset sandaran yang digunakan hendaklah berlandaskan Syariah.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS yang mensyaratkan *wa`d* yang diberikan hendaklah berasingan daripada urus niaga *tawarruq* dan tidak dijadikan syarat kepada urus niaga tersebut adalah bertujuan untuk mengelak *wa`d* diberikan sebagai tukaran kepada sesuatu nilai. Ini selaras dengan pandangan ulama semasa yang menyatakan bahawa sesuatu *wa`d* tidak boleh diletak harga dan diperdagangkan.[152]

[152] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 20, perenggan 3/3/2/5.

KAD KREDIT SECARA ISLAM

Kad kredit merujuk kepada kad yang membolehkan pemegangnya menggunakan kad tersebut untuk membeli barangan, perkhidmatan dan memperoleh wang tunai melalui kontrak dan perjanjian yang dipersetujui antara pemegang kad dan syarikat pengeluar kad berdasarkan syarat-syarat tertentu. Ia membenarkan pemegangnya melakukan urus niaga di atas secara kredit yang merupakan salah satu kaedah pembayaran alternatif selain pembayaran secara tunai atau cek. Bagi memastikan kad kredit secara Islam digunakan selaras dengan tuntutan Syarak, pelbagai garis panduan berhubung dengan penggunaan kad kredit secara Islam perlulah dibuat.

89. Kad Kredit secara Islam Berasaskan Konsep *Bai` `Inah* dan *Wadi`ah*

Terdapat cadangan daripada sebuah institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk kad kredit berasaskan dua konsep Syariah, iaitu *bai` `inah* (untuk menghasilkan dana bagi menyediakan kemudahan kredit kepada pelanggan) dan *wadi`ah* (untuk menyediakan khidmat simpanan ke atas dana yang dihasilkan melalui kontrak *bai` `inah*).

Di bawah mekanisme produk kad kredit ini, institusi kewangan Islam akan menjual aset pada nilai nominal campur keuntungan kepada pelanggan secara kredit selama tiga tahun. Kemudian, pelanggan akan menjual semula aset tersebut kepada institusi kewangan Islam secara tunai pada nilai nominal. Amaun tunai ini kemudiannya akan dikreditkan ke dalam akaun *wadi`ah* di institusi kewangan Islam untuk membolehkan pelanggan melakukan urus niaga pembelian barangan atau perkhidmatan. Kedua-dua urus niaga jual beli akan dilakukan secara berturutan tetapi dalam dua kontrak yang berasingan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada produk kad kredit berasaskan konsep *bai` `inah* dan *wadi`ah* seperti yang dicadangkan dibenarkan; dan

ii. Sekiranya dibenarkan, sama ada produk kad kredit ini boleh membiayai pembelian barangan ribawi seperti emas, perak dan barang-barang makanan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-18 bertarikh 12 April 2001 telah memutuskan bahawa produk kad kredit berasaskan konsep *bai` `inah* dan *wadi`ah*, serta pembelian emas, perak dan barangan lain yang halal menggunakan produk kad kredit secara Islam seperti yang dibentangkan adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan ke atas perkara berikut:

i. Penggunaan konsep *bai` `inah* dalam produk kad kredit ini dibenarkan selaras dengan dalil-dalil keharusan *bai` `inah* seperti yang dijelaskan dalam perkara 69; [153]

ii. Kontrak *wadi`ah* pula dibenarkan dalam mekanisme kad kredit ini sebagai kontrak pelengkap kepada *bai` `inah* yang hasil jualan tunai bagi kegunaan pelanggan disimpan oleh institusi kewangan Islam berdasarkan *wadi`ah*; dan

iii. Isu berhubung dengan pembelian barangan ribawi tidak timbul kerana pembelian tersebut melibatkan wang dan barangan, bukannya pertukaran antara barangan ribawi. Tambahan pula, pembayaran adalah ditolak daripada akaun pelanggan sendiri yang telah pun wujud.

90. Kad Kredit secara Islam Berasaskan Konsep *Ujrah*

Beberapa buah institusi kewangan Islam telah mencadangkan produk kad kredit yang berdasarkan konsep *ujrah* (upah). Melalui kad kredit ini, *ujrah* dikenakan ke atas pemegang kad kredit sebagai balasan kepada penawaran perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam kepada pemegang kad kredit. Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada struktur kad kredit yang menggunakan konsep *ujrah* dibenarkan Syarak.

[153] Penggunaan Konsep *Bai` `Inah* dalam Terbitan Sijil Hutang Boleh Niaga secara Islam.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-77 bertarikh 3 Julai 2008 dan mesyuarat ke-78 bertarikh 30 Julai 2008 telah memutuskan bahawa kad kredit yang berdasarkan konsep *ujrah* seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan, tertakluk kepada perkara berikut:

i. Institusi kewangan Islam hendaklah memastikan *ujrah* yang dikenakan merupakan tukaran kepada perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan sebenar (*non-fictitious*) yang berlandaskan Syariah;

ii. Pengenaan *ujrah* yang berbeza bagi jenis kad kredit yang menawarkan perkhidmatan, keistimewaan dan manfaat yang berbeza adalah harus;

iii. Pengenaan *ujrah* bagi perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang tidak berkaitan dengan pemberian *qard*, penangguhan hutang dan pertukaran tunai dengan tunai pada nilai berbeza adalah dibenarkan; dan

iv. Pengenaan *ujrah* bagi perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang berkaitan dengan pemberian *qard*, penangguhan hutang dan pertukaran tunai dengan tunai pada nilai berbeza adalah tidak dibenarkan. Namun demikian, caj bagi menampung kos sebenar (*nafaqah/taklufah*) pengendaliannya boleh dikenakan.

Asas Pertimbangan

Ujrah ialah upah yang diharuskan dalam Islam berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan hadis seperti yang berikut:

Firman Allah SWT:

إِنَّ خَيْرَ مَنِ ٱسْتَـْٔجَرْتَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْأَمِينُ

"Sesungguhnya sebaik-baik orang yang diupah adalah orang yang kuat dan amanah."[154]

Hadis Rasulullah SAW:

أعطوا الأجير أجره قبل أن يجف عرقه

"Berikan pekerja itu upahnya sebelum kering keringatnya."[155]

91. Manfaat Perlindungan Takaful bagi Pemegang Kad Kredit secara Islam

Terdapat cadangan daripada institusi kewangan Islam untuk menawarkan perlindungan takaful kemalangan peribadi kepada pemegang kad kredit secara Islam sebagai salah satu bentuk keistimewaan kepada pemegang kad kredit yang dikenakan *ujrah*. Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pemberian perlindungan takaful kemalangan peribadi sebagai salah satu bentuk manfaat yang dikenakan *ujrah* kepada pemegang kad kredit secara Islam dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-77 bertarikh 3 Julai 2008 telah memutuskan bahawa pemberian perlindungan takaful kemalangan peribadi sebagai salah satu bentuk keistimewaan kepada pemegang kad kredit secara Islam dengan dikenakan *ujrah* seperti yang dicadangkan adalah tidak menepati Syarak. Namun sekiranya perlindungan takaful kemalangan peribadi ini diberikan secara hibah tanpa sebarang *ujrah*, maka ia adalah dibenarkan.

[154] *Surah al-Qasas*, ayat 26.
[155] Al-Baihaqi, *Al-Sunan al-Kubra*, Maktabah Dar al-Baz, 1994, j. 6, h. 120, hadis no. 11434.

Asas Pertimbangan

Pengenaan *ujrah* bagi perlindungan takaful kemalangan peribadi tidak dibenarkan kerana:

i. Pemegang kad kredit secara Islam tidak menjadi peserta takaful secara langsung, sebaliknya membayar *ujrah* kepada institusi kewangan Islam dengan balasan institusi kewangan Islam tersebut memberikan perlindungan takaful yang diatur dengan pihak ketiga; dan

ii. Apabila pelanggan hanya membayar *ujrah* kepada institusi kewangan Islam bagi manfaat perlindungan daripada risiko, pengaturan ini dilihat sebagai pertukaran tunai dengan tunai pada nilai berbeza yang ditegah Syarak.[156]

Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan berlakunya *syubhah* pertukaran tunai dengan tunai pada nilai berbeza yang ditegah Syarak, maka sebagai alternatif, konsep hibah dikira sesuai kerana tiada halangan Syarak ke atasnya.

92. Rebat dalam Bentuk Pemberian Tunai (*Cashback*) ke atas Fi Tahunan Kad Kredit

MPS dirujuk berhubung dengan cadangan daripada sebuah institusi kewangan Islam yang menawarkan produk kad kredit berdasarkan konsep *ujrah* untuk berjanji memberikan rebat dalam bentuk pemberian tunai (*cashback*) ke atas fi tahunan sekiranya pemegang kad kredit menggunakan kad sekurang-kurangnya dua kali sebulan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-77 bertarikh 3 Julai 2008 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam tidak boleh memberikan *cashback* kepada pemegang kad kredit secara Islam sekiranya dikenakan *ujrah*. Sebaliknya, keistimewaan tersebut hendaklah diberikan sebagai hibah kepada pemegang kad tanpa dikenakan *ujrah*.

[156] Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*,1993, j. 22, h. 57.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan bahawa pemberian *cashback* dengan pengenaan *ujrah* mewujudkan elemen pertukaran tunai dengan tunai pada nilai berbeza yang ditegah oleh Syarak.[157]

93. Kad Kredit secara Islam Berasaskan Konsep *Wakalah* dan *Kafalah*

Terdapat cadangan daripada institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk kad kredit berdasarkan konsep *wakalah* dan *kafalah*. Menerusi produk ini, institusi kewangan Islam bercadang mengeluarkan kad kredit kepada pelanggan dengan had kredit yang ditetapkan. Pelanggan seterusnya akan menggunakan kad kredit secara Islam tersebut untuk membeli barang atau perkhidmatan daripada peniaga dan peniaga akan meminta pihak banknya untuk membayar amaun yang digunakan oleh pelanggan. Bank peniaga seterusnya akan menghantar semua dokumen berkaitan dengan urus niaga tersebut kepada Visa/Mastercard yang menjadi pengantara antara bank peniaga dan institusi kewangan Islam. Visa/Mastercard akan meminta institusi kewangan Islam untuk menjelaskan amaun yang diminta oleh bank peniaga.

Di bawah konsep *wakalah*, *ujrah* akan dikenakan ke atas pemegang kad kredit berdasarkan peratusan tertentu daripada had kredit sebagai balasan kepada institusi kewangan Islam yang bertindak sebagai wakil bagi pihak pemegang kad kredit untuk menjelaskan pembayaran kepada bank peniaga. Di samping itu, menerusi konsep *kafalah*, institusi kewangan Islam turut menjamin pembayaran kepada Visa/Mastercard (untuk pembayaran yang dibuat kepada bank peniaga) dan menjamin pembayaran terhadap pembelian yang dibuat oleh pemegang kad kredit daripada peniaga.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu berikut:

i. Sama ada penggunaan konsep *wakalah* dan *kafalah* dalam struktur kad kredit secara Islam ini selaras dengan Syarak; dan

ii. Sama ada kaedah penentuan *ujrah* oleh pihak institusi kewangan Islam yang berdasarkan peratusan tertentu daripada had kredit dibenarkan Syarak.

[157] Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j. 22, h. 57.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-78 bertarikh 30 Julai 2008 telah memutuskan perkara berikut:

i. Penyesuaian fiqah (*takyif fiqhi*) *ujrah* ke atas *wakalah* dalam struktur kad kredit seperti yang dicadangkan adalah tidak tepat;

ii. Kaedah penentuan *ujrah* berdasarkan peratusan tertentu daripada had kredit tidak menepati hukum Syarak dan ia bercanggah dengan keputusan majoriti penasihat Syariah di peringkat antarabangsa; dan

iii. *Ujrah* ke atas *wakalah* atau selainnya mestilah berbentuk amaun yang tetap tanpa dikaitkan dengan had kredit untuk mengelakkan wujudnya unsur riba.

Asas Pertimbangan

Takyif fiqhi ujrah ke atas *wakalah* dalam struktur kad kredit secara Islam seperti yang dicadangkan adalah tidak tepat kerana fungsi *wakalah* yang dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam tersebut hanya terhad kepada mewakili pemegang kad kredit dalam menjelaskan pembayaran kepada peniaga sahaja, sedangkan institusi kewangan Islam tersebut juga pada hakikatnya menawarkan beberapa perkhidmatan dan manfaat yang lain.

Di samping itu, kaedah penentuan *ujrah* ke atas *wakalah* berdasarkan peratusan tertentu daripada had kredit membawa kepada pengenaan manfaat yang disyaratkan ke atas pemberian pinjaman wang (*qard*) yang ditegah oleh Syarak.

Bagi meningkatkan kepelbagaian rangkaian produk kewangan Islam yang dapat memenuhi keperluan pelanggan, institusi kewangan Islam telah meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan produk kewangan Islam. Beberapa inovasi baharu telah diterokai, antaranya dengan menghimpunkan beberapa kontrak Syariah dalam satu pakej produk bagi mencapai tujuan-tujuan tertentu. Memandangkan kombinasi kontrak-kontrak ini merupakan inovasi baharu, penelitian dan pengesahan daripada MPS diperlukan bagi memastikan produk-produk ini adalah selaras dengan Syarak.

94. Produk Akaun Semasa Berasaskan Himpunan Kontrak *Wadi`ah Yad Dhamanah* dan *Mudarabah*

Terdapat cadangan daripada sebuah institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk akaun semasa berasaskan himpunan kontrak *wadi`ah yad dhamanah* dan *mudarabah*. Menerusi produk ini, institusi kewangan Islam akan memegang dua peranan iaitu sebagai pemegang amanah dan pengusaha manakala pelanggan bertindak sebagai penyimpan dan pelabur. Walau bagaimanapun, kedua-dua kontrak ini tidak akan dilaksanakan secara serentak pada satu masa yang sama. Ia hanya akan dilaksanakan menerusi penentuan had purata baki simpanan harian minimum dalam sebulan bagi menentukan sama ada kontrak yang terlaksana ialah kontrak *wadi`ah yad dhamanah* atau *mudarabah*.

Sebagai contoh, institusi kewangan Islam menetapkan jumlah RM3,000 sebagai had purata baki harian minimum sebagai syarat kelayakan kepada seseorang pemegang akaun untuk memasuki kontrak *mudarabah*. Ini bermakna, pada akhir setiap bulan, institusi kewangan Islam akan menyemak maklumat mengenai baki akaun pelanggan untuk menentukan sama ada pelanggan layak mendapat keuntungan *mudarabah* atau tidak. Sekiranya baki purata harian dalam bulan tersebut adalah sebanyak RM3,000 atau lebih, pelanggan dikategorikan sebagai pelabur *mudarabah* dan layak mendapat keuntungan (sekiranya ada). Sebaliknya, jika baki purata harian dalam bulan tersebut adalah kurang daripada RM3,000, ia dianggap sebagai simpanan *wadi`ah yad dhamanah*. Segala syarat dan peraturan mengenai konsep *wadi`ah yad dhamanah* dan *mudarabah* adalah terpakai mengikut keadaan dan mestilah dipersetujui semasa akad dimeterai.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada himpunan kontrak *wadi`ah yad dhamanah* dan *mudarabah* dalam satu produk akaun semasa seperti yang dicadangkan dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-5 bertarikh 30 April 1998 telah memutuskan bahawa himpunan kontrak *wadi`ah yad dhamanah* dan *mudarabah* dalam satu produk akaun semasa adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keharusan menghimpunkan beberapa kontrak Syariah dalam satu produk atau perkhidmatan kewangan adalah berasaskan pandangan yang menyatakan bahawa himpunan beberapa kontrak dalam satu sistem adalah harus dengan syarat setiap kontrak adalah dibenarkan dan tiada dalil Syarak yang menegahnya.[158] Walau bagaimanapun, keharusan himpunan ini mesti menepati garis panduan Syariah yang berikut:

i. Ia tidak dilarang oleh Syarak, seperti larangan himpunan kontrak jual beli dan kontrak pinjaman (*al-bai` wa al-salaf*) atau ia bukan jalan ke arah riba (*zari`ah ila riba*) seperti himpunan antara kontrak pinjaman dan kontrak pertukaran (*al-jam`u baina `aqd al-qardh wa `aqd al-mu`awadhah*); dan

ii. Tidak terdapat percanggahan antara akad-akad tersebut daripada segi hukum, seperti himpunan antara hibah sesuatu barang dan penjualannya kepada penerima, atau pemberian hibah dan penyewaannya kepada penerima.

95. Produk Deposit Berasaskan Himpunan Kontrak *Mudarabah* dan *Qard*

Sebuah institusi kewangan Islam mencadangkan produk deposit yang berasaskan himpunan kontrak *mudarabah* (misalnya 60%) dan *qard* (misalnya 40%). Nisbah antara kedua-dua kontrak akan berterusan bermula daripada pembukaan akaun sehingga penutupan akaun. Setiap pengeluaran wang daripada akaun berkenaan akan mewakili sebanyak 60% daripada bahagian dana *mudarabah* manakala 40% adalah daripada bahagian dana *qard*.

[158] Hasan Ali al-Syazili, *Ijtima` al-`Uqud al-Mukhtalifah al-Ahkam fi `Aqd Wahid*, dalam *A`maal al-Nadwah al-Fiqhiyyah al-Khamisah li Bait Tamwil al-Kuwaiti*, Bait al-Tamwil al-Kuwaiti, 1998, h. 506.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada himpunan kontrak *mudarabah* dan *qard* dalam satu produk deposit seperti yang dicadangkan dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-51 bertarikh 28 Julai 2005 telah memutuskan bahawa himpunan kontrak *mudarabah* dan *qard* dalam satu produk deposit seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan ke atas keharusan himpunan beberapa kontrak Syariah dalam satu produk kewangan seperti yang dinyatakan dalam perkara 94.[159]

96. Produk Deposit Berasaskan Himpunan Kontrak *Wadi`ah* dan *Mudarabah*

Sebuah institusi kewangan Islam berhasrat menawarkan produk deposit berasaskan kontrak *wadi`ah* dan *mudarabah* yang boleh memberi pulangan dividen kepada pelanggan. Di bawah struktur produk deposit ini, sebahagian besar deposit pelanggan (sebagai contoh, 70%) akan diterima oleh institusi kewangan Islam di bawah kontrak *wadi`ah*, manakala selebihnya (sebagai contoh, 30%) diterima berasaskan kontrak *mudarabah*. Keuntungan yang diterima daripada pelaburan akan dikongsi mengikut nisbah pembahagian keuntungan yang dipersetujui, manakala kerugian daripada pelaburan, jika ada, akan ditanggung oleh pelanggan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk sama ada cadangan produk deposit yang berasaskan kontrak *wadi`ah* dan *mudarabah* seperti yang dicadangkan dibenarkan.

[159] Produk Akaun Semasa Berasaskan Himpunan Kontrak *Wadi`ah Yad Dhamanah* dan *Mudarabah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-68 bertarikh 24 Mei 2007 telah memutuskan bahawa produk deposit berasaskan kontrak *wadi`ah* dan *mudarabah* adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan ke atas keharusan himpunan beberapa kontrak Syariah dalam satu produk kewangan seperti yang dinyatakan dalam perkara 94.[160]

97. Pembiayaan Perumahan dalam Pembinaan Berasaskan Himpunan Kontrak *Istisna` Muwazi, Ijarah Mawsufah fi al-Zimmah* dan *Ijarah Muntahia bi al-Tamlik*

Sebuah institusi kewangan Islam mencadangkan produk pembiayaan perumahan yang masih dalam pembinaan dengan penggunaan konsep *istisna`* dan *ijarah mawsufah fi al-zimmah*. Modus operandi pembiayaan ini dimulakan dengan pelanggan menandatangani perjanjian jual beli dengan pemaju dan membayar deposit sebanyak 10%. Kemudian, pelanggan akan memohon pembiayaan daripada institusi kewangan Islam menerusi kontrak *istisna`* yang dengannya pelanggan akan menjual rumah tersebut secara *istisna`* kepada institusi kewangan Islam (*istisna` muwazi* atau *istisna`* selari).

Pelanggan juga akan menandatangani kontrak *ijarah mawsufah fi al-zimmah* untuk menyewa rumah yang masih dalam pembinaan tersebut. Sehubungan itu, pelanggan akan mula membayar sewa bulanan walaupun rumah masih dalam pembinaan.

[160] Produk Akaun Semasa Berasaskan Himpunan Kontrak *Wadi`ah Yad Dhamanah* dan *Mudarabah*.

Institusi kewangan Islam akan membayar harga pembelian rumah secara *istisna`* kepada pelanggan dengan mengkreditkan jumlah bayaran tersebut ke dalam akaun khas pelanggan seperti yang dipersetujui dalam kontrak *istisna`*. Seterusnya, institusi kewangan Islam selaku wakil kepada pelanggan akan membuat pembayaran daripada akaun khas pelanggan tersebut kepada pemaju secara berperingkat.

Setelah rumah siap dibina sepenuhnya, pihak institusi kewangan Islam akan meneruskan sewaan rumah tersebut kepada pelanggan melalui kontrak *ijarah muntahia bi al-tamlik*. Apabila pelanggan menyelesaikan sewaan terakhir, institusi kewangan Islam boleh menghibahkan rumah tersebut kepada pelanggan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada cadangan produk pembiayaan perumahan dalam pembinaan seperti yang dibentangkan dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-68 bertarikh 24 Mei 2007 telah memutuskan bahawa produk pembiayaan perumahan berasaskan *istisna` muwazi*, *ijarah mawsufah fi al-zimmah* dan *ijarah muntahia bi al-tamlik* seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan ke atas keharusan himpunan beberapa kontrak Syariah dalam satu produk kewangan seperti yang dinyatakan dalam perkara 94.[161]

[161] Produk Akaun Semasa Berasaskan Himpunan Kontrak *Wadi`ah Yad Dhamanah* dan *Mudarabah*.

Entiti A bercadang menerbitkan *sukuk* berasaskan BBA yang mempunyai ciri pulangan kadar tetap bagi membiayai pembelian hutang pembiayaan rumah secara Islam dan sewa beli secara Islam daripada institusi kewangan Islam. Modus operandi *Sukuk* BBA yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

i. Entiti A akan membuat Pelaburan *Mudarabah* antara Bank yang akan digunakan sebagai aset sandaran bagi melaksanakan kontrak jual dan beli balik antara entiti A dan pelabur;

ii. Entiti A akan menjual aset sandaran (Pelaburan *Mudarabah* antara Bank) kepada pelabur secara tunai dan membeli semula aset berkenaan secara tangguh dengan harga yang lebih tinggi;

iii. Hasil jualan tunai aset sandaran tersebut akan digunakan oleh entiti A untuk membeli hutang pembiayaan rumah secara Islam dan sewa beli secara Islam; dan

iv. Urus niaga kedua yang melibatkan pembelian balik aset sandaran secara tangguh oleh entiti A mewujudkan hutang dan bagi membuktikan keberhutangan ini, entiti A akan menerbitkan *Sukuk* BBA kepada pelabur.

98. Pelaburan *Mudarabah* antara Bank sebagai Aset Sandaran dalam Jual Beli secara Tangguh

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada Pelaburan *Mudarabah* antara Bank boleh digunakan sebagai aset sandaran dalam urus niaga secara tangguh.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-41 bertarikh 8 Mac 2004 telah memutuskan bahawa Pelaburan *Mudarabah* antara Bank boleh digunakan sebagai aset sandaran dalam urus niaga secara tangguh.

Asas Pertimbangan

Walaupun Pelaburan *Mudarabah* antara Bank yang digunakan sebagai aset sandaran dalam *Sukuk* BBA ini tidak wujud secara fizikal, ianya memenuhi kriteria aset yang "wujud" (secara maknawi) dan diiktiraf sebagai boleh diurusniagakan. Ini berdasarkan cirinya yang mempunyai nilai, boleh diniagakan dan boleh dipindah milik.

99. Kewujudan Aset Sandaran Sepanjang Tempoh Matang *Sukuk*

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada aset sandaran iaitu Pelaburan *Mudarabah* antara Bank perlu wujud sepanjang tempoh matang *Sukuk* BBA.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-41 bertarikh 8 Mac 2004 telah memutuskan bahawa aset sandaran iaitu Pelaburan *Mudarabah* antara Bank tidak perlu wujud sepanjang tempoh matang *Sukuk* BBA.

Asas Pertimbangan

Aset sandaran hanya digunakan bagi melaksanakan akad jual beli (*bai` `inah*). Selepas itu, hak milik aset sandaran tersebut boleh kembali kepada pemilik asal. Dalam hal ini, Syariah tidak menetapkan syarat bahawa aset sandaran perlu wujud sepanjang tempoh matang *sukuk* asalkan aset sandaran tersebut adalah milik penjual asal dan boleh berpindah milik pada masa akad dilaksanakan.

Tambahan pula, mekanisme *sukuk* BBA ini ialah *sukuk* berdasarkan aset (*asset-based sukuk*) dan bukannya *sukuk* bersandarkan aset (*asset-backed sukuk*).

100. Kaedah Pembidaan bagi *Sukuk* BBA

Entiti A telah mencadangkan tiga kaedah pembidaan bagi *Sukuk* BBA iaitu:

i. *Kaedah pembidaan berdasarkan harga* - Semua bidaan akan disusun dan dibahagikan secara menurun daripada harga tertinggi kepada harga terendah sehingga keseluruhan jumlah *Sukuk* BBA yang ditawarkan dilanggan sepenuhnya;

ii. *Kaedah pembidaan berdasarkan kadar pulangan* - Semua bidaan akan disusun dan dibahagikan secara menaik bermula daripada kadar pulangan terendah kepada kadar pulangan tertinggi sehingga keseluruhan jumlah *Sukuk* BBA yang ditawarkan dilanggan sepenuhnya. Kadar pulangan yang akan ditetapkan untuk terbitan *Sukuk* BBA adalah kadar keuntungan tertinggi bagi pelabur yang berjaya; atau

iii. *Kaedah pembidaan berdasarkan kadar pulangan purata berwajaran* - Semua bidaan akan disusun dan dibahagikan secara menaik bermula daripada kadar pulangan terendah kepada kadar pulangan tertinggi sehingga keseluruhan jumlah *Sukuk* BBA dilanggan sepenuhnya. Kadar pulangan atau kupon bagi terbitan *Sukuk* BBA akan ditetapkan berdasarkan kadar pulangan purata berwajaran bagi bidaan yang berjaya.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-42 bertarikh 25 Mac 2004 telah memutuskan bahawa ketiga-tiga kaedah pembidaan bagi *Sukuk* BBA seperti yang dicadangkan adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Amalan pembidaan adalah menyerupai ciri-ciri jual beli secara bidaan atau lelongan (*bai` muzayadah*). Ulama semasa berpandangan bahawa *bai` muzayadah* adalah harus.[162] Ketiga-tiga kaedah pembidaan seperti yang dibentangkan tidak mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan Syarak (*mani` syar`ie*). Oleh itu, kaedah-kaedah tersebut boleh diamalkan.

[162] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1993, b. 8, j. 2, h. 25.

BAHAGIAN IV:
ISU-ISU SYARIAH BERKAITAN OPERASI INSTITUSI-INSTITUSI SOKONGAN DALAM KEWANGAN ISLAM

CREDIT GUARANTEE CORPORATION (M) BERHAD

Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (CGC) telah ditubuhkan pada 1972, bertujuan membantu perusahaan kecil dan sederhana yang tidak mempunyai cagaran atau kekurangan cagaran untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan dengan menjamin pinjaman berkenaan. CGC merangka dan menguruskan skim-skim jaminan khusus untuk membantu golongan usahawan kecil dan sederhana serta memastikan penglibatan aktif institusi-institusi kewangan dalam perlaksanaan skim-skim jaminannya.

101. Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan secara Islam Credit Guarantee Corporation

Berikutan peningkatan peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi kewangan Islam dalam menyediakan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana, CGC telah mencadangkan penawaran jaminan kredit secara Islam terhadap pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam kepada pelanggan. Jaminan kredit yang ditawarkan ialah jaminan dengan upah iaitu penerima jaminan (pelanggan) dikehendaki membayar sejumlah upah (yuran atau fi) kepada penjamin (CGC).

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada kemudahan jaminan kredit dengan upah yang ditawarkan oleh CGC ini dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-54 bertarikh 27 Oktober 2005 telah memutuskan bahawa kemudahan jaminan kredit dengan upah yang ditawarkan oleh CGC terhadap pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keharusan kemudahan jaminan dengan upah (*kafalah bi al-ujr)* yang diberikan oleh CGC adalah berasaskan pertimbangan terhadap perkara berikut:

i. Beberapa ulama kontemporari[163] dan Badan Penasihat Syariah[164] telah memutuskan bahawa pengenaan *ujrah* ke atas *kafalah* adalah dibenarkan. Sebahagian ulama semasa juga berpendapat bahawa *ujrah* ke atas *kafalah* seharusnya dibenarkan atas dasar *maslahah* dan keperluan masyarakat kerana pada waktu kini, memperoleh jaminan secara percuma bukanlah suatu perkara yang mudah dan praktikal.[165] Selain itu, salah seorang ulama semasa telah mengemukakan pandangannya dalam pembentangan kepada Akademi Fiqah OIC bahawa pengenaan *ujrah* ke atas *dhaman* (jaminan) adalah diharuskan. Beliau berpandangan walaupun hukum asal *dhaman* ialah *tabarru`*, syarat untuk mengenakan upah ke atas *dhaman* tersebut dianggap sah. Beliau juga menegaskan bahawa akad *dhaman* bukan merupakan *qard* kerana akad *dhaman* merupakan kontrak *istithaq*. Oleh itu, menerima *ujrah* atas khidmat jaminan tidak termasuk dalam amalan terlarang kerana akad *dhaman* berbeza dengan akad *qard*;[166] dan

ii. *Qiyas* terhadap *akhz al-ajr `ala al-jah* (mengambil upah atas reputasi seseorang) dan *akhz al-ju`l `ala ruqyah min al-Quran* (mengambil upah ke atas rawatan/ perubatan dengan ayat al-Quran). Sebahagian ulama silam mengharuskan kedua-dua keadaan tersebut dan keharusan ini boleh digunakan terhadap pengambilan upah ke atas jaminan kerana kedua-duanya mempunyai persamaan dari segi bentuk pekerjaan yang dilakukan.[167]

[163] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami,* 1986, no. 2, j. 2, h. 1146 – 1147; Nazih Kamal Hammad, *Mada Jawaz Akhzu al-Ajr `ala al-Kafalah fi al-Fiqh al-Islami, Journal of King Abdul Aziz University (Islamic Economics*), 1997, j. 9, h. 95 -121.

[164] Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Resolutions of the Securities Commission Shariah Advisory Council (Second Edition)*, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2006, h. 44 – 45.

[165] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh,* Dar al-Fikr, 2002, j. 6, h. 4178.

[166] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1986, b. 2, j. 2, h. 1146 – 1147.

[167] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1986, b. 2, j. 2, h. 1134 – 1135.

102. Jaminan Terhadap Harga Jualan

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada CGC boleh menjamin harga jualan termasuk jumlah keuntungan dalam sesuatu pembiayaan secara Islam.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-55 bertarikh 29 Disember 2005 telah memutuskan bahawa CGC boleh menjamin harga jualan termasuk jumlah keuntungan sesuatu pembiayaan secara Islam yang melibatkan kontrak jual beli.

Asas Pertimbangan

Memandangkan jaminan kredit yang diberikan oleh CGC adalah ke atas hutang atau obligasi kewangan pelanggan sesuatu pembiayaan Islam, mekanisme jaminan berdasarkan baki harga jualan adalah munasabah kerana amalan perbankan semasa mengiktiraf bahawa jumlah hutang belum berbayar adalah menyamai baki hutang atau harga jualan setelah ditolak nilai rebat (*ibra'*) yang sepatutnya diterima oleh pelanggan pada suatu masa tertentu.

DANAJAMIN NASIONAL BERHAD

Bagi mengekalkan keyakinan terhadap pasaran bon (termasuk *sukuk*) dan memastikan syarikat yang berdaya maju mempunyai akses kepada pembiayaan menerusi pasaran bon, Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) telah ditubuhkan pada tahun 2009 sebagai sebuah institusi jaminan kewangan nasional. Selain daripada menyediakan penambahbaikan kredit kepada syarikat yang mempunyai perniagaan berdaya maju, Danajamin juga berperanan mewujudkan penarafan gred pelaburan untuk memperoleh dana daripada pasaran bon pada kos yang munasabah.

103. Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan Danajamin Nasional Berhad

Di bawah mekanisme kemudahan jaminan yang disediakan, Danajamin akan membuat pembayaran kepada pelabur sekiranya penerbit *sukuk* gagal berbuat demikian. Kemudian, Danajamin akan menuntut semula amaun yang dibayar kepada pelabur daripada penerbit *sukuk*.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan konsep Syariah yang sesuai untuk operasi kemudahan jaminan Danajamin.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 dan mesyuarat ke-95 bertarikh 28 Januari 2010 telah memutuskan perkara berikut:

i. Penggunaan konsep *kafalah bi al-ujr* (jaminan dengan upah) sebagai konsep Syariah yang sesuai untuk kemudahan jaminan ke atas terbitan *sukuk* oleh Danajamin adalah dibenarkan. Melalui konsep ini, Danajamin akan bertindak sebagai penjamin (*kafil*), penerbit *sukuk* selaku pihak yang dijamin (*makful `anhu*), dan pelabur selaku penerima jaminan atau benefesiari (*makful lahu*); dan

ii. Menerusi kemudahan jaminan ini, Danajamin dibenarkan untuk menuntut semula daripada penerbit *sukuk* amaun jaminan yang telah dibayar kepada pelabur. Tempoh masa pembayaran amaun jaminan yang dituntut oleh Danajamin daripada penerbit *sukuk* hendaklah berdasarkan amalan semasa pasaran dengan persetujuan pihak-pihak berkontrak iaitu Danajamin dan penerbit *sukuk*, serta mengambil kira saiz *sukuk*.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas keharusan kemudahan jaminan dengan upah (*kafalah bi al-ujr*) seperti yang dinyatakan dalam perkara 101.[168]

104. Pengasingan Modal dalam Operasi Danajamin

Memandangkan Danajamin menyediakan kemudahan jaminan bagi kedua-dua *sukuk* dan bon konvensional, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada modal Danajamin bagi perniagaan jaminan *sukuk* dan bon konvensional perlu diasingkan. Ini kerana pengasingan modal dikhuatiri akan membataskan keupayaan Danajamin untuk menyediakan kemudahan jaminan ke atas *sukuk* dan bon konvensional dengan lebih cekap dan efektif.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 telah memutuskan bahawa modal Danajamin bagi perniagaan jaminan *sukuk* dan bon konvensional tidak perlu diasingkan. Walau bagaimanapun, dana yang diperoleh daripada perniagaan jaminan *sukuk* dan bon konvensional (dengan fi) hendaklah diasingkan.

[168] Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan secara Islam Credit Guarantee Corporation.

Asas Pertimbangan

Pengurusan modal Danajamin bagi perniagaan jaminan *sukuk* dan bon konvensional tidak perlu diasingkan atas asas *maslahah* iaitu memastikan Danajamin dapat melaksanakan fungsinya sebagai penjamin dengan lebih berkesan bagi menggalakkan pertumbuhan dan kestabilan pasaran modal, termasuklah pasaran modal Islam. Tambahan pula, pengasingan modal hanya akan membataskan keupayaan institusi jaminan tersebut untuk menyediakan kemudahan jaminan ke atas *sukuk* dan bon konvensional dengan lebih cekap dan efektif.

105. Skop Jaminan Danajamin ke atas *Sukuk*

MPS dirujuk berhubung dengan skop jaminan yang boleh disediakan oleh Danajamin ke atas penerbit *sukuk* iaitu sama ada Danajamin boleh menjamin nilai modal dan keuntungan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 telah memutuskan perkara berikut:

i. Bagi *sukuk* yang berasaskan akad jual beli seperti *murabahah*, Danajamin boleh menjamin nilai modal dan keuntungan; dan

ii. Bagi *sukuk* yang berasaskan akad *isytirak* (perkongsian) seperti *musyarakah*, *mudarabah* dan *wakalah bi al-istithmar*, Danajamin hanya boleh menjamin nilai modal sahaja.

Asas Pertimbangan

Bagi *sukuk* yang berasaskan akad *isytirak* seperti *musyarakah*, *mudarabah* dan *wakalah bi al-istithmar,* Danajamin selaku pihak ketiga adalah wajar untuk menjamin jumlah modal sahaja. Ini selari dengan pandangan ulama yang sependapat menyatakan bahawa jaminan pihak ketiga boleh dibuat dalam kontrak *musyarakah*, *mudarabah* dan *wakalah bi al-istithmar* tetapi terhad kepada nilai modal sahaja.

106. Jaminan ke atas Obligasi yang Terhasil daripada Aku Janji Pembelian

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada Danajamin boleh menjamin obligasi *sukuk* yang terhasil daripada aku janji pembelian (*purchase undertaking*) dalam *sukuk* seperti yang dipersetujui antara penerbit *sukuk* dengan pelabur.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-94 bertarikh 23 Disember 2009 telah memutuskan bahawa Danajamin boleh menjamin obligasi penerbit *sukuk* yang terhasil daripada aku janji pembelian dalam *sukuk* seperti yang dipersetujui antara penerbit *sukuk* dengan pelabur. Walau bagaimanapun, formula amaun aku janji pembelian hendaklah tidak merangkumi keuntungan pada masa hadapan yang belum diperoleh atau belum matang (*unearned profit*).

Asas Pertimbangan

Pada dasarnya, obligasi aku janji pembelian dalam *sukuk* adalah sesuatu yang sah dan diperakui Syarak. Ini kerana obligasi sedemikian adalah terhasil daripada janji lazim (*wa`d mulzim*) oleh penerbit *sukuk* untuk membeli aset sandaran dalam *sukuk* berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui. Sehubungan dengan itu, jaminan terhadap obligasi dan tanggungjawab sedemikian adalah sesuatu yang boleh dilaksanakan sama ada dengan bayaran upah atau tidak.

107. Caj Lewat Bayar dan Caj Tambahan Rekursa

Lazimnya, setelah Danajamin membuat pembayaran kepada pelabur dalam kes kegagalan penerbit *sukuk* untuk membuat pembayaran kepada pihak pelabur, Danajamin akan menuntut semula amaun pembayaran tersebut daripada penerbit *sukuk*. Bagi mengelakkan penerbit *sukuk* melewatkan pembayaran semula, terdapat saranan supaya penerbit *sukuk* yang lewat melakukan pembayaran semula dikenakan caj lewat bayar.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan perkara berikut:

i. Sama ada penerbit *sukuk* yang lewat melakukan pembayaran semula boleh dikenakan caj lewat bayar; dan

ii. Sama ada Danajamin boleh mengenakan sebarang caj tambahan ke atas penerbit *sukuk* ketika penerbit *sukuk* membuat pembayaran semula kepada Danajamin.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 dan mesyuarat ke-95 bertarikh 28 Januari 2010 telah memutuskan perkara berikut:

i. Pengenaan caj lewat bayar ke atas penerbit *sukuk* yang gagal melunaskan pembayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah dibenarkan. Namun demikian, caj lewat bayar tersebut tidak boleh dikompaun (*non-compounding*);

ii. Sebahagian amaun caj lewat bayar tersebut boleh diambil kira sebagai pendapatan Danajamin atas dasar *ta`widh*. Walau bagaimanapun, kaedah penentuan caj *ta`widh* hendaklah ditentukan oleh pihak ketiga iaitu Bank Negara Malaysia; dan

iii. Pengenaan sebarang caj tambahan lain oleh Danajamin ke atas penerbit *sukuk* apabila menuntut jumlah jaminan yang telah dibayar kepada pelabur adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS berhubung dengan caj lewat bayar di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas keharusan *ta`widh* dan *gharamah* seperti yang dinyatakan dalam perkara 81.[169] Di samping itu, larangan terhadap pengenaan caj tambahan rekursa adalah berdasarkan pandangan bahawa pembayaran jaminan (*kafalah*) oleh Danajamin kepada pelabur dan hak tuntutan semula pembayaran tersebut daripada penerbit *sukuk* menjadikan jaminan tersebut sebagai hutang (*qard*) yang diberikan oleh Danajamin kepada penerbit *sukuk*. Syariah menetapkan bahawa sebarang caj tambahan ke atas pembayaran semula hutang adalah riba melainkan jika dikenakan kos sebenar sahaja.[170]

108. Pemilikan Aset Sandaran dalam *Sukuk* yang Berasaskan Kontrak *Ijarah*

Dalam *sukuk* yang berasaskan *ijarah*, hak milik aset sandaran adalah di bawah pegangan pelabur, manakala penerbit *sukuk* selaku penyewa aset tersebut bertanggungjawab untuk membayar kupon yang merujuk kepada amaun sewaan berkala. Dalam situasi apabila Danajamin melaksanakan jaminannya dengan menjelaskan amaun sewaan dan penebusan *sukuk* (*principal*) kepada pelabur, MPS dirujuk sama ada aset sandaran dalam *sukuk ijarah* akan berpindah milik kepada penerbit *sukuk* atau Danajamin.

Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 telah memutuskan perkara berikut:

i. Status hak milik aset sandaran dalam *sukuk ijarah* tertakluk kepada terma dan syarat dalam kontrak. Sekiranya Danajamin hanya membayar amaun sewaan berkala atau kupon dalam tempoh *sukuk* dilaksanakan, aset sandaran adalah masih dimiliki oleh pelabur. Walau bagaimanapun, sekiranya Danajamin membayar harga aku janji pembelian (*purchase undertaking*), hak milik aset sandaran akan berpindah kepada penerbit *sukuk*. Namun, aset tersebut akan dijadikan sekuriti atau cagaran kepada hutang yang telah dibayar oleh Danajamin kepada pelabur sehinggalah penerbit *sukuk* melunaskan jumlah bayaran tersebut; dan

[169] Pengenaan *Ta`widh* dan *Gharamah* dalam Pembiayaan Kewangan Islam.
[170] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 19 (*Al-Qard*), perenggan 4 dan 5.

ii. Jaminan ke atas *sukuk* yang diterbitkan berasaskan kontrak *ijarah* boleh meliputi jaminan ke atas sewa dan *wa`d* untuk membeli aset.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa kesan terhadap sesuatu kontrak adalah bergantung kepada terma dan syarat yang dipersetujui dalam kontrak selagi ia tidak bercanggah dengan kaedah umum Syarak. Ini adalah selaras dengan kaedah fiqah yang berikut:

الأصل رضى المتعاقدين ونتيجته هي ما التزماه بالتعاقد

"Hukum asal dalam akad adalah redha atau persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak adalah berdasarkan (hak dan tanggungjawab) yang telah mereka persetujui dalam akad."[171]

[171] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 482.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) telah ditubuhkan pada tahun 2005 untuk melaksanakan insurans deposit secara Islam dan konvensional. Langkah mewujudkan insurans deposit bertujuan memperkukuh infrastruktur perlindungan pengguna dan ia merupakan salah satu agenda penting dalam pembangunan berterusan sistem kewangan di Malaysia. Insurans deposit juga memperkukuh insentif bagi institusi kewangan untuk melaksanakan amalan kewangan dan perniagaan yang baik serta mempertingkat keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan dengan menyediakan perlindungan deposit secara khusus.

109. Konsep Syariah bagi Operasi Insurans Deposit Islam

Insurans deposit merupakan satu mekanisme yang membolehkan PIDM melindungi pendeposit daripada kehilangan wang yang didepositkan di institusi perbankan sekiranya institusi perbankan tersebut mengalami kegagalan. Bagi membolehkan pendeposit-pendeposit perbankan Islam turut menikmati perlindungan yang sama, MPS dirujuk berhubung dengan konsep Syariah yang bersesuaian untuk mendasari operasi insurans deposit Islam.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-80 bertarikh 7 Januari 2009 telah memutuskan bahawa operasi PIDM dalam mengendalikan dana insurans deposit Islam boleh dilaksanakan berdasarkan konsep *kafalah bi al-ujr*.[172] Berdasarkan konsep *kafalah bi al-ujr*, pembayaran premium oleh institusi anggota PIDM yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam merupakan *ujrah* atau upah kepada PIDM dan menjadi hak milik PIDM. Oleh kerana premium merupakan sejenis upah, PIDM boleh menstrukturkannya dalam bentuk suatu nilai mutlak atau secara berkadar.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas keharusan kemudahan *kafalah bi al-ujr* seperti yang dinyatakan dalam perkara 101.[173]

[172] Keputusan ini telah membatalkan keputusan MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 yang memutuskan bahawa konsep yang bersesuaian dengan operasi insurans deposit secara Islam ialah *tabarru`*.

[173] Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan secara Islam Credit Guarantee Corporation.

110. Percampuran Dana yang Disumbangkan oleh Institusi Perbankan Islam dan Konvensional dalam Insurans Deposit

Di bawah pengaturan insurans deposit, institusi-institusi perbankan Islam dan perbankan konvensional diwajibkan menjadi anggota PIDM dan membayar premium tahunan yang menjadi sumber dana insurans deposit. Selain daripada digunakan untuk membuat pembayaran kepada pendeposit yang dilindungi dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan, dana ini juga digunakan untuk melabur dalam instrumen yang berlandaskan Syariah dan membiayai perbelanjaan PIDM.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada Syariah membenarkan dana premium yang disumbangkan oleh institusi-institusi perbankan Islam dan perbankan konvensional dikumpulkan dalam satu dana.

MPS juga dirujuk berhubung dengan isu sama ada Kerajaan boleh mewajibkan keanggotaan institusi-institusi perbankan Islam dalam PIDM.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 telah memutuskan bahawa premium atau fi yang disumbangkan oleh institusi-institusi perbankan Islam dan perbankan konvensional perlu diasingkan dan tidak boleh dikumpulkan dalam satu dana. Sekiranya berlaku pembubaran PIDM, MPS pada mesyuarat ke-29 bertarikh 25 September 2002 telah memutuskan bahawa kaedah pembubaran yang berasingan bagi kedua-dua dana perlu dilaksanakan.

Di samping itu, MPS pada mesyuarat ke-80 bertarikh 7 Januari 2009 turut memutuskan bahawa Kerajaan boleh mewajibkan keanggotaan institusi-institusi perbankan Islam dalam PIDM kerana tiada halangan dari segi hukum Syarak yang menegah tindakan sedemikian.

Asas Pertimbangan

Premium atau fi yang disumbangkan oleh institusi-institusi perbankan Islam dan perbankan konvensional perlu diasingkan bagi mengelakkan percampuran dana premium skim insurans deposit antara perbankan Islam dengan konvensional. Ia juga bagi memastikan pelaburan dana insurans deposit secara Islam dilaksanakan dalam instrumen yang dibenarkan Syariah. Ini kerana percampuran dana premium perbankan Islam dengan konvensional akan menimbulkan keraguan pada status patuh Syariah dana premium perbankan Islam tersebut. Pembubaran secara berasingan juga perlu dilaksanakan bagi memberikan hak dan keutamaan pembayaran perlindungan kepada pihak yang berhak menerimanya.

111. Had Jaminan Deposit Perbankan Islam oleh PIDM

Dalam melaksanakan jaminan ke atas deposit perbankan Islam, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada PIDM boleh menjamin nilai prinsipal dan juga keuntungan yang telah diperoleh oleh sesebuah perbankan Islam tetapi belum diagihkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-29 bertarikh 25 September 2002 telah memutuskan bahawa tiada halangan dalam melaksanakan jaminan ke atas deposit *wadi`ah*. Deposit *mudarabah* pula boleh dijamin sekiranya jaminan tersebut dibuat oleh pihak ketiga (dalam situasi ini, ia boleh merujuk kepada PIDM). Walau bagaimanapun, insurans deposit tidak boleh memberi keutamaan dalam melindungi keuntungan *mudarabah* yang belum diisytiharkan.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas perkara berikut:

i. PIDM boleh menetapkan had bagi jaminan yang diberi kerana ia selaras dengan hukum *kafalah* yang membenarkan *kafil* menentukan had jaminan yang diberi;[174]

[174] Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 6, h. 32.

ii. Tidak timbul sebarang isu Syariah dalam melaksanakan jaminan terhadap deposit berasaskan *wadi`ah*; dan

iii. Insurans deposit tidak boleh memberi keutamaan untuk melindungi keuntungan *mudarabah* yang belum diisytiharkan kerana ia sepatutnya digunakan untuk tuntutan-tuntutan dan tanggungan yang lebih utama dan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu.

112. Definisi Terma "Deposit" dalam Insurans Deposit Islam

Memandangkan tarikh pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam mungkin berlaku sebelum pembayaran keuntungan/hibah dibuat walaupun ia telah diisytiharkan secara bulanan, MPS dirujuk berhubung dengan definisi deposit yang perlu dibayar semula kepada pendeposit-pendeposit dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-30 bertarikh 28 Oktober 2002 telah memutuskan bahawa definisi deposit yang perlu dibayar semula dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam merujuk kepada jumlah prinsipal dan keuntungan/hibah yang telah dikreditkan ke dalam akaun termasuk jumlah keuntungan/hibah yang telah diisytiharkan tetapi belum dikreditkan sehingga tarikh penutupan institusi perbankan Islam. Namun demikian, nilai tambahan (sama ada disebut sebagai keuntungan/hibah) bagi tempoh bermula daripada tarikh penutupan atau pembubaran institusi perbankan Islam sehingga tarikh pembayaran adalah berdasarkan budi bicara PIDM.

Di samping itu, MPS turut memutuskan bahawa nilai yang dilindungi oleh PIDM mestilah dinyatakan secara jelas dalam akad atau kontrak.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa kriteria dan maksud terma "deposit" boleh ditentukan berdasarkan penelitian terhadap amalan yang dilaksanakan dalam industri kewangan, selari dengan kaedah-kaedah fiqah yang berikut:

المعروف عرفا كالمشروط شرطا

"Sesuatu yang dikenalpasti sebagai adat adalah seumpama sesuatu yang dijadikan sebagai syarat."[175]

المعروف بين التجار كالمشروط بينهم

"Sesuatu yang secara adat diiktiraf dalam kalangan ahli perniagaan adalah dianggap sebagai syarat yang dipersetujui antara mereka."[176]

113. Kedudukan Tuntutan PIDM Berbanding dengan Tuntutan Pendeposit dalam Kes Pembubaran Sesebuah Institusi Perbankan Islam

Apabila sesebuah institusi perbankan Islam mengalami kegagalan dan tidak mampu untuk menunaikan tanggungjawab dalam mengembalikan deposit kepada pendeposit, PIDM akan membayar dahulu sebahagian atau keseluruhan deposit tersebut daripada dana insurans deposit Islam. Kemudian, PIDM akan menuntut kembali amaun yang dibayar tersebut daripada institusi perbankan Islam.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan kedudukan tuntutan PIDM berbanding dengan tuntutan pendeposit institusi perbankan Islam bagi mendapatkan semula amaun yang telah dibayarnya.

[175] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 237.
[176] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 239.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 telah memutuskan bahawa kedudukan tuntutan PIDM berbanding pendeposit bagi mendapatkan semula deposit dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam adalah bergantung kepada jenis deposit yang telah dibayar oleh PIDM. Sebagai contoh, sekiranya PIDM membayar deposit *wadi`ah*, maka kedudukan PIDM dalam hal ini adalah sama dengan pendeposit *wadi`ah* dan begitulah seterusnya.

Asas Pertimbangan

Produk deposit di institusi perbankan Islam distrukturkan berasaskan jenis-jenis akad yang berbeza. Oleh yang demikian, kesan hukumnya juga adalah berbeza. Justeru, keutamaan pembayaran balik deposit adalah bergantung kepada akad atau hubungan kontrak yang dimeterai antara pendeposit dengan institusi perbankan Islam.

Oleh kerana *wadi`ah* di institusi perbankan Islam adalah bersifat *qard* dari sudut fiqah, institusi perbankan Islam adalah wajib menjamin dan mengembalikan seluruh wang yang telah dimasukkan dalam akaun deposit *wadi`ah* tersebut.[177]

Bagi deposit yang berasaskan kontrak *mudarabah*, institusi perbankan Islam tidak berkewajipan menjamin atau mengembalikan seluruh wang *mudarabah* atau keuntungannya,[178] kecuali jika kerugian wang tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian dan kesalahan institusi kewangan selaku *mudarib*.

Walau bagaimanapun, berdasarkan akad *kafalah bi al-ujr* yang dimeterai antara PIDM dengan institusi perbankan Islam, PIDM adalah berkewajipan untuk menjamin kerugian *mudarabah* atas dasar jaminan pihak ketiga. Sehubungan dengan itu, pihak institusi perbankan Islam bertanggungjawab untuk menunaikan hak pendeposit akaun simpanan *wadi`ah* terlebih dahulu berbanding pendeposit akaun pelaburan *mudarabah*. Ini kerana institusi perbankan Islam mempunyai tanggungjawab secara langsung terhadap pendeposit *wadi`ah* manakala pendeposit *mudarabah* adalah dijamin oleh PIDM.

[177] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1995, Persidangan kali ke-9, resolusi no. 86 (9/3).
[178] Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami*, 1995, Persidangan kali ke-9, resolusi no. 86 (9/3).

114. Penggunaan *Muqasah* dalam Insurans Deposit Islam

Secara lazimnya, setelah sesebuah institusi perbankan Islam diisytiharkan tidak mampu bayar (*insolvent*), proses tolak selesai (*muqasah*) akan dilaksanakan untuk menentukan amaun deposit yang perlu dibayar oleh PIDM kepada pendeposit. Menerusi proses ini, jumlah pembayaran akan ditentukan berdasarkan perbezaan antara jumlah deposit dengan jumlah hutang pembiayaan belum bayar oleh pelanggan berkenaan terhadap institusi perbankan Islam. Contohnya, sekiranya seseorang pelanggan mempunyai deposit sebanyak RM100,000 dan pada masa yang sama mempunyai obligasi pembiayaan tertunggak sebanyak RM50,000, maka pelanggan tersebut hanya layak menerima pembayaran sebanyak RM50,000 sahaja.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada proses tolak selesai antara pendeposit dengan institusi perbankan Islam di atas boleh dilaksanakan dalam proses pembayaran semula deposit oleh PIDM dan pegawai penyelesai.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-32 bertarikh 27 Februari 2003 telah memutuskan bahawa proses tolak selesai antara pendeposit dengan institusi perbankan Islam dibenarkan untuk dilaksanakan dalam proses pembayaran deposit oleh PIDM dan pegawai penyelesai.

Asas Pertimbangan

Pada asasnya, *muqasah* adalah dibenarkan dalam *mua`malah* Islam. *Muqasah* boleh dibuat dalam dua bentuk iaitu *al-muqasah al-ittifaqiyyah* (secara persetujuan dua belah pihak) atau *al-muqasah al-jabariyyah* (secara penetapan oleh pihak berkuasa bagi menjamin keadilan). Dalam hal ini, kebanyakan institusi kewangan Islam telah memasukkan klausa tolak selesai ini ke dalam dokumentasi perjanjian pembiayaan secara Islam dan ia boleh dilaksanakan berdasarkan persetujuan pelanggan yang menandatangani perjanjian tersebut. Hal ini adalah selaras dengan kaedah fiqah yang berikut:

الأصل رضى المتعاقدين ونتيجته هي ما التزماه بالتعاقد

"Hukum asal dalam akad adalah redha atau persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak adalah berdasarkan (hak dan tanggungjawab) yang telah mereka persetujui dalam akad."[179]

[179] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 482.

PERBADANAN GADAI JANJI NASIONAL (CAGAMAS)

115. Kemudahan Jaminan Gadai Janji (*Mortgage Guarantee Facility*)

Bagi meningkatkan pasaran pensekuritian, terdapat cadangan daripada perbadanan gadai janji nasional iaitu Cagamas untuk menyediakan kemudahan jaminan gadai janji secara Islam. Kemudahan jaminan gadai janji secara Islam ini bertujuan untuk menyediakan suatu kemudahan jaminan gadai janji yang menawarkan kaedah pengurusan portfolio dan risiko untuk mengurus pendedahan risiko kredit portfolio gadai janji dengan lebih baik kepada institusi-institusi kewangan Islam, terutamanya penyedia pembiayaan gadai janji. Ini seterusnya meningkatkan keupayaan institusi kewangan Islam untuk menyediakan lebih banyak pembiayaan gadai janji mampu milik kepada pembeli-pembeli rumah. Kemudahan jaminan gadai janji ini akan disediakan menerusi penubuhan sebuah syarikat usaha sama yang akan bertindak sebagai sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle* (SPV)).

Kemudahan jaminan gadai janji ini dilaksanakan berasaskan kontrak *wakalah* dan *kafalah* yang dimeterai secara berasingan. Cadangan struktur kemudahan jaminan gadai janji ini memperlihatkan SPV memainkan dwi-peranan berikut untuk institusi kewangan Islam:

i. Berasaskan kontrak *wakalah*, SPV akan bertindak sebagai ejen/wakil institusi kewangan Islam untuk menjalankan tugasan seperti menganalisa risiko portfolio pembiayaan gadai janji dengan bayaran *ujrah* atau fi yang dipersetujui; dan

ii. Berasaskan kontrak *kafalah*, SPV turut berperanan sebagai penjamin untuk menanggung kerugian institusi kewangan Islam sekiranya terdapat keingkaran dalam pelunasan pembayaran berkala oleh pemilik rumah. *Kafalah* yang diberikan mempunyai elemen rekursa iaitu SPV akan menuntut amaun jaminan yang telah dibayar kepada institusi kewangan Islam daripada pelanggan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang fi dikenakan ke atas perkhidmatan jaminan yang diberikan oleh SPV.

Dalam hal ini, MPS dirujuk sama ada cadangan kemudahan jaminan gadai janji seperti yang dicadangkan dibenarkan oleh Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-74 bertarikh 3 April 2008 telah memutuskan bahawa cadangan kemudahan jaminan gadai janji di atas dibenarkan dengan syarat kemudahan yang diberikan hendaklah mendapat persetujuan daripada pelanggan institusi kewangan Islam yang berkenaan.

Asas Pertimbangan

Keharusan *wakalah* telah dinyatakan dalam al-Quran seperti yang berikut:

فَٱبْعَثُوٓاْ أَحَدَكُم بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ أَزْكَىٰ طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ

"...sekarang utuslah salah seorang daripada kalangan kamu, membawa wang perak ini ke bandar kemudian biarlah dia memilih jenis makanan yang baik, kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya..."[180]

Keharusan *wakalah* turut dinyatakan oleh Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan dalam hadis berikut:

عن عقبة بن عامر رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم أعطاه غنما يقسمها على صحابته ضحايا فبقي عتود فذكره لرسول الله صلى الله عليه وسلم فقال ضح به أنت

"Daripada `Uqbah ibn `Amir menceritakan bahawa Rasulullah SAW memberinya beberapa ekor kambing biri-biri untuk diagihkan antara para sahabat baginda dengan seekor anak kambing biri-biri jantan tertinggal selepas pengagihan tersebut. Beliau memaklumkan Rasulullah SAW mengenainya dan baginda berkata: Korbankannya bagi pihakku."[181]

[180] *Surah al-Kahfi*, ayat 19.
[181] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari,* Al-Matba`ah al-Salafiyyah, 1982, j. 2, h. 207, hadis no. 2500.

Keharusan kontrak *kafalah* pula telah dinyatakan dalam al-Quran seperti yang berikut:

وَلِمَن جَآءَ بِهِۦ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا۠ بِهِۦ زَعِيمٌ

"…dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu."[182]

Keharusan *kafalah* turut dinyatakan oleh Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan dalam hadis berikut:

الزعيم غارم

"Penjamin adalah orang yang menanggung liabiliti."[183]

Himpunan beberapa kontrak Syariah dalam sesuatu produk atau perkhidmatan adalah diharuskan kerana fatwa semasa membenarkan himpunan pelbagai kontrak Syariah dalam sesuatu urusan *mua`malah* yang tidak bercanggah dari sudut hukum Syarak. Lebih-lebih lagi, amalan ini telah berjalan sejak sekian lama.[184] Apa yang penting ialah kontrak-kontrak yang terlibat hendaklah dilaksanakan secara jelas dan berasingan, serta tidak tergolong dalam kontrak yang dilarang oleh Syarak.

Di samping itu, keperluan untuk mendapatkan persetujuan daripada pelanggan bagi sebarang jaminan gadai janji yang mempunyai elemen rekursa adalah bertujuan untuk memastikan pelanggan mengetahui tanggungjawabnya untuk membayar amaun jaminan kepada SPV sekiranya dituntut.

[182] *Surah Yusuf*, ayat 72.

[183] Al-Baihaqi, *Al-Sunan al-Kubra*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2003, j. 6, h. 119.

[184] Kuwait Finance House, *Al-Fatawa al-Syar`iyyah fi al-Masa'il al-Iqtisadiyyah* (edisi terkini), j. 2, h. 29 – 30, fatwa no. 384.

BAHAGIAN V:
ISU-ISU SYARIAH BERKAITAN KEWANGAN ISLAM

116. Keutamaan Pendeposit Mendapatkan Semula Deposit dalam Kes Pembubaran Sesebuah Institusi Perbankan Islam

Deposit perbankan Islam menggunakan pelbagai konsep Syariah (contohnya *wadi`ah* dan *mudarabah*) yang memberikan implikasi berbeza antara satu sama lain. Secara umumnya, deposit perbankan Islam boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori utama iaitu deposit *wadi`ah*, deposit *mudarabah* dan deposit yang berasaskan konsep lain seperti BBA dan *bai` `inah*.

Dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam, MPS dirujuk berhubung dengan keutamaan pendeposit perbankan Islam untuk mendapatkan semula deposit masing-masing yang didasarkan kepada konsep Syariah tertentu, berbanding pendeposit yang lain.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 dan mesyuarat ke-30 bertarikh 28 Oktober 2002 telah memutuskan bahawa keutamaan pendeposit perbankan Islam untuk mendapatkan semula deposit masing-masing dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam adalah berdasarkan akad atau konsep yang dimeterai dengan institusi perbankan Islam berkenaan.

Dalam hal ini, keutamaan perlu diberikan kepada deposit *wadi`ah* dan deposit yang diterima berasaskan hutang berbanding dengan deposit *mudarabah*. Walau bagaimanapun, bagi memenuhi tuntutan perundangan semasa seperti yang termaktub dalam Seksyen 81, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, deposit *mudarabah* perlu diutamakan berbanding dengan tuntutan pemberi pinjaman (*creditor*) dan tanggungan-tanggungan lain kerana deposit *mudarabah* dikategorikan sebagai deposit dan mendapat keutamaan dari segi tuntutan.

Bagi deposit selain deposit *wadi`ah* dan *mudarabah* (contohnya yang berdasarkan konsep *murabahah* dan *bai` `inah*), deposit-deposit ini dianggap mempunyai status yang sama seperti deposit *wadi`ah* dan *mudarabah* dari segi definisi. Sehubungan dengan itu, keutamaan pembayarannya adalah berdasarkan konsep yang mendasarinya. Di samping itu, deposit-deposit ini perlu dinilaikan berdasarkan nilai muka (*face value*) deposit berkenaan pada tarikh pembubaran institusi perbankan Islam.

Asas Pertimbangan

Rujuk asas pertimbangan bagi perkara 113.[185]

117. Perkongsian Lebihan Selepas Proses Pencairan dan Pembayaran Tuntutan antara Dana Perbankan Islam dengan Konvensional

Dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan konvensional yang turut menawarkan Skim Perbankan Islam (SPI), MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada lebihan selepas proses pencairan dan pembayaran tuntutan dalam perbankan Islam boleh digunakan untuk menampung defisit dalam perbankan konvensional atau sebaliknya.[186]

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 dan mesyuarat ke-29 bertarikh 25 September 2002 telah memutuskan bahawa dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan yang menawarkan SPI, pembubaran hendaklah dilakukan secara berasingan antara perbankan konvensional dengan perbankan Islam. Walau bagaimanapun, sebarang lebihan (setelah ditolak semua tanggungan yang terlibat) dalam salah satu bahagian (sama ada konvensional atau Islam) boleh digunakan untuk menampung defisit dalam bahagian yang satu lagi.

Asas Pertimbangan

Lebihan selepas proses pencairan dan pembayaran tuntutan dalam bahagian perbankan Islam boleh digunakan untuk menampung defisit dalam bahagian konvensional, dan begitu juga sebaliknya, kerana pemilik syarikat (pemegang saham) terdiri daripada pihak yang sama dan bertanggungjawab memulangkan prinsipal atau modal kepada pendeposit tanpa mengira sama ada deposit yang diterima adalah secara Islam atau konvensional.

[185] Kedudukan Tuntutan PIDM Berbanding dengan Tuntutan Pendeposit dalam Kes Pembubaran Sesebuah Institusi Perbankan Islam.

[186] Isu ini merujuk kepada konteks SPI secara jendela sahaja.

118. Status Dana Konvensional yang Diletakkan dalam Akaun Pelaburan Khas *Mudarabah* dalam Kes Pembubaran Institusi Perbankan

Pada tahun 1995, Bank Negara Malaysia telah membenarkan institusi perbankan SPI untuk memperoleh dana daripada operasi perbankan konvensional dan meletakkannya dalam Akaun Pelaburan Khas *Mudarabah* bagi tempoh minimum selama setahun. Ini bagi membolehkan institusi perbankan SPI menyalurkan pembiayaan secara Islam sekiranya institusi tersebut tidak berupaya memperoleh dana daripada pasaran.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan status dana konvensional seumpama ini iaitu sama ada ianya diklasifikasikan sebagai deposit *mudarabah* atau sebagai sebahagian dana pemegang saham dalam kes pembubaran institusi perbankan SPI tersebut.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-37 bertarikh 7 Ogos 2003 telah memutuskan bahawa dana konvensional yang diletakkan dalam Akaun Pelaburan Khas *Mudarabah* diklasifikasikan sebagai deposit *mudarabah* dan bukannya sebahagian daripada dana pemegang saham. Sehubungan dengan itu, status Akaun Pelaburan Khas *Mudarabah* ini adalah sama seperti status deposit *mudarabah* yang lain dalam kes pembubaran institusi perbankan SPI.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa perjanjian yang dimeterai antara kedua-dua pihak adalah berdasarkan *mudarabah* dan tujuan dana tersebut dimasukkan adalah bagi tujuan *mudarabah*. Oleh itu, ia membawa status *mudarabah* dalam kes pembubaran institusi perbankan SPI.

119. Kaedah Pembahagian Untung

Dalam amalan kewangan semasa, kaedah pembahagian untung antara institusi kewangan Islam dengan pelanggan dilaksanakan pada peringkat untung kasar, iaitu keuntungan bagi keseluruhan operasi setelah ditolak segala perbelanjaan langsung bagi semua dana pelaburan atau deposit yang diterima. Setelah mendapat bahagian keuntungannya, baharulah institusi kewangan Islam akan menolak segala perbelanjaan operasinya bagi menentukan jumlah keuntungan bersih institusi kewangan Islam tersebut.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada kaedah pembahagian keuntungan yang dikira berdasarkan untung kasar dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-16 bertarikh 11 November 2000 telah memutuskan bahawa kaedah pembahagian keuntungan yang dilaksanakan berdasarkan untung kasar adalah dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Kaedah pembahagian keuntungan berdasarkan untung kasar adalah bertujuan memelihara kepentingan pelanggan selaku pelabur atau pendeposit kerana institusi kewangan menanggung sendiri perbelanjaan operasinya. Dalam kontrak *musyarakah*, pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak tersebut boleh bersetuju untuk memilih pembahagian keuntungan sama ada berdasarkan untung kasar atau untung bersih.[187] Dalam kontrak *mudarabah*, majoriti ulama berpendapat bahawa *mudarib* perlu menanggung segala kos perbelanjaan tidak langsung. Oleh itu, kaedah pembahagian keuntungan di peringkat untung kasar adalah selaras dan memenuhi keperluan ini.

[187] Muhammad Taqi Usmani, *An Introduction to Islamic Finance*, Idara Isha`at-e-Diniyat, 1999, h. 66.

120. Kaedah Pengiktirafan Pendapatan

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam boleh menerima pakai kaedah terakru bagi mengiktiraf pendapatan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-16 bertarikh 11 November 2000 telah memutuskan bahawa kaedah terakru dibenarkan sebagai kaedah pengiktirafan pendapatan.

Asas Pertimbangan

Menurut Syarak, kaedah tunai dan kaedah terakru boleh diterima pakai dalam mengiktiraf pendapatan. Dalam konteks amalan semasa, kaedah terakru lebih banyak digunakan berikutan perubahan amalan perniagaan yang lebih meluas dan pelbagai.

Kaedah terakru dibolehkan atas asas bahawa sesuatu pihak itu berhak ke atas sesuatu pendapatan yang direalisasi meskipun masih belum diterima secara tunai.[188] Memandangkan kaedah terakru dapat mencatatkan urus niaga yang dilakukan secara kredit dengan lebih efektif, ia dilihat memenuhi tuntutan Islam yang menyarankan agar urus niaga yang dijalankan secara kredit (contohnya, jual beli dengan harga tertangguh) dicatatkan dengan cara yang adil dan baik. Ini sejajar dengan firman Allah SWT seperti yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا تَدَايَنتُم بِدَيۡنٍ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى فَٱكۡتُبُوهُۚ وَلۡيَكۡتُب بَّيۡنَكُمۡ كَاتِۢبُۢ بِٱلۡعَدۡلِۚ

"Wahai orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan secara hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis antara kamu menulisnya dengan adil (benar)..."[189]

[188] Majmu`ah Dallah Barakah, *Fatawa Nadawat al-Barakah*, 1981 – 1997, h. 134, fatwa no. 8/2.
[189] *Surah al-Baqarah*, ayat 282.

Selain itu, tiada halangan Syarak ke atas penggunaan kaedah terakru dan ini adalah sejajar dengan keperluan (*hajah*) yang terhasil daripada amalan semasa. Ia juga selari dengan kaedah fiqah berikut:

المعاملة تجري على عادة أهل البلد و عرفه

"(Hukum-hukum) mua`malah berjalan di atas adat sesuatu negara dan `urfnya."[190]

121. Penggunaan Prinsip *"Substance Over Form"* dalam Kewangan Islam

"Substance over form" merupakan prinsip perakaunan yang mengutamakan prinsip hakiki berbanding zahir dalam sesuatu urus niaga. Ia juga merujuk kepada pelaporan kewangan yang mencatatkan kesan ekonomi keseluruhan daripada sesuatu urusan atau serangkaian urusan yang berkait rapat, dan bukannya melapor dari sudut sesuatu kontrak secara terpisah atau dari sudut perundangan semata-mata.

Sebagai contoh, bagi kontrak jual dan beli semula, pelaporan kewangan akan mencatatkan kesan keseluruhan daripada semua kontrak yang terlibat, dengan keuntungan daripada kontrak ini akan dicatatkan sebagai kos pembiayaan yang perlu dibayar oleh penerima biaya.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penerapan prinsip *"substance over form"* dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-57 bertarikh 30 Mac 2006 dan mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007 telah memutuskan bahawa secara prinsipnya, "*substance*" dan "*form*" adalah sama penting dan amat diambil kira oleh Syarak. Dalam hal ini, Syarak menekankan bahawa "*substance*" dan "*form*" mestilah selari dan sepatutnya tidak bercanggah antara satu sama lain. Sekiranya terdapat percanggahan antara "*substance*" dan "*form*" yang disebabkan oleh faktor-faktor tertentu, maka Syarak mengutamakan *"substance*" daripada "*form*".

[190] Ali Ahmad al-Nadwi, *Jamharah al-Qawa`id al-Fiqhiyyah fi al-Mu`amalat al-Maliyyah*, Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah li al-Istithmar, 2000, j. 2, h. 951.

Asas Pertimbangan

Dalam konteks kewangan Islam semasa, kebanyakan akad yang mendasari produk kewangan terutamanya produk pembiayaan adalah akad daripada kategori *`uqud mustajiddah* (akad-akad baharu). Dalam kontrak-kontrak baharu tersebut, terhimpun elemen-elemen daripada akad-akad tradisional (*`uqud musamma*) yang berlainan dan elemen-elemen tersebut saling mengikat dalam bentuk tertentu. Jika salah satu elemen tersebut tidak wujud, ia menyebabkan tujuan perjanjian tersebut tidak dapat disempurnakan. Dengan mencatatkan siri urus niaga berasaskan kontrak baharu secara berasingan, ia akan menyebabkan gambaran keseluruhan urus niaga menjadi kurang jelas. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mencatatkan urus niaga bersiri seperti kontrak-kontrak baharu sebagai satu urus niaga sahaja. Ini dilakukan berasaskan prinsip "*substance over form*".

Pertimbangan ini turut selari dengan kaedah fiqah dan pendekatan hukum Syarak yang berikut:

الأمور بمقاصدها

"Setiap perkara dinilai berdasarkan niat."[191]

العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني

"Pertimbangan dalam akad ialah pada tujuan dan makna bukan pada lafaz dan bentuk."[192]

122. Penggunaan Prinsip Kebarangkalian (*Probability*) dalam Kewangan Islam

Prinsip kebarangkalian merujuk kepada amalan mencatatkan sesuatu urusan walaupun akad belum sempurna dimeterai. Dalam hal ini, aset akan dicatatkan apabila terdapat kebarangkalian pengaliran masuk sumber ekonomi, manakala liabiliti pula dicatat apabila terdapat kebarangkalian sumber ekonomi akan dikeluarkan bagi memenuhi tanggungjawab semasa dan amaunnya dapat dianggarkan dengan pasti. Antara contoh item yang dicatatkan berasaskan prinsip kebarangkalian ini ialah *wa`d* (sama ada janji yang lazim atau tidak lazim) dan peruntukan hutang tak berbayar. Walau bagaimanapun, amalan ini tidak bermaksud menyamatarafkan janji dengan akad. Sebaliknya ia bertujuan untuk memaklumkan mengenai kesan ekonomi apabila pengaturan tersebut dilaksanakan.

[191] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah,* Dar al-Qalam, 1989, h. 47.
[192] Ali Ahmad al-Nadwi, *Jamharah al-Qawa`id al-Fiqhiyyah fi al-Mu`amalat al-Maliyyah*, Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah li al-Istithmar, 2000, j. 1, h. 550.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penerapan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007 telah memutuskan bahawa penerapan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam adalah dibenarkan kerana ia tidak bercanggah dengan kaedah umum fiqah.

Asas Pertimbangan

Sebahagian ulama berpandangan bahawa kemungkinan yang kuat (*zan al-ghalib*) boleh diambil kira dalam menentukan sesuatu hukum. Ini telah dibincangkan oleh beberapa ulama seperti Al-Amidi[193], Al-Ghazali[194] dan Mustafa Al-Zarqa'[195].

Di samping itu, keharusan penggunaan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam turut berdasarkan kaedah-kaedah fiqah berikut:

الأصل الصحة

"Asal (sesuatu itu) adalah sah."[196]

العبرة للغالب الشائع لا للنادر

"Pertimbangan adalah kepada kebiasaan yang meluas dan bukan pada yang terpencil."[197]

ما قارب الشيء أعطي حكمه

"Apa-apa yang hampir kepada sesuatu itu, maka ia mengambil hukum yang sama."[198]

الظن واجب الاتباع

"Zan (kebarangkalian) hendaklah diikuti."[199]

[193] Al-Amidi, *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Dar al-Kitab al-`Arabi, 1983, j. 3, h. 317.
[194] Al-Ghazali, *Al-Mustasfa fi `Ilm al-Usul*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1992, h. 286.
[195] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 151.
[196] Al-Ansari, *Asna al-Matalib fi Syarh Rawd al-Talib*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2000, j. 2, h. 2154.
[197] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 235.
[198] Ali Ahmad al-Nadwi, *Jamharah al-Qawa`id al-Fiqhiyyah fi al-Mu`amalat al-Maliyyah*, 2000, j. 1, h. 468.
[199] Al-Amidi, *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Dar al-Kitab al-`Arabi, 1983, j. 3, h. 317.

123. Penggunaan Prinsip Nilai Masa dalam Kewangan *(Time Value of Money)*

Konsep nilai masa dalam kewangan merujuk kepada perbezaan nilai wang yang diterima secara tunai dengan nilai wang yang diterima secara tangguh pada masa hadapan. Perbezaan antara harga tunai dan harga tangguh biasanya disebut sebagai pendapatan atau perbelanjaan pembiayaan.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penerapan prinsip nilai masa dalam kewangan dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007 telah memutuskan bahawa penerapan prinsip nilai masa dalam kewangan dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan khusus untuk kontrak pertukaran yang melibatkan pembayaran secara bertangguh. Namun demikian, ia dilarang sama sekali dalam urus niaga pinjaman (*qard*).

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan terhadap perkara berikut:

i. Terdapat perbincangan oleh para ulama yang membenarkan harga jualan secara bertangguh yang lebih tinggi berbanding dengan harga jualan secara tunai.[200] Ini bermakna faktor masa boleh diambil kira dalam penentuan harga dalam jual beli.

   Selain itu, Al-Kasani ada menerangkan bahawa jika sesuatu barang dibeli secara bayaran bertangguh (*al-ajl*), maka ia tidak boleh dijual secara *murabahah* melainkan jika dimaklumkan kepada pembeli (kedua) bahawa barang tersebut telah dibeli secara bertangguh.[201]

[200] Al-Syawkani, *Nail al-Awtar,* Dar al-Ma`rifah, 2002, j. 2, h. 1072; Al-Kasani, *Bada`i al-Sana`i fi Tartib al-Syara`i,* Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi, 2000, j. 4, h. 466.

[201] Al-Kasani, *Bada`i al-Sana`i fi Tartib al-Syara`i*, Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi, 2000, j. 4, h. 466:
ولو اشترى شيئا نسيئة لم يبعه مرابحة حتى يبين ؛ لأن للأجل شبهة المبيع وإن لم يكن مبيعا حقيقة؛ لأنه مرغوب فيه ألا ترى أن الثمن قد يزاد لمكان الأجل فكان له شبهة أن يقابله شيء من الثمن.

ii. Di samping itu, Al-Sarakhsi juga menyatakan perkara yang sama seperti berikut:

> *"Sesungguhnya (sesuatu yang bertangguh) adalah lebih rendah daripada (sesuatu) yang segera dari segi nilai hartanya."* [202]

Penjelasan Al-Sarakhsi di atas menunjukkan bahawa masa sekarang adalah lebih berharga daripada masa hadapan. Justeru itu, harga dalam jual beli secara bertangguh perlu dinaikkan bagi mewujudkan keadilan kepada pihak yang berkontrak terutamanya pihak penjual yang mengorbankan penggunaan wang pada kadar segera (*present consumption*) kerana pembayaran harga barang tidak dibuat secara tunai.

Oleh itu, penyataan Al-Kasani menjelaskan bahawa tangguhan layak diberikan imbalan (*`iwad)* dalam bentuk wang iaitu melalui kenaikan harga jika dijual secara bertangguh. Namun begitu, keadaan ini hanya diiktiraf dalam urus niaga jual beli sahaja manakala dalam urus niaga pinjaman wang (*qard*), tangguhan tidak boleh sama sekali menerima imbalan dalam bentuk wang kerana ini merupakan *riba al-nasia'h* yang membawa kepada wang menghasilkan wang (*al-naqd yalid al-naqd*) atau *"money begets money"*.

Ini tidak bermakna Islam tidak mengiktiraf nilai masa wang dalam kontrak *qard* kerana tangguhan dalam kontrak ini diberikan imbalan dalam bentuk pahala yang berganda bersesuaian dengan kontrak ini yang berasaskan prinsip ihsan. Sebaliknya, kontrak jual beli yang berasaskan prinsip keadilan boleh menerima tambahan harga disebabkan tangguhan seperti yang dijelaskan di atas.

Jika dibandingkan prinsip ihsan dengan prinsip keadilan, maka adalah jelas bahawa ihsan adalah lebih tinggi martabatnya daripada keadilan bersesuaian dengan balasan ihsan iaitu pahala yang lebih baik daripada balasan atau imbalan wang.[203]

---

[202] Al-Sarakhsi, *Al-Mabsut*, Dar al-Fikr li al-Tiba`ah wa al-Nashr, j. 13, h. 64: فإن المؤجل أنقص من الحال في المالية

[203] Al-Ghazali menjelaskan hal ini seperti berikut:

ونعني بالإحسان: فعل ما ينتفع به المعامل وهو غير واجب عليه، ولكنه تفضل منه والعدل سبب النجاة فقط وهو يجري من التجارة مجرى رأس المال والإحسان سبب الفوز ونيل السعادة وهو يجري من التجارة مجرى الربح ولا يعد من الغفلاء من قنع في معاملات الدنيا برأس ماله فكذا في معاملات الآخرة فلا ينبغي للمتدين أن يقتصر على العدل واجتناب الظلم ويدع أبواب الإحسان

124. Deposit atau Dana Pelaburan Pelanggan daripada Sumber yang Diragui

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam boleh menerima permohonan untuk membuka akaun deposit atau akaun pelaburan daripada pelanggan (individu atau syarikat korporat) tanpa perlu menyelidiki sama ada sumber dana pelanggan adalah halal, haram atau bercampur antara halal dengan yang haram.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-58 bertarikh 27 April 2006 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam dibenarkan menerima permohonan untuk membuka akaun deposit atau akaun pelaburan daripada pelanggan tanpa perlu menyelidiki sama ada sumber dana pelanggan adalah halal, haram atau bercampur antara halal dengan yang haram. Walau bagaimanapun, tiada halangan bagi institusi kewangan Islam untuk mewujudkan saringan dalaman bagi memastikan sumber dana yang diterimanya adalah berlandaskan Syariah.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan terhadap dalil-dalil dan kaedah-kaedah fiqah berikut:

i. Hadis Rasulullah SAW:

روى الخلال بإسناده عن عطاء قال: نهى النبي - صلى الله عليه وسلم - عن مشاركة اليهودي والنصراني إلا أن يكون الشراء والبيع بيد المسلم

"Al-Khalal telah meriwayatkan dengan bersandarkan kepada riwayat daripada `Ata`, beliau berkata: Rasulullah SAW telah melarang (umat Islam) berkongsi perniagaan dengan orang Yahudi dan Nasrani melainkan sekiranya urusan jual beli tersebut berada di bawah kawal selia orang Islam."[204]

[204] Al-Bahuti, *Kasshaf al-Qina` `an Matn al-Iqna`*, Dar al-Fikr, 1982, j. 3, h. 496.

Hadis di atas memperlihatkan bahawa Rasulullah SAW membenarkan umat Islam berurusan secara *musyarakah* dengan orang bukan Islam walaupun sumber dana mereka diragui, dengan syarat segala urus niaga atau urusan jual beli hendaklah di bawah penyeliaan orang Islam.

Di samping itu, terdapat ulama yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW tidak berhutang kepada Yahudi yang mewajibkannya membayar lebihan (faedah). Sebaliknya, Rasulullah SAW menjalankan urusan jual beli yang dibayar secara tangguh dan menjadikan perisai baginda sebagai sekuriti bagi urus niaga tersebut. Perkara ini dinyatakan dalam riwayat berikut:

عن عائشة رضي الله عنها قالت : توفي رسول الله صلى الله عليه و سلم ودرعه مرهونة عند يهودي بثلاثين صاعا من شعير

"Daripada Aisyah bahawa (ketika) Rasulullah SAW wafat, perisai baginda Rasulullah SAW masih menjadi gadaian pada seorang Yahudi kerana (hutang Rasulullah SAW sebanyak) 30 so` (sejenis timbangan) gandum daripadanya."[205]

ii. Memandangkan sumber dana dalam pasaran kewangan pada masa kini adalah kompleks dan pelbagai, institusi kewangan Islam adalah terdedah kepada penglibatan orang-orang yang memiliki harta yang diperoleh daripada sumber yang haram dan sukar dikenal pasti. Sehubungan dengan itu, walaupun tujuan untuk menyekat dana yang tidak halal daripada memasuki sistem kewangan Islam adalah murni, institusi kewangan Islam tidak perlu menyelidiki status sumber dana yang diterima kerana dari segi perlaksanaannya adalah sukar untuk dikawal. Pendekatan ini juga selari dengan kaedah-kaedah fiqah berikut yang merumuskan bahawa sesuatu hukum terhadap perkara yang sukar ditentukan hakikatnya boleh dinilai daripada sudut zahirnya sahaja:

الأحكام على الظاهر والله ولي المغيب

"Sesuatu hukum diasaskan atas apa-apa yang zahir, adapun, hal-hal yang tersembunyi itu Allah SWT sahaja yang mengetahuinya."[206]

[205] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Dar Ibn Kathir, 1987, j. 3, h. 1068, hadis no. 2756.
[206] Al-Syafii, *Al-Umm*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, (t.t.), h. 720.

الأحكام تجرى على الظاهر فيما يعسر أو يتعذر الوقوف على الحقيقة

"Sesuatu hukum diasaskan atas apa-apa yang zahir dalam perkara-perkara yang sukar ditetapkan hakikat sebenarnya."[207]

فمن محاسن الشرع ضبط الأحكام بالأسباب الظاهرة وإقامتها عللا يدور الحكم معها وجودا وعدما

"Maka antara keindahan Syarak adalah menentukan hukum dengan sebab-sebab yang zahir dan menjadikannya (sebab-sebab yang zahir tersebut) sebagai `illah; wujudnya sesuatu hukum adalah berdasarkan wujudnya `illah atau sebaliknya."[208]

المعاملات على الظواهر والمعلوم الباطن خفي لا يعلق عليه الحكم

"Mua`malah diasaskan atas perkara yang zahir, dan adalah dimaklumi bahawa perkara batin adalah tersembunyi, tidak disandarkan ke atasnya sesuatu hukum."[209]

125. Pembiayaan kepada Pihak yang secara Jelas Menjalankan Aktiviti Bertentangan dengan Syariah

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam boleh memberikan pembiayaan kepada pihak yang menjalankan aktiviti bertentangan dengan Syariah seperti perusahaan minuman keras, aktiviti perjudian, premis pelacuran dan sebagainya.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-58 bertarikh 27 April 2006 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam tidak dibenarkan untuk memberikan pembiayaan kepada syarikat-syarikat, badan-badan atau individu yang diketahui secara jelas terlibat dalam aktiviti yang bercanggah dengan Syariah seperti perjudian, perusahaan minuman keras dan premis pelacuran.

[207] Ali Ahmad al-Nadwi, *Jamharah al-Qawa`id al-Fiqhiyyah fi al-Mu`amalat al-Maliyyah*, Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah li al-Istithmar, 2000, j. 1, h. 4334.
[208] Al-Subki, *Al-Ashbah wa al-Nazha'ir,* Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1991, j. 2, h. 190.
[209] Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Dar al-Ma`rifah, 1959, j. 4, h. 302.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa pemberian pembiayaan sedemikian akan menyebabkan pendapatan institusi kewangan Islam dijanakan daripada aktiviti yang tidak dibenarkan Syarak. Larangan ini juga selaras dengan firman Allah SWT yang berikut:

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِ

"...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan permusuhan..."[210]

126. Penggunaan Overdraf secara Konvensional untuk Menampung Kekurangan Akaun Semasa *Wadi`ah*

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pelanggan boleh menggunakan overdraf secara konvensional untuk menampung kekurangan dalam akaun semasa *wadi`ah*.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-8 bertarikh 12 Disember 1998 telah memutuskan bahawa, secara prinsipnya, penggunaan overdraf secara konvensional untuk menampung kekurangan dalam akaun semasa *wadi`ah* adalah bertentangan dengan Syariah. Namun, memandangkan akaun konvensional dan *wadi`ah* merupakan hak dan tanggungan pelanggan, institusi kewangan Islam tidak berhak menghalang pelanggan daripada berbuat demikian. Walau bagaimanapun, institusi kewangan Islam bertanggungjawab memaklumkan kepada pelanggan bahawa amalan tersebut bertentangan dengan Syariah.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa penggunaan overdraf secara konvensional untuk menampung kekurangan akaun semasa *wadi`ah* oleh pelanggan adalah di luar kawalan institusi kewangan Islam.

[210] *Surah al-Mai'dah*, ayat 2.

127. Yuran Komitmen ke atas Baki Kemudahan Overdraf atau Kredit Pusingan secara Islam yang Tidak Digunakan

Lazimnya, pelanggan yang menerima kemudahan overdraf dan kredit pusingan secara Islam tidak menggunakan kemudahan tersebut sepenuhnya dalam sesuatu masa dan akan meninggalkan sejumlah baki tertentu untuk kegunaan pada masa hadapan apabila diperlukan. Sehubungan dengan itu, pihak institusi kewangan Islam terpaksa memperuntukkan sejumlah wang kepada pelanggan tersebut dan tidak dapat menggunakannya bagi memberi pembiayaan kepada pelanggan yang lain. Ini akan sedikit sebanyak menjejaskan peluang institusi kewangan Islam untuk menggunakan dana tersebut dalam aktiviti lain yang boleh menjanakan keuntungan yang lebih tinggi.

Dalam perbankan konvensional, institusi kewangan akan mengenakan yuran komitmen pada kadar tertentu ke atas baki atau bahagian kemudahan overdraf dan kredit pusingan yang belum digunakan. Institusi kewangan juga akan memantau pelanggan yang tidak menggunakan kemudahan kredit ini selepas tiga bulan daripada tarikh penyempurnaan dokumentasi kemudahan tersebut dengan mendapatkan pengesahan bertulis daripada pelanggan bahawa kemudahan tersebut masih diperlukan. Sekiranya pelanggan gagal memberikan pengesahan, institusi kewangan berhak menarik balik kemudahan tersebut. Amalan ini bertujuan memastikan pelanggan tidak memohon pembiayaan berlebihan daripada keperluan sebenar dan menutup peluang peminjam sebenar yang lain untuk mendapatkan kemudahan kredit.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan Islam boleh mengenakan yuran komitmen ke atas baki yang belum digunakan dalam kemudahan overdraf atau kredit pusingan secara Islam.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-12 bertarikh 24 Februari 2000 telah memutuskan bahawa cadangan untuk mengenakan yuran komitmen ke atas baki belum digunakan dalam kemudahan overdraf atau kredit pusingan secara Islam adalah tidak dibenarkan.

Asas Pertimbangan

Memandangkan kemudahan overdraf dan kredit pusingan secara Islam adalah berasaskan kontrak *bai` `inah* atau *tawarruq*, pengenaan yuran komitmen ke atas baki overdraf atau kredit pusingan secara Islam adalah bercanggah dengan akad jual beli yang dilaksanakan. Di bawah kontrak *bai` `inah* atau *tawarruq*, setelah berlakunya akad jual beli, jumlah kemudahan yang diterima oleh pelanggan merupakan hak milik pelanggan sepenuhnya.

128. Instrumen Kewangan Islam sebagai Aset Sandaran dalam Urus Niaga secara Konvensional

Beberapa instrumen pasaran wang secara Islam telah diperkenalkan bagi memudahkan peserta pasaran untuk menjalankan urus niaga bagi memenuhi keperluan mudah tunai. Kebiasaannya, instrumen-instrumen ini diterbitkan melalui tender secara terus kepada institusi kewangan Islam sahaja. Walau bagaimanapun, memandangkan instrumen-instrumen ini turut diniagakan di pasaran sekunder, sebilangan institusi kewangan konvensional yang memiliki instrumen kewangan Islam ini (contohnya *sukuk*) didapati melakukan urus niaga secara konvensional (contohnya repo) dengan menggunakan instrumen tersebut sebagai aset sandaran bagi memenuhi keperluan mudah tunai mereka.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada institusi kewangan konvensional dibenarkan untuk menggunakan instrumen kewangan Islam sebagai aset sandaran dalam urus niaga secara konvensional.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-19 bertarikh 20 Ogos 2001 telah memutuskan bahawa memandangkan instrumen kewangan Islam yang dimiliki oleh institusi kewangan konvensional merupakan aset milik mereka, maka sebarang urus niaga secara konvensional yang dijalankan dengan menggunakan instrumen kewangan Islam sebagai aset sandaran merupakan hak dan pilihan pemiliknya. Namun, pihak yang berurus niaga secara konvensional adalah bertanggungjawab terhadap urus niaga yang tidak berlandaskan Syariah tersebut. Kepatuhan terhadap Syariah bagi instrumen kewangan Islam yang digunakan dalam urus niaga secara konvensional tetap terpelihara selagi urus niaga yang dijalankan tidak menjejaskan akad dan ciri-ciri asas instrumen berkenaan.

Asas Pertimbangan

Urus niaga kewangan konvensional yang dijalankan menggunakan instrumen kewangan Islam sebagai aset sandaran tidak menjejaskan keabsahan instrumen tersebut kerana kontrak dan struktur asas instrumen kewangan Islam tersebut kekal utuh dan tidak terjejas sama sekali. Walau bagaimanapun, sebarang implikasi hukum dari segi penglibatan dalam urus niaga konvensional adalah ditanggung oleh pihak-pihak yang berurus niaga.

129. Instrumen Pasaran Kewangan sebagai Aset Sandaran dalam Urus Niaga Bertangguh

Pelbagai aset berbentuk nota telah dihasilkan sebagai instrumen dalam pasaran kewangan, antaranya aset yang berasaskan konsep *mudarabah* seperti Sijil Pelaburan *Mudarabah* dan aset yang berasaskan hutang seperti bil penerimaan secara Islam dan sijil hutang boleh niaga secara Islam. Aset-aset ini juga digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk cagaran.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada instrumen pasaran kewangan seperti yang dinyatakan di atas boleh digunakan sebagai aset sandaran dalam urus niaga bertangguh.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-19 bertarikh 20 Ogos 2001 telah memutuskan perkara berikut:

i. Sijil Pelaburan *Mudarabah* boleh dijadikan aset sandaran dalam urus niaga bertangguh seperti *bai` `inah* kerana ia merupakan aset yang dipegang oleh pemiliknya dan ia tidak tergolong dalam kategori barangan ribawi;

ii. Sebarang aset yang berasaskan hutang tidak boleh diniagakan secara bertangguh kerana setiap jual beli hutang (*bai` dayn*) perlulah dilakukan secara tunai; dan

iii. Aset yang masih dalam cagaran boleh dijadikan aset dalam urus niaga *bai` `inah* dengan persetujuan pemegang cagaran.

Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berdasarkan pertimbangan ke atas perkara berikut:

i. Amalan jual beli Sijil Pelaburan *Mudarabah* oleh pemegang sijil adalah sama seperti amalan urus niaga sijil saham yang telah diiktiraf keharusannya;

ii. Aset yang masih dalam cagaran merupakan hak milik pemberi cagaran. Memandangkan pemilikan aset sandaran dalam urus niaga *bai` `inah* akan kembali kepada pemilik asal, ia tidak menjejaskan kepentingan cagaran yang dibuat; dan

iii. Ulama bersependapat bahawa hutang tidak boleh dijual beli secara tangguh.

130. Mekanisme Penentuan Jumlah Harga Penyelesaian dalam Pasaran Kewangan

Dalam amalan sekuriti hutang Islam, harga jualan dan penebusan awal ditentukan semasa kontrak dimeterai. Walau bagaimanapun, mekanisme yang diterima pakai dalam pasaran kewangan terutamanya sekuriti hutang swasta Islam ada kalanya menghasilkan perbezaan antara jumlah penyelesaian berbanding dengan harga jualan asal yang dipersetujui. Mekanisme ini yang berasaskan peraturan yang ditetapkan oleh Sistem Pemindahan Eletronik Data dan Sekuriti (RENTAS) mengenakan pampasan atau bayaran tambahan dalam pengiraan pembayaran dividen dalam tahun lompat[211] dan juga dalam kes tarikh pembayaran dividen dan penebusan sekuriti jatuh pada hari cuti luar jangkaan, terutamanya bagi sekuriti hutang swasta tanpa nota sekunder. Sehubungan dengan itu, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada mekanisme sedemikian dibenarkan Syarak.

[211] Tahun yang terdiri daripada 366 hari (terdapat sekali pada setiap 4 tahun).

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-21 bertarikh 30 Januari 2002 telah memutuskan bahawa mekanisme penentuan jumlah harga penyelesaian yang diterima pakai dalam sistem kewangan seperti yang dinyatakan di atas adalah bercanggah dengan prinsip Syariah. Ini kerana jumlah harga penyelesaian (dividen dan modal pokok) dalam sekuriti hutang swasta Islam perlulah menyamai jumlah harga jualan yang telah dipersetujui semasa kontrak dimeterai. MPS juga memutuskan bahawa kelewatan bayaran yang disebabkan cuti luar jangkaan tidak boleh dijadikan sebab untuk mengenakan pampasan atau ganti rugi ke atas pihak yang terlibat.

Asas Pertimbangan

Memandangkan sekuriti hutang swasta Islam yang diterbitkan berdasarkan kontrak jual beli telah menetapkan harga sekuriti Islam ketika kontrak dimeterai, sebarang perbezaan dalam jumlah pembayaran adalah tidak dibenarkan. Sekiranya berlaku kes terlebih bayar, pihak yang menerima bayaran perlu memulangkan semula amaun tersebut kepada pihak pembayar.

Di samping itu, pampasan atau ganti rugi hanya boleh dikenakan dalam kes kelewatan pembayaran yang disengajakan atau akibat kecuaian dan kelalaian. Kelewatan bayaran yang disebabkan oleh tarikh matang sekuriti tersebut jatuh pada hari cuti yang tidak dijangkakan bukanlah suatu kelewatan yang disengajakan dan tidak boleh dikenakan sebarang pampasan atau ganti rugi.

131. Penstrukturan Semula (*Restructuring*) dan Penjadualan Semula (*Rescheduling*) dalam Perjanjian Pembiayaan secara Islam

Salah satu ciri yang membezakan dokumentasi kewangan Islam dengan kewangan konvensional ialah keperluan bagi perjanjian atau akad baharu dimeterai setiap kali berlaku perubahan terhadap terma dan syarat perjanjian kerana kewangan Islam menitikberatkan persetujuan dan keredhaan pihak-pihak yang berkontrak. Keperluan ini menjadi lebih ketara apabila ia melibatkan penjadualan semula dan penstrukturan semula sesuatu pembiayaan terutamanya pembiayaan yang melibatkan perjanjian jual beli. Bagi kes penstrukturan semula pembiayaan yang berasaskan jual beli, perjanjian jual beli yang asal perlulah dibubarkan (fasakh) terlebih dahulu sebelum memeterai perjanjian jual beli yang baharu. Dalam amalan pinjaman konvensional, pihak-pihak yang berkontrak hanya perlu memeterai perjanjian tambahan (*supplementary agreement*) sekiranya sesuatu pinjaman perlu dijadual atau distruktur semula. Perbezaan ini menyebabkan pelanggan kewangan Islam terpaksa menanggung kos tambahan kerana terpaksa membayar kos guaman dan duti setem yang baharu.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan cadangan agar perjanjian pembiayaan secara Islam yang terlibat dalam kes penjadualan semula dan penstrukturan semula memasukkan satu perenggan baharu yang menyatakan bahawa ia adalah satu perjanjian penjadualan semula atau penstrukturan semula dan perlu dirujuk silang dengan perjanjian yang asal. Walau bagaimanapun, dalam kes penstrukturan semula, timbul isu berkenaan perjanjian asal yang dirujuk silang telah dibubarkan.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 telah memutuskan bahawa cadangan untuk melaksanakan perjanjian penjadualan semula dan penstrukturan semula pembiayaan secara Islam untuk dirujuk silang dengan perjanjian asal bagi tujuan pengecualian duti setem dibenarkan dengan syarat ia dilakukan setelah perjanjian asal dibubarkan terlebih dahulu. Dalam kes penstrukturan semula, MPS menerima kaedah rujuk silang kepada perjanjian asal yang telah ditamatkan atas dasar *maslahah* iaitu bagi mengelakkan pembayaran duti setem sebanyak dua kali.

Pada mesyuarat ke-32 bertarikh 27 Februari 2003, MPS turut memutuskan bahawa berdasarkan persetujuan bersama dalam perjanjian, tempoh pembiayaan kepada pelanggan boleh dilanjutkan tanpa berakad semula dengan syarat kedua-dua pihak melaksanakan semua janji yang dimeterai dan juga harga yang dikenakan ke atas pelanggan tidak melebihi harga jualan asal yang dimeterai.

Asas Pertimbangan

Pembiayaan secara Islam boleh diatur sama ada berasaskan kontrak jual beli, *ijarah*, *musyarakah*, *mudarabah* dan sebagainya. Dalam hal ini, sebarang perubahan terhadap tanggungjawab penerima biaya dan pembiaya hendaklah merujuk kepada kontrak asal yang telah dimeterai. Dalam konteks jual beli, lazimnya harga telah diputuskan pada awal kontrak. Oleh itu, sebarang perubahan terhadap harga memerlukan satu perjanjian baharu bagi mengelakkan berlakunya riba atau *gharar* (bergantung kepada keadaan kes).

132. Konsep Pembidaan oleh Peniaga Utama (*Principal Dealer*) dalam Pasaran Wang Islam

Peniaga utama dalam pasaran wang Islam bertanggungjawab untuk membida sejumlah amaun minimum tertentu bagi setiap terbitan *sukuk*. Walau bagaimanapun, tanggungjawab peniaga utama tersebut dilihat seolah-olah tidak berdasarkan konsep pembidaan secara sukarela. Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada pembidaan sejumlah amaun tertentu bagi setiap terbitan *sukuk* yang diamalkan peniaga utama ini selari dengan prinsip Syariah.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 telah memutuskan bahawa konsep pembidaan oleh peniaga utama yang diamalkan dalam pasaran wang Islam adalah tidak bertentangan dengan Syarak.

Asas Pertimbangan

Konsep ini merupakan amalan perniagaan yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa atau pengawal selia dan dilihat tidak bercanggah dengan prinsip Syariah kerana tidak wujud unsur riba, *gharar* dan *maysir*.

133. Penyelesaian Pembiayaan Menerusi Pembiayaan Baharu

Dalam skim pembiayaan secara Islam, terdapat kemungkinan pelanggan menghadapi masalah aliran tunai dan tidak mampu meneruskan pembayaran kepada institusi kewangan Islam sewaktu tempoh pembiayaan masih berjalan. Bagi menangani masalah ini, terdapat cadangan untuk membenarkan pelanggan menstruktur semula pembiayaannya dan menerbitkan sekuriti hutang atau *sukuk* kepada institusi kewangan Islam berkenaan sebagai satu kaedah pembayaran semula kemudahan pembiayaan tersebut.

Dalam hal ini, MPS dirujuk sama ada penyelesaian pembiayaan menerusi terbitan sekuriti hutang atau *sukuk* kepada pembiaya asal (yang secara tidak langsung akan mewujudkan obligasi kewangan baharu) dibenarkan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-38 bertarikh 28 Ogos 2003 telah memutuskan bahawa penyelesaian pembiayaan menerusi terbitan sekuriti hutang Islam kepada pembiaya asal adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, kaedah penjadualan dan penstrukturan semula hendaklah dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan Syariah seperti wujudnya akad yang jelas, aset jual beli yang berlandaskan Syariah, serta syarat-syarat jual beli yang tidak bertentangan dengan Syarak.

Asas Pertimbangan

Penstrukturan semula hutang secara Islam menerusi terbitan sekuriti hutang atau *sukuk* yang berasingan kepada pembiaya asal melibatkan senario pihak-pihak yang telah berkontrak memasuki suatu kontrak lain yang berasingan dan tersendiri.

Secara umumnya, tiada halangan Syarak (*mani` syar`ie*) bagi pihak-pihak yang telah berkontrak untuk memeterai suatu kontrak lain yang berasingan dan tersendiri sesama mereka. Terbitan sekuriti hutang atau *sukuk* kepada pembiaya asal dilihat sebagai suatu urus niaga yang tidak menjejaskan keabsahan kontrak pembiayaan sedia ada. Keharusan ini dilihat selari dengan kaedah-kaedah fiqah seperti yang berikut:

تصحيح العقود بحسب الأمكان واجب

"Mengesahkan sesuatu akad selagi mungkin adalah wajib."[212]

الأصل حمل العقود على الصحة

"Pada dasarnya sesuatu akad (hendaklah) dianggap sah."[213]

134. Harga Jualan yang Tidak Ditentukan dalam Perjanjian Jual Beli

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada harga jualan yang tidak ditentukan dan tidak pasti dalam perjanjian jual beli boleh diterima. Sebagai contoh, klausa berhubung dengan definisi harga jualan dinyatakan seperti yang berikut:

"Institusi kewangan Islam akan membeli aset daripada pelanggan pada harga belian yang akan ditentukan kemudian berdasarkan terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian."

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-40 bertarikh 23 Disember 2003 telah memutuskan bahawa harga jualan yang tidak ditentukan dan tidak pasti dalam kontrak perjanjian jual beli adalah tidak dibenarkan.

[212] Ali Ahmad al-Nadwi, *Jamharah al-Qawa`id al-Fiqhiyyah fi al-Mu`amalat al-Maliyyah*, Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah li al-Istithmar, 2000, j. 1, h. 297.

[213] Ali Ahmad al-Nadwi, *Jamharah al-Qawa`id al-Fiqhiyyah fi al-Mu`amalat al-Maliyyah*, Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah li al-Istithmar, 2000, j. 1, h. 297.

Asas Pertimbangan

Harga jualan yang tidak ditentukan dan tidak pasti membawa kepada unsur *gharar* yang ditegah oleh Syarak dalam akad jual beli kerana ia boleh menyebabkan ketidakadilan dan pertelingkahan. Harga jualan mestilah ditentukan sama ada dengan jumlah atau kaedah-kaedah yang dipersetujui secara tepat dan pasti semasa perjanjian dimeterai.

Rasulullah SAW melarang pemeteraian akad atau pengenaan syarat yang mengandungi unsur *gharar* seperti yang dinyatakan dalam hadisnya yang berikut:

عن أبي هريرة قال نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيع الحصاة وعن بيع الغرر

"Daripada Abu Hurairah berkata Rasulullah SAW melarang jual beli yang berdasarkan lontaran batu (hasat) dan jual beli yang tiada kepastian (gharar)."[214]

Antara elemen *gharar* yang merosakkan urus niaga kewangan ialah *gharar* di dalam penetapan harga iaitu sekiranya jual beli dibuat tanpa penetapan harga, atau penetapan harga ditentukan oleh sebelah pihak sahaja atau oleh pihak ketiga.[215]

135. Konsep Sandaran bagi Urus Niaga Pendiskaunan Blok secara Islam (*Islamic Block Discounting*)

Sebagai satu alternatif kepada syarikat kredit bagi mendapatkan dana tambahan untuk dijadikan modal pusingan perniagaan, sebuah institusi kewangan Islam berhasrat untuk melaksanakan konsep pendiskaunan blok secara Islam berasaskan *bai` wadhi`ah* iaitu akad jual beli dengan harga lebih rendah daripada kos pemerolehan. Secara ringkasnya, pendiskaunan blok secara Islam melibatkan penjualan pemilikan ke atas hak kontrak (*contracted right*) dalam perjanjian sewa beli Islam (*ijarah*) oleh syarikat kredit secara diskaun kepada institusi kewangan Islam (pembiaya). Syarikat kredit kemudiannya akan dilantik sebagai ejen mengutip sewaan bagi pihak institusi kewangan Islam. Sekiranya syarikat kredit gagal menyerahkan kutipan sewa kepada institusi kewangan Islam dalam tempoh yang dipersetujui, institusi kewangan Islam akan menamatkan kemudahan dan mengambil alih tugas kutipan sewa secara langsung.

[214] Muslim, *Sahih Muslim*, Dar al-Mughni, 1998, h. 814, hadis no. 1513.

[215] AAOIFI, *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah*, Piawaian no. 31 (*Dabit al-Gharar al-Mufsid li al-Mu`amalat al-Maliyyah*), 2003, perenggan 4.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada penggunaan konsep *bai` wadhi`ah* sebagai kontrak sandaran dalam urus niaga pendiskaunan blok secara Islam seperti yang dicadangkan di atas selaras dengan Syarak.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-66 bertarikh 22 Februari 2007 telah memutuskan bahawa penggunaan konsep *bai` wadhi`ah* untuk urus niaga pendiskaunan blok secara Islam adalah tidak tepat. MPS turut memutuskan bahawa *bai` al-usul bi al-khasm* (akad jual beli aset secara diskaun) ialah konsep sandaran yang lebih sesuai digunakan sebagai *takyif fiqhi* dalam urus niaga pendiskaunan blok secara Islam.

Asas Pertimbangan

Penggunaan konsep *bai` wadhi`ah* dilihat tidak memenuhi ciri-ciri urus niaga pendiskaunan blok secara Islam. Ini kerana *bai` wadhi`ah* merupakan jualan dengan diskaun daripada harga kos sedangkan pendiskaunan blok secara Islam merupakan jualan dengan diskaun daripada harga kos yang ditambah keuntungan (*principal* + *profit*).

Dalam hal ini, *bai` al-usul bi al-khasm* dilihat sebagai konsep sandaran yang lebih sesuai digunakan sebagai *takyif fiqhi* dalam urus niaga pendiskaunan blok secara Islam. Walaupun *bai` al-usul bi al-khasm* tidak terdapat dalam perbincangan dan penulisan fiqah klasik, ia merupakan konsep yang telah diterima pakai dalam konteks amalan semasa. Istilah *usul* di sini merujuk kepada aset sandaran dalam perjanjian sewa beli tersebut yang turut merangkumi nilai ekonomi yang terhasil daripada aset berkenaan.

GLOSARI

ISTILAH		HURAIAN
Akad istithaq	(عقد الاستيثاق)	Akad jaminan
Akad isytirak	(عقد الاشتراك)	Akad perkongsian seperti *mudarabah* dan *musyarakah*
Akhz al-ajr `ala al-jah	(أخذ الأجر على الجاه)	Mengambil upah atas reputasi yang baik
Akhz al-ju`l `ala ruqyah min al-Quran	(أخذ الجعل على رقية من القرآن)	Mengambil upah hasil rawatan/ perubatan dengan ayat al-Quran
Al-`adah muhakkamah	(العادة محكمة)	Adat kelaziman sebagai asas hukum
Al-ajl	(الأجل)	Tangguhan
Al-bai`	(البيع)	Akad jual beli
Al-bai` wa al-salaf	(البيع والسلف)	Akad jual beli dengan syarat pinjaman
Al-ijarah thumma al-bai`	(الإجارة ثم البيع)	Akad sewa yang disusuli dengan pemilikan barang oleh penyewa melalui akad jual beli
Al-jam`u baina `aqd al-qardh wa `aqd al-mu`awadhah	(الجمع بين عقد القرض وعقد المعاوضة)	Himpunan antara kontrak pinjaman dengan kontrak pertukaran
Al-muqasah al-ittifaqiyyah	(المقاصة الإتفاقية)	Tolak selesai secara persetujuan oleh kedua-dua pihak
Al-muqasah al-jabariyyah	(المقاصة الجبرية)	Tolak selesai secara penetapan oleh pihak berkuasa
Al-naqd yalid al-naqd	(النقد يلد النقد)	Wang menghasilkan wang

ISTILAH		HURAIAN
Al-wa`d bi al-tamlik	(الوعد بالتمليك)	Janji untuk memiliki atau pemilikan
Bai` `inah	(بيع العينة)	Akad jual beli yang disusuli dengan pembelian semula oleh penjual dengan harga yang berbeza
Bai` dayn	(بيع الدين)	Akad jual beli hutang
Bai` al-dayn bi al-dayn	(بيع الدين بالدين)	Akad jual beli hutang dengan hutang
Bai` sarf	(بيع الصرف)	Akad jual beli mata wang
Bai` al-usul bi al-khasm	(بيع الأصول بالخصم)	Akad jual beli aset secara diskaun
Bai` al-kali' bi al-kali'	(بيع الكالئ بالكالئ)	Rujuk *bai' al-dayn bi al-dayn*
Bai` bithaman ajil	(بيع بثمن آجل)	Akad jual beli berasaskan pembayaran tertangguh pada harga tertentu
Bai` mu'ajjal	(بيع مؤجل)	Rujuk *bai' bithaman ajil*
Bai` muzayadah	(بيع مزايدة)	Akad jual beli secara bidaan atau lelongan
Bai` salam	(بيع السلم)	Akad jual beli secara pesanan terhadap aset tertentu dengan spesifikasi tertentu. Pembayaran penuh dibuat secara tunai semasa akad dimeterai manakala penyerahan barang ditangguhkan ke suatu masa yang ditetapkan

ISTILAH		HURAIAN
Bai` wadhi`ah	(بيع الوضيعة)	Akad jual beli dengan harga yang lebih rendah daripada kos pemerolehan
Bai`atain fi al-bai`ah	(بيعتين في البيعة)	Dua urus niaga jual beli dalam satu akad jual beli
Dayn ghair thabit	(دين غير ثابت)	Hutang yang belum tetap
Dayn mustaqir	(دين مستقر)	Hutang yang tetap tanggungan pembayarannya
Dayn thabit	(دين ثابت)	Hutang yang telah tetap
Dhaman	(ضمان)	Jaminan
Dharar	(ضرر)	Kemudaratan
Dhawabit	(ضوابط)	Garis panduan
Dho` wa ta`ajjal	(ضع وتعجل)	Mengurangkan sebahagian jumlah hutang apabila peminjam menyelesaikan hutang lebih awal
Fakultatif		Perjanjian takaful semula yang dimeterai antara pengendali takaful dengan pengendali takaful yang lain (termasuk penanggung insurans konvensional), dan pengendali takaful yang mengunderait risiko mempunyai pilihan untuk mengagih manakala pengendali takaful atau penanggung insurans konvensional mempunyai pilihan untuk menerima atau menolak risiko tersebut
Faraid	(فرائض)	Ilmu pengetahuan atau hukum tentang pembahagian harta pusaka mengikut peraturan Islam

ISTILAH		HURAIAN
Fasakh	(فسخ)	Bubar
Fasid	(فاسد)	Rosak, tidak sah
Fiqh muamalat	(فقه المعاملات)	Disiplin ilmu yang membahaskan hukum berkenaan dengan urusan kehidupan manusia sesama manusia
Fuqaha	(فقهاء)	Ulama fiqah
Gharamah	(غرامة)	Denda/Penalti
Gharar	(غرر)	Ketidakpastian
Gharar yasir	(غرر يسير)	Ketidakpastian yang sedikit
Ghasb	(غصب)	Rampasan atau pengambilan harta secara tidak sah
Hajah	(حاجة)	Keperluan
Hamish jiddiyyah	(هامش جدية)	Deposit sekuriti
Hibah ruqba	(هبة رقبى)	Pemberian semasa tempoh hidup pemberi atau penerima hibah dengan syarat kematian salah satu pihak (sama ada pemberi hibah atau penerima hibah) sebagai syarat pemilikan harta oleh pihak yang hidup
Hibah umra	(هبة عمرى)	Pemberian semasa tempoh hidup penerima hibah atau pemberi hibah dengan syarat harta tersebut dikembalikan sekiranya berlaku kematian penerima hibah

ISTILAH		HURAIAN
Ibra'	(إبراء)	Rebat/Pengguguran sebahagian atau keseluruhan tuntutan terhadap sesuatu hak atau hutang
Ibra' mu`allaq	(إبراء معلق)	*Ibra'* yang tertakluk kepada syarat dan sekiranya syarat tersebut dipenuhi, maka *ibra'* akan diberikan
Ibra' muqayyad	(إبراء مقيد)	*Ibra'* yang terikat pada syarat
Ijarah	(إجارة)	Akad sewa atau upah yang melibatkan faedah/manfaat daripada sesuatu aset atau tenaga kerja dengan bayaran atau upah tertentu dalam tempoh yang dipersetujui
Ijarah muntahia bi al-tamlik	(إجارة منتهية بالتمليك)	Akad sewa yang diakhiri dengan pemilikan barang oleh penyewa
Ijtihad	(اجتهاد)	Daya fikir dan usaha bersungguh-sungguh yang digembleng oleh ulama bertaraf *mujtahid* untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum Syarak secara tepat dalam perkara yang tidak dinyatakan dengan jelas sama ada dalam al-Quran atau Sunnah
`Illah	(علة)	Sebab hukum
Isqat al-haq	(إسقاط الحق)	Pengguguran hak
Istiqrar ta`amul	(استقرار التعامل)	Kelancaran perjalanan pasaran
Istisna`	(استصناع)	Akad jual beli secara tempahan bagi sesuatu produk dengan spesifikasi tertentu dan dengan kaedah penyerahan dan pembayaran tertentu (sama ada tunai atau bertangguh)

ISTILAH		HURAIAN
Istisna` muwazi	(استصناع موازي)	*Istisna`* selari
Ittifaqiyyah	(اتفاقية)	Persetujuan bersama
`Iwad	(عوض)	Imbalan
Jumhur	(جمهور)	Majoriti
Kafalah	(كفالة)	Jaminan
Kafalah bi al-Ujr	(كفالة بالأجر)	Jaminan dengan upah
Kafil	(كفيل)	Penjamin
Makful `anhu	(مكفول عنه)	Pihak yang dijamin
Makful lahu	(مكفول له)	Penerima jaminan atau benefisiari
Mani` Syar`ie	(مانع شرعي)	Halangan Syarak
Marhun	(مرهون)	Barang yang digadai/dicagar
Maslahah	(مصلحة)	Kepentingan umum
Masnu`	(مصنوع)	Barang yang ditempah
Maysir	(ميسر)	Judi
Mu`ayyan bi al-zat	(معين بالذات)	Dapat dikenal pasti dan ditentukan secara jelas dan tepat dari segi lokasi, kuantiti dan kualiti
Mubara'ah	(مبارأة)	Saling menggugurkan/melepaskan hak
Mudarabah	(مضاربة)	Akad perkongsian untung

ISTILAH		HURAIAN
Mudarib	(مضارب)	Pengusaha usaha niaga *mudarabah*
Mulzimah	(ملزمة)	Secara lazim
Muqaradah	(مقارضة)	Rujuk *mudarabah*
Muqasah	(مقاصة)	Tolak selesai
Muqtada al-`aqd	(مقتضى العقد)	Objektif kontrak
Murabahah	(مرابحة)	Akad jual beli dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli
Murtahin	(مرتهن)	Pihak yang meminta cagaran
Musahamah	(مساهمة)	Saling memberikan sumbangan
Musawamah	(مساومة)	Akad jual beli tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli
Musya`	(مشاع)	Sifat aset yang dimiliki secara bersama yang tidak boleh dipisahkan atau dibahagikan
Musyarakah	(مشاركة)	Akad perkongsian untung rugi
Musyarakah mutanaqisah	(مشاركة متناقصة)	Akad perkongsian yang membenarkan seorang (atau lebih) rakan kongsi memberikan hak kepada rakan kongsi yang lain untuk memiliki bahagian aset kepunyaannya secara beransur-ansur berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui
Musyarik	(مشارك)	Rakan kongsi

ISTILAH		HURAIAN
Muta`arafan	(متعارفا)	Menjadi amalan kebiasaan
Muwa`adah mulzimah	(معاوضة ملزمة)	Janji kedua-dua belah pihak yang mengikat
Nafaqah	(نفقة)	Kos tanggungan
Qabd	(قبض)	Penguasaan terhadap sesuatu aset
Qard	(قرض)	Akad pinjaman
Qard hasan	(قرض الحسن)	Akad pinjaman berdasarkan ihsan
Qawl al-jadid	(قول الجديد)	Pendapat baharu
Qawl al-qadim	(قول القديم)	Pendapat lama
Qimah ismiyyah	(قيمة إسمية)	Harga nominal
Qimah suqiyyah	(قيمة سوقية)	Harga pasaran
Qiradh	(قراض)	Rujuk *mudarabah*
Qiyas	(قياس)	Analogi
Rabbul mal	(رب المال)	Pemilik modal/pelabur
Rahin	(راهن)	Penggadai
Rahn	(رهن)	Gadaian/Cagaran
Rahn al-musya`	(رهن المشاع)	Cagaran terhadap aset yang dimiliki secara bersama
Rahn rasmi	(رهن رسمي)	Penyerahan cagaran melalui catatan secara rasmi dalam daftar pihak berkuasa

ISTILAH		HURAIAN
Sadd zarai`	(سد الذرائع)	Pendekatan Syarak untuk menyekat perkara yang boleh menyebabkan seseorang terjebak dalam perkara yang diharamkan
Sighah	(صيغة)	Lafaz ijab dan qabul
Siyasah Syar`iyyah	(سياسة شرعية)	Dasar dan pendekatan yang diambil oleh pemerintah demi kepentingan negara dan rakyat yang selaras dengan prinsip Syariah
Sukuk	(صكوك)	Sekuriti/Bon Islam
Sukuk ijarah	(صكوك الإجارة)	Sekuriti Islam berasaskan akad *ijarah*
Sukuk murabahah komoditi		Sekuriti Islam berasaskan akad *tawarruq*
Syahadah al-dayn	(شهادة الدين)	Sijil hutang
Syubhah	(شبهة)	Keraguan
Ta`awun	(تعاون)	Bantu-membantu
Ta`widh	(تعويض)	Ganti rugi
Tabarru`	(تبرع)	Pemberian/Sumbangan secara sukarela
Takaful		Suatu skim yang bercirikan semangat bantu-membantu dan tolong-menolong dengan menyediakan bantuan kewangan kepada peserta-peserta jika diperlukan dan semua peserta sama-sama bersetuju untuk memberikan sumbangan bagi tujuan tersebut

ISTILAH		HURAIAN
Takaful semula alir keluar		Pengagihan atau pemberian risiko yang diunderait oleh sesebuah syarikat takaful kepada syarikat takaful atau syarikat insurans konvensional yang lain
Takaful semula alir masuk		Penerimaan risiko oleh sesebuah syarikat takaful daripada syarikat takaful yang lain
Taklufah	(تكلفة)	Kos sebenar
Takyif	(تكييف)	Penyesuaian
Takyif fiqhi	(تكييف فقهي)	Penyesuaian fiqah
Tanazul	(تنازل)	Pengguguran tuntutan hak
Taqyid	(تقييد)	Mengehadkan
Tasarruf	(تصرف)	Pengurusan
Tawarruq/ murabahah komoditi	(تورق)	Membeli sesuatu barang dengan harga tangguh sama ada secara *musawamah* atau *murabahah*, kemudian menjualnya kepada pihak ketiga bagi memperoleh wang tunai
Tawatu`	(تواطؤ)	Pengaturan awal

ISTILAH		HURAIAN
Triti		Perjanjian takaful semula antara pengendali takaful dengan pengendali takaful lain (termasuk penanggung insurans konvensional) yang mewajibkan pengendali takaful mengagihkan risiko yang diunderait dan pengendali takaful atau penanggung insurans konvensional yang memeterai perjanjian ini juga wajib menerima risiko tersebut
Ujr `ala wakalah	(أجر على الوكالة)	Upah perwakilan
Ujrah	(أجرة)	Upah
`Uqud mu`awadhat	(عقود معاوضات)	Akad-akad pertukaran
`Uqud musamma	(عقود مسمى)	Akad-akad yang diketahui dalam kalangan ulama, disebut dalam kitab-kitab fiqah lama dan dinyatakan secara jelas dalam sumber hukum (seperti al-Quran dan Sunnah)
`Uqud mustajiddah	(عقود مستجدة)	Akad-akad baharu
`Urbun	(عربون)	Wang pendahuluan/deposit
`Urf	(عرف)	Kelaziman atau kebiasaan yang diterima oleh masyarakat dan tidak bercanggah dengan hukum Syarak
`Urf tijari	(عرف تجاري)	Amalan lazim perniagaan yang diterima oleh masyarakat dan tidak bercanggah dengan hukum Syarak
Wa`d	(وعد)	Janji
Wa`d bi al-syira'	(وعد بالشراء)	Janji untuk membeli

ISTILAH		HURAIAN
Wa`d mulzim	(وعد ملزم)	Janji yang mengikat
Wadi`ah	(وديعة)	Akad simpanan harta yang diamanahkan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk dijaga dan dipulangkan apabila diminta
Wadi`ah yad amanah	(وديعة يد أمانة)	Akad simpanan secara amanah
Wadi`ah yad dhamanah	(وديعة يد ضمانة)	Akad simpanan dengan jaminan
Wakaf	(وقف)	Sesuatu pemberian atau sumbangan ikhlas harta yang dimiliki untuk kepentingan dan kesejahteraan umum yang dibenarkan oleh Syarak
Wakalah	(وكالة)	Akad perwakilan
Wakalah bi al-istithmar	(وكالة بالاستثمار)	Akad perwakilan bagi tujuan pelaburan
Wasi	(وصي)	Orang yang dilantik untuk menunaikan wasiat
Zari`ah ila riba	(ذريعة إلى ربا)	Jalan ke arah riba
Zan al-ghalib	(ظن الغالب)	Tanggapan yang lebih hampir kepada kepastian
Zimmah	(ذمة)	Tanggungan

Untuk mendapat maklumat lanjut berkenaan penerbitan ini, sila hubungi:

Pengarah
Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon : +(603) 2698 8044
Faksimili : +(603) 2693 3826

Dalam menghasilkan semula atau memetik kandungan, pemakluman sumber diperlukan.
Harga: RM35.00 senaskhah

www.bnm.gov.my

ISBN 978-983-9586-45-9